

ANALISIS DAN TAFSIRAN PENYATA KEWANGAN UNTUK MEMBUAT KEPUTUSAN

Jika saya membeli kereta, nilainya akan merosot pada kemudian hari. Kesannya, nilai aset saya akan berkurang.

Jika saya membeli bangunan, nilainya akan meningkat pada kemudian hari. Kesannya, nilai aset saya akan bertambah.

Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan seperti berikut:

- Analisis Penyata Kewangan dan Perbandingan Prestasi

Pengenalan


Analisis Penyata Kewangan sesebuah organisasi sangat berguna kepada pihak pengurusan untuk melakukan perancangan dan seterusnya membuat keputusan ke arah prestasi perniagaan yang lebih baik.

Berdasarkan dapatan pengiraan nisbah, pihak dalaman dan luaran dapat membuat analisis dan tafsiran untuk membuat keputusan kewangan serta mengambil langkah ke arah kebijaksanaan bagi memajukan sesebuah perniagaan.

1.1 ANALISIS PENYATA KEWANGAN DAN PERBANDINGAN PRESTASI

Analisis Penyata Kewangan

Analisis yang dilakukan ke atas butir-butir dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan sesebuah perniagaan.



Rajah 1.1 Tujuan Analisis Penyata Kewangan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan tujuan Analisis Penyata Kewangan.
- Menerangkan jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan.

JOM CARI

Apakah tujuan Analisis Penyata Kewangan disediakan?


INFO TAMBAHAN

Analisis nisbah biasanya digunakan oleh penganalisis kewangan dan pengurus kewangan sesebuah perniagaan.

Jenis Nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan

Analisis Penyata Kewangan melibatkan analisis nisbah. Analisis nisbah merupakan satu kaedah untuk menginterpretasikan data-data kewangan tertentu yang terdapat dalam penyata kewangan.


Analisis nisbah ini berfungsi sebagai petunjuk atau alat pengukur kedudukan kewangan serta sebagai perbandingan dan tafsiran. Jenis-jenis nisbah dalam Analisis Penyata Kewangan ialah Nisbah Keberuntungan, Nisbah Kecairan dan Nisbah Kecekapan.



Rajah 1.2 Jenis-jenis Nisbah Kewangan

Nisbah Keberuntungan

- Mengukur kemampuan sesebuah perniagaan dalam memperoleh keuntungan.

JOM CARI 


Senaraikan tiga jenis nisbah kewangan.



Rajah 1.3 Nisbah Keberuntungan

Nisbah Kecairan


- Mengukur keupayaan perniagaan membuat pelbagai jenis pembayaran kepada pihak luaran seperti pembekal dan bank.
- Nisbah ini menunjukkan keadaan mampu bayar sesebuah perniagaan.



Rajah 1.4 Nisbah Kecairan

Nisbah Kecekapan

- Mengukur kecekapan perniagaan mengurus inventori.
- Mengukur keupayaan perniagaan mengutip dan membayar hutang.



Rajah 1.5 Nisbah Kecekapan

Pengiraan dan Tafsiran Nisbah Keberuntungan

Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)

- Mengukur peratus pertambahan pada kos barang bagi mendapatkan harga jualan.
- Menunjukkan hubungan antara Untung Kasar dengan Kos Jualan.
- Nisbah ini menunjukkan keberkesanan sesebuah perniagaan mengawal harga jualan dan kos untuk memaksimumkan keuntungan.
- Rumus untuk mengira Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan:

$$\text{Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$$

CONTOH 1 - Pengiraan Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)

Jualan Bersih = RM112 000
Kos Jualan = RM70 000

Oleh itu, Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{*RM42 000}}{\text{RM70 000}} \times 100\% \\ &= 60\% \end{aligned}$$

* Untung Kasar
= Jualan Bersih – Kos Jualan
= RM112 000 – RM70 000
= RM42 000

Tafsiran: Bagi setiap RM1 Kos Jualan, Untung Kasar yang diperoleh ialah 60 sen.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mengira dan mentafsir Nisbah Keberuntungan.
- Mengira dan mentafsir Nisbah Kecairan.
- Mengira dan mentafsir Nisbah Kecekapan.
- Mengira dan mentafsir setiap nisbah dengan menghubungkan kait prestasi yang hendak diukur berdasarkan kes.

INFO TAMBAHAN

- Harga jualan barang niaga diperoleh dengan menambahkan 60% pada kosnya.
- Setiap RM1 kos ditokokkan dengan RM0.60 untuk menetapkan harga jualan kepada RM1.60 bagi menghasilkan keuntungan RM0.60.
- Oleh itu, harga jualan barang untuk Kos Jualan RM70 000 = RM70 000 + (60% x RM70 000) = RM70 000 + RM42 000 = RM112 000

Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)

- Untung Kasar yang diperoleh daripada setiap ringgit Jualan Bersih.
- Menunjukkan hubungan antara Untung Kasar dengan Jualan Bersih.
- Rumus untuk mengira Peratus Untung Kasar atas Jualan:

$$\text{Peratus Untung Kasar atas Jualan} = \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

INFO TAMBAHAN

- Jualan Bersih juga sama maksud dengan **Perolehan**.

CONTOH 2 - Pengiraan Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)

Jualan = RM130 000
 Untung Kasar = RM 20 000
 Pulangan Jualan = RM 30 000

Oleh itu, Peratus Untung Kasar atas Jualan

$$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM20 000}}{\text{*RM100 000}} \times 100\%$$

$$= 20\%$$

* Jualan Bersih
 = Jualan – Pulangan Jualan
 = RM130 000 – RM30 000
 = RM100 000

Tafsiran: Bagi setiap ringgit Jualan Bersih, Untung Kasar yang diperoleh ialah 20 sen.

Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)

- Mengukur Untung Bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit Jualan Bersih.
- Menunjukkan hubungan antara Untung Bersih dengan Jualan Bersih.
- Menunjukkan keberkesanan sesebuah perniagaan mengurus kos operasi atau kecekapan kendalian sesebuah perniagaan.
- Rumus untuk mengira Peratus Untung Bersih atas Jualan:

JOM FIKIR

Bagaimanakah cara menghitung nisbah Peratus Untung Bersih atas Jualan untuk perniagaan yang menawarkan perkhidmatan?

Peratus Untung Bersih atas Jualan = $\frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$

CONTOH 3 - Pengiraan Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)

Jualan = RM90 000
 Untung Bersih = RM20 000
 Pulangan Jualan = RM10 000

Oleh itu, Peratus Untung Bersih atas Jualan

$$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$$

$$= \frac{\text{RM20 000}}{\text{*RM80 000}} \times 100\%$$

$$= 25\%$$

* Jualan Bersih
 = Jualan – Pulangan Jualan
 = RM90 000 – RM10 000
 = RM80 000

Tafsiran: Bagi setiap ringgit Jualan Bersih, Untung Bersih yang diperoleh ialah 25 sen.

Pulangan atas Modal

- Mengukur Untung Bersih bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.
- Menunjukkan hubungan antara Untung Bersih dengan Modal Awal.
- Rumus untuk mengira Pulangan atas Modal:

$$\text{Pulangan atas Modal} = \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$$

CONTOH 4 - Pengiraan Pulangan atas Modal

Modal Awal = RM85 000

Untung Bersih = RM15 300

Oleh itu, Pulangan atas Modal

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM15 300}}{\text{RM85 000}} \times 100\% \\ &= 18\% \end{aligned}$$

Tafsiran: Bagi setiap satu ringgit modal yang dilaburkan, Untung Bersih yang diperolehi ialah 18 sen.

NOTA

Kesilapan murid sering berlaku apabila menggunakan jumlah Modal Akhir untuk mengira Pulangan atas Modal.

INFO TAMBAHAN

- Kadar Pulangan atas Modal perlu dibandingkan dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank.
- Prestasi perniagaan dianggap merosot jika kadar Pulangan atas Modal lebih rendah berbanding dengan kadar faedah yang dibayar oleh bank.

Pengiraan dan Tafsiran Nisbah Kecairan

Nisbah Semasa

- Mengukur keupayaan sesebuah perniagaan menjelaskan semua Liabiliti Semasa mengikut masa yang ditetapkan.
- Menunjukkan hubungan antara Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa.
- Rumus untuk mengira Nisbah Semasa:

$$\text{Nisbah Semasa} = \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

- Contoh Aset Semasa ialah Bank, Tunai, Inventori, Akaun Belum Terima, Belanja Prabayar dan Hasil Belum Terima.

- Contoh Liabiliti Semasa ialah Akaun Belum Bayar, Pinjaman Jangka Pendek, Belanja Belum Bayar dan Hasil Belum Terperoleh.

INFO TAMBAHAN

- Nisbah Semasa yang rendah menunjukkan bahawa perniagaan tidak mampu menjelaskan liabiliti semasanya.
- Nisbah Semasa yang terlampau tinggi juga tidak begitu baik kerana menunjukkan bahawa banyak modal yang terbiar tanpa menambahkan keuntungan kepada perniagaan.
- Nisbah Semasa yang ideal ialah 2 : 1.

CONTOH 5 - Pengiraan Nisbah Semasa

Aset Semasa = RM40 000
 Liabiliti Semasa = RM20 000

$$\begin{aligned} \text{Oleh itu, Nisbah Semasa} &= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM40 000}}{\text{RM20 000}} \\ &= 2 : 1 \end{aligned}$$

Tafsiran: Setiap RM1 Liabiliti Semasa, perniagaan mempunyai Aset Semasa sebanyak RM2 untuk menjelaskannya.

Nisbah Ujian Asid

- Mengukur keupayaan sesebuah perniagaan untuk membayar hutang jangka pendek dengan cepat atau serta-merta.
- Menunjukkan hubungan antara Aset Semasa (kecuali Inventori Akhir) dengan Liabiliti Semasa.
- Rumus untuk mengira Nisbah Ujian Asid:

$$\text{Nisbah Ujian Asid} = \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

CONTOH 6 - Pengiraan Nisbah Ujian Asid

Aset Semasa = RM40 000
 Liabiliti Semasa = RM20 000

Aset Semasa termasuk Inventori Akhir RM14 000.

$$\begin{aligned} \text{Oleh itu, Nisbah Ujian Asid} &= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}} \\ &= \frac{\text{RM40 000} - \text{RM14 000}}{\text{RM20 000}} \\ &= 1.3 : 1 \end{aligned}$$

Tafsiran: Setiap RM1 Liabiliti Semasa, perniagaan mempunyai Aset Semasa sebanyak RM1.30 untuk menjelaskannya tanpa perlu menukarkan Inventori Akhir kepada Tunai.

JOM CARI

Apakah fungsi Nisbah Semasa bagi sesebuah perniagaan?

JOM FIKIR

- Apakah implikasi kepada perniagaan jika nilai Aset Semasa kurang daripada nilai Liabiliti Semasa?
- Pada pandangan anda, adakah Nisbah Semasa 2:1 boleh diguna pakai untuk semua jenis perniagaan?

INFO TAMBAHAN

- Nisbah Ujian Asid juga dikenali sebagai **Nisbah Cepat**.
- Nisbah yang rendah menunjukkan bahawa perniagaan tidak mampu menjelaskan liabiliti semasanya dengan segera.

Pengiraan dan Tafsiran Nisbah Kecekapan

Kadar Pusing Ganti Inventori

- Menghitung kekerapan pusingan inventori dalam setahun.
- Menunjukkan hubungan antara Kos Jualan dengan Inventori Purata.
- Dapat mengukur keupayaan sesebuah perniagaan menjual barang niaga yang menyebabkan modal perniagaan terikat pada inventori yang tidak dijual.
- Walau bagaimanapun, kekerapan Kadar Pusing Ganti Inventori bergantung kepada jenis perniagaan.
- Perniagaan yang menjual makanan mempunyai Kadar Pusing Ganti Inventori yang lebih tinggi berbanding dengan perniagaan yang tidak melibatkan bahan mentah yang perlu ditukar segera.
- Rumus untuk mengira Kadar Pusing Ganti Inventori:

$$\text{Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)} = \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$$

$$\text{Kadar Pusing Ganti Inventori setahun (bilangan hari)} = \frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$$

$$\text{Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$$

CONTOH 7 - Pengiraan Kadar Pusing Ganti Inventori

Kos Jualan	=	RM56 700
Inventori Awal	=	RM14 090
Inventori Akhir	=	RM20 540

$$\begin{aligned} \text{Oleh itu, Inventori Purata} &= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2} \\ &= \frac{\text{RM14 090} + \text{RM20 540}}{2} \\ &= \text{RM17 315} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM56 700}}{\text{RM17 315}} \\ &= 3.27 \text{ kali} \end{aligned}$$

INFO TAMBAHAN

Kadar Pusing Ganti Inventori boleh dikira berdasarkan kepada sesuatu tempoh tertentu seperti hari, minggu dan bulan.

INFO TAMBAHAN

- Inventori dahulunya dikenali sebagai stok.
- Inventori yang terlalu lama disimpan memberi kesan tidak baik kepada perniagaan.
- Kadar Pusing Ganti Inventori yang rendah menunjukkan bahawa perniagaan tidak berupaya menjual barangannya.
- Perniagaan terpaksa menanggung kos pegangan, kos penyimpanan dan keusangan inventori yang tinggi.

INFO WEB

Analisis nisbah kewangan menterjemahkan kekuatan dan kelemahan sesebuah perniagaan. Untuk penerangan lanjut tentang analisis nisbah kewangan, sila layari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms008

Kadar Pusing Ganti Inventori setahun (bilangan hari)

$$= \frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= \frac{\text{RM17 315}}{\text{RM56 700}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= 111.46 \text{ hari}$$

Tafsiran: Kadar Pusing Ganti Inventori menunjukkan bahawa perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori baru sebanyak 3.27 kali atau mengambil masa 111 hari dalam suatu tempoh perakaunan.

Tempoh Kutipan Hutang

- Mengukur keupayaan atau kecekapan perniagaan membuat kutipan hutang daripada pelanggan.
- Merupakan purata jangka masa yang diambil oleh pelanggan untuk membayar hutangnya.
- Rumus untuk mengira Tempoh Kutipan Hutang:

$$\text{Tempoh Kutipan Hutang} = \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

CONTOH 8 - Pengiraan Tempoh Kutipan Hutang

Akaun Belum Terima = RM12 350

Jualan Kredit = RM150 700

Oleh itu, Tempoh Kutipan Hutang

$$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$


$$= \frac{\text{RM12 350}}{\text{RM150 700}} \times 365 \text{ hari}$$

$$= 29.91 \text{ hari}$$

Tafsiran: Tempoh Kutipan Hutang menunjukkan bahawa perniagaan mengambil masa 30 hari untuk mengutip hutang pelanggannya.

JOM FIKIR

Mengapakah pengurusan inventori sangat penting?



INFO TAMBAHAN

- Tempoh Kutipan Hutang menunjukkan kecekapan pengurusan kredit perniagaan.
- Pelanggan yang berhutang dikenali sebagai **Akaun Belum Terima**.
- Pemberian kredit oleh perniagaan kepada pelanggan yang kurang layak akan mengakibatkan perniagaan menerima bayaran yang lewat daripada pelanggan.

JOM CARI

Apakah yang akan berlaku jika pelanggan perniagaan lewat membayar hutangnya?

Tempoh Pembayaran Hutang

- Mengukur keupayaan atau kecekapan perniagaan membuat bayaran hutang kepada pembekal.
- Merupakan purata jangka masa yang diambil oleh perniagaan untuk membayar hutang kepada pembekal.
- Rumus untuk mengira Tempoh Pembayaran Hutang:

$$\text{Tempoh Pembayaran Hutang} = \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$$

INFO TAMBAHAN

Pembekal yang memberi hutang dikenali sebagai **Akaun Belum Bayar**.

CONTOH 9 - Pengiraan Tempoh Pembayaran Hutang

Akaun Belum Bayar = RM10 350
 Belian Kredit = RM53 670

Oleh itu, Tempoh Pembayaran Hutang

$$\begin{aligned} &= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari} \\ &= \frac{\text{RM10 350}}{\text{RM53 670}} \times 365 \text{ hari} \\ &= 70.39 \text{ hari} \end{aligned}$$

Tafsiran: Tempoh Pembayaran Hutang menunjukkan bahawa perniagaan mengambil masa 70 hari untuk membayar hutang kepada pembekalnya.

CELIK KEWANGAN

Perniagaan perlu memahami konsep pengurusan kredit bagi mengenal pasti hutang yang digunakan untuk menjana aset perniagaan atau hutang untuk operasi perniagaan.



GERAK KERJA KUMPULAN 1.1

1. Wujudkan kumpulan kecil yang terdiri daripada tiga hingga empat orang.
2. Buat carian di Internet tentang laporan Penyata Kewangan sesebuah perniagaan.
3. Hitung dan tafsir Penyata Kewangan berdasarkan nisbah berikut:
 - (a) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan
 - (b) Peratus Untung Bersih atas Jualan
 - (c) Pulangan atas Modal
 - (d) Nisbah Semasa
 - (e) Kadar Pusing Ganti Inventori
 - (f) Tempoh Kutipan Hutang
4. Catatkan hasil kerja di dalam buku latihan masing-masing.



Pengiraan dan Tafsiran Nisbah Kewangan Berdasarkan Kes

CONTOH 10 Mengira Nisbah Kewangan

Penyata Kewangan Perniagaan Solehah ditunjukkan seperti di bawah:

Perniagaan Solehah

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Jualan Bersih		46 500
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal	5 000	
<i>Tambah:</i> Belian Bersih	35 900	
Kos Barang untuk Dijual	40 900	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(4 300)	
Kos Jualan		(36 600)
Untung Kasar		9 900
<i>Tambah:</i> Hasil		4 400
		14 300
<i>Tolak:</i> Belanja		(3 000)
Untung Bersih		11 300

Perniagaan Solehah

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan		80 000	
Perabot		13 000	
			93 000
Aset Semasa			
Inventori Akhir	4 300		
Akaun Belum Terima	15 400		
Bank	21 700		
Tunai	1 100		
		42 500	
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar		(19 400)	
Modal Kerja			23 100
			116 100
Ekuiti Pemilik			
Modal Awal			79 800
<i>Tambah:</i> Untung Bersih			11 300
Modal Akhir			91 100
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman			25 000
			116 100

Maklumat Tambahan:

1. Semua jualan ialah jualan kredit.
2. Belian kredit ialah 90% daripada jumlah belian.

Kira nisbah kewangan bagi Perniagaan Solehah.

Penyelesaian

Jenis Nisbah	Nisbah	Pengiraan	Tafsiran	
NISBAH KEBERUNTUNGAN	1.	Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)		
		$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM9 900}}{\text{RM36 600}} \times 100\%$ $= 27.05\%$	Bagi setiap RM1 Kos Jualan, Untung Kasar yang diperoleh ialah 27 sen.
	2.	Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)		
		$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM9 900}}{\text{RM46 500}} \times 100\%$ $= 21.29\%$	Bagi setiap RM1 Jualan Bersih, Untung Kasar yang diperoleh ialah 21 sen.
	3.	Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)		
		$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM11 300}}{\text{RM46 500}} \times 100\%$ $= 24.30\%$	Bagi setiap RM1 Jualan Bersih, Untung Bersih yang diperoleh ialah 24 sen.
	4.	Pulangan atas Modal		
		$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM11 300}}{\text{RM79 800}} \times 100\%$ $= 14.16\%$	Bagi setiap RM1 yang dilaburkan, Untung Bersih yang diperoleh ialah 14 sen.

Jenis Nisbah	Nisbah	Pengiraan	Tafsiran	
NISBAH KECAIRAN	1.	Nisbah Semasa		
		$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM42 500}}{\text{RM19 400}}$ $= 2.19 : 1$	Bagi setiap RM1 Liabiliti Semasa, perniagaan mempunyai Aset Semasa RM2.19 untuk menjelaskannya.
	2.	Nisbah Ujian Asid		
		$= \frac{\text{Aset Semasa} - \text{Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM42 500} - \text{RM4 300}}{\text{RM19 400}}$ $= 1.97 : 1$	Bagi setiap RM1 Liabiliti Semasa, perniagaan mempunyai Aset Semasa (tidak termasuk Inventori Akhir) RM1.97 untuk menjelaskannya pada kadar segera.

Jenis Nisbah	Nisbah	Pengiraan	Tafsiran
NISBAH KECEKAPAN	1. Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)		
	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$	$= \frac{\text{RM36 600}}{\text{RM4 650}^*}$ $= 7.87 \text{ kali}$	Dalam satu tempoh perakaunan, perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori baru sebanyak 7.87 kali.
	<div style="background-color: #4a86e8; color: white; padding: 5px;"> <p>* Inventori Purata</p> $= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2} = \frac{\text{RM5 000} + \text{RM4 300}}{2}$ $= \text{RM4 650}$ </div>		
	Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan hari)	$= \frac{\text{RM4 650}^*}{\text{RM36 600}} \times 365 \text{ hari}$	
	$= \frac{\text{Inventori Purata}}{\text{Kos Jualan}} \times 365 \text{ hari}$	$= 46.37 \text{ hari}$	Dalam satu tempoh perakaunan, perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori baru setiap 46 hari.
	2. Tempoh Kutipan Hutang		
	$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM15 400}}{\text{RM46 500}} \times 365 \text{ hari}$ $= 120.88 \text{ hari}$	Perniagaan mengambil masa 121 hari untuk mengutip hutang daripada pelanggannya.
	3. Tempoh Pembayaran Hutang		
	$= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM19 400}}{\text{RM32 310}^*} \times 365 \text{ hari}$ $= 219.16 \text{ hari}$	Purata pembayaran hutang kepada pembekal oleh perniagaan mengambil masa 219 hari.
<div style="background-color: #4a86e8; color: white; padding: 5px;"> <p>* Belian Kredit</p> $= 90\% \times \text{RM35 900}$ $= \text{RM32 310}$ </div>			

GERAK KERJA INDIVIDU 1.1




- Apakah jenis nisbah yang digunakan untuk mengukur Untung Kasar yang diperoleh daripada setiap ringgit jualan?
- Nyatakan fungsi nisbah di bawah ini:
(a) Pulangan atas Modal (b) Nisbah Ujian Asid (c) Kadar Pusing Ganti Inventori
- Hitung Kos Jualan jika Kadar Pusing Ganti Inventori Perniagaan Ah Meng adalah 5 kali dan nilai Inventori Purata ialah RM8 700.
- Adakah dengan memiliki Untung Bersih yang tinggi menggambarkan sesebuah perniagaan itu berprestasi baik?

Jawapan: 3) RM43 500



Perbandingan Prestasi Perniagaan

- Maklumat yang diperolehi daripada Penyata Kewangan perlu dibuat perbandingan bagi tujuan:



Rajah 1.6 Tujuan Perbandingan Prestasi Perniagaan

- Terdapat dua jenis perbandingan yang boleh dilakukan oleh sesebuah perniagaan, iaitu perbandingan antara tempoh dan antara perniagaan dalam industri yang sama.



Rajah 1.7 Jenis Perbandingan Prestasi Perniagaan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Membanding prestasi perniagaan bagi tahun perakaunan semasa dan antara tempoh perakaunan.
- Membanding prestasi antara perniagaan dalam industri yang sama.
- Merumus dapatan analisis dan mencadangkan cara meningkatkan prestasi perniagaan berdasarkan pencapaian tahun perakaunan dan antara tempoh perakaunan.
- Merumus dapatan analisis dan memilih perniagaan berdasarkan prestasi.

INFO WEB

Untuk mengetahui kepentingan perbandingan nisbah kewangan dalam industri yang sama, sila layari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms014

Perbandingan Prestasi Perniagaan bagi Tahun Perakaunan Semasa dan Antara Tempoh Perakaunan

Pemilik boleh membandingkan prestasi perniagaan berdasarkan setengah tahun, suku tahun atau secara bulanan.

CONTOH 11 Perbandingan prestasi perniagaan bagi tahun perakaunan semasa

Penyata Kewangan Perniagaan Zuhaili ditunjukkan seperti di bawah:

Perniagaan Zuhaili Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	Setengah tahun pertama		Setengah tahun kedua	
	RM	RM	RM	RM
Jualan Bersih		20 000		15 000
<i>Tolak:</i> Kos Jualan				
Inventori Awal	8 400		5 900	
<i>Tambah:</i> Belian	9 500		7 600	
	<u>17 900</u>		<u>13 500</u>	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(5 900)		(4 500)	
Kos Jualan		<u>(12 000)</u>		<u>(9 000)</u>
Untung Kasar		8 000		6 000
<i>Tambah:</i> Hasil		5 500		4 700
		<u>13 500</u>		<u>10 700</u>
<i>Tolak:</i> Belanja		(7 400)		(2 500)
Untung Bersih		<u>6 100</u>		<u>8 200</u>

Perniagaan Zuhaili Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	Setengah tahun pertama		Setengah tahun kedua	
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Kenderaan		80 000		80 000
Aset Semasa				
Inventori Akhir	5 900		4 500	
Akaun Belum Terima	7 700		11 400	
Bank	<u>10 000</u>		<u>14 800</u>	
	<u>23 600</u>		<u>30 700</u>	
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	(3 500)		(8 500)	
Modal Kerja		<u>20 100</u>		<u>22 200</u>
		<u>100 100</u>		<u>102 200</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal		94 000		94 000
<i>Tambah:</i> Untung Bersih		6 100		8 200
Modal Akhir		<u>100 100</u>		<u>102 200</u>

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung setiap nisbah berikut bagi Perniagaan Zuhaili:
- | | |
|---------------------------------------|-------------------------------------|
| (i) Peratus Untung Bersih atas Jualan | (iii) Nisbah Semasa |
| (ii) Pulangan atas Modal | (iv) Kadar Pusingan Ganti Inventori |
- (b) merumuskan dapatan analisis.

Penyelesaian: (a)

Jenis Nisbah	Nisbah	Setengah tahun pertama	Setengah tahun kedua	Perbandingan Prestasi
ANALISIS NISBAH PENYATA KEWANGAN	(i) Peratus Untung Bersih atas Jualan			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM6 100}}{\text{RM20 000}} \times 100\%$ = 30.50%	$= \frac{\text{RM8 200}}{\text{RM15 000}} \times 100\%$ = 54.67%	Untung Bersih yang diperoleh atas setiap RM1 Jualan Bersih bagi setengah tahun kedua adalah lebih tinggi.
	(ii) Pulangan atas Modal			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM6 100}}{\text{RM94 000}} \times 100\%$ = 6.49%	$= \frac{\text{RM8 200}}{\text{RM94 000}} \times 100\%$ = 8.72%	Pulangan atas RM1 modal yang dilaburkan bagi setengah tahun kedua adalah lebih tinggi.
	(iii) Nisbah Semasa			
	$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM23 600}}{\text{RM3 500}}$ = 6.74 : 1	$= \frac{\text{RM30 700}}{\text{RM8 500}}$ = 3.61 : 1	Keupayaan membayar hutang jangka pendek bagi setengah tahun pertama adalah lebih tinggi.
	(iv) Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)			
	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$	$= \frac{\text{RM12 000}}{\text{RM7 150}}$ = 1.68 kali	$= \frac{\text{RM9 000}}{\text{RM5 200}}$ = 1.73 kali	Perniagaan menggantikan atau membeli inventori bagi setengah tahun pertama adalah lebih rendah berbanding setengah tahun kedua.
	* Inventori Purata	$= \frac{\text{RM8 400} + \text{RM5 900}}{2}$ = RM7 150	$= \frac{\text{RM5 900} + \text{RM4 500}}{2}$ = RM5 200	
	$= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$			

(b) Rumusan Dapatan Analisis

1 Nisbah Keberuntungan

- Dari segi Nisbah Keberuntungan, prestasi Perniagaan Zuhaili bagi setengah tahun kedua adalah lebih baik berbanding dengan prestasi setengah tahun pertama.
- Peratus Untung Bersih atas Jualan bagi setengah tahun kedua yang bernilai 54.67% adalah lebih tinggi daripada peratus setengah tahun pertama, iaitu 30.50%.
- Situasi ini menunjukkan tahap keuntungan adalah lebih tinggi dalam setengah tahun kedua berbanding setengah tahun pertama.
- Peratus Pulangan atas Modal bagi setengah tahun kedua yang bernilai 8.72% juga adalah lebih tinggi daripada peratus setengah tahun pertama, iaitu 6.49%.
- Situasi ini menunjukkan RM1 modal yang dilaburkan bagi setengah tahun kedua memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada setengah tahun pertama.

2 Nisbah Kecairan

- Dari segi Nisbah Kecairan, prestasi Perniagaan Zuhaili bagi setengah tahun pertama lebih baik berbanding setengah tahun kedua. Ini berdasarkan pada Nisbah Semasa setengah tahun pertama yang bernilai 6.74 : 1 lebih tinggi berbanding setengah tahun kedua, iaitu RM3.61 : 1.
- Situasi ini menunjukkan keupayaan perniagaan membayar hutang pada setengah tahun kedua menurun, berkemungkinan disebabkan oleh berlakunya peningkatan yang tinggi dalam Akaun Belum Bayar, iaitu dari RM3 500 kepada RM8 500.

3 Nisbah Kecekapan

- Dari segi Nisbah Kecekapan, prestasi Perniagaan Zuhaili bagi setengah tahun kedua adalah lebih cekap berbanding setengah tahun pertama. Ini berdasarkan kepada nilai Kadar Pusing Ganti Inventori yang dihitung menunjukkan bahawa dalam tempoh setengah tahun kedua, perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori baru sebanyak 1.73 kali berbanding 1.68 kali dalam tempoh setengah tahun pertama.

Perbandingan prestasi antara tempoh perakaunan boleh dilakukan dengan membandingkan prestasi perniagaan antara tahun kewangan.

CONTOH 12 Perbandingan Prestasi antara Tempoh Perakaunan

Penyata Kewangan Perniagaan Menara Maju ditunjukkan seperti di bawah:

Perniagaan Menara Maju
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember

	2016		2017	
	RM	RM	RM	RM
Jualan Bersih		32 000		35 000
<i>Tolak:</i> Kos Jualan				
Inventori Awal	5 000		3 500	
<i>Tambah:</i> Belian	20 300		19 800	
	<u>25 300</u>		<u>23 300</u>	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(3 500)		(2 400)	
Kos Jualan		(21 800)		(20 900)
Untung Kasar		<u>10 200</u>		<u>14 100</u>
<i>Tambah:</i> Hasil		4 600		1 300
		<u>14 800</u>		<u>15 400</u>
<i>Tolak:</i> Belanja		(4 800)		(2 500)
Untung Bersih		<u>10 000</u>		<u>12 900</u>

Perniagaan Menara Maju
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember

	2016		2017	
	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa				
Premis	50 000		50 000	
Lengkapan	<u>15 000</u>		<u>26 900</u>	
		65 000		76 900
Aset Semasa				
Inventori Akhir	3 500		2 400	
Akaun Belum Terima	12 700		13 200	
Bank	<u>4 300</u>		<u>6 000</u>	
		20 500		21 600
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	<u>(7 000)</u>		<u>(4 800)</u>	
Modal Kerja		13 500		16 800
		<u>78 500</u>		<u>93 700</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal	60 000		68 500	
<i>Tambah:</i> Untung Bersih	<u>10 000</u>		<u>12 900</u>	
		70 000		81 400
<i>Tolak:</i> Ambilan	<u>(1 500)</u>		<u>(2 700)</u>	
Modal Akhir		68 500		78 700
Liabiliti Bukan Semasa				
Pinjaman		10 000		15 000
		<u>78 500</u>		<u>93 700</u>

Maklumat Tambahan:

Semua jualan dan belian adalah secara kredit.

Anda dikehendaki membuat perbandingan prestasi tahun 2016 dengan prestasi tahun 2017 bagi Perniagaan Menara Maju dan merumuskan dapatan analisis.

Penyelesaian

Jenis Nisbah	Nisbah	2016	2017	Perbandingan Prestasi
NISBAH KEBERUNTUNGAN	1. Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)			
	$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM10 200}}{\text{RM21 800}} \times 100\%$ = 46.79%	$= \frac{\text{RM14 100}}{\text{RM20 900}} \times 100\%$ = 67.46%	Tokokan bagi tahun 2017 lebih tinggi berbanding tahun 2016.
	2. Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)			
	$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM10 200}}{\text{RM32 000}} \times 100\%$ = 31.88%	$= \frac{\text{RM14 100}}{\text{RM35 000}} \times 100\%$ = 40.29%	Untung Kasar yang diperoleh atas setiap RM1 Jualan Bersih bagi tahun 2017 adalah lebih tinggi.
	3. Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM10 000}}{\text{RM32 000}} \times 100\%$ = 31.25%	$= \frac{\text{RM12 900}}{\text{RM35 000}} \times 100\%$ = 36.86%	Untung Bersih yang diperoleh atas setiap RM1 Jualan Bersih bagi tahun 2017 adalah lebih tinggi.
	4. Pulangan atas Modal			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM10 000}}{\text{RM60 000}} \times 100\%$ = 16.67%	$= \frac{\text{RM12 900}}{\text{RM68 500}} \times 100\%$ = 18.83%	Pulangan atas setiap RM1 modal yang dilaburkan bagi tahun 2017 adalah lebih tinggi.
Jenis Nisbah	Nisbah	2016	2017	Perbandingan Prestasi
NISBAH KECAIRAN	1. Nisbah Semasa			
	$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM20 500}}{\text{RM7 000}}$ = 2.93 : 1	$= \frac{\text{RM21 600}}{\text{RM4 800}}$ = 4.50 : 1	Keupayaan membayar hutang jangka pendek bagi tahun 2017 adalah lebih baik.
	2. Nisbah Ujian Asid			
	$= \frac{\text{Aset Semasa-Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM20 500-RM3 500}}{\text{RM7 000}}$ = 2.43 : 1	$= \frac{\text{RM21 600-RM2 400}}{\text{RM4 800}}$ = 4.00 : 1	Keupayaan membayar hutang jangka pendek dengan segera bagi tahun 2017 adalah lebih baik.

Jenis Nisbah	Nisbah	2016	2017	Perbandingan Prestasi
NISBAH KECEKAPAN	1. Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)			
	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$	$= \frac{\text{RM21 800}}{\text{RM4 250}}$ = 5.13 kali	$= \frac{\text{RM20 900}}{\text{RM2 950}}$ = 7.08 kali	Pengurusan inventori tahun 2017 adalah lebih cekap kerana Kadar Pusing Ganti Inventori lebih tinggi.
	* Inventori Purata $= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$	$= \frac{\text{RM5 000} + \text{RM3 500}}{2}$ = RM4 250	$= \frac{\text{RM3 500} + \text{RM2 400}}{2}$ = RM2 950	
	2. Tempoh Kutipan Hutang			
	$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM12 700}}{\text{RM32 000}} \times 365 \text{ hari}$ = 144.86 hari	$= \frac{\text{RM13 200}}{\text{RM35 000}} \times 365 \text{ hari}$ = 137.66 hari	Masa yang diambil untuk mengutip hutang lebih cepat pada tahun 2017.
	3. Tempoh Pembayaran Hutang			
$= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM7 000}}{\text{RM20 300}} \times 365 \text{ hari}$ = 125.86 hari	$= \frac{\text{RM4 800}}{\text{RM19 800}} \times 365 \text{ hari}$ = 88.48 hari	Masa yang diambil untuk membayar hutang lebih cepat pada tahun 2017.	

Rumusan Dapatan Analisis

1 Nisbah Keberuntungan

Keuntungan perniagaan menunjukkan untung lebih baik pada tahun 2017 berbanding 2016. Hal ini kerana:

- Peratus Tokokan tahun 2017 (67.46%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 (46.79%).
- Peratus Margin Untung Kasar tahun 2017 (40.29%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 (31.88%).
- Peratus Margin Untung Bersih tahun 2017 (36.86%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 (31.25%).
- Pulangan atas Modal 2017 (18.83%) lebih tinggi berbanding tahun 2016 (16.67%).

2 Nisbah Kecairan

Kemampuan Aset Semasa perniagaan membayar Liabiliti Semasa pada tahun 2017 adalah lebih baik berbanding tahun 2016. Hal ini kerana:

- Nisbah Semasa tahun 2017 (4.50:1) lebih baik berbanding tahun 2016 (2.93:1).
- Nisbah Ujian Asid tahun 2017 (4.00:1) lebih baik berbanding tahun 2016 (2.43:1).

3 Nisbah Kecekapan

Kecekapan mengurus inventori perniagaan pada tahun 2017 lebih baik berbanding tahun 2016. Hal ini kerana:

- Kadar Pusing Ganti Inventori tahun 2017 menunjukkan perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori baru sebanyak 7.08 kali berbanding tahun 2016, iaitu sebanyak 5.13 kali.
- Masa yang diambil untuk mengutip hutang pada tahun 2017, iaitu 138 hari adalah lebih cepat berbanding tahun 2016, iaitu 145 hari.
- Masa yang diambil untuk membayar hutang pada tahun 2017, iaitu 88 hari adalah lebih pendek berbanding tahun 2016, iaitu 126 hari.

Cara-cara untuk Meningkatkan Prestasi Perniagaan Berdasarkan Perbandingan Prestasi



Rajah 1.8 Cara-cara Meningkatkan Prestasi Perniagaan

JOM CARI



Anda sebagai pegawai pemasaran di sebuah perniagaan. Senaraikan cadangan lain bagi meningkatkan kualiti produk keluaran perniagaan anda.

INFO TAMBAHAN



Berdasarkan perbandingan mengikut jangka masa, perubahan prestasi kewangan sesebuah perniagaan dapat dinilai sama ada menunjukkan kemajuan, kestabilan atau kemerosotan.

Perbandingan Prestasi antara Perniagaan dalam Industri yang Sama

- Prestasi kewangan sesebuah perniagaan perlu dibandingkan dengan prestasi kewangan perniagaan lain yang beroperasi dalam industri yang sama.
- Tujuan perbandingan ini dilakukan:
 - (a) Mengetahui kedudukan perniagaan yang lebih baik
 - (b) Membantu pihak pengurusan memperbaiki prestasi perniagaan

CONTOH 13 Perbandingan Prestasi Kewangan antara Perniagaan

Penyata kewangan **Anjum Enterprise** dan **Norish Enterprise** yang menjalankan perniagaan dalam industri yang sama bagi tahun 2017 ditunjukkan seperti berikut:

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	Anjum Enterprise		Norish Enterprise	
	RM	RM	RM	RM
Jualan		80 000		110 000
<i>Tolak:</i> Kos Jualan				
Inventori Awal	15 000		12 900	
<i>Tambah:</i> Belian	50 800		64 900	
	<u>65 800</u>		<u>77 800</u>	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(12 600)		(10 650)	
Kos Jualan		(53 200)		(67 150)
Untung Kasar		26 800		42 850
<i>Tambah:</i> Hasil		17 000		35 210
		<u>43 800</u>		<u>78 060</u>
<i>Tolak:</i> Belanja		(15 780)		(26 700)
Untung Bersih		<u>28 020</u>		<u>51 360</u>

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	Anjum Enterprise			Norish Enterprise		
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa						
Premis		85 000			111 000	
Lengkapan		<u>36 800</u>			<u>21 000</u>	
		121 800			132 000	
Aset Semasa						
Inventori Akhir	12 600			10 650		
Akaun Belum Terima	6 600			6 340		
Bank	<u>10 750</u>			<u>11 300</u>		
		29 950			28 290	
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa						
Akaun Belum Bayar		(10 520)			(7 890)	
Modal Kerja		19 430			20 400	
		<u>141 230</u>			<u>152 400</u>	
Ekuiti Pemilik						
Modal Awal		96 000			87 500	
<i>Tambah:</i> Untung Bersih		28 020			51 360	
		<u>124 020</u>			<u>138 860</u>	
<i>Tolak:</i> Ambilan		(3 490)			(6 500)	
Modal Akhir		<u>120 530</u>			<u>132 360</u>	
Liabiliti Bukan Semasa						
Pinjaman		20 700			20 040	
		<u>141 230</u>			<u>152 400</u>	

Maklumat Tambahan:

- Semua jualan adalah secara kredit.
- Belian tunai dan belian kredit oleh kedua-dua firma pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Perniagaan	Belian Tunai	Belian Kredit
Anjum Enterprise	RM30 000	RM20 800
Norish Enterprise	RM45 000	RM19 900

Anda dikehendaki membuat perbandingan prestasi kewangan Anjum Enterprise dengan Norish Enterprise pada 31 Disember 2017 dan merumuskan dapatan analisis.

Penyelesaian

Jenis Nisbah	Analisis Nisbah	Anjum Enterprise	Norish Enterprise	Perbandingan
NISBAH KEBERUNTUNGAN	1. Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)			
	$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM26 800}}{\text{RM53 200}} \times 100\%$ = 50.38%	$= \frac{\text{RM42 850}}{\text{RM67 150}} \times 100\%$ = 63.81%	Tokokan Norish Enterprise adalah lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise.
	2. Peratus Untung Kasar atas Jualan (Margin Untung Kasar)			
	$= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM26 800}}{\text{RM80 000}} \times 100\%$ = 33.50%	$= \frac{\text{RM42 850}}{\text{RM110 000}} \times 100\%$ = 38.95%	Margin Untung Kasar Norish Enterprise adalah lebih tinggi daripada Anjum Enterprise.
	3. Peratus Untung Bersih atas Jualan (Margin Untung Bersih)			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM28 020}}{\text{RM80 000}} \times 100\%$ = 35.03%	$= \frac{\text{RM51 360}}{\text{RM110 000}} \times 100\%$ = 46.69%	Peratus Untung Bersih Norish Enterprise adalah lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise.
	4. Pulangan atas Modal			
	$= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\%$	$= \frac{\text{RM28 020}}{\text{RM96 000}} \times 100\%$ = 29.19%	$= \frac{\text{RM51 360}}{\text{RM87 500}} \times 100\%$ = 58.70%	Pulangan atas Modal Norish Enterprise adalah lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise.
NISBAH KECAIRAN	1. Nisbah Semasa			
	$= \frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM29 950}}{\text{RM10 520}}$ = 2.85 : 1	$= \frac{\text{RM28 290}}{\text{RM7 890}}$ = 3.59 : 1	Kemampuan Norish Enterprise membayar hutang jangka pendek lebih baik berbanding Anjum Enterprise.
	2. Nisbah Ujian Asid			
	$= \frac{\text{Aset Semasa-Inventori Akhir}}{\text{Liabiliti Semasa}}$	$= \frac{\text{RM29 950-RM12 600}}{\text{RM10 520}}$ = 1.65 : 1	$= \frac{\text{RM28 290-RM10 650}}{\text{RM7 890}}$ = 2.24 : 1	Keupayaan Norish Enterprise membayar hutang serta-merta lebih baik berbanding Anjum Enterprise.

Jenis Nisbah	Analisis Nisbah	Anjum Enterprise	Norish Enterprise	Perbandingan
NISBAH KECEKAPAN	1. Kadar Pusing Ganti Inventori (bilangan kali)			
	$= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}}$	$= \frac{\text{RM53 200}}{\text{RM13 800}}$ = 3.86 kali	$= \frac{\text{RM67 150}}{\text{RM11 775}}$ = 5.70 kali	Pengurusan inventori Norish Enterprise adalah lebih cekap berbanding Anjum Enterprise.
	$* \text{ Inventori Purata} = \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$	$= \frac{\text{RM15 000} + \text{RM12 600}}{2}$ = RM13 800	$= \frac{\text{RM12 900} + \text{RM10 650}}{2}$ = RM11 775	
	2. Tempoh Kutipan Hutang			
	$= \frac{\text{Akaun Belum Terima}}{\text{Jualan Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM6 600}}{\text{RM80 000}} \times 365 \text{ hari}$ = 30.11 hari	$= \frac{\text{RM6 340}}{\text{RM110 000}} \times 365 \text{ hari}$ = 21.04 hari	Masa yang diambil untuk mengutip hutang Norish Enterprise lebih cepat berbanding Anjum Enterprise.
	3. Tempoh Pembayaran Hutang			
$= \frac{\text{Akaun Belum Bayar}}{\text{Belian Kredit}} \times 365 \text{ hari}$	$= \frac{\text{RM10 520}}{\text{RM20 800}} \times 365 \text{ hari}$ = 184.61 hari	$= \frac{\text{RM7 890}}{\text{RM19 900}} \times 365 \text{ hari}$ = 144.72 hari	Masa yang diambil oleh Norish Enterprise untuk membayar hutang lebih cepat berbanding Anjum Enterprise.	

Rumusan Dapatkan Analisis

1 Nisbah Keberuntungan

Keuntungan perniagaan menunjukkan untung Norish Enterprise lebih baik berbanding Anjum Enterprise. Hal ini kerana:

- Peratus Tokokan Norish Enterprise (63.81%) lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise (50.38%).
- Peratus Margin Untung Kasar Norish Enterprise (38.95%) lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise (33.5%).
- Peratus Margin Untung Bersih Norish Enterprise (46.69%) lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise (35.03%).
- Pulangan atas Modal Norish Enterprise (58.70%) lebih tinggi berbanding Anjum Enterprise (29.19%).

2 Nisbah Kecairan

Kemampuan Aset Semasa Norish Enterprise membayar Liabiliti Semasa pada tahun 2017 adalah lebih baik berbanding Anjum Enterprise. Hal ini kerana:

- Nisbah Semasa Norish Enterprise (3.59:1) adalah lebih baik berbanding Anjum Enterprise (2.85:1).
- Nisbah Ujian Asid Norish Enterprise (2.24:1) adalah lebih baik berbanding Anjum Enterprise (1.65:1).

3 Nisbah Kecekapan


Kecekapan mengurus inventori perniagaan bagi Norish Enterprise adalah lebih baik berbanding Anjum Enterprise. Hal ini kerana:

- Kadar Pusing Ganti Inventori Norish Enterprise menunjukkan perniagaan telah menggantikan atau membeli inventori sebanyak 5.7 kali berbanding Anjum Enterprise, iaitu sebanyak 3.86 kali.
- Masa yang diambil untuk mengutip hutang bagi Norish Enterprise, iaitu 21 hari adalah lebih cepat berbanding Anjum Enterprise, iaitu sebanyak 30 hari.
- Masa yang diambil untuk membayar hutang bagi Norish Enterprise, iaitu 145 hari adalah lebih cepat berbanding Anjum Enterprise, iaitu sebanyak 185 hari.

MASTERI TOPIKAL 1.1



1. Lengkapkan rajah di bawah:



CELIK KEWANGAN



Sekiranya firma ingin membuat pinjaman, firma perlu mengenal pasti:

- Tujuan pinjaman dibuat
- Ansuran pinjaman yang mampu dibayar
- Kadar faedah pinjaman
- Tempoh pinjaman

INFO TAMBAHAN



Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) membantu individu dan perniagaan dalam pengurusan kredit. Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms024

2. Laksanakan aktiviti seperti berikut:

- Bentuk kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga empat orang murid.
- Setiap kumpulan dikehendaki mendapatkan penyata kewangan sebuah perniagaan untuk tempoh dua tahun perakaunan.
- Buat perbandingan prestasi perniagaan untuk dua tahun tersebut.
- Wakil daripada setiap kumpulan perlu membentangkan hasil dapatan di hadapan kelas tentang prestasi perniagaan yang lebih baik.



Contoh Soalan dan Jawapan

Berikut ialah maklumat kewangan **Kedai Perabot Rajoo** dan **Kedai Perabot Naim** pada 31 Disember 2017.



Kedai Perabot Rajoo

	RM		RM
Akaun Belum Bayar	2 710	Inventori Awal	6 290
Untung Bersih	3 990	Untung Kasar	7 640
Akaun Belum Terima	4 130	Insurans Belum Bayar	2 500
Pinjaman Bank	14 400	Jualan	25 000
Kenderaan	50 480	Faedah Belum Terperoleh	5 640
Overdraf Bank	4 500	Modal pada 1 Januari 2017	55 000
Tunai di tangan	800	Inventori Akhir	3 270

Kedai Perabot Naim

Kadar Pusing Ganti Inventori	7 kali
Pulangan atas Modal	5%

- (a) Hitung setiap yang berikut bagi Kedai Perabot Rajoo:
- Kos Jualan
 - Tokokan
 - Margin Untung Kasar
 - Pulangan atas Modal
 - Kadar Pusing Ganti Inventori
- (b) Pada pandangan anda, perniagaan yang manakah lebih cekap menguruskan inventori? Berikan justifikasi anda.
- (c) Jika anda seorang pelabur, perniagaan yang manakah yang anda akan pilih? Berikan alasan anda.

Penyelesaian

(a) Kedai Perabot Rajoo

$$\begin{aligned} \text{(i) Kos Jualan} &= \text{Jualan} - \text{Untung Kasar} \\ &= \text{RM25 000} - \text{RM7 640} \\ &= \text{RM17 360} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(ii) Tokokan} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Kos Jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM7 640}}{\text{RM17 360}} \times 100\% \\ &= 44.01\% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(iii) Margin Untung Kasar} &= \frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM7 640}}{\text{RM25 000}} \times 100\% \\ &= 30.56\% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(iv) Pulangan atas Modal} &= \frac{\text{Untung Bersih}}{\text{Modal Awal}} \times 100\% \\ &= \frac{\text{RM3 990}}{\text{RM55 000}} \times 100\% \\ &= 7.25\% \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(v) Kadar Pusing Ganti Inventori} &= \frac{\text{Kos Jualan}}{\text{Inventori Purata}} \\ &= \frac{\text{RM17 360}}{\text{RM4 780}} \\ &= 3.63 \text{ kali} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Inventori Purata} &= \frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2} \\ &= \frac{\text{RM6 290} + \text{RM3 270}}{2} \\ &= \text{RM4 780} \end{aligned}$$

(b) Pada pandangan saya, Kedai Perabot Naim lebih cekap mengurus inventori. Hal yang demikian kerana Kadar Pusing Ganti Inventori Kedai Perabot Naim ialah tujuh kali berbanding Kedai Perabot Rajoo sebanyak 3.63 kali.

(c) Jika saya seorang pelabur, saya akan memilih Kedai Perabot Rajoo kerana Pulangan atas Modal Kedai Perabot Rajoo yang bernilai 7.25% adalah lebih tinggi berbanding Kedai Perabot Naim yang bernilai 5%.

AKTIVITI PENGAYAAN 

1. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Vicky bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Inventori Awal	15 780
Inventori Akhir	26 320
Jualan	164 190

Maklumat Tambahan:

- (i) Barang niaga dijual dengan harga 30% lebih daripada kos.
- (ii) Kadar Pusing Ganti Inventori bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017 ialah enam kali.

Berdasarkan maklumat di atas lengkapkan latihan berikut:

(a) Inventori Purata = $\frac{\text{Inventori Awal} + \text{Inventori Akhir}}{2}$ =

=

(b) Kos Jualan = Kadar Pusing Ganti Inventori x

= =

(c) Untung Kasar = Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan x

= =

(d) Peratus Untung Kasar atas Jualan = $\frac{\text{Untung Kasar}}{\text{Jualan Bersih}} \times 100\%$ =

=

(e) Isikan ruangan berikut dengan menggunakan aplikasi TMK yang telah anda pelajari.

	A	B	C
1	Perniagaan Vicky		
2	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi		
3	bagi tahun berakhir 31 Disember 2017		
4		RM	RM
5	Jualan		
6	Inventori Awal		
7	<i>Tambah:</i> Belian	136 840	
8			<input type="text" value="=SUM(B6:B7)"/>
9	<i>Tolak:</i> Inventori Akhir		
10	Kos Jualan		<input type="text" value="=+B8-B9"/>
11	Untung Kasar		<input type="text" value="=+C5-C10"/>
12	<i>Tolak:</i> Belanja		4 900
13	Untung Bersih		<input type="text" value="=+C11-C12"/>
14			

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

1. Maklumat di bawah berkaitan dengan Tokokan dua buah perniagaan dalam industri yang sama.

Tokokan	Kedai Azrina	Kedai Melati
	20%	60%

Yang manakah antara berikut menggambarkan tafsiran **paling tepat** tentang kedua-dua kedai tersebut?

- A Kedai Azrina memperoleh kadar keuntungan kasar lebih tinggi berbanding Kedai Melati.
 - B Harga jualan Kedai Melati lebih tinggi berbanding Kedai Azrina.
 - C Kedua-dua kedai mampu untuk meneruskan operasi perniagaan.
 - D Pengurus inventori Kedai Melati lebih cekap berbanding Kedai Azrina.
2. Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Rosli.

	RM
Jualan	34 000
Pulangan Jualan	1 500
Kos Jualan	16 000

Berapakah Peratus Untung Kasar atas Jualan?

- A 48.53%
 - B 50.77%
 - C 52.94%
 - D 54.93%
3. Maklumat di bawah ini diambil daripada buku John Enterprise.

	RM
Modal	250 000
Jualan	42 000
Belanja	5 100
Untung Kasar	11 500

Hitung Peratus Untung Bersih atas Jualan.

- A 10%
 - B 13%
 - C 15%
 - D 19%
4. Maklumat yang berikut diambil daripada Perniagaan Foo bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Modal pada 1 Januari 2017	50 000
Inventori pada 31 Disember 2017	4 500
Untung Kasar	10 800
Belanja perniagaan	3 900

Hitung Pulangan atas Modal.

- A 1.35%
- B 10.5%
- C 13.8%
- D 14.7%



5. Yang manakah menggambarkan bahawa pelaburan diurus dengan lebih baik jika nilai itu tinggi?

- A Margin
- B Tokokan
- C Nisbah Semasa
- D Pulangan atas Modal

6. Maklumat di bawah ini diberikan oleh Tina Trading.

	RM
Gaji Prabayar	350
Akaun Belum Bayar	1 700
Akaun Belum Terima	2 690
Perabot	1 240
Sewa Belum Terima	462

Berapakah Nisbah Semasa Tina Trading?

- A 1.35 : 1
 - B 2.06 : 1
 - C 2.60 : 1
 - D 3.01 : 1
7. Maklumat yang berikut diperolehi daripada Perniagaan Lee.

Tahun	Nisbah Semasa
2016	2.5 : 1
2017	2.1 : 1

Apakah tafsiran prestasi perniagaan bagi tahun 2017 berbanding tahun 2016?

- A Meningkat terlalu tinggi dan kurang memberi pulangan.
 - B Merosot tetapi masih mampu membayar hutang.
 - C Meningkat ke tahap kecairan yang paling tinggi.
 - D Merosot dan tidak mampu membayar hutang.
8. Maklumat yang berikut diberikan oleh Azhar Enterprise.

	RM
Insurans Prabayar	370
Overdraf Bank	2 540
Akaun Belum Terima	3 830
Inventori Akhir	2 300
Komisen Belum Terima	860

Berapakah Nisbah Ujian Asid Azhar Enterprise?

- A 1.09 : 1
- B 1.99 : 1
- C 2.08 : 1
- D 3.89 : 1

9. Apakah maksud Kadar Pusing Ganti Inventori yang tinggi?
 I Risiko kerosakan tinggi
 II Kos penyimpanan yang tinggi
 III Pengurusan inventori yang cekap
 IV Inventori cepat ditukar kepada tunai
A I dan II **C** I dan III
B II dan IV **D** III dan IV

10. Maklumat berikut diperolehi daripada perniagaan yang mengusahakan industri mikrociip.

	Perniagaan Imi	Perniagaan Ng
Kadar Pusing Ganti Inventori	5 kali	7 kali

Yang manakah benar tentang pengurusan inventori bagi kedua-dua perniagaan tersebut?

- A** Jualan inventori Perniagaan Ng lebih laris daripada Perniagaan Imi.
B Pengurusan inventori Perniagaan Imi lebih efisien daripada Perniagaan Ng.
C Perniagaan Ng menanggung kos penyimpanan inventori yang lebih tinggi daripada Perniagaan Imi.
D Perniagaan Imi menukar inventori setiap 5 bulan sekali manakala Perniagaan Ng menukar inventori setiap 7 bulan sekali.
11. Petikan berikut dipetik daripada Akaun Perdagangan Perniagaan Loh bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2017	4 900
Inventori pada 31 Disember 2017	3 300
Kos Jualan	29 500

Berapakah Kadar Pusing Ganti Inventori?

- A** 3.69 kali **C** 7.19 kali
B 6.96 kali **D** 8.10 kali
12. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod Perniagaan Akasyah.

	RM
Modal Awal	47 000
Inventori Purata	5 800
Jualan Tunai	26 700
Jualan Kredit	31 400
Akaun Belum Terima	8 900
Akaun Belum Bayar	2 200

Berapakah tempoh kutipan hutang bagi Perniagaan Akasyah?

- A** 93.33 hari **C** 123.77 hari
B 103.46 hari **D** 143.80 hari

13. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kalaivani Sdn. Bhd. pada 31 Oktober 2017.

	RM
Inventori Awal	7 350
Inventori Akhir	8 370
Untung Kasar	4 210
Kadar Pusing Ganti Inventori	8 kali

Berapakah Kos Jualan?

- A** RM 52 880
B RM 59 740
C RM 62 880
D RM 65 430

14. Pilih padanan yang **betul** bagi kegunaan nisbah berikut.

	Nisbah	Tujuan
A	Kadar Pusing Ganti Inventori	Mengukur kecekapan pengurusan inventori
B	Pulangan atas Modal	Mengukur kadar Untung Kasar atas setiap ringgit modal yang dilaburkan
C	Nisbah Semasa	Mengukur kemampuan firma menjelaskan hutang jangka panjang
D	Margin Untung Kasar	Mengukur peratus Untung Bersih setiap ringgit jualan

15. Maklumat berikut diperolehi daripada Kedai Buku Zaleha.



Akaun Belum Bayar	RM 5 500
Akaun Belum Terima	RM 7 900
Inventori Akhir	RM 3 600
Bank	?
Nisbah Semasa	3 : 1

Berapakah nilai bank?

- A** RM2 500
B RM3 000
C RM4 500
D RM5 000

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Apakah tujuan Analisis Penyata Kewangan disediakan?
2. Terangkan jenis-jenis nisbah kewangan berserta fungsinya.
3. Maklumat di bawah ini diperolehi daripada Alat Tulis Zatil Sdn. Bhd. pada 30 Jun 2017.

	RM
Modal pada 1 Julai 2016	50 000
Pulangan Jualan	470

	RM
Jualan	40 790
Kos Jualan	26 000

Hitung:

- (a) Tokokan
- (b) Margin Untung Kasar

Jawapan: (a) 55.08%, (b) 35.52%

4. Maklumat yang berikut diperolehi daripada Mei Fong Sdn. Bhd. pada 31 Mac 2017.

	RM
Jualan Kredit	72 000
Akaun Belum Terima	35 500

	RM
Belian Kredit	9 400
Akaun Belum Bayar	4 500

Hitung:

- (a) Tempoh Kutipan Hutang
- (b) Tempoh Pembayaran Hutang

Jawapan: (a) 179.97 hari, (b) 174.73 hari

5. Akaun Perdagangan dan Untung Rugi di bawah ini diperolehi daripada Perniagaan Sammy dan Perniagaan Danny.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	Perniagaan Sammy RM	Perniagaan Danny RM
Jualan	267 544	212 930
<i>Tolak:</i> Kos Jualan	<u>(124 588)</u>	<u>(100 430)</u>
	142 956	112 500
<i>Tolak:</i> Belanja Operasi	<u>(59 196)</u>	<u>(38 700)</u>
Untung Bersih	<u>83 760</u>	<u>73 800</u>

Maklumat Tambahan:

Modal pada 1 Januari 2017:

Perniagaan Sammy	RM248 000
Perniagaan Danny	RM170 000

Anda dikehendaki:

- (a) mengira Peratus Untung Bersih atas Jualan kedua-dua perniagaan.
- (b) menghitung Pulangan atas Modal kedua-dua perniagaan.
- (c) menentukan perniagaan manakah yang akan dipilih untuk membuat pelaburan? Berikan alasan anda.

Jawapan: (a) 31.31%, 34.66%, (b) 33.77%, 43.41%, (c) Perniagaan Danny

6. Kedai Biskut Radhiyah dan Kedai Biskut Zahirah merupakan dua buah perniagaan menjual biskut. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Disember 2017.

Kedai Biskut Radhiyah

	RM		RM
Modal 1 Januari 2017	95 000	Inventori 1 Januari 2017	12 450
Inventori 31 Disember 2017	15 680	Kenderaan	15 000
Belian	135 531	Jualan	157 340
Sewa Belum Bayar	1 100	Angkutan Masuk	567
Akaun Belum Terima	23 700	Insurans Prabayar	180
Untung Bersih	10 650		

Kedai Biskut Zahirah

Kadar Pusing Ganti Inventori	12 kali	Pulangan atas Modal	19%
------------------------------	---------	---------------------	-----

- (a) Hitung:
- Kos Jualan
 - Kadar Pusing Ganti Inventori
 - Pulangan atas Modal
- (b) Prestasi perniagaan yang manakah lebih baik? Berikan alasan anda.

Jawapan: (a) (i) RM132 868, (ii) 9.45 kali, (iii) 11.21%, (b) Kedai Biskut Zahirah

7. Perniagaan Chai dan Perniagaan Danish merupakan dua perniagaan yang menjual pakaian sukan. Berikut ialah maklumat kewangan perniagaan tersebut pada 31 Disember 2017.

Perniagaan Chai

	RM		RM
Modal pada 1 Januari 2017	15 000	Inventori pada 1 Januari 2017	3 500
Inventori pada 31 Disember 2017	2 300	Untung Kasar	4 100
Pelbagai Belanja	1 240	Akaun Belum Terima	2 000
Akaun Belum Bayar	1 290	Jualan	5 600

Perniagaan Danish

Margin Untung Bersih	25 %	Pulangan atas Modal	13 %
Kadar Pusing Ganti Inventori	4 kali	Nisbah Semasa	2.3 : 1

- (a) **Anda dikehendaki** menghitung perkara berikut bagi Perniagaan Chai:
- Margin Untung Bersih
 - Pulangan atas Modal
 - Kadar Pusing Ganti Inventori
- (b) Jika anda seorang pelabur, perniagaan yang manakah anda akan pilih? Berikan alasan anda.
- (c) Perniagaan yang manakah lebih cekap mengurus inventori? Berikan alasan anda.
- (d) Perniagaan yang manakah lebih baik kedudukannya untuk membayar Liabiliti Semasa? Berikan alasan anda.

Jawapan: (a) (i) 51.07%, (ii) 19.07%, (iii) 0.52 kali (b) Perniagaan Chai, (c) Perniagaan Danish (d) Perniagaan Chai

CABARAN ABAD KE-21



Kedai Faridah dan Kedai Nathan merupakan dua buah perniagaan yang menjual kasut sukan. Berikut ialah Penyata Kewangan Kedai Faridah.

Kedai Faridah
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM
Jualan	51 000
<i>Tolak:</i> Kos Jualan	(35 000)
Untung Kasar	<u>16 000</u>
<i>Tolak:</i> Belanja	(4 000)
Untung Bersih	<u>12 000</u>

Kedai Faridah
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Lengkapan		47 000
Aset Semasa		
Inventori	6 000	
Akaun Belum Terima	5 000	
Bank	<u>14 000</u>	
	25 000	
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa		
Akaun Belum Bayar	<u>(12 000)</u>	
Modal Kerja		<u>13 000</u>
		<u>60 000</u>
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal		48 000
<i>Tambah:</i> Untung Bersih		<u>12 000</u>
Modal Akhir		<u>60 000</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 1 Januari 2017 ialah RM8 000.
(ii) Maklumat yang diberi oleh Kedai Nathan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Nisbah Semasa	2.5:1
Pulangan atas Modal	17.5%
Kadar Pusing Ganti Inventori	3 kali

Sebagai seorang pengurus Kedai Faridah, berikan pandangan anda tentang prestasi Kedai Faridah. Adakah prestasi Kedai Faridah lebih baik berbanding Kedai Nathan?

Jawapan: Nisbah Semasa Kedai Nathan, Pulangan atas Modal Kedai Faridah, Kadar Pusing Ganti Inventori Kedai Faridah



Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan yang berikut:

- Pengenalan Rekod Tak Lengkap
- Kaedah Perbandingan
- Kaedah Analisis

Pengenalan

Setiap individu atau organisasi yang menjalankan perniagaan ingin melihat keuntungan daripada hasil perniagaan. Namun begitu, sesetengah perniagaan kecil sukar untuk menyediakan Penyata Kewangan yang tepat kerana rekod perakaunan yang disimpan tidak lengkap.

Rekod tak lengkap memberi kesan yang besar terhadap maklumat perakaunan perniagaan kerana akan menjejaskan hala tuju, perancangan dan keputusan sesebuah perniagaan. Apakah yang dimaksudkan dengan rekod tak lengkap? Sila lihat eksplorasi modul untuk mendapat gambaran awal.

1



2

Baki-baki akaun	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Bank	18 340	?
Inventori	6 800	7 560
Akaun Belum Terima	7 690	10 400
Akaun Belum Bayar	11 720	19 500
Perabot	12 480	?
Insurans Prabayar	-	400
Sewa Belum Terperoleh	360	
Gaji Belum Bayar	500	1 000

3

Perniagaan Rashidah
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Aset Bukan Semasa	RM	RM	RM	RM
	Kos	Susut Nilai	Nilai Buku	
	Terakumulasi			
Perabot	?	?	?	?
Aset Semasa				
Inventori Akhir			7 560	
Akaun Belum Terima			10 400	
Bank			?	
Insurans Prabayar			400	
			<u>?</u>	
Tolak: Liabiliti Semasa				
Akaun Belum Bayar	13 500			
Sewa Belum Terperoleh	360			
Gaji Belum Bayar	<u>1 000</u>			
			<u>(14 860)</u>	
Modal Kerja				<u>?</u>
				<u>?</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal				33 090
Tambah: Untung Bersih				?
				<u>?</u>
Tolak: Ambilan				
Modal Akhir				<u>(500)</u>
				<u>?</u>

2.1 PENGENALAN REKOD TAK LENGKAP

Rekod Tak Lengkap

- Sesebuah perniagaan ditubuhkan berorientasikan keuntungan. Walau bagaimanapun, keuntungan tidak dapat ditentukan dengan tepat jika rekod perakaunan tidak disimpan dengan lengkap.
- Rekod Tak Lengkap bermaksud amalan perekodan maklumat perakaunan yang **tidak mengikut sistem catatan bergu** atau mengamalkan **catatan tunggal**.
- Kebiasaannya, perniagaan yang mengamalkan sistem rekod tak lengkap ini ialah perniagaan secara kecil-kecilan. Contohnya gerai sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar malam atau pasar tani, warung makanan dan kedai runcit.

STANDARD PEMBELAJARAN


Murid boleh:

- Menerangkan maksud Rekod Tak Lengkap.
- Menerangkan sebab rekod perniagaan tidak lengkap.

JOM FIKIR

Bagaimanakah rekod tak lengkap memberi kesan kepada perniagaan kecil?

Sebab Rekod Perniagaan Tidak Lengkap



INFO TAMBAHAN

- Catatan tunggal ialah urus niaga yang dicatat sekali sahaja di dalam buku perakaunan.
- Contohnya, jika urus niaga belian barang niaga secara tunai, hanya pembayaran tunai sahaja direkodkan.

Rajah 2.1 Sebab Rekod Perniagaan Tidak Lengkap


Kaedah Penentuan Untung atau Rugi Perniagaan

- Untung atau rugi perniagaan bagi suatu tempoh perakaunan masih dapat diperolehi walaupun peniaga tidak menyimpan rekod perakaunan yang lengkap.
- Terdapat dua kaedah yang boleh digunakan iaitu, Kaedah Perbandingan dan Kaedah Analisis.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.
- Menjelaskan implikasi Rekod Tak Lengkap terhadap maklumat perakaunan perniagaan.



Rajah 2.2 Kaedah Penentuan Untung Rugi

Implikasi Rekod Tak Lengkap terhadap Maklumat Perakaunan Perniagaan

Maklumat perakaunan perniagaan memainkan peranan yang sangat penting kepada perniagaan dalam menentukan prestasi dan kedudukan kewangan, membuat perancangan dan membantu peniaga membuat keputusan. Sekiranya rekod perakaunan perniagaan tidak lengkap, peniaga tidak dapat membuat keputusan perniagaan dengan tepat.


JOM CARI



Apakah yang akan berlaku jika Penyata Kewangan tidak dapat disediakan?



Rajah 2.3 Kesan Rekod Perakaunan yang Tidak Lengkap



MASTERI TOPIKAL 2.1



1. Kenal pasti perniagaan kecil-kecilan di sekitar kawasan anda.
2. Jalankan sesi soal selidik tentang amalan perakaunan perniagaan tersebut.
3. Dapatkan senarai sebab mengapa perniagaan tersebut tidak dapat mengamalkan sistem perekodan perakaunan yang lengkap.
4. Senaraikan implikasi daripada rekod perniagaan tidak lengkap.
5. Bentangkan hasil kerja dalam kelas.

GERAK KERJA INDIVIDU 2.1



Pilih jawapan yang betul

1. Apakah yang menyebabkan rekod perniagaan tidak lengkap?
 - A. Merekod dalam Buku Tunai sahaja.
 - B. Merekod dengan cara catatan bergu.
 - C. Merekod semua urusan niaga perniagaan.
2. Apakah kelemahan sistem catatan tunggal?
 - A. Imbangan Duga dapat disediakan.
 - B. Ketepatan perekodan akaun tidak dapat diuji.
 - C. Untung atau rugi dapat dihitung dengan tepat.
3. Yang manakah antara berikut merupakan kesan rekod tak lengkap?
 - A. Modal akhir dapat ditentukan.
 - B. Prestasi perniagaan tidak dapat dibandingkan.
 - C. Penyata Kedudukan Kewangan dapat disediakan.
4. Yang manakah antara berikut **bukan** situasi rekod tak lengkap?
 - A. Peniaga Roshan merekodkan ambilan tunai ke Akaun Ambilan sahaja.
 - B. Peniaga Afiq merekodkan bayaran gaji ke Akaun Gaji dan Akaun Tunai.
 - C. Peniaga Sally merekodkan belian perabot dengan cek ke Akaun Perabot sahaja.

2.2 KAEDAH PERBANDINGAN

- Satu kaedah yang membandingkan Modal Awal dengan Modal Akhir bagi menentukan untung atau rugi perniagaan.
- Modal boleh ditentukan dengan menggunakan persamaan perakaunan:

$$\text{Modal} = \text{Aset} - \text{Liabiliti}$$

Rekod minimum yang perlu disimpan oleh peniaga

- Aset awal tahun dan akhir tahun
- Liabiliti awal tahun dan akhir tahun

Maklumat untuk Menentukan Untung atau Rugi

- Perniagaan boleh menggunakan maklumat modal awal tahun dan akhir tahun untuk menentukan untung atau rugi.

$$\text{Modal Akhir} = \text{Modal Awal} + \text{Untung / (Rugi) Bersih}$$

- Nilai Untung Bersih atau Rugi Bersih dapat dihitung dengan menggunakan rumus berikut:

$$\text{Untung / (Rugi) Bersih} = \text{Modal Akhir} - \text{Modal Awal}$$

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan Kaedah Perbandingan.
- Mengklasifikasikan maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.

JOM FIKIR

Adakah kaedah perbandingan sesuai digunakan untuk semua jenis perniagaan? Bincangkan.

NOTA

Untung Bersih

Modal Akhir > Modal Awal

Rugi Bersih

Modal Akhir < Modal Awal

CONTOH 1 Menghitung Untung atau Rugi Bersih

Maklumat berikut diperolehi daripada seorang peniaga runcit, Encik Salim yang tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Aset	24 000	35 000
Liabiliti	16 000	21 000

Hitung Untung atau Rugi Bersih perniagaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

$$\text{Untung Bersih} = \text{Modal Akhir} - \text{Modal Awal}$$

$$\begin{aligned} \text{Modal Akhir} &= \text{RM}35\,000 - \text{RM}21\,000 \\ &= \text{RM}14\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Modal Awal} &= \text{RM}24\,000 - \text{RM}16\,000 \\ &= \text{RM}8\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Oleh itu, Untung Bersih} &= \text{Modal Akhir} - \text{Modal Awal} \\ &= \text{RM}14\,000 - \text{RM}8\,000 \\ &= \text{RM}6\,000 \end{aligned}$$

- Sekiranya pemilik perniagaan membuat **Ambilan** dalam tempoh perakaunan, item ambilan perlu ditambah pada Modal Akhir.
- Namun begitu, sekiranya pemilik membawa masuk **Modal Tambahan**, item modal tambahan perlu ditolak daripada Modal Akhir.

INFO TAMBAHAN 

- Ambilan merupakan catatan kontra kepada Akaun Modal.
- Ambilan mengurangkan baki modal.

$$\text{Untung Bersih} = \text{Modal Akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal Tambahan} - \text{Modal Awal}$$

CONTOH 2 Menghitung Untung atau Rugi Bersih dengan mengambil kira item Ambilan dan Modal Tambahan

Maklumat berikut diperoleh daripada Gerai Kerepek Mek Su yang tidak menyimpan rekod dengan lengkap.

	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Aset	9 500	16 700
Liabiliti	2 410	4 290

- Sepanjang tempoh perakaunan tersebut, Mek Su telah:
- mengambil inventori bernilai RM500 untuk kegunaan anaknya.
 - membawa masuk modal tambahan sebanyak RM3 500.

Hitung Untung atau Rugi Bersih Gerai Kerepek Mek Su bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

$$\text{Modal} = \text{Aset} - \text{Liabiliti}$$

$$\begin{aligned} \text{Modal Akhir} &= \text{RM}16\,700 - \text{RM}4\,290 \\ &= \text{RM}12\,410 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Modal Awal} &= \text{RM}9\,500 - \text{RM}2\,410 \\ &= \text{RM}7\,090 \end{aligned}$$


$$\begin{aligned} \text{Untung Bersih} &= \text{Modal Akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal Tambahan} - \text{Modal Awal} \\ &= \text{RM}12\,410 + \text{RM}500 - \text{RM}3\,500 - \text{RM}7\,090 \\ &= \text{RM}2\,320 \end{aligned}$$

Analisis Aset dan Liabiliti

- Maklumat kewangan perlu dianalisis untuk menentukan Aset dan Liabiliti bagi membolehkan jumlah modal ditentukan.
- Modal diperoleh dengan membandingkan Aset dengan Liabiliti pada awal dan akhir tempoh perakaunan.

STANDARD PEMBELAJARAN 

- Murid boleh:
- Menganalisis Aset dan Liabiliti pada awal tahun dan akhir tahun.



NOTA 

Pastikan murid sudah menguasai konsep tempoh perakaunan untuk menentukan Modal Awal tahun dan Modal Akhir tahun.

CONTOH 3 Menghitung Aset dan Liabiliti pada awal tahun dan akhir tahun

Puan Yap telah memulakan Perniagaan Yap pada 1 Januari 2017. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Lengkapan	7 000	7 000
Akaun Belum Terima	15 000	17 500
Bank	10 450	6 200
Inventori	30 120	43 260
Kadar bayaran Belum Bayar	570	-
Promosi Prabayar	-	350
Tunai	790	1 430
Akaun Belum Bayar	13 750	9 540

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 1 Julai 2017, lengkapan bernilai RM1 000 dibawa masuk oleh Puan Yap untuk kegunaan pejabat. Perkara ini belum lagi direkodkan dalam mana-mana buku.
(ii) Puan Yap membuat ambilan barang niaga bernilai RM3 900 dalam tahun kewangan itu.

Hitungkan Untung atau Rugi Bersih Perniagaan Yap bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Kelaskan maklumat kewangan perniagaan mengikut aset dan liabiliti.

ASET

- Lengkapan
- Akaun Belum Terima
- Bank
- Inventori
- Promosi Prabayar
- Tunai

LIABILITI

- Kadar bayaran Belum Bayar
- Akaun Belum Bayar

Modal Awal ialah modal pada 1 Januari 2017

$$\begin{aligned} \text{Modal Awal} &= \text{Aset} - \text{Liabiliti} \\ &= [\text{RM}7\,000 + \text{RM}15\,000 + \text{RM}10\,450 + \text{RM}30\,120 + \text{RM}790] - [\text{RM}570 + \text{RM}13\,750] \\ &= \text{RM}49\,040 \end{aligned}$$

Modal Akhir ialah modal pada 31 Disember 2017

$$\begin{aligned} \text{Modal Akhir} &= \text{Aset} - \text{Liabiliti} \\ &= [\text{RM}7\,000 + \text{RM}1\,000 + \text{RM}17\,500 + \text{RM}6\,200 + \text{RM}43\,260 + \text{RM}350 + \\ &\quad \text{RM}1\,430] - [\text{RM}9\,540] \\ &= \text{RM}67\,200 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Untung Bersih} &= \text{Modal Akhir} + \text{Ambilan} - \text{Modal Tambahan} - \text{Modal Awal} \\ &= \text{RM}67\,200 + \text{RM}3\,900 - \text{RM}1\,000 - \text{RM}49\,040 \\ &= \text{RM}21\,060 \end{aligned}$$

Penyediaan Penyata Mengira Modal

Pengiraan Modal Awal dan Modal Akhir boleh juga ditunjukkan dalam format penyata.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menghasilkan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir.

CONTOH 4 Menghitung Modal Awal dan Modal Akhir dalam format penyata

Berdasarkan **Contoh 3**, sediakan Penyata Mengira Modal Awal dan Modal Akhir.

Penyelesaian

(i)

Penyata Mengira Modal Awal

	RM	RM
Aset		
Lengkapan	7 000	
Akaun Belum Terima	15 000	
Bank	10 450	
Inventori	30 120	
Tunai	790	
		63 360
Tolak: Liabiliti		
Kadar bayaran Belum Bayar	570	
Akaun Belum Bayar	13 750	
		(14 320)
Modal pada 1 Januari 2017		<u>49 040</u>

(ii)

Penyata Mengira Modal Akhir

	RM	RM
Aset		
Lengkapan (7 000 + 1 000)	8 000	
Akaun Belum Terima	17 500	
Bank	6 200	
Inventori	43 260	
Promosi Prabayar	350	
Tunai	1 430	
		76 740
Tolak: Liabiliti		
Akaun Belum Bayar		(9 540)
Modal pada 31 Disember 2017		<u>67 200</u>

NOTA

Lengkapan bernilai RM1 000 yang dibawa masuk merupakan Modal Tambahan.

Penyediaan Penyata Mengira Untung atau Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan

Untung atau Rugi Bersih dapat juga ditentukan dengan menghasilkan Penyata Mengira Untung Rugi. Format Penyata Mengira Untung Rugi ditunjukkan seperti berikut:

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menghasilkan Penyata Mengira Untung atau Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan.

Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir...

	RM	RM
Modal Akhir		XX
<i>Tambah:</i> Ambilan		X
		<hr/> XX
<i>Tolak:</i> Modal Tambahan	X	
Modal Awal	X	
	<hr/>	
Untung / (Rugi) Bersih		<hr/> (X) <hr/> X/(X)

CONTOH 5 Menyediakan Penyata Mengira Untung Rugi

Berdasarkan **Contoh 3**, sediakan Penyata Mengira Untung Rugi Perniagaan Yap bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Penyata Mengira Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Modal Akhir		67 200
<i>Tambah:</i> Ambilan		3 900
		<hr/> 71 100
<i>Tolak:</i> Modal Tambahan	1 000	
Modal Awal	49 040	
	<hr/>	
Untung Bersih		<hr/> (50 040) <hr/> 21 060

Setelah untung atau rugi diketahui, perniagaan dapat menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan untuk mengetahui kedudukan Aset dan Liabiliti perniagaan pada tahun tertentu.

JOM CARI



Nyatakan rumus menghitung Untung Bersih.

INFO TAMBAHAN



Murid perlu menggunakan maklumat baki-baki Aset dan Liabiliti yang diberi pada akhir tempoh perakaunan untuk menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan.



CONTOH 6 Penyediaan Penyata Kedudukan Kewangan

Berdasarkan **Contoh 3**, sediakan Penyata Kedudukan Kewangan bagi Perniagaan Yap pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Perniagaan Yap
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Lengkapan		8 000
Aset Semasa		
Inventori Akhir	43 260	
Akaun Belum Terima	17 500	
Bank	6 200	
Tunai	1 430	
Promosi Prabayar	350	
	68 740	
<i>Tolak: Liabiliti</i>		
Akaun Belum Bayar	(9 540)	
Modal Kerja		59 200
		67 200
Ekuiti Pemilik		
Modal Awal		49 040
<i>Tambah: Modal Tambahan</i>		1 000
		50 040
<i>Tambah: Untung Bersih</i>		21 060
		71 100
<i>Tolak: Ambilan</i>		(3 900)
Modal Akhir		67 200

Penyata Kedudukan Kewangan boleh juga disediakan dalam bentuk 'T'.

Perniagaan Yap
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM		RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik	
Lengkapan		8 000	Modal Awal	49 040
Aset Semasa			<i>Tambah: Modal Tambahan</i>	1 000
Inventori Akhir	43 260			50 040
Akaun Belum Terima	17 500		<i>Tambah: Untung Bersih</i>	21 060
Bank	6 200			71 100
Tunai	1 430		<i>Tolak: Ambilan</i>	(3 900)
Promosi Prabayar	350		Modal Akhir	67 200
		68 740	Liabiliti Semasa	
			Akaun Belum Bayar	9 540
		76 740		76 740

GERAK KERJA KUMPULAN 2.2 

1. Bina kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga empat orang.
2. Berdasarkan setiap perniagaan berikut, lengkapkan ruangan kosong menggunakan rumus yang telah dipelajari.

Perniagaan	Modal pada 1 Januari 2017 (RM)	Modal pada 31 Disember 2017 (RM)	Modal Tambahan (RM)	Ambilan (RM)	Untung / (Rugi) Bersih (RM)
Warung Mak Kiah	18 000	26 000	5 000	1 250	
Restoran Lim	17 400	19 600		1 300	(500)
Kedai Runcit Siva		12 000	3 500	970	(3 530)
Gerai Buah Jenny	22 300	35 800	5 750		11 150

3. Berdasarkan jadual di atas, kenal pasti perniagaan yang mempunyai keuntungan tinggi.

MASTERI TOPIKAL 2.2 

Encik Iqmal telah memulakan perniagaan pada 1 Januari 2017 tanpa menggunakan sistem catatan bergu. Maklumat kewangan perniagaannya adalah seperti yang ditunjukkan di bawah.

	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Alatan Pejabat	10 000	10 000
Akaun Belum Terima	17 000	20 500
Tunai	3 000	4 800
Overdraf Bank	2 060	1 450
Inventori	35 610	47 700
Gaji Belum Bayar	670	-
Insurans Prabayar	-	470
Akaun Belum Bayar	15 830	10 300
Tunai Runcit	90	75

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada tahun kewangan itu, komputer bernilai RM2 500 telah dibawa masuk oleh Encik Iqmal untuk kegunaan perniagaan dan terlupa direkodkan.
- (ii) Encik Iqmal membuat ambilan inventori bernilai RM4 600 dalam tahun kewangan itu.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung Untung atau Rugi Bersih perniagaan Encik Iqmal bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Untung Bersih RM26 755, (b) RM71 795

2.3 KAEDAH ANALISIS

- Kaedah yang melibatkan proses menganalisis semua urus niaga yang berlaku.
- Bertujuan untuk memperoleh item yang diperlukan seperti item jualan, belian, belanja dan hasil untuk menyediakan Penyata Kewangan.

Rekod Minimum yang Perlu Disimpan oleh Peniaga

- (i) Rekod Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar
- (ii) Rekod penerimaan dan pembayaran tunai atau Buku Tunai
- (iii) Baki tunai di tangan dan di bank pada awal dan akhir tahun
- (iv) Rekod Aset dan Liabiliti

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:


- Menerangkan Kaedah Analisis.
- Mengklasifikasikan maklumat yang perlu untuk menentukan untung atau rugi perniagaan.

INFO TAMBAHAN

Pindahan tunai ke bank atau pengeluaran tunai dari bank untuk kegunaan perniagaan juga dikenali sebagai Catatan Kontra.


Maklumat untuk Menentukan Untung atau Rugi

- Kaedah Analisis memerlukan pengklasifikasian maklumat-maklumat sedia ada. Seterusnya, analisis perlu dibuat ke atas maklumat-maklumat perakaunan tersebut.
- Antara maklumat yang perlu dianalisa untuk menentukan untung atau rugi sesebuah perniagaan adalah seperti berikut:



Rajah 2.4 Kaedah Analisis

Analisis Maklumat Buku Tunai Berkaitan Item Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan



Rajah 2.5 Analisis Buku Tunai

CONTOH 7

Menganalisa Buku Tunai untuk mengira baki Buku Tunai

STANDARD PEMBELAJARAN



Berdasarkan maklumat berikut, hitung baki tunai dan baki bank pada 31 Disember 2017. Andaikan semua penerimaan daripada Akaun Belum Terima dan pembayaran kepada Akaun Belum Bayar menggunakan cek.

Murid boleh:

- Menganalisis maklumat Buku Tunai berkaitan item Penyata Pendapatan dan Penyata Kedudukan Kewangan.

	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Tunai di tangan	300	?
Tunai di bank	1 500	?
Akaun Belum Terima	3 500	3 000
Akaun Belum Bayar	4 325	3 345
Penerimaan dan pembayaran		
Pengeluaran tunai di bank untuk kegunaan pejabat		400
Belanja Am dibayar tunai		425
Komisen diterima dengan cek		1 680

Penyelesaian

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Tunai	Bank	Tarikh	Butiran	Tunai	Bank
		RM	RM			RM	RM
2017				2017			
Jan 1	Baki b/b	300	1 500	Dis 31	Belanja Am	425	
	Komisen		1 680		Tunai (k)		400
	Bank (k)	400			Akaun Belum Bayar		980
	Akaun Belum Terima		500		Baki h/b	275	2 300
		700	3 680			700	3 680
2018							
Jan 1	Baki b/b	275	2 300				

- Baki tunai pada 31 Disember 2017 ialah RM275
- Baki bank pada 31 Disember 2017 ialah RM2 300

Mentaksir Jumlah Jualan dan Jumlah Belian

- Jualan dan Belian ialah komponen yang penting untuk membentuk Akaun Perdagangan.
- Item Jualan dan Belian melibatkan urus niaga secara tunai dan secara kredit.
- Analisis terhadap Buku Tunai perlu dibuat untuk mendapatkan Jualan dan Belian secara tunai.
- Analisis terhadap Akaun Kawalan pula dibuat untuk mencari nilai urus niaga secara kredit.

STANDARD PEMBELAJARAN




Murid boleh:

- Mentaksir Jumlah Jualan dan Jumlah Belian.

(i) Analisis Jualan

- Jumlah Jualan Tunai perlu diselaraskan dengan Jumlah Jualan secara kredit.



Rajah 2.6 Analisis Jualan

- Rumus mengira Jumlah Jualan ialah:

$$\text{Jumlah Jualan} = \text{Jualan Tunai} + \text{Jualan Kredit}$$

- Maklumat berikut perlu diambil kira semasa penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima.

- Baki Awal dan Baki Akhir
- Penerimaan daripada Akaun Belum Terima
- Pulangan Jualan
- Diskaun Diberi
- Hutang Lapuk

JOM FIKIR

Apakah yang akan berlaku jika Jumlah Jualan secara kredit tidak diperolehi?

CONTOH 8 Menghitung Jumlah Jualan

Puan Yin Leng tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Maklumat di bawah diambil daripada buku-buku Perniagaan Yin Leng pada 31 Disember 2017.

	RM
Baki Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2017	8 340
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	15 390
Diskaun Diberi	420
Hutang Lapuk	160
Pulangan Jualan	350
Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2017	9 270
Jualan Tunai	3 200

Hitung Jumlah Jualan.

Penyelesaian
Kaedah Penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima
Akaun Kawalan Belum Terima

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	8 340	Dis 31	Bank	15 390
Dis 31	Jualan	17 250*		Diskaun Diberi	420
				Hutang Lapuk	160
				Pulangan Jualan	350
				Baki h/b	9 270
		<u>25 590</u>			<u>25 590</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	9 270			

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Jualan} &= \text{Jualan Tunai} + \text{Jualan Kredit} \\ &= \text{RM}3\,200 + \text{RM}17\,250^* \\ &= \text{RM}20\,450 \end{aligned}$$

(ii) Analisis Belian

- Jumlah Belian Tunai perlu diselaraskan dengan Jumlah Belian secara kredit.



Rajah 2.7 Analisis Belian

- Rumus mengira Jumlah Belian ialah:

$$\text{Jumlah Belian} = \text{Belian Tunai} + \text{Belian Kredit}$$

- Maklumat berikut perlu diambil kira semasa penyediaan Akaun Kawalan Belum Bayar.

- (a) Baki Awal dan Baki Akhir
- (b) Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar
- (c) Pulangan Belian
- (d) Diskaun Diterima

INFO TAMBAHAN

Amalan perekodan yang tidak sistematik oleh peniaga kecil menyebabkan analisis ke atas jualan dan belian menjadi tidak tepat.

CONTOH 9 Menghitung Jumlah Belian

Butir-butir di bawah ini diambil daripada buku peniaga Andrew pada 31 Disember 2017.

	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2017	11 680
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	21 370
Diskaun Diterima	330
Pulangan Belian	520
Baki Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2017	8 380
Belian Tunai	2 000

Hitung Jumlah Belian.

Penyelesaian

Kaedah Penyediaan Akaun Kawalan Belum Bayar

Akaun Kawalan Belum Bayar			
2017		RM	
Dis 31	Bank	21 370	
	Diskaun Diterima	330	
	Pulangan Belian	520	
	Baki h/b	8 380	
		30 600	
2017			RM
Jan 1	Baki b/b		11 680
Dis 31	Belian		18 920*
			30 600
2018			
Jan 1	Baki b/b		8 380

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Belian} &= \text{Belian Tunai} + \text{Belian Kredit} \\ &= \text{RM}2\,000 + \text{RM}18\,920^* \\ &= \text{RM}20\,920 \end{aligned}$$

GERAK KERJA INDIVIDU 2.3

Maklumat perniagaan Kedai Runcit Hasanudin pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

	RM		RM
Akaun Belum Terima pada 1 Januari 2017	6 970	Diskaun Diterima	330
Akaun Belum Bayar pada 1 Januari 2017	10 430	Hutang Lapuk	160
Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2017	8 500	Pulangan Jualan	350
Akaun Belum Bayar pada 31 Disember 2017	7 400	Pulangan Belian	520
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	17 600	Peruntukan Hutang Ragu	125
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	20 750	Jualan Tunai	8 700
Diskaun Diberi	420	Belian Tunai	5 500

Hitung Jumlah Jualan dan Jumlah Belian bagi perniagaan Kedai Runcit Hasanudin.

Mentaksir Belanja dan Hasil dengan mengambil kira pelarasan

Belanja dan hasil merupakan komponen utama untuk menyediakan Akaun Untung Rugi. Analisis ke atas item belanja dan hasil dilakukan untuk menentukan belanja dan hasil sebenar yang perlu diiktiraf bagi tempoh perakaunan semasa.

(i) Analisis Belanja

Untuk mengira belanja sebenar bagi tahun semasa, murid perlu mengambil kira belanja dibayar, belanja belum bayar dan belanja prabayar.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mentaksir belanja dan hasil dengan mengambil kira pelarasan.

INFO TAMBAHAN

Belanja sebenar adalah belanja yang diiktiraf dalam tahun semasa.

CONTOH 10 Menghitung Belanja (mengambil kira Belanja Belum Bayar)

Maklumat berikut diambil daripada buku peniaga Jamalullail.

	RM
Sewa Belum Bayar pada 1 Januari 2017	700
Sewa Belum Bayar pada 31 Disember 2017	1 300
Sewa yang telah dibayar sepanjang tahun 2017	6 400

Hitung Sewa sebenar dalam tahun 2017.

Penyelesaian

Kaedah Penyediaan Akaun Belanja

Akaun Sewa Belum Bayar

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Sewa	700	Jan 1	Baki b/b	700
Dis 31	Baki h/b	1 300	Dis 31	Sewa	1 300
		<u>2 000</u>			<u>2 000</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	1 300

Akaun Sewa

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Bank	6 400	Jan 1	Sewa Belum Bayar	700
	Sewa Belum Bayar	1 300	Dis 31	Akaun Untung Rugi	7 000
		<u>7 700</u>			<u>7 700</u>

Sewa sebenar yang diiktiraf dalam tahun semasa berjumlah RM7 000. Nilai ini akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Rumus untuk menghitung belanja sebenar adalah seperti berikut:

$$\text{Belanja Sebenar} = \text{Belanja Dibayar} + \text{Belanja Belum Bayar Akhir} - \text{Belanja Belum Bayar Awal}$$

CONTOH 11 Menghitung Belanja (mengambil kira Belanja Prabayar)

Maklumat berikut diambil daripada buku peniaga Jamalullail.

	RM
Insurans Prabayar pada 1 Januari 2017	400
Insurans Prabayar pada 31 Disember 2017	800
Insurans yang telah dibayar sepanjang tahun 2017	4 000

Hitung Insurans sebenar dalam tahun 2017.

Penyelesaian

Kaedah Penyediaan Akaun Belanja

Akaun Insurans Prabayar

		RM			RM
2017			2017		
Jan 1	Baki b/b	400	Jan 1	Insurans	400
Dis 31	Insurans	800	Dis 31	Baki h/b	800
		<u>1 200</u>			<u>1 200</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	800			

Akaun Insurans

		RM			RM
2017			2017		
Jan 1	Insurans Prabayar	400	Dis 31	Akaun Untung Rugi	3 600
Dis 31	Bank	4 000		Insurans Prabayar	800
		<u>4 400</u>			<u>4 400</u>

Insurans sebenar yang diiktiraf dalam tahun semasa berjumlah RM3 600 akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Rumus untuk menghitung belanja sebenar adalah seperti berikut:

$$\text{Belanja Sebenar} = \text{Belanja Dibayar} + \text{Belanja Prabayar Awal} - \text{Belanja Prabayar Akhir}$$



Format akaun belanja melibatkan pelarasan

Akaun Belanja

		RM			RM
2017			2017		
Jan 1	Belanja Prabayar	X	Jan 1	Belanja Belum Bayar	X
Dis 31	Bank	XX	Dis 31	Untung Rugi (Imbangan)	XX
	Belanja Belum Bayar	X		Belanja Prabayar	X
		<u>XXX</u>			<u>XXX</u>

(ii) Analisis Hasil

Untuk mengira jumlah hasil sebenar bagi tahun semasa, murid perlu mengambil kira nilai hasil yang diterima, hasil belum terperoleh atau hasil belum terima.

CONTOH 12 Menghitung Hasil (mengambil kira Hasil Belum Terperoleh)

Maklumat berikut diambil daripada buku peniaga Johana.

	RM
Sewa Belum Terperoleh pada 1 Januari 2017	480
Sewa Belum Terperoleh pada 31 Disember 2017	690
Sewa yang telah diterima sepanjang tahun 2017	730

Hitung Sewa Diterima sebenar dalam tahun 2017.

Penyelesaian

Kaedah Penyediaan Akaun Hasil

Akaun Sewa Belum Terperoleh

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Sewa Diterima	480	Jan 1	Baki b/b	480
Dis 31	Baki h/b	690	Dis 31	Sewa Diterima	690
		<u>1 170</u>			<u>1 170</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	690

Akaun Sewa Diterima

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Akaun Untung Rugi	520	Jan 1	Sewa Belum Terperoleh	480
	Sewa Belum Terperoleh	690	Dis 31	Bank	730
		<u>1 210</u>			<u>1 210</u>

Sewa diterima sebenar dalam tahun semasa berjumlah RM520. Nilai ini akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Rumus untuk menghitung hasil sebenar adalah seperti berikut:

$$\text{Hasil Sebenar} = \text{Hasil Diterima} + \text{Hasil Belum Terperoleh Awal} - \text{Hasil Belum Terperoleh Akhir}$$

CONTOH 13 Menghitung Hasil (mengambil kira Hasil Belum Terima)

Maklumat berikut diambil daripada buku peniaga Vikneshwaran.

	RM
Komisen Belum Terima pada 1 Januari 2017	240
Komisen Belum Terima pada 31 Disember 2017	160
Komisen yang telah diterima sepanjang tahun 2017	650

Hitung Komisen Diterima sebenar dalam tahun 2017.

Penyelesaian

Kaedah Penyediaan Akaun Hasil

Akaun Komisen Belum Terima

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	240	Jan 1	Komisen Diterima	240
Dis 31	Komisen Diterima	160	Dis 31	Baki h/b	160
		<u>400</u>			<u>400</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	160

Penyelesaian

Akaun Komisen Diterima

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Komisen Belum Terima	240	Dis 31	Bank	650
Dis 31	Akaun Untung Rugi	570		Komisen Belum Terima	160
		<u>810</u>			<u>810</u>

Komisen diterima sebenar dalam tahun semasa berjumlah RM570 akan dipindahkan ke Akaun Untung Rugi.

Rumus untuk menghitung hasil sebenar adalah seperti berikut:

$$\text{Hasil Sebenar} = \text{Hasil Diterima} + \text{Hasil Belum Terima Akhir} - \text{Hasil Belum Terima Awal}$$



Format akaun hasil melibatkan pelarasan

Akaun Hasil

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Hasil Belum Terima	X	Jan 1	Hasil Belum Terperoleh	X
Dis 31	Untung Rugi	XX	Dis 31	Bank	XX
	Hasil Belum Terperoleh	X		Hasil Belum Terima	X
		<u>XXX</u>			<u>XXX</u>

GERAK KERJA KUMPULAN 2.3

Maklumat berikut diambil daripada buku peniaga Encik Rais.


	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Sewa Prabayar	880	1 420
Faedah Belum Terima	760	945

Sepanjang tahun 2017, sewa yang telah dibayar ialah RM7 150 manakala faedah yang telah diterima ialah RM1 080.

Hitung Sewa Dibayar dan Faedah Diterima sebenar dalam tahun 2017.

Penyediaan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan

Melalui kaedah analisis, kita dapat memperoleh maklumat-maklumat seperti berikut:



STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menghasilkan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan.

Rajah 2.8 Maklumat yang diperoleh daripada Kaedah Analisis

Maklumat-maklumat berkenaan membolehkan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan disediakan dengan lebih mudah.

CONTOH 14

Menghasilkan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi dan Penyata Kedudukan Kewangan

Maklumat di bawah ini diambil daripada buku peniaga Rashidah. Beliau menghadapi masalah untuk menyediakan Penyata Kewangan kerana tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Buku Tunai					
2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	18 340	Dis 31	Ambilan	500
Dis 31	Sewa Diterima	930		Belian	14 300
	Akaun Belum Terima	30 280		Kadar bayaran	750
	Jualan	35 300		Insurans	1 100
				Sewa	4 000
				Gaji	17 000
				Perabot	1 000
				Akaun Belum Bayar	16 700
				Baki h/b	<u>29 500</u>
		<u>84 850</u>			<u>84 850</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	29 500			

Maklumat Tambahan:

(i) Baki-baki akaun:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori	6 800	7 560
Akaun Belum Terima	7 690	10 400
Akaun Belum Bayar	11 720	13 500
Perabot	12 480	?
Insurans Prabayar	-	400
Sewa Diterima Belum Terperoleh	-	360
Gaji Belum Bayar	500	1 000

(ii) Diskaun Diberi ialah RM470 dan Diskaun Diterima ialah RM380.

(iii) Pulangan Jualan bernilai RM230 manakala Pulangan Belian RM190.

(iv) Kenderaan disusut nilai 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki:

- menghitung Jumlah Jualan dan Jumlah Belian.
- menghitung Belanja dan Hasil.
- menyediakan pelarasan susut nilai Aset Bukan Semasa.
- menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

(a) Menghitung Jumlah Jualan dan Jumlah Belian

Akaun Kawalan Belum Terima

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	7 690	Dis 31	Bank	30 280
Dis 31	Jualan	33 690		Diskaun Diberi	470
				Pulangan Jualan	230
				Baki h/b	10 400
		<u>41 380</u>			<u>41 380</u>
2018			2018		
Jan 1	Baki b/b	10 400	Jan 1	Baki b/b	13 500

Akaun Kawalan Belum Bayar

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Bank	16 700	Jan 1	Baki b/b	11 720
	Diskaun Diterima	380	Dis 31	Belian	19 050
	Pulangan Belian	190			
	Baki h/b	13 500			
		<u>30 770</u>			<u>30 770</u>
2018			2018		
Jan 1	Baki b/b	13 500	Jan 1	Baki b/b	13 500

Jumlah Jualan = Jualan Tunai + Jualan Kredit
 = RM35 300 + RM33 690
 = RM68 990

Jumlah Belian = Belian Tunai + Belian Kredit
 = RM14 300 + RM19 050
 = RM33 350

(b) Menghitung Belanja

Akaun Insurans Prabayar

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Insurans	400	Dis 31	Baki h/b	400
		<u>400</u>			<u>400</u>
2018			2018		
Jan 1	Baki b/b	400	Jan 1	Baki b/b	400

Akaun Insurans

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Bank	1 100	Dis 31	Akaun Untung Rugi	700
				Insurans Prabayar	400
		<u>1 100</u>			<u>1 100</u>

Akaun Gaji Belum Bayar

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Gaji	500	Jan 1	Baki b/b	500
Dis 31	Baki h/b	1 000	Dis 31	Gaji	1 000
		<u>1 500</u>			<u>1 500</u>
2018			2018		
Jan 1	Baki b/b	1 000	Jan 1	Baki b/b	1 000

Akaun Gaji

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Bank	17 000	Jan 1	Gaji Belum Bayar	500
	Gaji Belum Bayar	1 000	Dis 31	Akaun Untung Rugi	17 500
		<u>18 000</u>			<u>18 000</u>

Menghitung Hasil
Akaun Sewa Belum Terperoleh

2017	RM	2017	RM
Dis 31	Baki h/b	Dis 31	Sewa Diterima
	360		360
	<u>360</u>		<u>360</u>
		2018	
		Jan 1	Baki b/b
			360

Akaun Sewa Diterima

2017	RM	2017	RM
Dis 31	Akaun Untung Rugi	Dis 31	Bank
	570		930
	Sewa Belum Terperoleh		
	360		
	<u>930</u>		<u>930</u>

(c) Pengiraan susut nilai Aset Bukan Semasa

$$\begin{aligned}
 \text{Belanja susut nilai perabot} &= (\text{Perabot} + \text{Perabot baru}) \times \% \text{ susut nilai} \\
 &= (\text{RM}12\,480 + \text{RM}1\,000) \times 10\% \\
 &= \text{RM}1\,348
 \end{aligned}$$

(d) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
Perniagaan Rashidah
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
Jualan			68 990
<i>Tolak:</i> Pulangan Jualan			(230)
			<u>68 760</u>
<i>Tolak:</i> Kos Jualan			
Inventori Awal		6 800	
Belian	33 350		
<i>Tolak:</i> Pulangan Belian	(190)		
Belian Bersih	<u>33 160</u>		
		39 960	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir		(7 560)	
Kos Jualan			(32 400)
Untung Kasar			<u>36 360</u>
<i>Tambah:</i> Hasil			
Diskaun Diterima		380	
Sewa Diterima		<u>570</u>	
			<u>950</u>
			37 310
<i>Tolak:</i> Belanja			
Diskaun Diberi		470	
Insurans		700	
Kadar bayaran		750	
Gaji		17 500	
Sewa		4 000	
Susut nilai Kenderaan		<u>1 348</u>	
			(24 768)
Untung Bersih			<u><u>12 542</u></u>

(e) Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Rashidah
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM	RM	RM
	Kos	Susut Nilai Terkumpul	Nilai Buku	
Aset Bukan Semasa				
Perabot	13 480	(1 348)	12 132	12 132
Aset Semasa				
Inventori Akhir			7 560	
Akaun Belum Terima			10 400	
Bank			29 500	
Insurans Prabayar			400	
			<u>47 860</u>	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>				
Akaun Belum Bayar		13 500		
Sewa Diterima Belum Terperoleh		360		
Gaji Belum Bayar		<u>1 000</u>		
			<u>(14 860)</u>	
Modal Kerja				33 000
				<u>45 132</u>
Ekuiti Pemilik				
Modal Awal				33 090
<i>Tambah: Untung Bersih</i>				<u>12 542</u>
				45 632
<i>Tolak: Ambilan</i>				(500)
Modal Akhir				<u>45 132</u>

Penyata Mengira Modal Awal

	RM	RM
Aset		
Kenderaan	12 480	
Inventori	6 800	
Akaun Belum Terima	7 690	
Bank	<u>18 340</u>	
		45 310
<i>Tolak: Liabiliti</i>		
Akaun Belum Bayar	11 720	
Gaji Belum Bayar	<u>500</u>	
		<u>(12 220)</u>
Modal pada 1 Januari 2017		<u>33 090</u>

MASTERI TOPIKAL 2.3



Maklumat di bawah ini diambil daripada buku peniaga Gerai Maruku Suba yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

Ringkasan Buku Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Buku Tunai					
2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	10 350	Dis 31	Ambilan	470
Dis 31	Komisen Diterima	570		Belian	18 320
	Akaun Belum Terima	25 400		Kadar bayaran	1 200
	Jualan	46 350		Insurans	1 500
				Promosi	2 700
				Gaji	18 300
				Perabot	2 000
				Akaun Belum Bayar	15 600
				Baki h/b	<u>22 580</u>
		<u>82 670</u>			<u>82 670</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	22 580			

Maklumat Tambahan:

(i) Aset dan Liabiliti:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori	8 100	9 230
Akaun Belum Terima	6 400	11 500
Akaun Belum Bayar	10 970	12 600
Perabot	15 000	?
Insurans Prabayar	-	560
Komisen Belum Terima	-	280

(ii) Diskaun Diberi berjumlah RM220 manakala Diskaun Diterima berjumlah RM690.

(iii) Pulangan Jualan direkod berjumlah RM460 manakala Pulangan Belian berjumlah RM250.

(iv) Perabot disusut nilai 15% setahun atas kos.

Anda dikehendaki:

(a) menghitung Jumlah Jualan dan Jumlah Belian.

(b) membuat pelarasan susut nilai Aset Bukan Semasa.

(c) menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

(d) menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Jualan Kredit RM31 180, Belian Kredit RM18 170, (b) RM2 550, (c) Untung Bersih RM17 590, (d) Penyata Kedudukan Kewangan RM46 000

Contoh Soalan dan Jawapan

Perniagaan Warisan Timur menjalankan peniagaan menjual kraftangan, namun tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat daripada Buku Tunai perniagaannya.

Penerimaan	RM
Penerimaan daripada Akaun Belum Terima	55 000
Jualan Alatan Pejabat	1 000
Komisen Diterima	500
Pembayaran	
Bayaran kepada Akaun Belum Bayar	23 500
Gaji	17 000
Kadar bayaran	10 600
Belian Alatan Pejabat	5 700
Faedah Pinjaman	700
Ambilan	80

Maklumat Tambahan:

(i) Aset dan Liabiliti:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Alatan Pejabat	2 000	2 600
Inventori	6 500	7 600
Akaun Belum Terima	9 120	9 800
Akaun Belum Bayar	1 700	1 900
Pinjaman berkadar faedah 10% (Jangka pendek)	-	15 000
Kadar bayaran Prabayar	180	-
Kadar bayaran Belum Bayar	-	270
Bank	16 400	?

(ii) Diskaun Diterima daripada pembekal ialah RM130.

(iii) Pelanggan memulangkan barang yang rosak bernilai RM300.

(iv) Semua Jualan dan Belian adalah secara kredit.

(v) Tempoh pinjaman adalah setahun bermula 1 Julai 2017 (abaikan bayaran ansuran pokok pinjaman).

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

(b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 (bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).

Penyelesaian
Nota pengiraan:
1. Menghitug Jumlah Jualan
Akaun Kawalan Belum Terima

2017			2017		
		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	9 120	Dis 31	Bank	55 000
Dis 31	Jualan	55 980		Pulangan Jualan	300
				Baki h/b	9 800
		<u>65 100</u>			<u>65 100</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	9 800			

2. Menghitug Jumlah Belian
Akaun Kawalan Belum Bayar

2017			2017		
		RM			RM
Dis 31	Bank	23 500	Jan 1	Baki b/b	1 700
	Diskaun Diterima	130	Dis 31	Belian	23 830
	Baki h/b	1 900			
		<u>25 530</u>			<u>25 530</u>

3. Menghitug Belanja
Akaun Kadar Bayaran

2017			2017		
		RM			RM
Jan 1	Kadar bayaran Prabayar	180	Dis 31	Akaun Untung Rugi	11 050
Dis 31	Bank	10 600			
	Kadar Bayaran Belum Bayar	270			
		<u>11 050</u>			<u>11 050</u>

4. Mengira Modal Awal
Penyata Mengira Modal Awal

	RM	RM
Aset		
Alatan Pejabat	2 000	
Inventori	6 500	
Akaun Belum Terima	9 120	
Bank	16 400	
Kadar bayaran Prabayar	<u>180</u>	
		34 200
Tolak: Liabiliti		
Akaun Belum Bayar		<u>(1 700)</u>
Modal Awal		<u>32 500</u>

5. Mengira susut nilai Aset Bukan Semasa

Belanja susut nilai Alatan Pejabat

= Baki Awal + Belian Alatan Pejabat – Jualan Alatan Pejabat – Baki Akhir

= RM2 000 + RM5 700 – RM1 000 – RM2 600

= RM4 100

6. Mengira Faedah atas Pinjaman

$$\begin{aligned}
 &= \text{Jumlah Pinjaman} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\
 &= \text{RM}15\,000 \times 10\% \times \frac{6}{12} \\
 &= \text{RM}750
 \end{aligned}$$

(a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi

Perniagaan Warisan Timur
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Jualan ¹		55 980
<i>Tolak:</i> Pulangan Jualan		(300)
Jualan Bersih		<u>55 680</u>
 <i>Tolak: Kos Jualan</i>		
Inventori Awal	6 500	
Belian ²	<u>23 830</u>	
Belian Bersih	30 330	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	<u>(7 600)</u>	
Kos Jualan		(22 730)
Untung Kasar		<u>32 950</u>
 <i>Tambah: Hasil</i>		
Diskaun Diterima	130	
Komisen Diterima	<u>500</u>	
		<u>630</u>
		<u>33 580</u>
 <i>Tolak: Belanja</i>		
Gaji	17 000	
Kadar bayaran ³	11 050	
Faedah atas Pinjaman ⁶	750	
Susut nilai Alatan Pejabat ⁵	<u>4 100</u>	
		<u>(32 900)</u>
Untung Bersih		<u>680</u>

(b) Penyata Kedudukan Kewangan

Perniagaan Warisan Timur
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 (bahagian Ekuiti Pemilik)

	RM
Ekuiti Pemilik	
Modal Awal ⁴	32 500
<i>Tambah:</i> Untung Bersih	<u>680</u>
	<u>33 180</u>
<i>Tolak:</i> Ambilan	<u>(80)</u>
Modal Akhir	<u>33 100</u>

AKTIVITI PENGAYAAN



Tandakan (✓) bagi jawapan yang betul pada ruangan yang disediakan.

1. Butiran yang manakah akan berkurangan sekiranya terdapat Rugi Bersih dan Ambilan oleh pemilik perniagaan?

Modal

Aset

Liabiliti

2. Rumus yang manakah betul tentang pengiraan Untung Bersih?

Untung Bersih = Modal Awal + Modal Tambahan – Ambilan + Modal Akhir

Untung Bersih = Modal Akhir + Ambilan – Modal Tambahan – Modal Awal

3. Apakah maklumat yang diperolehi daripada penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima dalam kaedah analisis?

Pulangan Belian

Jualan kredit

4. Penyata Mengira Modal ini telah disediakan oleh Encik Vellu, seorang peniaga kedai buku yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2017

	RM
M	47 000
<i>Tolak: N</i>	<u>(13 870)</u>
Modal pada 31 Disember 2017	<u><u>33 130</u></u>

Apakah butiran **M** dan **N**?

Aset dan Liabiliti

Aset Semasa dan Liabiliti Semasa

5. Kedai Makan Dini tidak menggunakan catatan bergu untuk menyimpan akaunnya. Maklumat berikut diperolehi daripada rekod perniagaannya.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori	8 900	9 540
Perabot	11 300	10 200
Tunai	2 400	2 050
Bank	12 800	17 500
Akaun Belum Terima	2 900	5 380
Akaun Belum Bayar	9 900	13 400

Berapakah Untung Bersih Kedai Makan Dini pada 31 Disember 2017?

RM3 450

RM2 870

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Situasi yang manakah merujuk kepada rekod tak lengkap?
 - A Buku-buku akaun telah hilang
 - B Tiada kawalan tunai dalam perniagaan
 - C Peniaga tidak merancang perbelanjaan dengan baik
 - D Jumlah Imbangan Duga tidak dihitung dengan tepat

- Kaedah yang manakah digunakan untuk menentukan pendapatan bagi perniagaan yang mengamalkan rekod tak lengkap?

- I Kaedah Analisis
- II Kaedah Pengawasan
- III Kaedah Perbandingan
- IV Kaedah Penilaian Semula

- A I dan II C II dan III
- B I dan III D III dan IV

- Maklumat berikut diambil daripada Lembaran Elektronik Perniagaan Sinthu.

	A	B	C
1	Perniagaan Sinthu		
2	Penyata Kedudukan Kewangan		
3	pada 31 Disember 2017		
4			RM
5	Modal Awal	57000	
6	Modal Tambahan	6000	
7		63000	
8	Untung Bersih	15800	
9		78800	
10	Ambilan	10000	
11	Modal Akhir		Z

Apakah rumus yang digunakan untuk menghitung nilai Z?

- A $B9+B10$
- B $B9-B10$
- C $B9*B10$
- D $B9/B10$

- Maklumat berikut diperolehi daripada buku Peniaga Monica pada 31 Disember 2017.



	RM
Modal Awal	20 000
Modal Akhir	25 000
Modal Tambahan	6 700
Untung Bersih	4 100

Berapakah nilai Ambilan perniagaan tersebut?

- A RM2 400 C RM4 200
- B RM3 700 D RM5 800

- Baki Aset Gerai Sayur Ah Meng bernilai RM6 400 dan Liabiliti sebanyak RM2 570 pada tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017.



Berapakah Modal Gerai Sayur Ah Meng pada 1 Januari 2017 jika keuntungan perniagaan direkodkan sebanyak RM2 300 pada 31 Disember 2017?

- A RM1 530 C RM6 130
- B RM3 830 D RM8 970

- Encik Samson seorang penjual makanan segera tidak menyimpan rekod dengan lengkap. Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perniagaannya.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Kenderaan	50 000	85 000
Inventori	4 730	5 920
Akaun Belum Terima	2 640	5 870
Tunai di bank	3 500	6 200
Akaun Belum Bayar	3 480	2 910

Berapakah Untung atau Rugi Bersih perniagaan jika Encik Samson membuat Ambilan Tunai sebanyak RM200 sebulan sepanjang tempoh tersebut?

- A Rugi RM40 290
- B Rugi RM45 090
- C Untung RM40 290
- D Untung RM45 090

7. Yang manakah perlu disediakan untuk mengetahui kedudukan Aset dan Liabiliti perniagaan?

- A Akaun Modal
- B Akaun Perdagangan
- C Akaun Untung Rugi
- D Penyata Kedudukan Kewangan

8. Maklumat berikut diperolehi daripada seorang peniaga runcit yang mengamalkan catatan tunggal untuk menyimpan akaunnya.

	RM
Baki pada 31 Mei 2017	
Alatan Pejabat	4 600
Akaun Belum Terima	3 670
Akaun Belum Bayar	2 900
Tunai	1 360
Bank	5 300
Sewa Belum Terperoleh	680

Maklumat Tambahan:

Alatan Pejabat disusut nilai 15% setahun atas kos. Perkara ini belum direkodkan. Berapakah Modal pada 31 Mei 2017?

- A RM9 120 C RM10 660
- B RM10 480 D RM12 020

9. Encik Thomas seorang peniaga mempunyai rekod perniagaan yang tidak lengkap. Beliau sedang membuat analisis berkaitan lengkap perniagaannya seperti berikut.

	RM
Baki pada 1 Januari 2017	5 490
Tambah: Y	4 830
	10 320
Tolak: Baki pada	
31 Disember 2017	7 230
Belanja susut nilai	3 090
	3 090

Apakah Y?

- A Untung jualan lengkap
- B Rugi jualan lengkap
- C Belian lengkap baharu
- D Jualan lengkap

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Puan Vida yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.



	RM
Baki Akaun Belum Bayar pada	
1 Januari 2017	8 590
Belian Kredit	30 520
Diskaun Diterima	1 700
Pulangan Belian	2 240
Baki Akaun Belum Bayar pada	
31 Disember 2017	15 600

Berapakah jumlah pembayaran kepada Akaun Belum Bayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2017?

- A RM19 570 C RM35 170
- B RM22 970 D RM39 110

11. Maklumat Sewa Belum Terperoleh Encik Riza seperti berikut.

	RM
1 Januari 2017	400
31 Disember 2017	270

Berapakah Sewa Diterima Encik Riza untuk tahun 2017 jika nilai yang dibankkan sepanjang tempoh itu ialah RM5 950?

- A RM5 280
- B RM5 820
- C RM5 920
- D RM6 080

12. Maklumat berikut ialah maklumat gaji di dalam buku Perniagaan Radin.

	RM
Gaji Prabayar pada	
1 Januari 2017	550
Gaji Belum Bayar pada	
31 Disember 2017	390
Pembayaran gaji	
sepanjang tahun 2017	860

Berapakah belanja gaji bagi tahun tersebut?

- A RM700
- B RM860
- C RM1 020
- D RM1 800

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Terangkan maksud rekod tak lengkap.
2. Bagaimanakah rekod perniagaan boleh dikatakan tidak lengkap?
3. Maklumat berikut diperolehi daripada Puan Sandra yang tidak menyimpan rekod secara lengkap.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Aset	19 700	42 000
Liabiliti	13 000	17 800

Hitung Untung atau Rugi Bersih perniagaan Puan Sandra bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Jawapan: Untung Bersih RM17 500

4. Puan Cheah, seorang peruncit telah memulakan perniagaan pada 1 Januari 2017 dengan modal RM25 000. Pada 31 Disember 2017, buku perniagaannya menunjukkan baki-baki akaun seperti di bawah ini.

	RM
Tunai di bank	28 000
Tunai di tangan	2 600
Lengkapan	11 600
Inventori Akhir	18 210
Akaun Belum Terima	4 500
Akaun Belum Bayar	9 860
Insurans Prabayar	300

Maklumat Tambahan:

- (i) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Peruntukan hutang ragu diwujudkan sebanyak 5%.
- (iii) Pada 1 Mac 2017, pemilik telah memasukkan tunai RM1 500 ke dalam bank untuk menambah modalnya.
- (iv) Pada tahun 2017, pemilik telah mengambil tunai sebanyak RM450 untuk kegunaan anaknya.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Untung Bersih RM27 915, (b) Penyata Kedudukan Kewangan RM53 965

5. Encik Edward memulakan perniagaannya pada 1 Januari 2017. Beliau tidak menyimpan rekod perniagaan menggunakan sistem catatan bergu. Beliau meminta bantuan anda untuk menentukan prestasi perniagaannya bagi setengah tahun berakhir 30 Jun 2017.

Encik Edward telah memberikan maklumat yang berikut.

	1 Januari 2017	30 Jun 2017
	RM	RM
Kenderaan (kos)	22 000	?
Alatan Pejabat (kos)	6 500	6 500
Inventori	3 440	4 210
Akaun Belum Terima	1 345	2 665
Gaji Prabayar	570	-
Kadar bayaran Belum Bayar	-	370
Akaun Belum Bayar	970	1 250
Bank	1 500	?

Maklumat Tambahan:

- (i) Pemilik menggunakan wang sendiri untuk membeli motosikal berharga RM5 000 pada 29 Jun 2017. Aset tersebut disusutnilaikan sebanyak 10% mengikut kaedah garis lurus.
- (ii) Alatan pejabat disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos. Aset tersebut telah dibeli pada 1 Januari 2017.
- (iii) Pemilik telah membuat ambilan tunai RM200 dan barang niaga RM400 setiap bulan untuk kegunaan keluarganya.
- (iv) Baki Akaun Bank pada 30 Jun 2017 menunjukkan baki overdraf berjumlah RM358.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Mengira Modal pada 30 Jun 2017.
- (b) Penyata Untung Rugi bagi setengah tahun berakhir pada 30 Jun 2017.

Jawapan: (a) RM36 972, (b) RM1 187

6. Puan Alina, seorang peniaga runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Aset dan Liabiliti perniagaannya ditunjukkan seperti di bawah ini.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Perabot	27 000	27 000
Kenderaan	8 000	?
Akaun Belum Terima	11 600	17 500
Akaun Belum Bayar	7 600	9 400
Bank	18 600	28 500
Pinjaman (Matang pada 31 Disember 2025)	13 500	12 000
Inventori	15 470	30 130
Modal	59 570	?

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2017, pemilik telah membawa masuk kenderaan peribadi bernilai RM20 000 untuk kegunaan perniagaan. Perkara ini belum direkodkan dalam buku perniagaan.
- (ii) Pemilik membuat ambilan inventori bernilai RM300 setiap hujung bulan.
- (iii) Peruntukan hutang ragu sebanyak 5% atas Akaun Belum Terima hendaklah diwujudkan.
- (iv) Faedah atas Pinjaman dikenakan 8% setahun atas baki pinjaman dan nilai ini belum dijelaskan.
- (v) Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Penyata Mengira Modal pada 31 Disember 2017.
- Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 (format penyata).

Jawapan: (a) RM105 075, (b) RM29 105, (c) RM115 575

- Encik Sivanesan, pemilik kedai runcit tidak menyimpan rekod perniagaannya dengan lengkap. Berikut ialah maklumat perniagaannya pada 31 Disember 2017.

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2016

	RM		RM
Kenderaan	12 200	Modal	20 000
Perabot	3 000	Akaun Belum Bayar	5 860
Inventori	1 840	Kadar bayaran Belum Bayar	400
Akaun Belum Terima	6 370		
Bank	2 850		
	<u>26 260</u>		<u>26 260</u>

Akaun Bank

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Jualan	25 450	Dis 31	Akaun Belum Bayar	8 360
	Akaun Belum Terima	5 730		Gaji	2 100
	Komisen Diterima	1 000		Kadar bayaran	1 300
				Ambilan	220
				Belian	10 800

Maklumat Tambahan:

- Inventori pada 31 Disember 2017 dinilai sebanyak RM2 490.
- Kadar susut nilai bagi kenderaan ialah 10% setahun atas kos.
- Belian Kredit adalah 70% daripada Jumlah Belian Tunai tahun tersebut.
- Baki Akaun Belum Terima pada 31 Disember 2017 hendaklah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- Pemilik telah mengambil barang niaga bernilai RM300 untuk kegunaannya.
- Perabot pada 31 Disember 2017 dinilai sebanyak RM2 600.
- Gaji Belum Bayar pada 31 Disember 2017 ialah RM500.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Belum Terima
- Akaun Belum Bayar
- Akaun Kadar bayaran
- Akaun Perabot
- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 (format penyata).
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: Untung Bersih RM3 280, Penyata Kedudukan Kewangan RM22 760

CABARAN ABAD KE- 21



Encik Kim telah menjalankan perniagaan menjual alatan sukan di Taman Alam Jaya selama lima tahun. Walau bagaimanapun, beliau tidak mengamalkan sistem perekodan yang lengkap. Maklumat berikut menunjukkan baki awal dan baki akhir tahun kewangannya pada tahun 2017.

	1 Januari 2017 RM	31 Disember 2017 RM
Kenderaan	70 000	65 000
Perabot	8 600	?
Inventori	14 600	13 400
Akaun Belum Terima	8 300	9 200
Akaun Belum Bayar	10 900	11 800
Bank	25 600	?
Insurans Prabayar	-	240
Kadar bayaran Belum Bayar	280	360
Inventori Alat Tulis	65	40
Pinjaman (matang pada 31 Disember 2027)	16 500	15 000

Buku Tunai (Ruangan bank)

	RM		RM
Baki b/b	25 600	Pinjaman	1 500
Modal	5 000	Kadar bayaran	1 450
Jualan	28 500	Perabot	3 300
Akaun Belum Terima	34 500	Akaun Belum Bayar	21 300
		Ambilan	800
		Belanja Am	840
		Gaji	7 000
		Belian	26 700
		Insurans	1 440
		Akaun Belum Terima (cek tak laku)	1 800
		Alat Tulis	400
		Faedah Pinjaman	650

Maklumat Tambahan:

- Sepanjang tempoh itu, Pulangan Jualan telah direkodkan sebanyak RM1 520.
- Diskaun Diterima daripada pembekal berjumlah RM980.
- Faedah atas Pinjaman dikenakan ialah 8% setahun.
- Peruntukan hutang ragu hendaklah diwujudkan pada kadar 5% atas Akaun Belum Terima.
- Perabot baru dibeli pada 1 Julai 2017. Semua perabot disusutnilaikan sebanyak 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki membantu Encik Kim membuat analisis maklumat di atas bagi tujuan menyediakan Penyata Kewangan yang lengkap.

Jawapan : Jualan RM35 120, Belian RM23 180, Rugi Bersih RM6 800, Penyata Kedudukan Kewangan RM110 385

REKOD TAK LENGKAP

Rekod yang tidak menurut sistem catatan bergu.

Penentuan Pendapatan

KAEDAH PERBANDINGAN

- Keuntungan atau kerugian diperoleh melalui cara membandingkan Modal Awal dengan Modal Akhir

Penyata Mengira Modal

	RM	RM
Aset		
Lengkapan	X	
Inventori Akhir	X	
Akaun Belum Terima	X	
Bank	X	
Tunai	<u>X</u>	
		X
<i>Tolak: Liabiliti</i>		
Kadar bayaran Belum Bayar	X	
Akaun Belum Bayar	<u>X</u>	
		(X)
Modal		<u><u>X</u></u>

Penyata Mengira Untung Rugi

	RM	RM
Modal Akhir		X
<i>Tambah: Ambilan</i>		<u>X</u>
		X
<i>Tolak: Modal Tambahan</i>	X	
Modal Awal	<u>X</u>	
		(X)
Untung Bersih		<u><u>X</u></u>
(jika negatif: Rugi Bersih)		

KAEDAH ANALISIS

- Keuntungan atau kerugian diperoleh melalui penyediaan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi (bentuk 'T' atau format penyata)
- Analisis-analisis yang perlu dilakukan untuk menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi ialah:
 - Analisis Buku Tunai.
 - Analisis Penentuan Jualan dan Belian.
 - Analisis Penentuan Belanja dan Hasil.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir...

	RM	RM
Jualan		X
<i>Tolak: Pulangan Jualan</i>		(X)
		X
<i>Tolak: Kos Jualan</i>		
Inventori Awal	X	
Belian	<u>X</u>	
	X	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>		(X)
Kos Jualan		(X)
Untung Kasar		X
<i>Tambah: Hasil</i>		
Komisen Diterima		<u>X</u>
		X
<i>Tolak: Belanja</i>		
Kadar bayaran	X	
Sewa	X	
Gaji	X	
Susut nilai Perabot	<u>X</u>	
		(X)
Untung Bersih		<u><u>X</u></u>



Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan seperti berikut:

- Kawalan Tunai
- Penyata Penyesuaian Bank
- Belanjawan Tunai

Pengenalan

Perakaunan untuk kawalan dalaman bertujuan memastikan pihak pengurusan perniagaan mematuhi dan mengikuti segala prosedur dan kaedah yang telah ditetapkan. Kawalan dalaman yang baik dapat membantu aktiviti perniagaan berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang ditetapkan. Salah satu cara kawalan dalaman ialah kawalan tunai. Sila lihat eksplorasi modul untuk mendapatkan gambaran awal tentang modul ini.



1

DATE	VALUE	TRANSACTION DESCRIPTION	DEBIT TYPE	TRANSACTION
01/03		BEGINNING BALANCE		
01/03		CHEQUE PROCESSING FEE	SR	
01/03		GST DEBIT		
01/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367975		
02/03		CHEQUE PROCESSING FEE	SR	
02/03		GST DEBIT		
02/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367969		
03/03		CHEQUE PROCESSING FEE	SR	
03/03		GST DEBIT		
06/03		CLEARING CHQ DEP		
06/03		CLEARING CHQ DEP		
06/03		CLEARING CHQ DEP		
07/03		CLEARING CHQ DEP		
07/03		CLEARING CHQ DEP		
08/03		CASH WITHDRAWAL 367981		
08/03		ENCASHMENT CASH CHQ SVC CHR	SR	
08/03		GST DEBIT		
08/03		CLEARING CHQ DEP		
08/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367978		
09/03		ENCASHMENT CASH CHQ SVC CHR	SR	
09/03		CASH WITHDRAWAL 367983		
09/03		GST DEBIT		
09/03		CHEQUE PROCESSING FEE	SR	
09/03		GST DEBIT		
09/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367979		
09/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 365386		
10/03		CHEQUE PROCESSING FEE	SR	
10/03		GST DEBIT		
10/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367985		
10/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367984		
10/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367986		
10/03		INWARD CLEARING CHQ DEBIT 367987		

2



3


3.1 KAWALAN TUNAI

Kawalan tunai merupakan kawalan dalaman yang berkaitan dengan pengurusan dan pengendalian wang tunai. Kawalan tunai membolehkan peniaga menguruskan dan mengawal tunai perniagaan, menyelia pengaliran keluar masuk tunai dan menyemak ketepatan perekodan di Buku Tunai dan Penyata Bank.

Tunai ialah aset paling cair bagi setiap perniagaan. Sebahagian besar urus niaga dalam perniagaan akan melibatkan penerimaan dan pembayaran tunai.

Oleh sebab itu, kawalan terhadap tunai perlu dilakukan untuk mengurangkan risiko berlakunya penyelewengan, kecurian, salah guna dan penipuan dalam pengurusan tunai perniagaan.

Tujuan Kawalan Tunai



Rajah 3.1 Tujuan Kawalan Tunai

Kaedah Kawalan Tunai

Amalan baik perniagaan adalah mendepositkan penerimaan tunai pada hari yang sama atau hari berikutnya. Segala pembayaran harus dilakukan dengan mengeluarkan cek. Namun, perniagaan kecil lebih cenderung menggunakan wang tunai dalam urusan penerimaan dan pembayaran. Kawalan dalam urus niaga tunai melibatkan tatacara dan prosedur penerimaan dan pembayaran tunai.



Gambar foto 3.1 Contoh peti simpanan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan tujuan kawalan tunai.
- Menerangkan kaedah kawalan tunai.

INFO TAMBAHAN

Tunai terdiri daripada wang tunai sama ada tunai di tangan atau wang tunai di bank, penerimaan cek, kiriman wang, wang pos dan draf bank.


INFO TAMBAHAN

Salah satu cara untuk mengoptimumkan penggunaan tunai adalah dengan melabur dalam simpanan tetap. Pelaburan dalam simpanan tetap akan memberikan dividen kepada peniaga.

JOM FIKIR

Mengapakah kawalan tunai perlu dilakukan oleh peniaga?

Berikut ialah beberapa aspek kawalan dalam pengendalian tunai.



Rajah 3.2 Aspek kawalan dalam pengendalian tunai

CELIK KEWANGAN

Pada masa ini, kebanyakan pengguna melakukan urusan niaga secara dalam talian (*online*) melibatkan transaksi elektronik. Layari laman sesawang berikut bagi mengetahui panduan melibatkan transaksi elektronik untuk melindungi pengguna yang menjalankan perniagaan secara atas talian.




http://www.eravisi.com/PAK_tg5/ms073


Jadual 3.1 Aspek Kawalan dalam Pengendalian Tunai

Aspek kawalan dalam pengendalian tunai	Penerimaan tunai	Pembayaran tunai
1. Penetapan tugas	Hanya juruwang menerima tunai	Hanya individu yang sah layak menandatangani cek
2. Pengasingan tugas	Individu berbeza menerima, merekod dan memegang tunai	Individu yang berlainan meluluskan dan membuat pembayaran
3. Pendokumentasian	Perlu ada bukti dokumen penerimaan wang	Perlu ada bukti dokumen pembayaran wang
4. Kawalan fizikal	Simpan tunai di dalam peti besi atau di bank	Cek kosong perlu disimpan di tempat yang selamat
5. Pusingan tugas	Menukar ganti kakitangan yang menerima tunai, merekod tunai dan memegang tunai	Menukar ganti kakitangan yang membuat bayaran dan merekod bayaran

Kaedah kawalan tunai membantu perniagaan mengawal dan mengemas kini maklumat wang tunai. Terdapat dua kaedah yang digunakan dalam kawalan tunai. Kaedah tersebut ialah:



Rajah 3.3 Kaedah Kawalan Tunai



Gambar foto 3.2 Tunai perlu diurus dengan baik agar tidak berlaku kecurian atau penyelewengan

GERAK KERJA INDIVIDU 3.1

1. Apakah tujuan Kawalan Tunai?
2. Nyatakan kaedah Kawalan Tunai yang digunakan dalam perniagaan.

3.2 PENYATA PENYESUAIAN BANK

Penyata Bank

- Satu salinan rekod urus niaga yang dihantar oleh pihak bank pada setiap akhir bulan kepada pemegang Akaun Semasa.
- Tujuan pihak bank mengeluarkan Penyata Bank adalah untuk menunjukkan ringkasan urus niaga yang dilakukan oleh peniaga setiap bulan.
- Pemegang Akaun Semasa diberi kemudahan untuk menggunakan cek bagi urusan pembayaran supaya kawalan tunai lebih sistematik dan mengurangkan risiko kehilangan dan penyelewengan tunai.
- Dengan adanya Penyata Bank, pemegang akaun dapat:
 - (i) mengetahui baki wang pada setiap akhir bulan.
 - (ii) mengetahui jumlah yang sudah dibayar dan diterima oleh bank bagi pihaknya.
 - (iii) menyemak dan membandingkan catatan yang direkod di Buku Tunai (ruangan bank) dengan Penyata Bank.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan fungsi Penyata Bank.

Contoh

MAJU JAYA SDN. BHD.
A-2-1 BLOCK A
PLAZA DWITASIK JLN 5/106
BDR SRI PERMAISURI
CHERAS 56000 KL WP

Bank Muamalat

MUKA 页 PAGE: 3
TARIKH PENYATA 日期日期: 31/03/15
STATEMENT DATE
NOMBOR AKAUN 户號: 564762304703
ACCOUNT NUMBER

ELIGIBLE FOR PROTECTION BY PIDM ISLAMIC CURRENT ACCOUNT

URUSNIAGA AKAUN / 户口收支项 / ACCOUNT TRANSACTIONS


TARIKH MASUK 进文日期 ENTRY DATE	TARIKH KELUAR 出文日期 VALUE DATE	BUKTI URUSNIAGA 交易说明 TRANSACTION DESCRIPTION	JUMLAH URUSNIAGA 金额 TRANSACTION AMOUNT	BAKI PENYATA 结存存款 STATEMENT BALANCE
31/03		INTER-BANK PAYMENT INTO A/C UNIVERSITI MALA 2447AA0005824 INV/UM -INV/UMK0161,	7,692.64+	123,515.39
31/03		INTER-BANK PAYMENT INTO A/C UNIVERSITI MALA 2447AA0005844 INV/UM -INV/UMK0168,	5,822.30+	129,337.69
31/03		CHEQUE PROCESSING FEE	1.00-	129,336.69
ENDING BALANCE :				129,336.69
LEDGER BALANCE :				129,336.69
TOTAL DEBIT :				134,192.20
TOTAL CREDIT :				223,464.17

ARE YOU ALREADY INVESTING IN GOLD? IT'S TIME TO ADD KIJANG EMAS GOLD BULLION COIN TO YOUR COLLECTION. IT IS OF 99.99% PURITY, PRODUCED BY BANK NEGARA MALAYSIA AND AVAILABLE AT 31 SELECTED MAYBANK BRANCHES. FOR MORE INFORMATION, VISIT WWW.MAYBANK.COM.MY

Gambar foto 3.3 Contoh Penyata Bank

INFO TAMBAHAN

Baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank akan sama jika semua penerimaan dan pembayaran telah direkodkan dalam Buku Tunai oleh peniaga dan dalam Penyata Bank oleh pihak bank.



Analisis Akaun Bank dan Penyata Bank

Untuk melaksanakan kawalan dalaman tunai sesebuah perniagaan, anda perlu memahami hubungan di antara Buku Tunai (Lajur bank) dan Penyata Bank. Berikut ialah contoh Buku Tunai dan Penyata Bank yang diambil daripada sebuah perniagaan.

Buku Tunai – (Disediakan oleh peniaga)

Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2017		RM	2017			RM
Jan 1	Baki b/b ¹	3 500	Jan 2	Sewa	407762	260 ²
8	Jualan ³	1 200	10	Kadar bayaran	407763	100
15	Muhaimin	700	12	Perniagaan Hong	407764	540
25	K.C.Hong	300	20	Perniagaan Omar	407765	800
			31	Baki h/b		4 000
		5 700				5 700
Feb. 1	Baki b/b ⁴	4 000				

Penyata Bank bagi Bulan Januari 2017 (Disediakan oleh pihak Bank)

Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2017			RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b				3 500 ¹
5	Cek	407762	260 ²		3 240
8	Deposit			1 200 ³	4 440
10	Cek	407763	100		4 340
14	Cek	407764	540		3 800
15	Deposit			700	4 500
22	Cek	407765	800		3 700
25	Deposit			300	4 000
31	Baki h/b				4 000 ⁴

Berdasarkan Buku Tunai dan Penyata Bank di atas,

1. Baki debit RM3 500 dalam Buku Tunai adalah sama dengan baki kredit di Penyata Bank.
2. Catatan di **sebelah kredit Buku Tunai** menunjukkan pembayaran dibuat dengan cek. Catatan ini sama dengan catatan di **sebelah debit Penyata Bank**.
3. Catatan di **sebelah debit Buku Tunai** menunjukkan tunai dan cek yang diterima dan dibankkan. Nilai ini sama dengan catatan di **sebelah kredit Penyata Bank**.
4. Jika semua cek yang dikeluarkan telah ditunaikan oleh peniaga dan cek yang diterima peniaga telah direkodkan oleh pihak bank, baki Buku Tunai seharusnya sama dengan baki di Penyata Bank, iaitu RM4 000.

JOM FIKIR

Apakah maksud 'baki debit' di Buku Tunai dan 'baki debit' di Penyata Bank?

JOM FIKIR

Jika baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank, situasi ini disebabkan oleh penyelewengan. Bincangkan.

Sekiranya baki akhir Buku Tunai dan baki akhir Penyata Bank tidak sama, maka peniaga perlu menyediakan Penyata Penyesuaian Bank.

Tujuan Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

Penyata Penyesuaian Bank disediakan bagi tujuan berikut:

- Mengenal pasti butiran yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.
- Mengenal pasti ketepatan catatan di Buku Tunai.
- Menyelaraskan baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan baki di Penyata Bank.

Sebab Perbezaan Baki Akaun Bank di Buku Tunai dengan Baki di Penyata Bank

Baki Akaun Bank di Buku Tunai dan baki di Penyata Bank tidak sama kerana terdapat:

Butiran yang dicatat di Buku Tunai tetapi tidak dicatat di Penyata Bank

Butiran yang dicatat di Penyata Bank tetapi tidak dicatat di Buku Tunai

Butiran yang dicatat di Buku Tunai tetapi tidak dicatat di Penyata Bank

- Cek belum dikemukakan
 - ✓ Cek yang dikeluarkan oleh peniaga tetapi belum ditunaikan di bank.
- Deposit belum dikreditkan
 - ✓ Cek yang didepositkan ke bank telah dicatat di sebelah debit Buku Tunai tetapi belum dicatat di Penyata Bank.

Butiran yang dicatat di Penyata Bank tetapi tidak dicatat di Buku Tunai

- Penerimaan oleh pihak bank bagi pihak pelanggan (Peniaga)
 - ✓ Pihak bank akan mengkreditkan sebarang penerimaan yang diterima bagi pihak peniaga tetapi perkara ini belum diketahui oleh peniaga. Maka tiada catatan direkod dalam Buku Tunai. Kesannya, baki di Penyata Bank melebihi baki di Buku Tunai. Antara penerimaan tersebut ialah:

Faedah atas Simpanan

Pindahan Kredit

Dividen

- Pembayaran oleh pihak bank bagi pihak pelanggan (Peniaga)

- ✓ Pihak bank akan mendebitkan Penyata Bank bagi setiap pembayaran yang berlaku tetapi peniaga tidak mengetahui pembayaran tersebut. Maka tiada catatan direkod di Buku Tunai. Kesannya, baki Penyata Bank akan berkurang nilai berbanding baki di Buku Tunai. Antara pembayaran tersebut ialah:

Bayaran Buku Cek

Caj perkhidmatan bank

Perintah sedia ada seperti bayaran insurans atau yuran kelab

Faedah atas Overdraf

- Cek Tak Laku (Cek Tak Layan)

- ✓ Cek yang didepositkan oleh pelanggan dipulangkan semula oleh pihak bank atas sebab-sebab tertentu. Pihak bank akan mendebitkan amaun cek tersebut di penyata bank tetapi tiada catatan dibuat di Buku Tunai sehingga peniaga mendapat notis dari pihak bank berkenaan cek tak laku tersebut. Kesannya, baki Penyata Bank berkurang nilai berbanding baki di Buku Tunai.


STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.
- Menerangkan perbezaan baki di Akaun Bank dalam Buku Tunai dengan baki Penyata Bank.
- Menerangkan butiran yang terdapat di Buku Tunai tetapi tidak terdapat dalam Penyata Bank dan sebaliknya.
- Menerangkan perbezaan antara angka dalam Penyata Bank dengan Buku Tunai pada suatu transaksi yang sama.

JOM FIKIR

Mungkinkah berlaku kesilapan dalam Penyata Bank? Berikan pendapat anda.



Gambar foto 3.4 Contoh Cek Tak Laku

Cek tak laku disebabkan kesilapan angka dan perkataan pada cek tersebut.

INFO TAMBAHAN

- Sekiranya terdapat perbezaan amaun antara Buku Tunai dengan Penyata Bank, amaun yang betul ialah amaun di Penyata Bank.

INFO TAMBAHAN

Cek tak laku merupakan cek yang dikembalikan oleh pihak bank kerana:

- Jumlah tunai dalam akaun semasa tidak mencukupi.
- Terdapat kesilapan catatan pada cek.
- Cek rosak.
- Tandatangan tidak sama dengan pemilik.
- Cek tamat tempoh sah laku.

Garis panduan cek tak laku boleh diakses di laman sesawang seperti berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms077


Perbezaan antara Angka di Penyata Bank dengan Buku Tunai pada Satu Transaksi yang Sama

Perbezaan amaun di Buku Tunai dengan amaun di Penyata Bank pada transaksi yang sama mungkin disebabkan oleh kesilapan. Kesilapan berlaku semasa peniaga merekod urus niaga di Buku Tunai perniagaannya.

Kesan kesilapan catatan di Buku Tunai

Jadual 3.2 Kesan Kesilapan Catatan di Buku Tunai

Situasi	Kesan ke atas baki	Tindakan
Amaun terlebih catat di sebelah debit Buku Tunai	Baki Buku Tunai > baki Penyata Bank	Kredit di Buku Tunai
Amaun terkurang catat di sebelah debit Buku Tunai	Baki Buku Tunai < baki Penyata Bank	Debit di Buku Tunai
Amaun terlebih catat di sebelah kredit Buku Tunai	Baki Buku Tunai < baki Penyata Bank	Debit di Buku Tunai
Amaun terkurang catat di sebelah kredit Buku Tunai	Baki Buku Tunai > baki Penyata Bank	Kredit di Buku Tunai




Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

Ada dua kaedah yang dapat digunakan untuk menyediakan Penyata Penyesuaian Bank. Kaedah pertama adalah dengan mengemas kini Buku Tunai. Kaedah kedua pula adalah tanpa mengemas kini Buku Tunai.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai.
 - Menghasilkan Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai.



Rajah 3.4 Kaedah Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

Langkah-langkah Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dapat difahami dengan melihat rajah di bawah.



Rajah 3.5 Langkah-langkah Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank

Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dengan Mengemas kini Buku Tunai (Kaedah 1)

- Mengikut kaedah ini, Buku Tunai perlu dikemas kini terlebih dahulu sebelum menyediakan Penyata Penyesuaian Bank.
- Buku Tunai dikemas kini dengan merekodkan butiran yang terdapat di Penyata Bank tetapi tidak dicatat di Buku Tunai. Misalnya:
 - (i) Penerimaan terus oleh bank bagi pihak pelanggan seperti dividen, pindahan kredit dan faedah atas simpanan tetap.
 - (ii) Pembayaran oleh bank bagi pihak pelanggan seperti caj bank, perintah sedia ada (Arahan tetap), bayaran buku cek dan faedah atas overdraf.

Jadual 3.3 Butiran Tidak Direkod di Buku Tunai

Butiran yang menyebabkan baki Buku Tunai bertambah	Butiran yang menyebabkan baki Buku Tunai berkurang
Terdapat di Penyata Bank	
(i) Dividen (ii) Pindahan kredit (iii) Faedah atas Simpanan	(i) Caj bank (ii) Perintah sedia ada (Arahan tetap) (iii) Bayaran buku cek
Terdapat di Buku Tunai	
(i) Kesilapan catatan di Buku Tunai <ul style="list-style-type: none"> • Penerimaan berkurangan catat • Pembayaran terlebih catat 	(i) Kesilapan catatan di Buku Tunai <ul style="list-style-type: none"> • Penerimaan terlebih catat • Pembayaran berkurangan catat (ii) Cek tak laku

- Berikut ialah format Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai:

Buku Tunai (Dikemas kini)					
Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	RM
	Baki b/b	X		(Butiran yang menyebabkan Buku Tunai berkurang)	X
	(Butiran yang menyebabkan Buku Tunai bertambah)	X		Baki h/b	X
		<u>XX</u>			<u>XX</u>
	Baki b/b	X			

Penyata Penyesuaian Bank pada....

Baki debit di Buku Tunai (dikemas kini)	RM X
<i>Tambah:</i> Cek Belum Dikemukakan	X
	<u>XX</u>
<i>Tolak:</i> Deposit Belum Dikreditkan	(X)
Baki kredit di Penyata Bank	<u>XX</u>

GERAK KERJA KUMPULAN 3.2

1. Nyatakan butiran yang dicatat di Buku Tunai tetapi belum dicatat di Penyata Bank.
2. Lengkapkan butiran jadual di bawah.

Butiran yang menyebabkan baki Buku Tunai bertambah	Butiran yang menyebabkan baki Buku Tunai berkurang

3. Nyatakan kaedah menyediakan Penyata Penyesuaian Bank.

CONTOH 1 Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank dengan mengemas kini Buku Tunai

Adli Enterprise menerima Penyata Bank untuk bulan Ogos 2017. Baki Penyata Bank berbeza dengan baki di Buku Tunainya. Penyata Bank dan Buku Tunai (ruangan bank) bagi bulan Ogos adalah seperti berikut:

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2017		RM	2017		No. cek	RM
Ogos 1	Baki b/b	8 700	Ogos 2	Belian	112120	3 800
4	Jualan	✓ 6 920	18	Alatan pejabat	112121	* 7 100 (K)
10	Sinaran Berhad	✓ 10 102	19	Amani Bakery	112122	240
13	Bayu Enterprise	(CTL) 840	23	Orchid Enterprise	112123	2 600
25	Jualan	✓ 4 710	28	Belanja runcit	112124	448
29	Anis Trading	1 928	29	Belian	112125	1 212
			31	Baki h/b		17 800
		<u>33 200</u>				<u>33 200</u>
Sep. 1	Baki b/b	17 800				

✓
*terlebih
catat
RM5 400

CTL - Cek tak laku

K - Kesilapan

Penyata Bank bagi Bulan Ogos 2017

Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2017			RM	RM	RM
Ogos 1	Baki				12 800
3	Cek	112120	3 800 ✓		9 000
4	Deposit			6 920 ✓	15 920
7	Cek	112119	3 200		12 720
	Cek	112118	900		11 820
12	Deposit			10 102 ✓	21 922
13	Sewa- Arahan tetap		500		21 422
14	Dividen-Teraju Berhad			1 300	22 722
20	Cek	112122	240 ✓		22 482
21	Cek	112121	1 700		20 782
24	Caj Bank		70		20 712
26	Cek	112123	2 600 ✓		18 112
27	Deposit			4 710 ✓	22 822

NOTA

Abaikan cek no. 112119 dan cek no. 112118 di Penyata Bank kerana cek tersebut telah dicatat di Buku Tunai bulan sebelumnya.

Maklumat Tambahan:

- (i) Cek No. 112121 telah tersalah rekod di Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 13 Ogos telah dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk Pesuruh Bayar”.

Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2017 dengan mengemas kini Buku Tunai.

Penyelesaian

Buku Tunai (Dikemas Kini)

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	RM
2017			2017		
Ogos 31	Baki b/b	17 800	Ogos 31	Sewa (Arahan tetap)	500
	Dividen	1 300		Caj bank	70
	Alatan Pejabat (Kesilapan)	5 400		Bayu Enterprise (Cek tak laku)	840
		<u>24 500</u>		Baki h/b	23 090
					<u>24 500</u>
Sep. 1	Baki b/b	23 090			

Panduan untuk Buku Tunai dikemas kini:

- Masukkan baki sebelum pelarasan di Buku Tunai.
- Catatkan amaun yang dibulatkan di Penyata Bank ke dalam Buku Tunai dikemas kini. (warna kuning)
- Ambil kira jika ada kesilapan dan cek tak laku. (warna biru)
- Imbang Buku Tunai dan pindahkan baki Buku Tunai (dikemas kini) ke Penyata Penyesuaian Bank.

Alatan pejabat terlebih catat di sebelah kredit Buku Tunai sebanyak RM5 400. (RM7 100–RM1 700)

NOTA

Anda juga boleh menulis no. cek sebagai butiran.

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2017

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai yang dikemas kini		23 090
<i>Tambah:</i> Cek Belum Dikemukakan		
Belanja runcit (No. cek 112124)	448	
Belian (No. cek 112125)	1 212	
	<u>1 660</u>	
		24 750
<i>Tolak:</i> Deposit Belum Dikreditkan		
Anis Trading	(1 928)	
Baki kredit di Penyata Bank		<u>22 822</u>

Catatkan amaun di Buku Tunai yang belum direkodkan di Penyata Bank. (Amaun yang dibulatkan)

Panduan untuk Penyata Penyesuaian Bank:

- Penyata Penyesuaian Bank akan dimulai dengan baki b/b dari Buku Tunai dikemas kini.
- Catat amaun yang dibulatkan di Buku Tunai ke dalam Penyata Penyesuaian Bank.
- Baki di Penyata Penyesuaian Bank mestilah sama dengan baki di Penyata Bank.

JOM FIKIR

Jika kaedah mengemas kini Buku Tunai digunakan, bolehkah Penyata Penyesuaian Bank dimulakan dengan baki Penyata Bank? Berikan pandangan anda.

Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank Tanpa Mengemas kini Buku Tunai (Kaedah 2)

Berikut ialah format Penyata Penyesuaian Bank tanpa mengemas kini Buku Tunai.

(a) Bermula dengan baki di Buku Tunai

Penyata Penyesuaian Bank pada...		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai / Baki Kredit di Buku Tunai		X/(X)
<i>Tambah:</i> Cek Belum Dikemukakan	X	
Dividen	X	
Faedah atas Simpanan	X	
Pindahan kredit	X	
Kesilapan (amaun di sebelah kredit terlebih catat/amaun sebelah debit terkurang catat di Buku Tunai)	X	
	<hr/>	X
		<hr/> XX
<i>Tolak:</i> Deposit Belum Dikreditkan	X	
Cek tak laku	X	
Caj bank	X	
Buku cek	X	
Faedah atas Overdraf	X	
Perintah sedia ada	X	
Kesilapan (amaun sebelah kredit terkurang catat/amaun sebelah debit terlebih catat di Buku Tunai)	X	
	<hr/>	(X)
Baki kredit di Penyata Bank / Baki debit di Penyata Bank		<hr/> <hr/> XX/(XX)

(b) Bermula dengan baki di Penyata Bank

Penyata Penyesuaian Bank pada...		
	RM	RM
Baki kredit di Penyata Bank / Baki debit di Penyata Bank		X/(X)
<i>Tambah:</i> Deposit Belum Dikreditkan	X	
Cek tak laku	X	
Caj bank	X	
Buku cek	X	
Faedah atas Overdraf	X	
Perintah sedia ada	X	
Kesilapan (amaun sebelah kredit terkurang catat/amaun sebelah debit terlebih catat di Buku Tunai)	X	
	<hr/>	X
		<hr/> XX
<i>Tolak:</i> Cek Belum Dikemukakan	X	
Dividen	X	
Faedah atas Simpanan	X	
Pindahan kredit	X	
Kesilapan (amaun sebelah kredit terlebih catat/amaun sebelah debit terkurang catat di Buku Tunai)	X	
	<hr/>	(X)
Baki debit di Buku Tunai / Baki kredit di Buku Tunai		<hr/> <hr/> XX/(XX)

CONTOH 2 Penyediaan Penyata Penyesuaian tanpa mengemas kini Buku Tunai

Berdasarkan **Contoh 1**, sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2017 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

- (i) bermula baki di Buku Tunai
- (ii) bermula baki di Penyata Bank

Penyelesaian

- (i) Bermula dengan baki debit di Buku Tunai

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2017

	RM	RM	
Baki debit di Buku Tunai		17 800	
<i>Tambah:</i> Cek Belum Dikemukakan			} Amaun di sebelah KREDIT Buku Tunai dan Penyata Bank.
Belanja runcit (No. cek 112124)	448		
Belian (No. cek 112125)	1 212		
Alatan pejabat (Kesilapan)	5 400		
Dividen	1 300		
		<u>8 360</u>	
		26 160	
<i>Tolak:</i> Deposit Belum Dikreditkan			} Amaun di sebelah DEBIT Buku Tunai dan Penyata Bank.
Anis Trading	1 928		
Bayu Enterprise (Cek tak laku)	840		
Sewa (Arahan tetap)	500		
Caj bank	70		
		<u>(3 338)</u>	
Baki kredit di Penyata Bank		<u><u>22 822</u></u>	

- (ii) Bermula dengan baki kredit di Penyata Bank

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Ogos 2017

	RM	RM
Baki kredit di Penyata Bank		22 822
<i>Tambah:</i> Deposit Belum Dikreditkan		
Anis Trading	1 928	
Bayu Enterprise (Cek tak laku)	840	
Sewa (Arahan tetap)	500	
Caj bank	70	
		<u>3 338</u>
		26 160
<i>Tolak:</i> Cek Belum Dikemukakan		
Belanja runcit (No. cek 112124)	448	
Belian (No. cek 112125)	1 212	
Alatan pejabat (Kesilapan)	5 400	
Dividen	1 300	
		<u>(8 360)</u>
Baki debit di Buku Tunai		<u><u>17 800</u></u>

Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank (Akaun Bank berbaki overdraf)

Overdraf berlaku apabila pengeluaran wang melebihi baki yang terdapat dalam akaun bank pelanggan.

Buku Tunai berbaki kredit

atau

Penyata Bank berbaki debit

CONTOH 3 Penyediaan Penyata Penyesuaian Bank (Penyata Bank berbaki Debit)

Perniagaan Astana menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 31 Oktober 2017 dan mendapati baki Penyata Bank dan Buku Tunai tidak sama. Berikut merupakan Buku Tunai dan Penyata Bank perniagaannya.

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2017		RM	2017			RM
Okt 1	Baki b/b	600	Okt 6	Perabot	15006	1200 ✓
5	Jualan	✓ 3000	8	Belian	15007	1000 ✓
9	Komisen	✓ 600	11	Perniagaan Boon Siew	15008	2100 ✓
10	Selina	700	14	Pembekal Ilmiah	15009	2200 ✓
12	Amri	980	23	Kadar bayaran	15010	120 ✓
15	Jualan	✓ 2000	27	Lengkapan	15011	1700
25	Sewa Diterima	500	31	Baki h/b		1360
28	Jualan (CTL)	1300				
		9680				9680
Nov. 1	Baki b/b	1360				

Penyata Bank

Tarikh	Butiran	Debit	Kredit	Baki
2017		RM	RM	RM
Okt 1	Baki			700
5	Deposit		3000 ✓	3700
9	Deposit		600 ✓	4300
10	Cek 15006	1200 ✓		3100
12	Cek 15007	1000 ✓		2100
15	Deposit		2000 ✓	4100
18	Ansuran kenderaan-Perintah sedia ada	1000		3100
19	Cek 15004	100		3000
23	Dividen		400	3400
24	Cek 15008	2100 ✓		1300
28	Faedah atas Simpanan		250	1550
29	Cek 15010	120 ✓		1430
30	Cek 15009	2200 ✓		(770)

NOTA

Abaikan cek no. 15004 di Penyata Bank kerana cek tersebut telah dicatat di Buku Tunai bulan sebelumnya.

Baki debit Penyata Bank bermaksud overdraf.

Maklumat Tambahan:

(i) Cek yang diterima pada 28 Oktober 2017 merupakan cek tak laku.

Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2017 tanpa mengemas kini Buku Tunai.

Penyelesaian

(i) Bermula baki debit di Buku Tunai

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2017

	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai		1 360
<i>Tambah:</i> Cek Belum Dikemukakan		
Lengkapan (No. cek 15011)	1 700	
Dividen	400	
Faedah atas Simpanan	250	
		<u>2 350</u>
		3 710
<i>Tolak:</i> Deposit Belum Dikreditkan		
Selina	700	
Amri	980	
Sewa Diterima	500	
Jualan (Cek tak laku)	1 300	
Ansuran kenderaan (Perintah sedia ada)	1 000	
		<u>(4480)</u>
Baki debit di Penyata Bank		<u><u>(770)</u></u>

(ii) Bermula dengan baki kredit di Penyata Bank

Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2017

	RM	RM
Baki debit di Penyata Bank		(770)
<i>Tambah:</i> Deposit Belum Dikreditkan		
Selina	700	
Amri	980	
Sewa Diterima	500	
Jualan (Cek tak laku)	1 300	
Ansuran kenderaan (Perintah sedia ada)	1 000	
		<u>4 480</u>
		3 710
<i>Tolak:</i> Cek Belum Dikemukakan		
Lengkapan (No. cek 15011)	1 700	
Dividen	400	
Faedah atas Simpanan	250	
		<u>(2 350)</u>
Baki debit di Buku Tunai		<u><u>1 360</u></u>

GERAK KERJA INDIVIDU 3.2 

Jadual berikut berkaitan peraturan menyediakan Penyata Penyesuaian Bank. Tentukan item di bawah sama ada ditambah (+) atau ditolak (-) semasa penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.

Sebab-sebab perbezaan	Penyata Penyesuaian Bank bermula dengan:		
	Baki Buku Tunai dikemas kini	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
(a) Cek belum dikemukakan.			
(b) Dividen dan faedah atas simpanan di bank.			
(c) Deposit belum dikreditkan.			
(d) Buku cek, cek tak laku, arahan tetap dan lain-lain.			

MASTERI TOPIKAL 3.2 

- Encik Ramasamy menerima Penyata Bank dari Bank Perkasa Berhad. Beliau mendapati baki di Buku Tunai tidak sama dengan baki di Penyata Bank yang diterimanya. Hal ini menyebabkan Encik Ramasamy berasa keliru.

Anda sebagai pelajar Prinsip Perakaunan, terangkan kepada Encik Ramasamy sebab perkara tersebut berlaku.

- Encik Muhaimin, pemilik Muhaimin Enterprise mendapati baki akaun bank di Buku Tunai pada 31 Ogos 2017 berjumlah RM7 800 dan baki di Penyata Bank berjumlah RM4 850. Perbezaan ini disebabkan oleh perkara berikut:

- Pihak bank telah membayar insurans sebanyak RM600 dan sewa kedai RM1 000 bagi perintah sedia ada.
- Cek yang dikeluarkan kepada pembekal sebanyak RM2 500 belum dikemukakan untuk pembayaran.
- Deposit sebanyak RM3 200 belum dikreditkan oleh pihak bank.
- Dividen atas simpanan tetap berjumlah RM700 dan bayaran buku cek RM50 belum direkodkan dalam Buku Tunai.
- Sekeping cek berjumlah RM1 300 dipulangkan oleh pihak bank kerana tak laku.

Anda sebagai kerani kewangan perlu membantu Encik Muhaimin menyediakan Penyata Penyesuaian Bank bagi menyelaraskan baki bank di Buku Tunai dan baki di Penyata Bank pada 31 Ogos 2017.

3.3 BELANJAWAN TUNAI

Kepentingan Belanjawan Tunai

- Belanjawan Tunai ialah anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaan bagi suatu tempoh tertentu.
- Disediakan untuk melihat keupayaan tunai pada masa hadapan sama ada perniagaan mempunyai lebihan tunai atau kekurangan tunai.
- Membolehkan peniaga merancang dan membuat kawalan tunai dengan berkesan.
- Kepentingan Belanjawan Tunai kepada perniagaan adalah seperti berikut:



Rajah 3.6 Kepentingan Belanjawan Tunai

Penerimaan dan Pembayaran dalam Belanjawan Tunai

- **Penerimaan** tunai merupakan anggaran semua penerimaan yang melibatkan wang tunai atau cek oleh perniagaan dalam suatu tempoh tertentu.
- Penerimaan tunai membolehkan peniaga menampung segala perbelanjaan perniagaan.
- Sekiranya amaun penerimaan lebih besar daripada pembayaran, perniagaan tersebut mempunyai aliran tunai yang baik.
- Contoh penerimaan tunai ialah modal yang dibawa masuk, jualan tunai, jualan tunai Aset Bukan Semasa dan kutipan hutang.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan kepentingan Belanjawan Tunai.
- Menerangkan maksud penerimaan dan pembayaran.

INFO TAMBAHAN

Belanjawan Tunai biasanya disediakan bagi tempoh suku tahun, setengah tahun atau setahun.

JOM CARI

Apakah tujuan Belanjawan Tunai disediakan?



CELIK KEWANGAN

Konsep Belanjawan Tunai dapat membantu individu dan organisasi mengurus kewangan secara berhemat. Untuk mengetahui amalan pengurusan kewangan berhemat yang lain, sila layari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms087

JOM CARI

Apakah yang anda tahu tentang "Defisit Belanjawan"?

- **Pembayaran** merupakan anggaran semua pembayaran perniagaan yang dibayar secara tunai atau cek oleh perniagaan dalam suatu tempoh tertentu.
- Pembayaran yang dilakukan adalah untuk menampung aktiviti sesuatu perniagaan dan memastikan perniagaan berjalan dengan lancar.
- Contoh pembayaran ialah belian tunai, bayaran kepada pembekal, belanja operasi, ansuran pinjaman dan pembelian Aset Bukan Semasa.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan maksud lebih dan kurang.
- Menerangkan maksud penerimaan sebenar melebihi penerimaan yang dijangka dan sebaliknya.
- Menerangkan maksud pembayaran sebenar melebihi pembayaran yang dijangka dan sebaliknya.


Lebih dan Kurang dalam Belanjawan Tunai

Lebih diperoleh sekiranya jumlah penerimaan melebihi jumlah pembayaran. Lebih yang diterima mencerminkan perniagaan mempunyai struktur kewangan yang mantap.

Kurang pula berlaku apabila jumlah pembayaran melebihi jumlah penerimaan. Sekiranya Belanjawan Tunai mempunyai nilai kurang maka peniaga perlu mencari alternatif untuk menampung kurang tersebut.

Alternatif yang boleh diambil oleh peniaga untuk mengatasi kurang Belanjawan Tunai ialah:


- Membuat pinjaman daripada institusi kewangan
- Meningkatkan jualan
- Mengurangkan perbelanjaan perniagaan



Rajah 3.7 Maksud Lebih dan Kurang dalam Belanjawan Tunai

Perbandingan Penerimaan Sebenar dengan Penerimaan yang Dijangka

(i) Penerimaan sebenar **melebihi** penerimaan yang dijangka




Penerimaan	Sebenar	Yang dijangka
	RM	RM
Jualan	10 000	8 000



Berdasarkan jadual penerimaan di atas, nilai jualan sebenar perniagaan RM10 000 melebihi jualan yang dijangka RM8 000. Situasi ini menunjukkan perniagaan mempunyai prestasi yang baik kerana berupaya meningkatkan hasil jualan.

(ii) Penerimaan sebenar **kurang** daripada penerimaan yang dijangka




Penerimaan	Sebenar	Yang dijangka
Komisen	RM 450	RM 500



Situasi di atas pula menunjukkan penerimaan sebenar bagi komisen RM450 adalah kurang daripada penerimaan yang dijangka RM500. Ini menunjukkan prestasi perniagaan adalah tidak memuaskan kerana perniagaan tidak mampu memperoleh sasaran hasil komisen yang telah ditetapkan.

Perbandingan Pembayaran Sebenar dengan Pembayaran yang Dijangka

(i) Pembayaran sebenar **melebihi** pembayaran yang dijangka




Pembayaran	Sebenar	Yang dijangka
Gaji	RM 12 000	RM 11 300



Berdasarkan jadual pembayaran di atas, gaji sebenar perniagaan RM12 000 melebihi gaji yang dijangkakan RM11 300. Hal ini menunjukkan prestasi perniagaan adalah tidak memuaskan kerana gaji melebihi jangkauan.

(ii) Pembayaran sebenar **kurang** daripada pembayaran yang dijangka



Pembayaran	Sebenar	Yang dijangka
Kadar bayaran	RM 250	RM 350



Situasi di atas pula menunjukkan kadar bayaran sebenar perniagaan RM250 kurang daripada kadar bayaran yang dijangka RM350. Situasi ini menunjukkan perniagaan mempunyai prestasi yang baik kerana berjaya mengurangkan belanja kadar bayaran.

NOTA PANTAS

Situasi		Prestasi Perniagaan	
Penerimaan			
Sebenar	>	yang dijangka	Memuaskan
	<		Tidak Memuaskan
Pembayaran			
Sebenar	<	yang dijangka	Memuaskan
	>		Tidak Memuaskan

GERAK KERJA INDIVIDU 3.3.1

Perbandingan penerimaan dan pembayaran sebenar dengan yang dijangka.

BUTIRAN	SEBENAR (RM)	YANG DIJANGKA (RM)	PRESTASI PERNIAGAAN
Penerimaan			
Modal	50 000	50 000	-
Jualan	20 000	22 000	Tidak Memuaskan
Akaun Belum Terima	3 000	2 000	
Jumlah Penerimaan	73 000	74 000	
Pembayaran			
Belian	15 000	16 500	
Akaun Belum Bayar	5 000	6 500	
Gaji	3 000	3 000	
Kadar bayaran	300	250	
Jumlah Pembayaran	23 300	26 250	
Lebihan	49 700	47 750	

Anda dikehendaki menganalisis jadual di atas dan menentukan prestasi perniagaan dengan menulis **memuaskan** atau **tidak memuaskan** di ruangan prestasi perniagaan.

Format Belanjawan Tunai

Nama Perniagaan
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir...

Butiran	Bulan RM	Bulan RM	Bulan RM
Baki b/b			
Penerimaan			
Modal			
Jualan Tunai			
Akaun Belum Terima			
Jualan Aset Bukan Semasa			
Faedah Atas Simpanan/Dividen			
Pinjaman Bank			
Komisen Diterima			
Jumlah Penerimaan			
Pembayaran			
Belian Tunai			
Akaun Belum Bayar			
Belanja Operasi			
Ansuran Pinjaman			
Jumlah Pembayaran			
Lebihan/(Kurangan)			
Baki h/b			

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Melakar format Belanjawan Tunai.
 - Mengenal pasti butiran penerimaan dan pembayaran.

INFO TAMBAHAN

Contoh belanja operasi ialah kadar bayaran, gaji dan sewa.

NOTA

Jumlah penerimaan – Jumlah pembayaran = Lebihan / (Kurangan)

Baki h/b dari bulan pertama akan menjadi baki b/b bulan berikutnya.

Baki b/b + lebihan = baki h/b
@
Baki b/b – kurangan = baki h/b

NOTA

Bagi perniagaan yang baru memulakan operasi, tiada baki tunai pada bulan pertama Belanjawan Tunai.
Baki b/b = baki tunai pada awal bulan
Baki h/b = baki tunai pada akhir bulan

NOTA

Penerimaan dan pembayaran adalah secara tunai dan cek sahaja.

Langkah-langkah Penyediaan Belanjawan Tunai

Untuk menyediakan Belanjawan Tunai, langkah-langkahnya adalah seperti di bawah:



Rajah 3.8 Langkah Penyediaan Belanjawan Tunai

Butiran Penerimaan dan Pembayaran

- Sebelum menyediakan Belanjawan Tunai, butiran penerimaan dan pembayaran secara tunai (wang tunai dan cek) perlu dikenal pasti.
- Penerimaan akan menambahkan nilai tunai manakala pembayaran akan mengurangkan tunai perniagaan.
- Belanjawan Tunai penting kepada setiap peniaga untuk merancang dan membuat kawalan tunai.
- Contoh butiran penerimaan dan pembayaran seperti dalam jadual berikut:

Penerimaan	Pembayaran
<ul style="list-style-type: none"> * Modal yang dilaburkan/modal tambahan * Jualan Tunai * Penerimaan daripada Akaun Belum Terima untuk jualan kredit * Jualan tunai Aset Bukan Semasa * Pinjaman bank * Faedah atas Simpanan/Dividen * Komisen Diterima 	<ul style="list-style-type: none"> * Belian Tunai * Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar untuk belian kredit * Belanja operasi seperti gaji pekerja, kadar bayaran dan premium insurans * Ansuran pinjaman * Pembelian tunai Aset Bukan Semasa

Rajah 3.9 Contoh Butiran Penerimaan dan Pembayaran

GERAK KERJA INDIVIDU 3.3.2

Tandakan (✓) bagi komponen yang betul dan tandakan (X) bagi yang salah untuk butiran Belanjawan Tunai di bawah ini.

Komponen Penerimaan	✓ / ✗	Komponen Pembayaran	✓ / ✗
Jualan Tunai		Akaun Belum Terima	
Akaun Belum Bayar		Sewa	
Ansuran pinjaman		Pinjaman	
Modal tambahan		Kadar bayaran	

Penyediaan Belanjawan Tunai secara manual

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menghasilkan Belanjawan Tunai secara manual dan menggunakan aplikasi TMK.

CONTOH 4 Menyediakan Belanjawan Tunai (secara manual)

Pada 1 April 2018, baki tunai Perniagaan Ziyad berjumlah RM28 000. Berikut adalah anggaran penerimaan dan pembayaran tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2018:

- Anggaran jualan bagi bulan April ialah RM30 000. Jualan dijangka meningkat sebanyak 20% pada bulan-bulan berikutnya.
- Anggaran belian tunai:

	RM
April	15 000
Mei	20 000
Jun	25 000

- Pada bulan Mei, perabot kedai berharga RM2 500 dibeli secara tunai.
- Pada bulan Jun, perniagaan dijangka akan mengubah suai premis dengan kos perbelanjaan berjumlah RM6 000.
- Mulai bulan Mei, dua lot premis akan disewakan kepada peniaga lain dengan kadar sewa RM400 sebulan bagi satu lot premis.
- Anggaran belanja bulanan:

	RM
Gaji pekerja	1 600
Kadar bayaran	500
Promosi	300

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2018.

Penyelesaian

Perniagaan Ziyad Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2018

Butiran	April	Mei	Jun
	RM	RM	RM
Baki b/b	28 000	40 600	52 500
Penerimaan			
Jualan Tunai	30 000	36 000	43 200
Sewa	-	800	800
Jumlah Penerimaan	30 000	36 800	44 000
Pembayaran			
Belian Tunai	15 000	20 000	25 000
Perabot	-	2 500	-
Ubah suai premis	-	-	6 000
Gaji pekerja	1 600	1 600	1 600
Kadar bayaran	500	500	500
Promosi	300	300	300
Jumlah Pembayaran	17 400	24 900	33 400
Lebihan/(Kurangan)	12 600	11 900	10 600
Baki h/b	40 600	52 500	63 100

CONTOH 5 Menyediakan Belanjawan Tunai (secara manual)



Daniel dan Susan akan memulakan perniagaan DS Trading pada 1 Ogos 2018 dengan membawa masuk modal tunai di bank RM50 000 dan kenderaan RM6 000. Berikut ialah anggaran penerimaan dan pembayaran bagi tiga bulan pertama perniagaannya.

(i) Belian pada bulan Ogos dianggarkan berjumlah RM7 000 dan meningkat sebanyak 10% bagi bulan berikutnya. 40% daripada jumlah belian setiap bulan ialah belian kredit yang perlu dijelaskan pada bulan berikutnya.

(ii) Anggaran jualan tunai pada bulan Ogos ialah RM12 000 dan akan meningkat sebanyak 20% pada bulan berikutnya. Sebanyak 30% daripada jumlah jualan merupakan jualan kredit dengan tempoh kredit sebulan.

(iii) Pada bulan September, Daniel dan Susan membeli alatan pejabat bernilai RM8 000.

(iv) Anggaran belanja bulanan:

	RM
Gaji	8 000
Kadar bayaran	150
Belanja Am	400

(v) Pada bulan Oktober, perniagaan dijangka memperoleh pinjaman RM40 000 dengan kadar faedah 6% setahun selama empat tahun. Bayaran bulanan berserta faedah akan dibuat bermula pada bulan Oktober 2018.

Sediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2018.

Penyelesaian

**DS Trading
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2018**

Butiran	Ogos	September	Oktober
	RM	RM	RM
Baki b/b	-	45 650	35 360
Penerimaan			
Modal	50 000	-	-
Jualan Tunai ¹	8 400	10 080	12 096
Akaun Belum Terima ²	-	3 600	4 320
Pinjaman	-	-	40 000
Jumlah Penerimaan	58 400	13 680	56 416
Pembayaran			
Belian Tunai ³	4 200	4 620	5 082
Akaun Belum Bayar ⁴	-	2 800	3 080
Alatan pejabat	-	8 000	-
Gaji	8 000	8 000	8 000
Kadar bayaran	150	150	150
Belanja Am	400	400	400
Ansuran pinjaman ⁵	-	-	1 033
Jumlah Pembayaran	12 750	23 970	17 745
Lebihan/(Kurangan)	45 650	(10 290)	38 671
Baki h/b	45 650	35 360	74 031

Kurangan = Jumlah penerimaan < Jumlah Pembayaran

Lebihan = Jumlah penerimaan > Jumlah Pembayaran

Nota Pengiraan:			
Butiran	Ogos	September	Oktober
1. U alatan Tunai	$RM12\ 000 \times 70\% = RM8\ 400$	$RM14\ 400 \times 70\% = RM10\ 080$	$RM17\ 280 \times 70\% = RM12\ 096$
2. Akaun Belum Terima	-	$RM12\ 000 \times 30\% = RM3\ 600$	$RM14\ 400 \times 30\% = RM4\ 320$
3. Belian Tunai	$RM7\ 000 \times 60\% = RM4\ 200$	$RM7\ 700 \times 60\% = RM4\ 620$	$RM8\ 470 \times 60\% = RM5\ 082$
4. Akaun Belum Bayar	-	$RM7\ 000 \times 40\% = RM2\ 800$	$RM7\ 700 \times 40\% = RM3\ 080$
5. Ansuran pinjaman (termasuk faedah pinjaman)	-	-	$\frac{RM40\ 000 + (RM40\ 000 \times 6\% \times 4\ \text{tahun})}{48\ \text{bulan}}$ = RM1 033.33

Penyediaan Belanjawan Tunai menggunakan aplikasi TMK

Kaedah Penyediaan Belanjawan Tunai Menggunakan Aplikasi TMK

- Belanjawan Tunai juga boleh disediakan menggunakan Lembaran Hambaran Elektronik (LHE).
- Berikut ialah langkah-langkah menyediakan Belanjawan Tunai secara LHE.
 1. Sediakan format Belanjawan Tunai berserta nama perniagaan dan tajuk Belanjawan Tunai.
 2. Masukkan butiran dan maklumat penerimaan dan pembayaran seperti di rajah 3.10.
 3. Gerakkan **cursor** di kolom **B12** (jumlah penerimaan), pilih ikon **formulas** di panel paparan. Seterusnya pilih ikon **Autosum** untuk mengira jumlah penerimaan. Ulang langkah di atas untuk mengira jumlah pembayaran.
 4. Masukkan formula untuk mengira lebihan atau (kurangan) dan baki h/b seperti di rajah 3.10.
 5. Ulang langkah tiga dan empat bagi bulan September dan Oktober. Gunakan kemahiran komputer untuk membentuk Belanjawan Tunai yang lengkap dan sistematik.





DS Trading
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Oktober 2018

Butiran	Ogos	September	Oktober
	RM	RM	RM
Baki b/b		45 650	35 360
Penerimaan			
Modal	50 000		
Jualan Tunai	8 400	10 080	12 096
Akaun Belum Terima		3 600	4 320
Pinjaman			20 000
Jumlah penerimaan	58 400	13 680	36 416
Pembayaran			
Belian Tunai	4 200	4 620	5 082
Akaun Belum Bayar		2 800	3 080
Alatan Pejabat		8 000	
Gaji	8 000	8 000	8 000
Kadar bayaran	150	150	150
Belanja Am	400	400	400
Bayaran balik pinjaman			500
Jumlah pembayaran	12 750	23 970	17 212
Lebihan/(Kurangan)	45 650	(10 290)	19 204
Baki h/b	45 650	35 360	54 564

Formulas and Annotations:

- Cell B7: = B23
- Cell B12: = B8:B11
- Cell B21: = B14:B20
- Cell B22: = B6+B22
- Cell B23: = B12-B21

Rajah 3.10 Contoh Lembaran Hamparan Elektronik (LHE)

MASTERI TOPIKAL 3.2



1. Jelaskan mengapa perbelanjaan seperti susut nilai Aset Bukan Semasa dan Peruntukan Hutang Ragu tidak dicatat dalam Belanjawan Tunai.
2. Jadual berikut menunjukkan Belanjawan Tunai Naufal Enterprise bagi tiga bulan berakhir pada 31 Julai 2018.

Naufal Enterprise
Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Julai 2018

Butiran	Mei	Jun	Julai
	RM	RM	RM
Baki b/b	—		
Penerimaan			
Modal	30 000		
Jualan Tunai	5 400	5 700	6 000
Akaun Belum Terima		3 600	4 320
Jumlah Penerimaan			
Pembayaran			
Belian Tunai	3 200	3 500	3 800
Akaun Belum Bayar		2 100	3 080
Gaji	2 000	2 000	2 000
Kadar bayaran	250	250	250
Jumlah Pembayaran			
Lebihan/(Kurangan)			
Baki h/b			

Anda dikehendaki membantu Naufal Enterprise menyediakan Belanjawan Tunai yang lengkap menggunakan Aplikasi TMK yang telah dipelajari.

3. Encik Rahman telah memberikan maklumat berikut yang berkaitan perniagaan perabotnya bagi tempoh enam bulan.

Butiran	Yang dijangka RM	Sebenar RM
Jualan	128 000	148 000
Akaun Belum Terima	48 700	42 300
Akaun Belum Bayar	25 000	28 000
Belian	80 000	71 500
Kadar bayaran	3 000	3 500

Sebagai pelajar Prinsip Perakaunan, ulas prestasi perniagaan perabot Encik Rahman.

Jawapan: 2) Baki h/b Naufal Enterprise RM32 590

AKTIVITI PENGAYAAN



Bagi pernyataan yang diberikan di bawah, cari jawapan pada 'ruangan tersembunyi':

1. Kaedah _____ dilakukan untuk mengurangkan risiko kecurian dan penyelewengan tunai.
2. Aset yang paling cair ialah _____.
3. Salinan rekod yang dihantar oleh bank disebut _____.
4. Pemegang akaun _____ boleh menggunakan kemudahan buku cek.
5. Merupakan anggaran penerimaan dan pembayaran tunai.
6. Contoh komponen penerimaan dalam Belanjawan Tunai ialah _____ dan _____.
7. Keadaan jumlah anggaran penerimaan tunai melebihi anggaran pembayaran tunai.
8. Penerimaan oleh pihak bank bagi pihak peniaga disebut _____.
9. Merupakan item yang tidak direkod dalam Buku Tunai tetapi direkod di Penyata Bank.
10. Contoh komponen pembayaran di Belanjawan Tunai ialah _____ dan _____.

S	E	N	M	P	I	P	M	T	R	M	P	A	D	E	A	T	U
A	P	A	L	E	S	A	A	U	G	I	R	S	F	S	Z	U	T
M	O	Z	U	N	D	T	L	N	H	U	V	L	T	I	S	N	E
L	L	C	T	Y	A	L	I	A	F	L	U	I	G	M	D	E	R
E	K	Y	H	A	M	G	C	I	W	Q	S	M	U	E	E	R	A
B	I	H	L	T	F	E	A	S	B	G	R	O	H	S	C	D	M
I	B	E	L	A	N	J	A	W	A	N	T	U	N	A	I	B	E
H	F	T	A	B	W	D	E	T	G	H	Y	U	I	A	T	S	S
A	K	A	W	A	L	A	N	T	U	N	A	I	N	D	H	E	N
N	H	R	A	N	D	A	F	H	U	J	K	L	N	J	U	M	D
A	S	E	D	K	K	U	M	M	O	D	A	L	U	U	J	A	E
A	E	W	I	J	Y	U	L	M	N	O	D	F	G	A	I	S	V
S	W	C	A	J	B	A	N	K	A	E	D	R	H	L	K	A	I
G	A	A	S	D	H	D	I	V	I	D	E	N	I	A	L	A	D
H	A	X	G	A	J	J	A	Z	C	V	U	U	O	N	O	S	E
I	D	C	V	B	A	S	D	E	R	I	U	K	L	P	P	F	R
A	P	D	E	P	I	N	D	A	H	A	N	K	R	E	D	I	T
N	I	B	E	L	A	J	J	W	A	N	T	U	N	S	E	M	A

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Mengapakah kawalan dalam diwujudkan?
 - Merancang aktiviti perniagaan.
 - Meningkatkan prestasi perniagaan.
 - Menambah keuntungan perniagaan.
 - Memastikan pihak pengurusan mematuhi prosedur yang telah ditetapkan.
- Antara berikut, yang manakah **bukan** tujuan kawalan tunai dilaksanakan?
 - Mengelakkan berlakunya kecurian.
 - Supaya pentadbiran berjalan lancar.
 - Memastikan tunai perniagaan mencukupi.
 - Mengurangkan risiko penyelewengan tunai.
- Mengapakah Penyata Penyesuaian Bank perlu disediakan?
 - Menyemak kesilapan di Buku Tunai.
 - Mengenal pasti cek yang belum dikreditkan.
 - Mengenal pasti ketepatan catatan di Penyata Bank.
 - Menyelaraskan baki di Buku Tunai dan baki di Penyata Bank.

- Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Bunga Raya Sendirian Berhad.

	RM
Baki debit Buku Tunai	5 300
Cek Belum Dikemukakan	1 000
Deposit Belum Dikreditkan	6 650

Berapakah baki akhir di Penyata Bank?

- RM350 Dt
 - RM350 Kt
 - RM10 950 Dt
 - RM10 950 Kt
- Apakah yang menyebabkan baki di Buku Tunai berkurangan daripada baki di Penyata Bank?
 - Dividen
 - Cek tak laku
 - Perintah sedia ada
 - Deposit belum dikreditkan
 - Butiran yang manakah **tidak** terdapat dalam Buku Tunai sebelum dikemas kini?
 - Belian
 - Jualan
 - Faedah atas simpanan
 - Deposit belum dikreditkan

- Petikan Penyata Bank dan Buku Tunai berikut diperolehi daripada Kedai Sinaran.

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2017			RM	RM	RM
Jun 17	Deposit	0001		360	

Buku Tunai (Bahagian Debit)

Tarikh	Butir	Bank
2017		RM
Jun 12	Deposit (0001)	630

Maklumat Tambahan:

Jumlah Jualan tersalah catat dalam Buku Tunai perniagaan. Apakah catatan yang perlu dibuat untuk mengemas kini Buku Tunai?

- Debit RM270
- Debit RM360
- Kredit RM270
- Kredit RM360

- Cik Aisyah telah membuat pembayaran dengan cek bernilai RM755. Selepas membuat semakan, beliau mendapati catatan yang direkodkan di Buku Tunai ialah RM775 manakala catatan di Penyata Bank ialah RM755. Apakah yang perlu dilakukan oleh Cik Aisyah?

- Mendebit Buku Tunai RM20
- Mengkredit Buku Tunai RM20
- Mendebit Buku Tunai RM755
- Mengkredit Buku Tunai RM755

- Apakah butiran yang dikreditkan dalam Penyata Bank tetapi belum didebitkan dalam Buku Tunai?

- Caj bank
- Pindahan kredit
- Cek belum dikemukakan
- Deposit belum dikreditkan

10. Petikan Buku Tunai dan Penyata Bank yang berikut diperoleh daripada Kedai Zurin.

Buku Tunai (Bahagian Kredit)

Tarikh	Butir	Bank
2017		RM
Feb 22	Angkutan (600090)	530

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No.cek	Debit	Kredit	Baki
2017			RM	RM	RM
Feb 26	Cek	600090	350		

Apakah catatan yang perlu dilakukan untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM180
- B Kredit RM180
- C Debit RM350
- D Kredit RM350

11. Tujuan utama Belanjawan Tunai disediakan adalah

- A mengetahui jumlah wang tunai.
- B merancang penggunaan wang tunai.
- C mengenal pasti jumlah perbelanjaan.
- D mengenal pasti kedudukan kewangan.

12. Maklumat berikut diperoleh daripada Belanjawan Tunai Kedai Mesra Idaman.



Butiran	RM
Baki b/b	2 000
Jualan	3 300
Akaun Belum Terima	5 540
Belian	1 500
Akaun Belum Bayar	2 200
Kadar bayaran	130
Upah	500

Hitung baki akhir tunai Kedai Mesra Idaman.

- A RM2 170
- B RM2 510
- C RM4 510
- D RM6 510

13. Antara berikut, yang manakah butiran pembayaran dalam Belanjawan Tunai?

- I Pinjaman
 - II Modal
 - III Sewa
 - IV Faedah pinjaman
- A I dan II C II dan IV
B I dan III D III dan IV

Soalan 14 dan 15 berdasarkan maklumat di bawah.

Maklumat berikut diperoleh daripada Songket Enterprise.

Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Disember 2017			
Butiran	Okt	Nov	Dis
	RM	RM	RM
Baki Awal	2 000	C	F
Jumlah Penerimaan	11 890	9 040	12 000
Jumlah Pembayaran	9 900	10 800	10 800
Lebihan/(Kurangan)	A	D	G
Baki h/b	B	E	H

14. Apakah D?



- A Lebihan RM1 760
- B Lebihan RM2 230
- C Kurangan RM1 760
- D Kurangan RM2 430

15. Hitung baki akhir bagi bulan Disember.

- A RM2 000 C RM3 200
- B RM2 230 D RM3 430

16. Encik Hashim memohon pinjaman daripada Bank CK Berhad sebanyak RM100 000 dengan kadar faedah 2.5% setahun selama lapan tahun. Kirakan bayaran bulanan yang perlu dijelaskan oleh Encik Hashim jika pinjaman diluluskan.

- A RM1 250 C RM15 000
- B RM2 500 D RM20 000

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Perniagaan ANZ Trading telah menerima Penyata Bank bagi bulan Januari 2018 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki di Buku Tunai. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank untuk bulan tersebut.

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2018		RM	2018			RM
Jan 1	Baki b/b	7 030	Jan 6	Zam Trading	250003	660
5	Jualan	4 450	14	Maju Enterprise	250004	534
11	Jualan	2 540	18	Belian	250005	1 300
12	Perniagaan Mutiara	960	22	Perniagaan Iskandar	250006	800
17	Perniagaan Sin Chan	500	27	ABS Holding	250007	3 250
24	Rama Rao Trading	760	30	Perabot	250008	2 200
29	Perniagaan Bella	570	31	Baki h/b		8 066
		<u>16 810</u>				<u>16 810</u>

Penyata Bank

Tarikh	Butiran	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2018			RM	RM	RM
Jan 1	Baki				9 000
4	Cek	250002	720		8 280
8	Deposit			4 450	12 730
14	Faedah atas Simpanan Tetap			990	13 720
18	Deposit			500	14 220
23	Cek	250006	800		13 420
24	Cek	250001	1 250		12 170
25	Cek	250004	534		11 636
27	Dividen Perniagaan Kasturi			750	12 386
28	Insurans		1 000		11 386
29	Cek	250007	3 520		7 866
30	Deposit			570	8 436
31	Buku Cek		50		8 386

Maklumat Tambahan:

- Cek bernombor 250007 tersalah catat dalam Buku Tunai.
- Cek yang diterima pada 24 Januari 2018 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki:

- mengemas kini Buku Tunai.
- menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Januari 2018.

Jawapan: (a) Buku Tunai dikemas kini RM7 726 (debit), (b) Penyata Penyesuaian Bank RM8 386

2. Buku Tunai Cempaka Sari Enterprise menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 31 Mac 2018. Berikut ialah Penyata Bank dan Buku Tunai pada tarikh tersebut.

Penyata Bank

Tarikh	Butiran	No. cek	Debit	Kredit	Baki
2018			RM	RM	RM
Mac 1	Baki b/b				1 000 dt
3	Deposit			1 500	500
5	Cek	520041	970		470 dt
8	Cek			1 800	1 330
9	Cek	520042	900		430
11	Sewa - Perintah sedia ada		500		70 dt
14	Cek	520040	450		520 dt
14	Deposit			3 670	3 150
16	Dividen Mas Bhd.			500	3 650
16	Cek	520043	1 000		2 650
19	Cek	520044	500		2 150
20	Buku cek		40		2 110
21	Cek	520045	2 600		490 dt
26	Cek	520047	500		990 dt
28	Deposit			900	90 dt
31	Faedah atas Overdraf		150		240 dt

Buku Tunai

Tarikh	Butiran	Bank	Tarikh	Butiran	No. Cek	Bank
2018		RM	2018			RM
Mac 3	Jualan	1 500	Mac 1	Baki b/b		1 450
5	Komisen	1 800	4	Belian	520041	970
5	Kedai Micheal	1 500	7	Perabot	520042	900
9	Kedai Runcit Imran	1 100	11	Syarikat Maniam	520043	1 100
14	Jualan	3 670	15	Promosi	520044	500
20	Kasturi Ent.	800	17	Belian	520045	2 600
24	Kedai Tan Ping	1 500	20	Perniagaan Kasih	520046	3 300
29	Jualan	900	21	Kadar bayaran	520047	500
31	Baki h/b	200	25	Belanja Am	520048	450
			28	Gaji	520049	1 200
		12 970				12 970

Maklumat Tambahan:

- Cek yang diterima pada 20 Mac 2018 dipulangkan oleh bank dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.
- Cek yang dikeluarkan bernombor 520043 dikenal pasti berlaku kesilapan.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2018 bermula dengan baki debit Penyata Bank.

3. Baki Penyata Bank Perniagaan D'Songket berjumlah RM4 380 yang diterima bagi bulan Mei 2018 tidak sama dengan baki Buku Tunai yang berjumlah RM5 990. Setelah membandingkan Penyata Bank dengan Buku Tunai didapati bahawa:
- (i) Pihak bank telah mengenakan faedah atas overdraf bank berjumlah RM130.
 - (ii) Cek RM2 000 yang diterima daripada Akaun Belum Terima Mawi belum lagi didepositkan.
 - (iii) Cek berjumlah RM800 yang diterima daripada Farid tidak dilayan oleh bank.
 - (iv) Faedah atas simpanan RM100 dan caj buku cek RM50 belum direkod ke dalam Buku Tunai.
 - (v) Pihak bank telah membayar insurans RM250 bagi perintah sedia ada.
 - (vi) Cek bernombor 100991 bernilai RM700 untuk bayaran sewa belum dikemukakan untuk pembayaran.
 - (vii) Akaun Bank telah dikreditkan dengan dividen sebanyak RM500.
 - (viii) Sekeping cek bernilai RM750 yang dibayar kepada Saiful tersilap catat sebagai RM570 dalam Buku Tunai.
 - (ix) Pihak bank telah mengenakan caj RM20 sebagai bayaran perkhidmatan.
 - (x) Cek bernilai RM500 yang diterima daripada Sabrina belum lagi dikreditkan oleh bank.
 - (xi) Cek yang dikeluarkan kepada pembekal Azman RM1 020 belum didebitkan oleh bank.

Anda dikehendaki:

- (a) mengemas kini Buku Tunai.
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2018.

Jawapan: (a) Buku Tunai RM5 160 (debit), (b) Penyata Penyesuaian Bank RM4 380 (kredit)

4. Encik Alvin, pemilik Alvin Enterprise menjalankan perniagaan sewaan dewan untuk majlis keraian. Beliau ingin menyediakan anggaran Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2018. Baki tunai pada 1 April 2018 ialah RM49 900 dan baki kelengkapan ialah RM25 000.

Anggaran penerimaan dan pembayaran tunai perniagaannya adalah seperti berikut:

- (i) Penerimaan hasil sewa bagi bulan April berjumlah RM8 800. Pada bulan Mei dan Jun hasil sewa meningkat sebanyak 20% daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Perniagaan mempunyai dua orang pekerja yang dibayar upah sebanyak RM1 000 seorang setiap bulan. Pada bulan Jun, perniagaan telah mengambil seorang lagi pekerja yang dibayar upah sebanyak RM1 200 sebulan.
- (iii) Pada bulan Mei pemilik membeli tiga set meja makan bernilai RM800 setiap set.
- (iv) Kadar bayaran bagi tiga bulan adalah seperti berikut:

Bulan	RM
April	350
Mei	400
Jun	520

- (v) Pada bulan April, belanja memperbaiki kerusi meja adalah sebanyak RM2 000 dan bayaran dibuat pada bulan Jun.

- (vi) Pemilik juga telah membeli sebuah kenderaan untuk kegunaan perniagaan bernilai RM70 000 dan membayar wang pendahuluan RM10 000 pada bulan April. Bakinya akan dibayar secara ansuran selama dua tahun bermula pada bulan Jun.
- (vii) Pada bulan Jun, pemilik telah membawa masuk tunai sebanyak RM16 000 untuk kegunaan perniagaan.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2018.

Jawapan: April RM46 350, Mei RM52 110, Jun RM72 562

5. Berikut ialah maklumat-maklumat yang diberikan oleh Puan Nur, pemilik butik Nur Muslimah. Pada 1 September, baki tunai di tangan ialah RM2 500, baki tunai di bank ialah RM25 000 dan baki perabot ialah RM8 000. Berikut merupakan anggaran penerimaan dan pembayaran butik Nur Muslimah bagi tiga bulan berakhir November 2018.

- (i) Anggaran jualan ialah seperti berikut:

September	Oktober	November
RM29 000	RM34 000	RM30 000

30% jualan ialah secara kredit dan semua jualan diberikan kredit satu bulan. Jualan kredit pada bulan Ogos ialah RM15 000.

- (ii) Anggaran belian tunai:

September	Oktober	November
RM11 000	RM9 000	RM12 000

- (iii) Puan Nur menyewakan sebahagian butiknya pada bulan Ogos RM800 sebulan dan kadar sewa akan meningkat RM150 pada bulan November.

- (iv) Perbelanjaan bagi setiap bulan ialah:

Kadar bayaran	RM800	Belanja Am	RM350
Belanja susut nilai perabot	RM800	Gaji	RM2 000

- (v) Puan Nur akan menyertai satu pameran fesyen muslimah pada bulan Disember. Bayaran pendaftaran RM1 500 perlu dibuat dua bulan awal sebelum pameran berlangsung.
- (vi) Pada bulan Oktober, perniagaan akan menerima pinjaman berjumlah RM40 000 dengan kadar faedah 5% setahun selama empat tahun. Bayaran balik pinjaman bermula bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 November 2018.

Jawapan: September RM49 450, Oktober RM109 100, November RM125 100

CABARAN ABAD KE- 21



Perniagaan Jalur Gemilang menjalankan perniagaan menjual peralatan sukan. Perniagaan mula beroperasi di Bandar Sunway, Petaling Jaya pada bulan Mei 2017. Pada 1 November 2017, Buku Tunai Perniagaan Jalur Gemilang menunjukkan baki debit Akaun Bank RM2 500 dan baki Akaun Tunai RM1 100. Penyata Bank pada 30 November 2017 menunjukkan baki kredit RM4 240.

Maklumat berikut berkaitan dengan urus niaga tunai dan bank dalam buku perniagaan Jalur Gemilang.

Tarikh	Urus Niaga	No. cek	RM
2017			
Nov 2	Terima cek daripada Yusof		2 300
3	Jualan Tunai		400
6	Bayaran kepada Zamri	100789	800
8	Jualan Tunai dan dibankkan		1 200
9	Bayaran kepada Choo	100790	2 100
20	Terima cek daripada Tivya		980
21	Sewa Diterima secara tunai		500
22	Terima cek daripada Elmi		2 200
23	Jualan Tunai dibankkan		1 100
28	Bayar bil telefon	100791	300
29	Belian Tunai		600
30	Bayaran kepada Salmi	100792	1 500

Penyata Bank yang diterima oleh Perniagaan Jalur Gemilang pada 30 November 2017 adalah seperti berikut.

Penyata Bank

Tarikh	Urus Niaga	No. Cek	Debit RM	Kredit RM	Baki RM
2017					
Nov 1	Baki				2 500
4	Deposit			2 300	4 800
6	Deposit			1 200	6 000
7	Ansuran kenderaan - Perintah sedia ada		560		5 440
8	Cek	100789	800		4 640
9	Insurans		340		4 300
20	Buku cek		50		4 250
22	Dividen			150	4 400
23	Deposit			1 100	5 500
24	Cek	100790	1 200		4 300
25	Caj bank		60		4 240

Maklumat Tambahan:

Cek yang diterima pada 22 November 2017 dipulangkan dengan tanda “Rujuk Penyuruh Bayar”.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan Buku Tunai dengan merekodkan urus niaga yang berkaitan dan mengimbangkannya.
- (b) menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 November 2017.

Jawapan: Baki Bank RM5 580 debit



Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard pembelajaran berikut:

- Perniagaan Perkongsian
- Akaun Pengasingan Untung Rugi
- Ekuiti Pemilik dan Penyata Kewangan Perkongsian
- Pembubaran Perkongsian

Pengenalan

Pernahkah anda melihat nama perniagaan seperti **Klinik Raj dan Rohani**, **Mini Market Mona & Lily** dan **Bengkel Motor Teng Lian & Raihan**?

Apakah jenis pemilikan bagi perniagaan di atas? Dalam modul 1 di Tingkatan 4, anda telah didedahkan tentang ciri-ciri perkongsian. Modul ini akan menerangkan dengan lebih jelas penubuhan perkongsian sehinggalah kepada pembubarannya.

1



2



3



4.1 PERNIAGAAN PERKONGSIAN

Definisi Perkongsian

- Satu organisasi yang dibentuk secara gabungan oleh sekurang-kurangnya dua orang hingga dua puluh orang pekongsi.
- Mengikut Seksyen 3(1) **Akta Perkongsian 1961**, perkongsian boleh ditakrifkan sebagai:

'Perhubungan yang wujud antara orang yang menjalankan urusan bersama dengan tujuan untuk mendapat keuntungan'.

- Melalui perniagaan jenis perkongsian, pemilik berkongsi modal, kepakaran, pengalaman dan risiko.
- Contoh perniagaan jenis Perkongsian:

Klinik Dr. Azlan & Rakan-rakan



Khalid, Lim & Associates



Tuminah & Habibah Agro Chips



Tujuan Penubuhan Perkongsian

- Memperoleh keuntungan daripada aktiviti perniagaan yang diusahakan.

Perbandingan Aspek Perakaunan bagi Perniagaan Perkongsian dan Milikan Tunggal

Jadual 4.1 Perbandingan Jenis Pemilikan Perniagaan

Perkongsian	Aspek Perakaunan	Milikan tunggal
Dimiliki 2 hingga 20 orang pekongsi	Bilangan Pemilik	Dimiliki oleh seorang pemilik
Modal disumbangkan oleh pekongsi	Modal	Modal disumbangkan oleh pemilik sendiri
Untung atau rugi diagihkan antara pekongsi mengikut perjanjian	Untung atau Rugi	Untung atau rugi dinikmati oleh pemilik sendiri
Boleh dibubarkan sekiranya pekongsi meninggal dunia / diisytiharkan mufli / atas persetujuan bersama	Hayat Perniagaan	Hayat tidak berterusan jika pemilik meninggal dunia atau tidak mahu meneruskan perniagaan

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menyatakan tujuan penubuhan perniagaan perkongsian.
- Membandingkan jenis pemilikan perniagaan daripada aspek perakaunan bagi perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.

INFO TAMBAHAN



- Bagi perkongsian yang melibatkan perkhidmatan profesional, bilangan ahli maksimum ialah 50 orang.
- Ahli-ahli dalam perkongsian dipanggil sebagai pekongsi atau rakan kongsi. Terdapat beberapa jenis pekongsi seperti rakan kongsi umum, rakan kongsi terhad, rakan kongsi lelap dan rakan kongsi nominal.

INFO TAMBAHAN



Maklumat tambahan tentang Perkongsian Liabiliti Terhad.



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms108

Perkongsian	Aspek Perakaunan	Milikan tunggal
<ul style="list-style-type: none"> Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Akaun Pengasingan Untung Rugi 	Penyediaan Penyata Kewangan	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
Akaun Modal Pekongsi dan Akaun Semasa	Komponen Ekuiti Pemilik	Modal, Untung Bersih dan Ambilan

JOM FIKIR

Kenapa terdapat pemilik perniagaan milikan tunggal menukar bentuk milikan perniagaan kepada perkongsian.

Kelebihan Perubahan Entiti Milikan Tunggal kepada Perniagaan Perkongsian

Entiti perniagaan perkongsian memiliki kelebihan berbanding entiti milikan tunggal. Perkongsian menyelesaikan beberapa masalah yang dihadapi oleh entiti milikan tunggal seperti modal yang terhad dan daya saing yang rendah.

Entiti perniagaan milikan tunggal berusaha mengembangkan perniagaannya. Justeru, memerlukan modal yang lebih besar. Modal yang besar akan diperolehi dengan mewujudkan rakan kongsi. Kewujudan rakan kongsi meningkatkan keupayaan perniagaan kerana pelbagai kepakaran dikongsi bersama. Risiko perniagaan juga dapat ditanggung bersama antara rakan kongsi.


Maka, perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian mendatangkan kelebihan terhadap daya saing sesebuah perniagaan.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menjelaskan kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian.
 - Menjelaskan kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961 yang berkaitan dengan aspek perakaunan.

Kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961

- Perkara penting mengenai perhubungan antara pekongsi terkandung dalam Bahagian IV Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.
- Dengan maksud lain, akta ini merupakan panduan asas pengurusan sesebuah perniagaan perkongsian.
- Akta tersebut menyatakan:



Rajah 4.1 Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961

Tujuan Memeterai Ikatan Perkongsian

Ikatan Perkongsian mengelakkan sebarang perselisihan faham yang mungkin timbul pada kemudian hari dan memastikan setiap pekongsi memainkan peranan seperti yang telah dipersetujui bersama.

Kandungan Ikatan Perkongsian Berkaitan Aspek Perakaunan



Rajah 4.2 Kandungan Ikatan Perkongsian

Perkara lain yang terkandung dalam Ikatan Perkongsian ialah:

- Nama perniagaan
- Nama pekongsi
- Bentuk perniagaan
- Alamat perniagaan
- Kuasa dan tanggungjawab pekongsi
- Penyimpanan akaun

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menerangkan tujuan memeterai Ikatan Perkongsian.
- Menerangkan kandungan Ikatan Perkongsian.

JOM CARI



Mengapakah perjanjian perkongsian penting kepada sesebuah perkongsian?

INFO TAMBAHAN



Kelemahan perniagaan perkongsian adalah:

- Berkemungkinan berlaku pertelingkahan.
- Jangka hayat perkongsian tidak berterusan.
- Tindakan seorang rakan kongsi yang tidak amanah akan memberi kesan kepada rakan kongsi yang lain.
- Modal terhad berbanding dengan syarikat.

Perkara-perkara yang berikut perlu difahami oleh setiap pekongsi dalam sesebuah Ikatan Perkongsian.

Jadual 4.2 Kandungan Ikatan Perkongsian Berkaitan Aspek Perakaunan

Bil.	Aspek Perakaunan	Penerangan
(i)	Jumlah modal yang disumbangkan oleh pekongsi	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan jumlah kepentingan setiap pekongsi dalam perniagaan perkongsian.
(ii)	Faedah atas Modal	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan ganjaran yang dibayar kepada pekongsi kerana menyumbangkan modal dalam perniagaan. Diberikan sebagai galakan kepada pekongsi melabur modal yang lebih banyak ke dalam perkongsian. Merupakan tuntutan pekongsi kepada perkongsian.
(iii)	Faedah atas Ambilan	<ul style="list-style-type: none"> Merupakan faedah yang dikenakan kepada pekongsi yang membuat ambilan. Dikenakan bertujuan untuk mengawal pekongsi daripada membuat ambilan yang berlebihan. Merupakan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi.
(iv)	Faedah atas Pinjaman pekongsi	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran faedah diberikan kepada pekongsi yang memberikan pinjaman kepada perniagaan. Merupakan tuntutan pekongsi kepada perniagaan perkongsian.
(v)	Gaji / Elaun / Bonus pekongsi	<ul style="list-style-type: none"> Bayaran atau ganjaran kepada pekongsi yang aktif menguruskan perniagaan perkongsian. Amaun bayaran tertakluk kepada perkara yang telah dipersetujui dalam Ikatan Perjanjian Perkongsian. Merupakan tuntutan pekongsi kepada perkongsian.
(vi)	Kongsi Untung atau Rugi	<ul style="list-style-type: none"> Ditentukan setelah mengambil kira Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal serta Gaji / Elaun / Bonus pekongsi.

Implikasi sekiranya tiada Ikatan Perkongsian

- Lazimnya terdapat perjanjian yang dipersetujui dan ditandatangani oleh pekongsi-pekongsi sebelum menubuhkan perniagaan perkongsian.
- Perjanjian tersebut boleh dibuat secara lisan atau secara bertulis.
- Namun begitu, sekiranya perjanjian perkongsian tidak dibuat dan berlaku sebarang perselisihan antara pekongsi, maka perkara tersebut akan diselesaikan menurut Akta Perkongsian 1961.
- Pekongsi perlu menyelesaikan perkara berbangkit dengan merujuk Bahagian IV Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961.

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menjelaskan implikasi sekiranya tiada Ikatan Perkongsian.

INFO TAMBAHAN



Gaji, Elaun atau Bonus merupakan tuntutan pekongsi kepada perkongsian.

GERAK KERJA KUMPULAN 4.1



Aktiviti: Timur-Barat

Tajuk Perbincangan:

“Perniagaan perkongsian lebih baik berbanding perniagaan milikan tunggal”.

Langkah-langkah:

- (i) Murid yang bersetuju dengan pernyataan di atas akan bergerak ke hadapan kelas, sementara murid yang tidak bersetuju bergerak ke belakang kelas.
- (ii) Kumpulan yang bersetuju dan tidak bersetuju perlu memberikan hujah mereka masing-masing bagi menyokong pendapat mereka.
- (iii) Guru bertindak sebagai fasilitator.

MASTERI TOPIKAL 4.1




1. Encik Ravi dan Encik Joseph bercadang menubuhkan perniagaan R&J di Bandar Baru Selayang. Anda sebagai murid Prinsip Perakaunan dikehendaki menerangkan ciri-ciri perniagaan perkongsian daripada aspek milikan, modal, hayat perniagaan, pembahagian untung atau rugi dan pengurusan perniagaan.
2. Puan Neelavi berada dalam dilema sama ada untuk membuka Butik Neela atau bergabung dengan adiknya untuk membuka Butik Neela & Keluarga. Setelah berfikir panjang, akhirnya Puan Neelavi membuat keputusan untuk membuka Butik Neela & Keluarga. Berikan alasan Puan Neelavi membuat keputusan tersebut.
3. Nyatakan perkara-perkara yang terkandung dalam Akta Perkongsian 1961.
4. Encik Zakaria dan Encik Tiew merupakan pekongsi Perniagaan ZKT. Semasa menubuhkan perniagaan tersebut, mereka tidak membuat sebarang perjanjian perkongsian. Pada tahun berakhir 31 Disember 2017, untung bersih perniagaan mereka berjumlah RM18 000. Bagaimanakah keuntungan tersebut dibahagikan di antara mereka?
5. Encik Fauzee menubuhkan Zee Enterprise, sementara Encik Syaqif dan Cik Lily menubuhkan Perkongsian Syalily. Jelaskan tiga perbezaan ciri antara perniagaan Encik Fauzee dengan perniagaan Encik Syaqif dan Cik Lily.

Zee Enterprise	Perkongsian Syalily

4.2 AKAUN PENGASINGAN UNTUNG RUGI

Tujuan Penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi

Akaun Pengasingan Untung Rugi hanya disediakan untuk perniagaan perkongsian. Tujuannya adalah menentukan pembahagian untung atau rugi pekongsi-pekongsi.



Rajah 4.3 Pembahagian Untung atau Rugi Pekongsi

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pengasingan Untung Rugi.
 - Menerangkan format Akaun Pengasingan Untung Rugi.

JOM CARI

Apakah tujuan Akaun Pengasingan Untung Rugi disediakan?

Akaun Perdagangan

Menentukan Untung atau Rugi Kasar

Akaun Untung Rugi

Menentukan Untung atau Rugi Bersih

Akaun Pengasingan Untung Rugi

Menentukan bahagian Untung atau Rugi untuk pekongsi

Rajah 4.4 Tujuan Penyediaan Akaun Perdagangan, Akaun Untung Rugi dan Akaun Pengasingan Untung Rugi

Format Akaun Pengasingan Untung Rugi

Bentuk 'T':

Nama Perkongsian			
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir ...			
	RM		RM
Faedah atas Modal	X	Untung Bersih	XX
Gaji / Bonus / Elaun	X	Faedah atas Ambilan	X
Akaun Semasa Pekongsi A	X		
Akaun Semasa Pekongsi B	X		
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>

Nota Pengiraan:

1. Butiran Akaun Semasa di sebelah debit Akaun Pengasingan Untung Rugi menunjukkan Kongsi Untung.
2. Butiran Akaun Semasa di sebelah kredit Akaun Pengasingan Untung Rugi menunjukkan Kongsi Rugi.

Format Penyata:

Nama Perkongsian
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir ...

	RM	RM
Untung Bersih		XX
<i>Tambah:</i> Faedah atas Ambilan		X
		XXX
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas Modal	X	
Gaji / Bonus / Elaun	X	
		(XX)
		XX
Akaun Semasa Pekongsi A	X	
Akaun Semasa Pekongsi B	X	
		(XX)
		0

Pengiraan Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal, Gaji / Elaun / Bonus, Faedah atas Pinjaman dan Kongsi Untung / Rugi

- Bagi menentukan untung yang diperoleh atau rugi yang ditanggung oleh pekongsi-pekongsi, perkara-perkara yang perlu diambil kira ialah Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal, Gaji / Elaun / Bonus pekongsi, Faedah atas Pinjaman dan Kongsi Untung atau Rugi.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mengira Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal, gaji / elaun / bonus, Faedah atas Pinjaman dan Kongsi Untung / Rugi.

(i) Faedah atas Ambilan

- Rumus bagi menghitung Faedah atas Ambilan adalah seperti berikut:

$$\text{Faedah atas Ambilan} = \text{Jumlah Ambilan} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh}$$

CONTOH 1 Pengiraan Faedah atas Ambilan

Puan Marina merupakan pekongsi dalam Perkongsian Marina & Rani. Perkongsian telah menetapkan Faedah atas Ambilan sebanyak 5% setahun.

Berikut ialah ambilan yang telah dibuat oleh Puan Marina sepanjang tempoh perakaunan.

	RM
1 April 2017	1 200
1 Julai 2017	2 400
1 Oktober 2017	960

Tempoh perakaunan Perkongsian Marina & Rani berakhir pada 31 Disember setiap tahun. **Kira** Faedah atas Ambilan yang dikenakan ke atas Puan Marina.

Penyelesaian

Pengiraan Faedah atas Ambilan Puan Marina:

Tarikh	Pengiraan	Faedah atas Ambilan
2017	Jumlah Ambilan x Kadar Faedah x Tempoh	RM
1 April	$RM1\,200 \times 5\% \times \frac{9}{12}$	45
1 Julai	$RM2\,400 \times 5\% \times \frac{6}{12}$	60
1 Oktober	$RM960 \times 5\% \times \frac{3}{12}$	12
Jumlah		117

GERAK KERJA INDIVIDU 4.2.1

Berikut merupakan ambilan yang dibuat oleh Encik Devaraja sepanjang tempoh perakaunan berakhir pada 31 Disember 2017.

	RM
1 Februari 2017	500
1 Mei 2017	840
1 Julai 2017	2 400
1 Oktober 2017	3 600

Ikatan Perjanjian Perkongsian menetapkan Faedah atas Ambilan 10% dikenakan kepada pekongsi. Berapakah Faedah atas Ambilan Encik Devaraja?

(ii) Faedah atas Modal

- Rumus bagi mengira Faedah atas Modal adalah seperti berikut:

$$\text{Faedah atas Modal} = \text{Modal} \times \text{Kadar faedah} \times \text{Tempoh}$$

CONTOH 2 Pengiraan Faedah atas Modal

Pada 1 Januari 2017, Akaun Modal Mei Ling dan Razak mempunyai baki-baki berikut.

	RM
Mei Ling	30 000
Razak	50 000

Pada 1 Julai 2017, Razak telah membawa masuk tunai berjumlah RM10 000 sebagai modal tambahan. Pekongsi akan dibayar Faedah atas Modal pada kadar 5% setahun. Tahun kewangan berakhir 31 Disember setiap tahun.

Kira Faedah atas Modal Mei Ling dan Razak.

Penyelesaian

Pengiraan Faedah atas Modal

Pekongsi	Pengiraan	Faedah atas Modal
	Modal x Kadar Faedah x Tempoh	RM
Mei Ling	$RM30\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12}$	1 500
Razak	$RM50\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12} = 2\,500$ $RM10\,000 \times 5\% \times \frac{6}{12} = 250$	2 750
Jumlah		4 250

NOTA


Modal tambahan RM10 000 telah dibawa masuk oleh pekongsi Razak. Modal ini telah berada enam bulan dalam tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017.

(iii) Gaji / Elaun / Bonus pekongsi
CONTOH 3 Pengiraan Gaji dan Elaun

Perjanjian Perkongsian antara Aini dan Nimalan telah menetapkan masing-masing dibayar gaji RM16 000 dan RM10 000 setahun. Pada 30 Jun 2017, separuh daripada gaji Nimalan telah dibayar secara tunai.

Hitungkan Gaji Belum Bayar kepada Nimalan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Gaji Belum Bayar Nimalan} &= RM10\,000 - RM5\,000 \\ &= RM5\,000 \end{aligned}$$

(iv) Faedah atas Pinjaman

- Rumus untuk mengira Faedah atas Pinjaman ialah:

$$\text{Faedah atas Pinjaman} = \text{Jumlah Pinjaman} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh}$$

CONTOH 4 Mengira Faedah atas Pinjaman

Pinjaman daripada salah seorang pekongsi berjumlah RM10 000 telah dikenakan faedah sebanyak 6% setahun bermula pada 1 Januari 2017. Tempoh perakaunan perkongsian berakhir pada 31 Disember 2017.

Anda dikehendaki menghitung Faedah atas Pinjaman.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Faedah atas Pinjaman} &= \text{Jumlah Pinjaman} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\ &= RM10\,000 \times 6\% \times \frac{12}{12} \\ &= RM600 \end{aligned}$$

(v) Kongsi Untung atau Kongsi Rugi

- Ditentukan setelah mengambil kira Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal serta Gaji / Elaun / Bonus pekongsi.
- Kongsi Untung atau Rugi perlu diagihkan kepada pekongsi pada setiap hujung tahun.
- Tatacara merekod Kongsi Untung atau Rugi boleh difahami dengan merujuk rajah di bawah.

Kongsi Untung:

Debit – Akaun Pengasingan Untung Rugi
Kredit – Akaun Semasa

Kongsi Rugi:

Debit – Akaun Semasa
Kredit – Akaun Pengasingan Untung Rugi

- Untung atau rugi dibahagikan kepada semua pekongsi berdasarkan tiga kaedah berikut:
 - (a) Pembahagian sama rata
 - (b) Nisbah baki modal awal
 - (c) Nisbah tetap

CONTOH 5 Pengiraan Kongsi Untung atau Rugi berdasarkan pembahagian sama rata

Perkongsian Mala dan Munirah memperoleh keuntungan RM31 200 pada akhir tahun perakaunan 31 Disember 2017. Mengikut perjanjian perkongsian, untung atau rugi perlu dibahagi sama rata antara pekongsi. Diberi modal Mala dan Munirah masing-masing berjumlah RM60 000 dan RM40 000.

Kira Kongsi Untung atau Rugi setiap pekongsi.

Penyelesaian

Kongsi Untung

Pekongsi	Kongsi Untung
Mala	$RM31\,200 \times \frac{1}{2} = RM15\,600$
Munirah	$RM31\,200 \times \frac{1}{2} = RM15\,600$

CONTOH 6 Pengiraan Kongsi Untung atau Rugi berdasarkan nisbah baki modal awal

Berdasarkan **Contoh 5**, kirakan Kongsi Untung atau Rugi Mala dan Munirah sekiranya perkongsian menetapkan untung atau rugi perniagaan perlu dibahagi mengikut nisbah baki modal awal.

Penyelesaian

Nisbah Kongsi Untung berdasarkan modal awal

Pekongsi	Kongsi Untung
Mala	$RM31\,200 \times \frac{3}{5} = RM18\,720$
Munirah	$RM31\,200 \times \frac{2}{5} = RM12\,480$

Nisbah Modal Awal
Mala : Munirah
RM60 000 : RM40 000
3 : 2

CONTOH 7 Pengiraan Kongsi Untung atau Rugi berdasarkan nisbah tetap

Berdasarkan **Contoh 5**, kirakan Kongsi Untung atau Rugi Mala dan Munirah sekiranya perkongsian menetapkan untung atau rugi perniagaan perlu dibahagi mengikut nisbah tetap 2 : 1.

Penyelesaian

Nisbah Kongsi Untung berdasarkan nisbah tetap 2:1.

Pekongsi	Kongsi Untung
Mala	$RM31\ 200 \times \frac{2}{3} = RM20\ 800$
Munirah	$RM31\ 200 \times \frac{1}{3} = RM10\ 400$

GERAK KERJA INDIVIDU 4.2.2

Zaki, Bala dan Karen menubuhkan Perkongsian ZBK dengan modal permulaan masing-masing RM50 000, RM30 000 dan RM20 000. Perjanjian asal Perkongsian ZBK menyatakan untung atau rugi perniagaan perlu dibahagi mengikut nisbah 2:1:1. Perkongsian ZBK mencatatkan kerugian sebanyak RM10 000 pada 30 Jun 2017. Isikan ruangan di bawah dengan mengira Kongsi Rugi bagi pekongsi Zaki, Bala dan Karen mengikut kaedah berikut.

Pekongsi	Kongsi Rugi		
	Nisbah sama rata	Nisbah baki modal awal	Nisbah tetap
Zaki			
Bala			
Karen			

Penghasilan Akaun Pengasingan Untung Rugi

Akaun Pengasingan Untung Rugi disediakan untuk menentukan Kongsi Untung atau Rugi antara pekongsi setelah mengambil kira Faedah atas Ambilan, Faedah atas Modal dan Gaji / Elaun / Bonus pekongsi.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menghasilkan Akaun Pengasingan Untung Rugi dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

CONTOH 8 Menghasilkan Akaun Pengasingan Untung Rugi bentuk 'T' dan Format Penyata

Berikut ialah maklumat yang diambil daripada buku Perkongsian Gamala pada 31 Disember 2017.

	RM
Modal 1 Januari 2017:	
Gan	20 000
Nirmala	30 000
Untung Bersih	98 200
Ambilan:	
Gan	5 000
Nirmala	6 000
Gaji:	
Gan	5 000
Nirmala	4 000

Ikatan Perjanjian Perkongsian Gamala menyatakan:

- Faedah atas Modal tetap dibayar 5% setahun.
- Gaji tahunan pekongsi ialah: Gan RM10 000 dan Nirmala RM8 000.
- Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 10% setahun.
- Untung atau rugi dibahagikan antara Gan dan Nirmala mengikut nisbah 2:3.

Sediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

1. Mengira Faedah atas Modal

$$\begin{aligned} \text{Faedah atas Modal Gan} &= \text{Modal} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\ &= \text{RM}20\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM}1\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Faedah atas Modal Nirmala} &= \text{Modal} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\ &= \text{RM}30\,000 \times 5\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM}1\,500 \end{aligned}$$

2. Mengira Faedah atas Ambilan

$$\begin{aligned} \text{Faedah atas Ambilan Gan} &= \text{Jumlah Ambilan} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\ &= \text{RM}5\,000 \times 10\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM}500 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Faedah atas Ambilan Nirmala} &= \text{Jumlah Ambilan} \times \text{Kadar Faedah} \times \text{Tempoh} \\ &= \text{RM}6\,000 \times 10\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM}600 \end{aligned}$$

3. Mengira Gaji pekongsi

$$\text{Gaji Gan} = \text{RM}10\,000$$

$$\text{Gaji Nirmala} = \text{RM}8\,000$$

4. Mengira Kongsi Untung

$$\begin{aligned} \text{Kongsi Untung Gan} &= \text{Untung} \times \text{Nisbah Tetap} \\ &= \text{RM}78\,800 \times \frac{2}{5} \\ &= \text{RM}31\,520 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kongsi Untung Nirmala} &= \text{Untung} \times \text{Nisbah Tetap} \\ &= \text{RM}78\,800 \times \frac{3}{5} \\ &= \text{RM}47\,280 \end{aligned}$$

(a) Bentuk 'T'

Perkongsian Gamala Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Faedah atas Modal ¹	2 500	Untung Bersih	98 200
Gaji Pekongsi ³	18 000	Faedah atas Ambilan ²	1 100
Akaun Semasa Gan ⁴	31 520		
Akaun Semasa Nirmala ⁴	47 280		
	99 300		99 300


(b) Format Penyata

Perkongsian Gamala Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Untung Bersih		98 200
<i>Tambah:</i> Faedah atas Ambilan ²		1 100
		99 300
<i>Tolak:</i>		
Faedah atas Modal ¹	2 500	
Gaji Pekongsi ³	18 000	
		(20 500)
		78 800
<i>Tolak:</i>		
Akaun Semasa Gan ⁴	31 520	
Akaun Semasa Nirmala ⁴	47 280	(78 800)
		0

GERAK KERJA INDIVIDU 4.2.3

1. Berikut ialah peta konsep komponen Akaun Pengasingan Untung Rugi. Isikan ruangan berikut dengan butiran yang sesuai.



- Encik Abdullah merupakan pekongsi dalam Perkongsian Tiga Abdul. Pada 1 April 2017, beliau telah membuatambilan berjumlah RM3 600. Beliau sekali lagi membuatambilan berjumlah RM4 800 pada 1 Julai 2017. Mengikut Ikatan Perkongsian,ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 10% setahun. Tahun kewangan Perkongsian Tiga Abdul berakhir pada 31 Disember setiap tahun. Berapakah Faedah atas Ambilan?
- Untung bersih Perkongsian Ali & Abu bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 setelah mengambil kira Faedah atas Modal dan gaji pekongsi ialah RM36 000. Ali dan Abu berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah modal masing-masing. Modal Ali dan Abu pada 1 Januari 2017 ialah RM40 000 dan RM50 000 masing-masing. Berapakah kongsi untung yang diperoleh Abu?

MASTERI TOPIKAL 4.2

Badrul dan Bakar ialah dua orang rakan kongsi, masing-masing dengan modal RM40 000 dan RM60 000. Mereka telah menetapkan perkara-perkara seperti berikut:

- Faedah atas Modal ialah 6% setahun.
- Faedah atas Ambilan ialah 8% setahun.
- Untung atau rugi dibahagi dengan menggunakan salah satu daripada kaedah berikut;

- Kaedah 1: Secara sama rata**
- Kaedah 2: Mengikut sumbangan modal**
- Kaedah 3: Mengikut nisbah 2:3**

- Gaji tahunan pekongsi: Badrul RM20 000 dan Bakar RM10 000.
- Untung Bersih pada 31 Disember 2017 berjumlah RM180 000.

Anda dikehendaki:

- Menghitung Kongsi Untung atau Rugi setiap pekongsi dengan menggunakan salah satu daripada kaedah pembahagian untung rugi.
- Menyediakan Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Panduan Aktiviti:

- Guru membahagikan murid kepada enam kumpulan.
- Dua kumpulan akan menggunakan salah satu kaedah yang sama.
- Setelah perbincangan selesai, hanya tiga kumpulan yang akan dipilih untuk membentangkan jawapan masing-masing.

4.3 EKUITI PEMILIK DAN PENYATA KEWANGAN PERKONGSIAN

Ekuiti pemilik bagi perniagaan perkongsian terdiri daripada:

- (a) Akaun Modal
- (b) Akaun Semasa

Akaun Modal

- Akaun yang menunjukkan jumlah modal yang disumbangkan oleh pekongsi-pekongsi, iaitu modal awal dan modal tambahan.
- Disediakan secara berasingan bagi setiap pekongsi.
- Jumlah modal yang disumbangkan oleh setiap pekongsi akan direkodkan di bahagian kredit Akaun Modal pekongsi.
- Format Akaun Modal pekongsi adalah seperti berikut:

NOTA

Contoh **Aset**:

- (i) Tunai
- (ii) Perabot
- (iii) Kenderaan
- (iv) Alatan pejabat

Akaun Modal Pekongsi

2017	RM	2017	RM
Dis 31 Baki h/b	X	Jan 1 Bank	X
		Aset	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>
		2018	
		Jan 1 Baki b/b	XX

Modal permulaan

Modal tambahan
(jika ada)

Akaun Semasa

- Menunjukkan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi dan tuntutan pekongsi terhadap perkongsian.
- Disediakan secara berasingan bagi setiap pekongsi.
- Butiran-butiran yang terdapat dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi juga akan dipindahkan ke dalam Akaun Semasa Pekongsi.
- Bahagian **debit** Akaun Semasa menunjukkan tuntutan perkongsian terhadap pekongsi.
- Bahagian **kredit** Akaun Semasa menunjukkan tuntutan pekongsi terhadap perkongsian.
- Format Akaun Semasa pekongsi adalah seperti berikut:

JOM CARI

- Nyatakan butiran yang dicatatkan di bahagian kredit Akaun Semasa.
- Pada bahagian manakah Faedah atas Ambilan direkodkan di Akaun Semasa?


Akaun Semasa Pekongsi

2017	RM	2017	RM
Dis 31 Ambilan	X	Jan 1 Baki b/b	X
Faedah atas Ambilan	X	Dis 31 Faedah atas Modal	X
Baki h/b	X	Gaji (belum bayar)	X
		Bonus (belum bayar)	X
		Faedah atas Pinjaman (belum bayar)	X
		Akaun Pengasingan Untung Rugi	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>
		2018	
		Jan 1 Baki b/b	X

Baki kredit Akaun Semasa menunjukkan tuntutan pekongsi terhadap perkongsian.

Penyediaan Akaun Modal Pekongsi

Terdapat dua kaedah menyediakan Akaun Modal pekongsi iaitu Kaedah Modal Berubah dan Kaedah Modal Tetap.



Rajah 4.5 Kaedah penyediaan Akaun Modal Pekongsi

Penyediaan Akaun Modal Menggunakan Kaedah Modal Berubah

- Mengikut Kaedah Modal Berubah, Akaun Semasa tidak perlu disediakan untuk pekongsi.
- Semua item yang berkaitan dengan pekongsi akan direkodkan ke dalam Akaun Modal seperti di bawah:

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyediakan Akaun Modal menggunakan Kaedah Modal Berubah.

Akaun Modal Pekongsi

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Ambilan	X	Jan 1	Bank	X
	Faedah atas Ambilan	X	Dis 31	Aset	X
	Baki h/b	X		Faedah atas Modal	X
				Gaji / Elaun / Bonus	X
				*Pengasingan Untung Rugi	X
				Faedah atas Pinjaman	X
		<u>XX</u>			<u>XX</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	X

* Jika butiran pengasingan untung rugi di sebelah debit Akaun Modal, maka ia menunjukkan Kongsi Rugi.

Penyediaan Akaun Modal dan Akaun Semasa Menggunakan Kaedah Modal Tetap

- Mengikut Kaedah Modal Tetap, Akaun Modal dan Akaun Semasa perlu disediakan.
- Hanya modal yang disumbangkan akan direkodkan ke dalam Akaun Modal termasuk modal tambahan.
- Baki Akaun Modal Pekongsi tidak berubah kecuali terdapat modal tambahan.
- Semua item yang berkaitan dengan pekongsi akan direkodkan ke dalam Akaun Semasa pekongsi kecuali item yang terdapat di dalam Akaun Modal.
- Format Akaun Modal dan Akaun Semasa pekongsi adalah seperti berikut:

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyediakan Akaun Modal dan Akaun Semasa dengan menggunakan Modal Tetap.

Akaun Modal Pekongsi

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Baki h/b	X	Jan 1	Bank	X
			Dis 31	Aset	X
		<u>XX</u>			<u>XX</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	X

Akaun Semasa Pekongsi

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Ambilan	X	Dis 31	Faedah atas Modal	X
	Faedah atas Ambilan	X		Gaji / Elaun / Bonus	X
	Baki h/b	X		*Pengasingan Untung Rugi	X
				Faedah atas Pinjaman	X
		<u>XX</u>			<u>XX</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	X

* Jika butiran pengasingan untung rugi di sebelah debit Akaun Semasa, maka ia menunjukkan Kongsii Rugi.

CONTOH 9 Penyediaan Akaun Modal

Pada 1 Januari 2017, Nora dan Sugumaran menubuhkan sebuah perniagaan perkongsian yang diberi nama Nora & Sukan Enterprise. Nora dan Sugumaran masing-masing menyumbangkan modal sebanyak RM30 000 dan RM20 000 yang dimasukkan ke dalam Akaun Bank Perkongsian. Berikut ialah maklumat berkaitan perkongsian mereka.

- Pada 1 April 2017, Nora membuat ambilan RM1 000 untuk kegunaan peribadi.
- Pada 1 Mei 2017, Sugumaran membuat ambilan RM1 500 untuk kegunaan peribadi.
- Pada 1 Julai 2017, Nora membawa masuk RM5 000 sebagai modal tambahan.
- Nora menerima gaji tahunan RM2 000 dan masih belum dibayar sehingga akhir tempoh perakaunan.
- Pembahagian untung bagi Nora dan Sugumaran masing-masing ialah RM4 500.

Sediakan Akaun Modal Nora dan Akaun Modal Sugumaran dengan menggunakan:

- Kaedah Modal Berubah
- Kaedah Modal Tetap

NOTA



Jika perkongsian mempunyai tiga orang pekongsi, maka tiga Akaun Modal perlu disediakan.

Penyelesaian

(a) Kaedah Modal Berubah

Akaun Modal Nora

2017		RM	2017		RM
Apr 1	Ambilan	1 000	Jan 1	Bank	30 000
Dis 31	Baki h/b	40 500	Jul 1	Bank	5 000
			Dis 31	Gaji	2 000
				Pengasingan Untung Rugi	4 500
		<u>41 500</u>			<u>41 500</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	40 500

Akaun Modal Sugumaran

2017		RM	2017		RM
Mei 1	Ambilan	1 500	Jan 1	Bank	20 000
Dis 31	Baki h/b	23 000	Dis 31	Pengasingan Untung Rugi	4 500
		<u>24 500</u>			<u>24 500</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	23 000

Akaun Modal boleh disediakan secara **beruangan**

Akaun Modal (beruangan)

Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran	Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Apr 1	Ambilan	1 000		Jan 1	Bank	30 000	20 000
Mei 1	Ambilan		1 500	Jul 1	Bank	5 000	
Dis 31	Baki h/b	40 500	23 000	Dis 31	Gaji	2 000	
					Pengasingan		
					Untung Rugi	4 500	4 500
		<u>41 500</u>	<u>24 500</u>			<u>41 500</u>	<u>24 500</u>
				2018			
				Jan 1	Baki b/b	40 500	23 000

(b) Kaedah Modal Tetap

Akaun Modal Nora

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Baki h/b	35 000	Jan 1	Bank	30 000
		<u>35 000</u>	Jul 1	Bank	5 000
					<u>35 000</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	35 000

Akaun Modal Sugumaran

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Baki h/b	20 000	Jan 1	Bank	20 000
		<u>20 000</u>			<u>20 000</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	20 000

Akaun Modal boleh disediakan secara **beruangan**.

Akaun Modal (beruangan)

Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran	Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Dis 31	Baki h/b	35 000	20 000	Jan 1	Bank	30 000	20 000
				Jul 1	Bank	5 000	
		<u>35 000</u>	<u>20 000</u>			<u>35 000</u>	<u>20 000</u>
				2018			
				Jan 1	Baki b/b	35 000	20 000

Akaun Semasa Nora

2017		RM	2017		RM
Apr 1	Ambilan	1 000	Dis 31	Gaji	2 000
Dis 31	Baki h/b	5 500		Pengasingan	
		<u>6 500</u>		Untung Rugi	4 500
					<u>6 500</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	5 500

Akaun Semasa Sugumaran

2017		RM	2017		RM
Mei 1	Ambilan	1 500	Dis 31	Pengasingan Untung Rugi	4 500
Dis 31	Baki h/b	3 000			<u>4 500</u>
		<u>4 500</u>			
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	3 000

Akaun Semasa boleh disediakan secara **beruangan**.

Akaun Semasa (beruangan)

Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran	Tarikh	Butiran	Nora	Sugumaran
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Apr 1	Ambilan	1 000		Dis 31	Gaji	2 000	
Mei 1	Ambilan		1 500		Pengasingan		
Dis 31	Baki h/b	5 500	3 000		Untung Rugi	4 500	4 500
		<u>6 500</u>	<u>4 500</u>			<u>6 500</u>	<u>4 500</u>
				2018			
				Jan 1	Baki b/b	5 500	3 000

Merekod Faedah atas Pinjaman

- Faedah atas Pinjaman akan didebitkan ke Akaun Untung Rugi kerana dianggap sebagai belanja operasi perniagaan.
- Faedah atas Pinjaman yang belum dibayar akan direkodkan di bahagian kredit Akaun Semasa pekongsi.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Merekod Faedah atas Pinjaman pekongsi dalam Akaun Semasa.

CONTOH 10 Merekod Faedah atas Pinjaman pekongsi dalam Akaun Semasa

Jamal dan Chong merupakan pekongsi dalam perkongsian JC. Pada 1 Januari 2017, Jamal telah memberi pinjaman sebanyak RM20 000 kepada perkongsiannya. Kadar Faedah atas Pinjaman yang dipersetujui ialah 8% setahun. Bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017, perkongsian telah membayar Faedah atas Pinjaman sebanyak RM400 kepada Jamal secara tunai.

- (a) Hitungkan Faedah atas Pinjaman Pekongsi Belum Bayar.
 (b) Tunjukkan catatan dalam akaun lejar yang berkaitan

Penyelesaian

(a) Menghitung Faedah atas Pinjaman pekongsi

	RM
Faedah atas Pinjaman (20 000 x 8%)	1 600
<i>Tolak:</i> Faedah telah dibayar	<u>(400)</u>
Faedah atas Pinjaman Belum Bayar	<u>1 200</u>

NOTA

Faedah atas Pinjaman Belum Bayar direkodkan ke dalam Akaun Semasa pekongsi.

(b) Catatan dalam lejar

Akaun Semasa Jamal


2017		RM
Dis 31	Faedah atas Pinjaman	1 200

Akaun Faedah atas Pinjaman

2017		RM
Dis 31	Akaun Semasa Jamal	1 200

Penghasilan Penyata Kewangan Perkongsian

- Kaedah penyediaan Penyata Kewangan perniagaan perkongsian sama seperti penyediaan Penyata Kewangan milikan tunggal.
- Namun begitu bagi perniagaan perkongsian, Akaun Pengasingan Untung Rugi perlu disediakan.
- Bagi perkongsian yang menggunakan kaedah modal berubah, Akaun Modal sahaja disediakan.
- Manakala bagi perkongsian yang menggunakan kaedah modal tetap, Akaun Modal dan Akaun Semasa perkongsi perlu disediakan.
- Berikut ialah carta alir penyediaan Penyata Kewangan perniagaan perkongsian.



Rajah 4.6 Carta Alir Penyediaan Penyata Kewangan

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menghasilkan Penyata Kewangan Perkongsian berdasarkan maklumat yang berkaitan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi Perkongsian

- Format Akaun Perdagangan dan Akaun Untung Rugi bagi perniagaan perkongsian dan perniagaan milikan tunggal adalah sama.
- Bagi perkongsian, setelah untung bersih diperoleh daripada Akaun Perdagangan dan Untung Rugi, Akaun Pengasingan Untung Rugi perlu disediakan.

NOTA

Untung bersih diperoleh daripada Akaun Untung Rugi.

Persembahan Akaun Modal dan Akaun Semasa dalam Penyata Kedudukan Kewangan

Bagi perniagaan perkongsian, komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan terdiri daripada Akaun Modal dan Akaun Semasa seperti di bawah.

Nama Perkongsian
Penyata Kedudukan Kewangan pada ...

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Pekongsi A	X	
Akaun Modal Pekongsi B	<u>X</u>	XX
Akaun Semasa Pekongsi A	X	
Akaun Semasa Pekongsi B	<u>X</u>	XX

NOTA

Item Untung atau Rugi Bersih serta Ambilan tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan kerana telah diambil kira dalam Akaun Semasa.

CONTOH 11 Penghasilan Penyata Kewangan Perkongsian dalam bentuk 'T' dan Format Penyata

Sarah dan Helmi ialah pekongsi dalam perniagaan Perkongsian Sarah dan Helmi. Ikatan Perjanjian Perkongsian mereka telah menetapkan perkara-perkara seperti berikut:

- (i) Untung atau rugi dibahagi mengikut nisbah 1:2.
- (ii) Faedah 6% setahun dikenakan atas ambilan pekongsi.
- (iii) Gaji tahunan Helmi berjumlah RM13 000.
- (iv) Faedah atas Pinjaman pekongsi ialah 8% setahun.
- (v) Elaun tahunan Sarah berjumlah RM6 000.

Berikut ialah Imbangan Duga Perkongsian Sarah dan Helmi pada 31 Disember 2017.

Perkongsian Sarah dan Helmi
Imbangan Duga pada 31 Disember 2017

	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Modal: Sarah		20 000
Helmi		30 000
Akaun Semasa: Sarah		1 050
Helmi	1 200	
Ambilan: Sarah	2 400	
Helmi	4 800	
Belian dan Jualan	22 000	53 700
Tunai	1 800	
Pulangan		540
Diskaun		380
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	8 040	6 400
Deposit Kadar bayaran	350	
Angkutan Keluar	790	
Kadar bayaran	1 690	
Premis	70 000	
Inventori pada 1 Januari 2017	10 000	
Pinjaman daripada Sarah		22 000
Gaji Helmi	8 600	
Elaun Sarah	2 000	
Faedah atas Pinjaman Sarah	400	
	<u>134 070</u>	<u>134 070</u>

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2017 direkodkan seperti berikut.

	RM
Harga kos	6 700
Harga pasaran	6 850

- (ii) Seorang pelanggan diisytiharkan muflis dan hutangnya berjumlah RM800 dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Angkutan keluar RM100 telah tersalah catat dalam Akaun Kadar bayaran.
- (iv) Ambilan tunai RM200 oleh Helmi belum direkodkan.

Sediakan dalam bentuk 'T' dan format penyata:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian
Bentuk 'T'

(a)

Perkongsian Sarah dan Helmi				
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017				
	RM	RM		RM
Inventori Awal		10 000	Jualan	53 700
Belian	22 000			
<i>Tolak: Pulangan Belian</i>	<u>(540)</u>			
		21 460		
		<u>31 460</u>		
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>		<u>(6 700)</u>		
Kos Jualan		24 760		
Untung Kasar		<u>28 940</u>		
		<u>53 700</u>		<u>53 700</u>
Angkutan Keluar ¹		890	Untung Kasar	28 940
Kadar bayaran ²		1 590	Diskaun Diterima	380
Faedah atas Pinjaman ³		1 760		
Hutang Lapuk		800		
Untung Bersih		<u>24 280</u>		
		<u>29 320</u>		<u>29 320</u>

(b)

Perkongsian Sarah dan Helmi			
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017			
	RM		RM
Gaji Pekongsi	13 000	Untung Bersih	24 280
Elaun Pekongsi	6 000	Faedah atas Ambilan ⁴	444
Akaun Semasa Sarah ⁵	1 908		
Akaun Semasa Helmi ⁵	3 816		
	<u>24 724</u>		<u>24 724</u>

Nota Pengiraan:

- Angkutan Keluar = RM790 + RM100 = RM890
- Kadar bayaran = RM1 690 – RM100 = RM1 590
- Faedah atas Pinjaman Sarah = RM22 000 x 8% x $\frac{12}{12}$ = RM1 760
- Faedah atas Ambilan Sarah = RM2 400 x 6% = RM144
Faedah atas Ambilan Helmi = RM5 000 x 6% = RM300
- Jumlah untung untuk dibahagikan = RM24 280 + RM444 – RM13 000 – RM6 000
= RM5 724
Kongsi Untung Sarah = $\frac{1}{3}$ x RM5 724 = RM1 908
Kongsi Untung Helmi = $\frac{2}{3}$ x RM5 724 = RM3 816

Penyelesaian

Akaun Semasa (beruangan)

Tarikh	Butiran	Sarah	Helmi	Tarikh	Butiran	Sarah	Helmi
		RM	RM			RM	RM
2017				2017			
Jan 1	Baki b/b		1 200	Jan 1	Baki b/b	1 050	
Dis 31	Ambilan	2 400	5 000	Dis 31	Gaji ⁷		4 400
	Faedah atas				Elaun ⁸	4 000	
	Ambilan ⁴	144	300		Faedah atas		
	Baki h/b	5 774	1 716		Pinjaman ⁶	1 360	
					Pengasingan		
					Untung Rugi ⁵	1 908	3 816
		8 318	8 216			8 318	8 216
				2018			
				Jan 1	Baki b/b	5 774	1 716

NOTA

Pelajar perlu menyediakan Akaun Semasa walaupun tidak diminta oleh soalan.

Pindahkan baki b/b Akaun Semasa ini ke bahagian Ekuiti Pemilik Penyata Kedudukan Kewangan perkongsian.

(c)

Perkongsian Sarah dan Helmi
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik		
Premis		70 000	Akaun Modal Sarah	20 000	
Aset Semasa			Akaun Modal Helmi	30 000	50 000
Inventori Akhir	6 700		Akaun Semasa Sarah	5 774	
Akaun Belum Terima	7 240		Akaun Semasa Helmi	1 716	7 490
Tunai ⁹	1 600		Liabiliti Bukan Semasa		
Deposit Kadar bayaran	350		Pinjaman Sarah		22 000
		15 890	Liabiliti Semasa		
			Akaun Belum Bayar		6 400
		85 890			85 890

Nota Pengiraan:

6. Faedah atas Pinjaman Belum Bayar = RM1 760 – RM400 = RM1 360
7. Gaji belum bayar Helmi = RM13 000 – RM8 600 = RM4 400
8. Elaun belum bayar Sarah = RM6 000 – RM2 000 = RM4 000
9. Tunai = RM1 800 - RM200 = RM1 600

Penyelesaian
Format Penyata

(a)

Perkongsian Sarah dan Helmi
Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
Jualan			53 700
<i>Tolak: Kos Jualan</i>			
Inventori Awal		10 000	
Belian	22 000		
<i>Tolak: Pulangan Belian</i>	(540)		
		21 460	
		31 460	
<i>Tolak: Inventori Akhir</i>		(6 700)	
Kos Jualan			(24 760)
Untung Kasar			28 940
<i>Tambah: Hasil</i>			
Diskaun Diterima			380
			29 320
<i>Tolak: Belanja</i>			
Angkutan Keluar		890	
Kadar bayaran		1 590	
Faedah atas Pinjaman Sarah		1 760	
Hutang Lapuk		800	
			(5 040)
Untung Bersih			24 280

(b)

Perkongsian Sarah dan Helmi
Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Untung Bersih		24 280
<i>Tambah: Faedah atas Ambilan</i>		444
		24 724
<i>Tolak:</i>		
Gaji Pekongsi	13 000	
Elaun Pekongsi	6 000	
		(19 000)
		5 724
<i>Tolak:</i>		
Akaun Semasa Sarah	1 908	
Akaun Semasa Helmi	3 816	(5 724)
		0

Akaun Semasa adalah sama seperti di muka surat 129

Penyelesaian

(c)

Perkongsian Sarah dan Helmi
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM
Aset Bukan Semasa		
Premis		70 000
Aset Semasa		
Inventori Akhir	6 700	
Akaun Belum Terima	7 240	
Tunai	1 600	
Deposit Kadar bayaran	350	
	15 890	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>		
Akaun Belum Bayar	(6 400)	
Modal Kerja		9 490
		79 490
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Sarah	20 000	
Akaun Modal Helmi	30 000	
		50 000
Akaun Semasa Sarah	5 774	
Akaun Semasa Helmi	1 716	
		7 490
		57 490
Liabiliti Bukan Semasa		
Pinjaman Sarah		22 000
		79 490

Perbezaan Ekuiti Pemilik antara Perniagaan Perkongsian dan Milikan Tunggal

Perniagaan Perkongsian dan Milikan Tunggal berbeza pada persembahan Ekuiti Pemilik. Perbezaan ini berlaku kerana sumbangan modal perkongsian adalah daripada beberapa orang pekongsi. Oleh sebab itu, komposisi modal setiap pemilik perlu ditunjukkan secara berasingan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Merumuskan perbezaan Ekuiti Pemilik antara perniagaan perkongsian dan milikan tunggal.

Berikut ialah bahagian Ekuiti Pemilik perniagaan Perkongsian dan Milikan Tunggal.

Nama Perkongsian Penyata Kedudukan Kewangan pada ...

	RM	RM
Ekuiti Pemilik		
Akaun Modal Pekongsi A	X	
Akaun Modal Pekongsi B	X	
		XX
Akaun Semasa Pekongsi A	X	
Akaun Semasa Pekongsi B	X	
		XX
		XXX

Nama Milikan Tunggal Penyata Kedudukan Kewangan pada ...

	RM
Ekuiti Pemilik	
Modal Awal	X
<i>Tambah: Untung Bersih</i>	X
	XX
<i>Tolak: Ambilan</i>	(X)
Modal Akhir	XX

MASTERI TOPIKAL 4.3



1. Nyatakan dua komponen utama Ekuiti Pemilik bagi perniagaan perkongsian.
2. Bagi Akaun Modal yang menggunakan Kaedah Modal Berubah, di bahagian manakah Gaji Belum Bayar pekongsi dicatatkan?
3. Sekiranya perniagaan perkongsian memilih untuk menggunakan Kaedah Modal Tetap, apakah akaun yang perlu dibuka?
4. Pada 1 Januari 2017, pekongsi Letchumy telah memberikan pinjaman sebanyak RM20 000 kepada Perkongsian Megatech. Kadar Faedah atas Pinjaman yang dipersetujui ialah 6% setahun. Pada 31 Julai 2017, Faedah atas Pinjaman sebanyak RM400 telah dibayar secara tunai dan bakinya masih belum dibayar sehingga akhir tempoh perakaunan. Berapakah Faedah atas Pinjaman yang perlu direkodkan dalam Akaun Semasa pekongsi Letchumy?
5. Pada 1 Januari 2017, Ain dan Fauzee menubuhkan perniagaan Perkongsian ANZ. Ain dan Fauzee masing-masing menyumbangkan modal RM20 000 yang dimasukkan ke dalam Akaun Bank perniagaan. Ikatan Perkongsian menetapkan modal pekongsi akan dibayar faedah sebanyak 5% setahun. Pada 1 Julai 2017, Ain membawa masuk modal tambahan sebanyak RM10 000. Berapakah Faedah atas Modal yang akan dibayar kepada Ain?

Jawapan: 4) RM800, 5) RM1 250

4.4 PEMBUBARAN PERKONGSIAN

Rakan kongsi bebas untuk menetapkan tempoh perkongsian. Jika tiada tempoh tetap dipersetujui bagi jangka masa itu mana-mana rakan kongsi boleh menamatkan perkongsian itu pada bila-bila masa dengan memberi notis mengenainya kepada semua rakan kongsi lain.

Pembubaran perkongsian bermaksud ikatan perkongsian ditamatkan. Biasanya operasi perniagaan turut akan berakhir. Semua aset akan direalis dan semua liabiliti akan dijelaskan. Akhir sekali ekuiti setiap pekongsi akan diselesaikan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan sebab pembubaran perkongsian.
- Menerangkan tatacara pembubaran perkongsian.
- Merekodkan pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am.

JOM CARI

Nyatakan dua sebab perkongsian boleh dibubarkan.

JOM FIKIR

Apakah yang menyebabkan sesebuah perkongsian dibubarkan atas perintah mahkamah?

Pekongsi



Pekongsi



Rajah 4.7 Simbol kepada Pembubaran Perkongsian

Sebab-sebab Pembubaran Perkongsian


Pembubaran perkongsian boleh dilakukan melalui perjanjian, penguatkuasaan undang-undang atau sebab-sebab lain. Berikut ialah sebab-sebab perkongsian boleh ditamatkan.



Rajah 4.8 Sebab-sebab Pembubaran Perkongsian

Tatacara Pembubaran Perkongsian

Apabila perkongsian dibubarkan, langkah-langkah berikut perlu dilaksanakan:



Rajah 4.9 Tatacara Pembubaran Perkongsian

Perekodan Pembubaran Perkongsian dalam Jurnal Am

Langkah-langkah merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am jika semua aset dijual atau diambil alih dan liabiliti dijelaskan ialah seperti berikut:

Jadual 4.3 Langkah Merekod Pembubaran dalam Jurnal Am

Langkah Pembubaran	Bil	Keterangan	Jurnal Am	
			Debit	Kredit
Langkah 1	1	Menutup semua Akaun Aset. (kecuali Tunai/Bank)	Akaun Realisasi	Akaun Aset
	2	Menutup Akaun Semasa pekongsi dan memindahkannya ke Akaun Modal pekongsi.	Akaun Semasa	Akaun Modal
	3	Merekod penerimaan tunai daripada penjualan aset.	Akaun Bank / Tunai	Akaun Realisasi
	4	Merekod aset yang diambil alih oleh pekongsi (jika ada).	Akaun Modal	Akaun Realisasi
	5	Merekod penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima (abaikan hutang lapuk/diskaun diberi).	Akaun Bank / Tunai	Akaun Realisasi
	6	Merekod belanja realisasi.	Akaun Realisasi	Akaun Bank / Tunai


Langkah Pembubaran	Bil	Keterangan	Jurnal Am	
			Debit	Kredit
Langkah 2	7	Merekod bayaran kepada Akaun Belum Bayar termasuk liabiliti lain jika ada. (rekodkan amaun yang dibayar)	Akaun Belum Bayar / Pinjaman	Akaun Bank / Tunai
	8	Merekod Diskaun Diterima daripada Akaun Belum Bayar.	Akaun Belum Bayar	Akaun Realisasi
	9	Merekod liabiliti yang diambil alih oleh pekongsi.	Akaun Belum Bayar / Pinjaman	Akaun Modal
	10	Merekodkan liabiliti tambahan yang dijumpai dan dibayar semasa realisasi.	Akaun Realisasi	Akaun Bank / Tunai

Langkah Pembubaran	Bil	Keterangan	Jurnal Am	
			Debit	Kredit
Langkah 3	11	Merekod untung atau rugi realisasi: (a) Jika untung realisasi (jumlah bahagian kredit Akaun Realisasi melebihi jumlah bahagian debit)	Akaun Realisasi	Akaun Modal
		(b) Jika rugi realisasi (jumlah bahagian debit Akaun Realisasi melebihi jumlah bahagian kredit)	Akaun Modal	Akaun Realisasi
	12	Merekod pembayaran balik modal kepada pekongsi.	Akaun Modal	Akaun Bank / Tunai
	13	Merekod kemasukan tunai oleh pekongsi jika mengalami kurangan modal.	Akaun Bank / Tunai	Akaun Modal

Tiada catatan jurnal untuk langkah 4 pembubaran: Membatalkan nama perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

Penyediaan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal Pekongsi dan Akaun-akaun Berkaitan

Merekod pembubaran perkongsian melibatkan pembukaan akaun sementara iaitu Akaun Realisasi. Berikut ialah fungsi Akaun Realisasi:



STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Bank, Akaun Modal pekongsi dan akaun-akaun yang berkaitan.

Rajah 4.10 Fungsi Akaun Realisasi

Format Akaun Realisasi adalah seperti berikut:

Akaun Realisasi					
2017		RM	2017	RM	
Dis 31	Aset Bukan Semasa	X	Dis 31	Bank (jualan aset)	X
	Akaun Belum Terima	X		Bank (Akaun Belum Terima)	X
	Inventori	X		Akaun Belum Bayar	
	Bank (liabiliti tambahan)	X		(Diskaun diterima)	X
	Bank (Belanja Realisasi)	X		Modal P (aset diambil alih)	X
	Modal P	X			
	Modal Q	X			
		<u>XX</u>			<u>XX</u>

Jika rugi realisasi, butiran Modal P dan Modal Q dicatat di sebelah kredit Akaun Realisasi.

CONTOH 12 Merekodkan pembubaran perkongsian (Jurnal Am)

Encik Razali dan Encik Jasmi ialah pekongsi dalam Perkongsian Rajawali dengan nisbah pembahagian untung atau rugi 2:3. Berikut ialah kedudukan kewangan perkongsiannya pada 31 Januari 2017.

Aset: Inventori	9 300
Akaun Belum Terima	5 300
Bank	4 800
Alatan Pejabat	28 000
Kenderaan	40 000
	<u>87 400</u>
Liabiliti: Akaun Belum Bayar	13 400
Pinjaman Bank	20 000
Ekuiti: Modal Razali	20 000
Modal Jasmi	30 000
Akaun Semasa Razali	2 300
Akaun Semasa Jasmi	1 700
	<u>87 400</u>

Pada 31 Januari 2017, Encik Razali dan Encik Jasmi bersetuju untuk membubarkan perniagaan mereka. Mereka telah bersetuju dengan perkara-perkara berikut;

- (i) Alatan pejabat dan inventori dijual dengan harga RM58 000.
- (ii) Akaun Belum Terima dapat dikutip sebanyak RM5 000 dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (iii) Belanja realisasi adalah sebanyak RM2 500.
- (iv) Encik Razali bersetuju menjelaskan sepenuhnya Akaun Belum Bayar dengan mengeluarkan cek peribadinya berjumlah RM12 000.
- (v) Pinjaman bank dibayar balik sepenuhnya.
- (vi) Encik Jasmi mengambil alih kenderaan dengan harga RM35 000.
- (vii) Belanja kadar bayaran sebanyak RM500 telah dijumpai semasa pembubaran.
- (viii) Semua penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Sediakan catatan Jurnal Am untuk merekod pembubaran perkongsian.

Penyelesaian

Catatan dalam Jurnal Am

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	F	Debit RM	Kredit RM
2017 Jan 31	Realisasi Alatan Pejabat Kenderaan Inventori Akaun Belum Terima [menutup Akaun Aset dan memindahkan ke Akaun Realisasi]		82 600	28 000 40 000 9 300 5 300
Jan 31	Akaun Semasa Razali Akaun Semasa Jasmi Akaun Modal [menutup Akaun Semasa dan memindahkan ke Akaun Modal]		2 300 1 700	4 000
Jan 31	Bank Realisasi [merekod penerimaan daripada penjualan aset]		58 000	58 000
Jan 31	Bank Realisasi [merekod penerimaan daripada Akaun Belum Terima]		5 000	5 000
Jan 31	Realisasi Bank [merekod belanja realisasi]		2 500	2 500
Jan 31	Akaun Belum Bayar Modal Razali Realisasi (Diskaun diterima) [Akaun Belum Bayar diambil alih pekongsi dan terima diskaun]		13 400	12 000 1 400
Jan 31	Pinjaman Bank [merekod bayaran balik pinjaman]		20 000	20 000
Jan 31	Modal Jasmi Realisasi [merekod aset kenderaan diambil alih pekongsi]		35 000	35 000
Jan 31	Realisasi Bank [Merekod liabiliti tambahan yang dijumpai]		500	500
Jan 31	Realisasi Modal Razali Modal Jasmi [Merekod untung atau rugi realisasi]		13 800	5 520 8 280
Jan 31	Modal Razali Modal Jasmi Bank [Merekod pembayaran balik modal pekongsi]		39 820 4 980	44 800

CONTOH 13 Merekodkan pembubaran perkongsian (Akaun Lejar)

Berdasarkan **Contoh 12**, sediakan Akaun Lejar merekodkan Pembubaran Perkongsian. Murid hanya perlu membuat satu Akaun Bank, satu Akaun Realisasi dan satu Akaun Modal.

Penyelesaian

Catatan dalam akaun lejar berkaitan.

Langkah 1: Menutup semua akaun aset dan memindahkannya ke Akaun Realisasi.

Akaun Alatan Pejabat

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Baki b/b	28 000	Jan 31 Realisasi	28 000
	<u>28 000</u>		<u>28 000</u>

Akaun Kenderaan

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Baki b/b	40 000	Jan 31 Realisasi	40 000
	<u>40 000</u>		<u>40 000</u>

Akaun Inventori

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Baki b/b	9 300	Jan 31 Realisasi	9 300
	<u>9 300</u>		<u>9 300</u>

Akaun Belum Terima

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Baki b/b	5 300	Jan 31 Realisasi	5 300
	<u>5 300</u>		<u>5 300</u>

Akaun Realisasi

2017			
	RM		RM
Jan 31 Alatan Pejabat	28 000		
Jan 31 Kenderaan	40 000		
Jan 31 Inventori	9 300		
Jan 31 Akaun Belum Terima	5 300		

Langkah 2: Menutup Akaun Semasa dan memindahkan ke Akaun Modal.

Akaun Semasa Razali

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Modal	2 300	Jan 31 Baki b/b	2 300

Akaun Semasa Jasmi

2017		2017	
	RM		RM
Jan 31 Modal	1 700	Jan 31 Baki b/b	1 700

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi	Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi
2017		RM	RM	2017		RM	RM
				Jan 31	Baki b/b	20 000	30 000
					Akaun Semasa	2 300	1 700

Langkah 3: Merekod penerimaan daripada jualan aset.

Akaun Bank		
2017		RM
Jan 31	Baki b/b	4 800
	Realisasi	58 000

Akaun Realisasi		
2017		RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000
	Kenderaan	40 000
	Inventori	9 300
	Akaun Belum Terima	5 300

2017		RM
Jan 31	Bank	58 000

Langkah 4: Merekod penerimaan daripada Akaun Belum Terima.

Akaun Bank		
2017		RM
Jan 31	Baki b/b	4 800
	Realisasi	58 000
	Realisasi	5 000

Akaun Realisasi		
2017		RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000
	Kenderaan	40 000
	Inventori	9 300
	Akaun Belum Terima	5 300

2017		RM
Jan 31	Bank	58 000
	Bank	5 000

Langkah 5: Merekod belanja realisasi.

Akaun Bank		
2017		RM
Jan 31	Baki b/b	4 800
	Realisasi	58 000
	Realisasi	5 000

2017		RM
Jan 31	Realisasi	2 500

Akaun Realisasi		
2017		RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000
	Kenderaan	40 000
	Inventori	9 300
	Akaun Belum Terima	5 300
	Bank	2 500

2017		RM
Jan 31	Bank	58 000
	Bank	5 000

Langkah 6: Liabiliti diambil alih oleh pekongsi dan menerima diskaun.

Akaun Belum Bayar

2017		RM	2017		RM
Jan 31	Modal Razali	12 000	Jan 31	Baki b/b	13 400
	Realisasi (Diskaun Diterima)	1 400			
		<u>13 400</u>			<u>13 400</u>

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi	Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Jan 31				Jan 31	Baki b/b	20 000	30 000
					Akaun Semasa	2 300	1 700
					Akaun Belum Bayar	12 000	

Akaun Realisasi

2017		RM	2017		RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000	Jan 31	Bank	58 000
	Kenderaan	40 000		Bank	5 000
	Inventori	9 300		Akaun Belum Bayar (Diskaun Diterima)	1 400
	Akaun Belum Terima	5 300			
	Bank	2 500			

Langkah 7: Merekod bayaran balik pinjaman.

Akaun Pinjaman Bank

2017		RM	2017		RM
Jan 31	Bank	20 000	Jan 31	Baki b/b	20 000
		<u>20 000</u>			<u>20 000</u>

Akaun Bank

2017		RM	2017		RM
Jan 31	Baki b/b	4 800	Jan 31	Realisasi	2 500
	Realisasi	58 000		Pinjaman Bank	20 000
	Realisasi	5 000			

Langkah 8: Merekod aset yang diambil alih oleh pekongsi.

Akaun Realisasi

2017		RM	2017		RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000	Jan 31	Bank	58 000
	Kenderaan	40 000		Bank	5 000
	Inventori	9 300		Akaun Belum Bayar (Diskaun Diterima)	1 400
	Akaun Belum Terima	5 300		Modal Jasmi	35 000
	Bank	2 500			

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi	Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Jan 31	Realisasi		35 000	Jan 31	Baki b/b	20 000	30 000
					Akaun Semasa	2 300	1 700
					Akaun Belum Bayar	12 000	

Langkah 9: Merekod liabiliti tambahan yang dijumpai dan dibayar.

Akaun Realisasi

2017			2017		
		RM			RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000	Jan 31	Bank	58 000
	Kenderaan	40 000		Bank	5 000
	Inventori	9 300		Akaun Belum Bayar	1 400
	Akaun Belum Terima	5 300		(Diskaun Diterima)	
	Bank	2 500		Modal Jasmi	35 000
	Bank (Kadar bayaran)	500			

Akaun Bank

2017			2017		
		RM			RM
Jan 31	Baki b/b	4 800	Jan 31	Realisasi	2 500
	Realisasi	58 000		Pinjaman Bank	20 000
	Realisasi	5 000		Realisasi	500

Langkah 10: Merekod untung atau rugi realisasi. Mengimbangkan Akaun Realisasi dan membahagikan untung realisasi kepada pekongsi mengikut nisbah yang telah dipersetujui dan dipindahkan ke Akaun Modal pekongsi.

Akaun Realisasi

2017			2017		
		RM			RM
Jan 31	Alatan Pejabat	28 000	Jan 31	Bank	58 000
	Kenderaan	40 000		Bank	5 000
	Inventori	9 300		Akaun Belum Bayar	1 400
	Akaun Belum Terima	5 300		(Diskaun Diterima)	
	Bank	2 500		Modal Jasmi	35 000
	Bank (Kadar bayaran)	500			
	Modal Razali				
	($\frac{2}{5} \times 13\,800$)	5 520			
	Modal Jasmi				
	($\frac{3}{5} \times 13\,800$)	8 280			
		<u>99 400</u>			<u>99 400</u>

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi	Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Jan 31	Realisasi		35 000	Jan 31	Baki b/b	20 000	30 000
					Akaun Semasa	2 300	1 700
					Akaun Belum Bayar	12 000	
					Realisasi	5 520	8 280

Langkah 11: Merekod pembayaran balik modal kepada pekongsi dan menutup Akaun Bank.

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi	Tarikh	Butiran	Razali	Jasmi
2017		RM	RM	2017		RM	RM
Jan 31	Realisasi		35 000	Jan 31	Baki b/b	20 000	30 000
	Bank	39 820	4 980		Akaun Semasa	2 300	1 700
					Akaun Belum Bayar	12 000	
					Realisasi	5 520	8 280
		39 820	39 980			39 820	39 980

Akaun Bank


2017		RM	2017		RM
Jan 31	Baki b/b	4 800	Jan 31	Realisasi	2 500
	Realisasi	58 000		Pinjaman Bank	20 000
	Realisasi	5 000		Realisasi	500
				Modal Razali	39 820
				Modal Jasmi	4 980
		<u>67 800</u>			<u>67 800</u>

Razali dan Jasmi masing-masing menerima wang berjumlah RM39 820 dan RM4 980 apabila perkongsian mereka dibubarkan.

Penyelesaian Akaun Modal Pekongsi Berbaki Debit di Akhir Proses Pembubaran

Lazimnya Akaun Modal mempunyai baki kredit. Namun begitu, terdapat situasi Akaun Modal Pekongsi berbaki debit. Perkara ini berlaku bagi perkongsian yang merekod modal menggunakan Kaedah Modal Berubah.

Akaun Modal pekongsi berbaki debit atas sebab-sebab yang berikut:



Rajah 4.11 Sebab Akaun Modal Pekongsi Berbaki Debit

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Membincangkan penyelesaian apabila Akaun Modal pekongsi berbaki debit di akhir proses pembubaran.

INFO WEB

Bagi mendapatkan maklumat mengenai kurangan dalam Akaun Modal pekongsi, sila layari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms142

Apabila Akaun Modal berbaki debit, ini menunjukkan berlakunya kurangan dalam Akaun Modal pekongsi. Dalam hal ini, pekongsi perlu membawa masuk tunai tambahan untuk menampung kurangan tersebut.

CONTOH 14 Merekod kurangan dalam Akaun Modal pekongsi

Pada 1 Januari 2017, Akaun Modal Devarajoo mempunyai baki kredit sebanyak RM5 600. Perkongsian Devarajoo dan Rani bersetuju membubarkan perkongsian pada 31 Disember 2017. Mereka telah bersetuju bahawa:

- (i) Encik Devarajoo akan mengambil alih kenderaan bernilai RM10 200.
- (ii) Kerugian realisasi yang perlu ditanggung oleh Devarajoo berjumlah RM3 200.

Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Devarajoo menunjukkan kedudukan seperti berikut:

Akaun Modal Devarajoo					
2017			RM	2017	RM
Dis 31	Realisasi		10 200	Jan 1	Baki b/b
	Realisasi (rugi realisasi)		3 200		
					5 600

Akaun Modal Devarajoo menunjukkan kurangan modal.

Sediakan catatan jurnal dan akaun yang terlibat untuk merekodkan penyelesaian kurangan tersebut.

Penyelesaian

Catatan Jurnal Am

Jurnal Am				
Tarikh	Butiran	Folio	Debit	Kredit
2017			RM	RM
Dis 31	Bank		7 800	
	Modal Devarajoo			7 800
	[Tunai dimasukkan ke dalam perkongsian]			

NOTA

Akaun Modal Devarajoo ditutup setelah tunai dibawa masuk sebagai modal tambahan bagi menampung kurangan modal.

Catatan dalam akaun lejar

Akaun Modal Devarajoo					
2017			RM	2017	RM
Dis 31	Realisasi		10 200	Jan 1	Baki b/b
	Realisasi		3 200		Bank
			<u>13 400</u>		5 600
					7 800
					<u>13 400</u>

Akaun Bank					
2017			RM	2017	RM
Dis 31	Modal Devarajoo		7 800		

MASTERI TOPIKAL 4.4



1. Nyatakan tiga sebab sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan.
2. Semasa dibubarkan, kenderaan bernilai RM12 800 diambil alih oleh pekongsi Jamal. Tunjukkan catatan jurnal untuk merekod urus niaga tersebut.
3. Semasa pembubaran, pekongsi Muthu dan Leong menanggung kerugian masing-masing berjumlah RM4 500. Di bahagian manakah kerugian tersebut direkodkan ke dalam Akaun Modal Muthu dan Akaun Modal Leong?
4. Alfin, Reno dan David merupakan pekongsi dalam Perkongsian ARD. Semasa pembubaran, Akaun Modal Alfin dan Reno berbaki kredit tetapi Akaun Modal David menunjukkan baki debit. Mengapakah Akaun Modal David berbaki debit?
5. Pada tarikh pembubaran, Akaun Modal Yap mempunyai baki kredit RM3 000. Beliau bersetuju mengambil alih perabot kedai bernilai RM4 000 dan menanggung kerugian realisasi sebanyak RM2 800. Berapakah jumlah tunai yang perlu dibawa masuk oleh Yap?
6. Butiran berikut diambil daripada Penyata Kedudukan Kewangan Perkongsian Wawasan pada 30 April 2017.

	RM
Inventori	41 890
Bank	26 700
Perabot	6 500
Akaun Belum Terima	9 060

Butiran yang manakah tidak dipindahkan ke Akaun Realisasi?

7. Berikut ialah urus niaga yang telah dilakukan semasa proses pembubaran Perkongsian MUD pada 30 Jun 2017.
 - (i) Pekongsi Majid telah mengambil alih kenderaan bernilai RM23 000 pada nilai RM20 300.
 - (ii) Pekongsi Umar telah mengambil alih inventori bernilai RM14 200 pada nilai RM13 200.
 - (iii) Perabot bernilai RM9 600 direalis pada harga RM8 700.

Tunjukkan catatan Jurnal Am bagi merekod urus niaga di atas. Keterangan tidak diperlukan.

Jawapan: 5)RM3 800

Contoh Soalan dan Jawapan

Zaleha, Zetty dan Zakiah ialah pekongsi dalam Perkongsian 3Z yang membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2 : 2 : 1. Mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka pada 30 Jun 2017. Pada tarikh pembubaran, aset dan liabiliti Perkongsian 3Z adalah seperti berikut.

	RM
Aset:	
Inventori	11 500
Akaun Belum Terima	7 000
Bank	5 300
Lengkapan	24 000
Kenderaan	50 000
Liabiliti:	
Akaun Belum Bayar	7 800
Pinjaman bank	40 000
Ekuiti Pemilik:	
Akaun Modal Zaleha	20 000
Akaun Modal Zetty	20 000
Akaun Modal Zakiah	10 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Zaleha bersetuju mengambil alihengkapan pada nilai RM22 000.
- (ii) Inventori dijual dengan harga RM10 500 dan kenderaan diambil alih oleh Zetty pada nilai RM40 000.
- (iii) Pinjaman bank dijelaskan sepenuhnya.
- (iv) Kutipan daripada Akaun Belum Terima hanya sebanyak RM6 500 dan bakinya dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- (v) Menjelaskan sepenuhnya Akaun Belum Bayar dengan jumlah RM7 300.
- (vi) Belanja pembubaran dijelaskan sebanyak RM4 200.
- (vii) Semua urusan niaga penerimaan dan pembayaran dibuat melalui bank.

Sediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal Zaleha, Zetty dan Zakiah
- (c) Akaun Bank
- (d) Akaun Belum Bayar
- (e) Akaun Pinjaman Bank

Penyelesaian

(a)

Akaun Realisasi

2017		RM	2017		RM
Jun 30	Lengkapan	24 000	Jun 30	Modal Zaleha	22 000
	Kenderaan	50 000		Bank	10 500
	Inventori	11 500		Modal Zetty	40 000
	Akaun Belum Terima	7 000		Bank	6 500
	Bank	4 200		Akaun Belum Bayar	500
				Modal Zaleha ($\frac{2}{5} \times 17\,200$)	6 880
				Modal Zetty ($\frac{2}{5} \times 17\,200$)	6 880
				Modal Zakiah ($\frac{1}{5} \times 17\,200$)	3 440
		<u>96 700</u>			<u>96 700</u>

Untung Realisasi

(b)

Akaun Modal

Tarikh	Butiran	Zaleha	Zetty	Zakiah	Tarikh	Butiran	Zaleha	Zetty	Zakiah
		RM	RM	RM			RM	RM	RM
2017					2017				
Jun 30	Realisasi	22 000			Jun 30	Baki b/b	20 000	20 000	10 000
	Realisasi		40 000			Bank	8 880	26 880	
	Realisasi	6 880	6 880	3 440					
	Bank			6 560					
		<u>28 880</u>	<u>46 880</u>	<u>10 000</u>			<u>28 880</u>	<u>46 880</u>	<u>10 000</u>

(c)

Akaun Bank

2017		RM	2017		RM
Jun 30	Baki b/b	5 300	Jun 30	Pinjaman Bank	40 000
	Realisasi	10 500		Akaun Belum Bayar	7 300
	Realisasi	6 500		Realisasi	4 200
	Modal Zaleha	8 880		Modal Zakiah	6 560
	Modal Zetty	26 880			
		<u>58 060</u>			<u>58 060</u>

(d)

Akaun Belum Bayar


2017		RM	2017		RM
Jun 30	Bank	7 300	Jun 30	Baki b/b	7 800
	Realisasi	500			
		<u>7 800</u>			<u>7 800</u>

(e)

Akaun Pinjaman Bank

2017		RM	2017		RM
Jun 30	Bank	40 000	Jun 30	Baki b/b	40 000
		<u>40 000</u>			<u>40 000</u>

AKTIVITI PENGAYAAN



Menegak

1. Merupakan objektif sebuah perniagaan perkongsian.
2. Sesebuah perniagaan perkongsian akan ditutup apabila terdapat perselisihan faham antara pekongsi.
5. Salah satu kandungan dalam ikatan perkongsian.
6. Keuntungan atau.....perniagaan perkongsian dikongsi bersama-sama.
10. Perjanjian yang dimeterai di antara pekongsi dikenali sebagai..... Perjanjian Perkongsian.

Melintang

2. Sebuah perniagaan yang terdiri daripada dua hingga dua puluh orang ahli.
3. Proses.....perniagaan perkongsian adalah lebih mudah berbanding Syarikat Berhad.
4. Liabiliti perniagaan perkongsian adalah
7.dan perundangan perniagaan perkongsian tertakluk kepada Ikatan Perjanjian Perkongsian.
8. Akaun sementara yang dibuka untuk merekod pembubaran perkongsian ialah.....
9. Gaji yang belum dibayar dikenali sebagai gaji.....
11. Penubuhan perniagaan perkongsian tertakluk kepada..... Perkongsian 1961.

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Apakah yang dimaksudkan dengan perkongsian?
 - Satu perniagaan yang menggabungkan kepakaran masing-masing.
 - Perniagaan yang terdiri daripada seorang pemilik yang menguruskan sendiri perniagaannya.
 - Perniagaan yang terdiri daripada dua hingga dua puluh orang pemilik yang dipanggil pekongsi.
 - Perniagaan yang mengandungi minimum dua orang ahli dan tiada had maksimum kepada ahli-ahlinya.
- Antara berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri perniagaan perkongsian?
 - Terdiri daripada dua hingga enam puluh pekongsi.
 - Didaftarkan dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
 - Modal perniagaan disumbangkan oleh pekongsi-pekongsi.
 - Perniagaan perkongsian dikenakan cukai pendapatan perkongsian.
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Antara berikut, yang manakah komponen ekuiti pemilik perniagaan perkongsian?
 - Modal
 - Ambilan
 - Untung Bersih
 - Akaun Semasa
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Antara berikut, akaun yang manakah **tidak** akan dipindahkan ke Akaun Realisasi?
 - Akaun Bank
 - Akaun Inventori
 - Akaun Kenderaan
 - Akaun Belum Terima

Soalan 5 dan Soalan 6 berdasarkan maklumat berikut.

Berikut ialah Akaun Modal Zakaria yang direkod menggunakan kaedah modal berubah.

Akaun Modal			
2017	RM	2017	RM
Dis 31 Ambilan	3 000	Jan 1 Baki b/b	30 000
Y	300	Dis 31 X	15 600
Baki h/b	42 300		
	<u>45 600</u>		<u>45 600</u>
		2018	
		Jan 1 Baki b/b	42 300

- Apakah **X**?
 - Realisasi
 - Akaun Belum Bayar
 - Faedah atas Ambilan
 - Pengasingan Untung Rugi
- Y** ialah ...
 - Gaji pekongsi
 - Faedah atas Modal
 - Faedah atas Ambilan
 - Faedah atas Pinjaman
- Antara berikut, butiran yang manakah **tidak** terdapat dalam Akaun Semasa pekongsi?
 - Pinjaman
 - Gaji pekongsi
 - Faedah atas Modal
 - Faedah atas Pinjaman Bank
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Maklumat berikut diperoleh daripada Akaun Semasa Mariah.

	RM
Baki pada 1 Julai 2017	4 800
Faedah atas Modal	3 500
Ambilan	2 500
Faedah atas Ambilan	250
Pengasingan Untung Rugi (Kongsi Untung)	8 500

Berapakah baki Akaun Semasa Mariah pada 30 Jun 2017?

- RM2 950
- RM4 450
- RM12 550
- RM14 050

9. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Nora dan Mansor.

	RM
Untung Bersih	16 000
Ambilan	5 000
Faedah atas Modal	4 000
Faedah atas Ambilan	500

Untung atau rugi perkongsian dibahagi antara Nora dan Mansor mengikut nisbah 3:2. Berapakah jumlah Kongsi Untung yang diterima oleh Nora dan Mansor?

- A** RM7 500
B RM12 500
C RM15 500
D RM17 500
10. Apakah yang menyebabkan perniagaan perkongsian dibubarkan?
- I Seorang pekongsi mengalami kerugian.
 - II Seorang pekongsi jatuh sakit.
 - III Seorang pekongsi meninggal dunia.
 - IV Perintah mahkamah untuk membubarkan perniagaan.
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
11. Apakah catatan yang betul untuk merekod penerimaan wang atas jualan kenderaan semasa proses pembubaran?

	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
A	Bank	Kenderaan
B	Kenderaan	Bank
C	Bank	Realisasi
D	Realisasi	Bank

12. Petikan Akaun Realisasi berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Jali dan Joseph.



Akaun Realisasi					
2017		RM	2017		RM
Mac 31	Perabot	4 800	Mac 31	Bank	21 400
	Kenderaan	18 000		Bank	5 500
	Akaun Belum Terima	6 000		Akaun Belum Bayar	600
	Bank	2 000			

Untung atau rugi dibahagi antara Jali dan Joseph dengan nisbah 1 : 2 Berapakah untung atau rugi bagi Joseph?

- A** Rugi RM1 100
B Rugi RM2 200
C Untung RM1 100
D Untung RM2 200
13. Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah perniagaan perkongsian.

	RM
Jumlah aset (tidak termasuk Bank)	50 000
Jumlah liabiliti	5 500
Belanja Realisasi	2 500
Aset direalisasi	42 500

Berapakah Rugi Realisasi?

- A** RM4 500
B RM10 000
C RM10 500
D RM15 500
14. Apakah faktor yang menyebabkan berlakunya kurangan dalam Akaun Modal pekongsi?
- A** Sumbangan modal pekongsi terlalu tinggi.
B Untung realisasi yang diperolehi terlalu tinggi.
C Nilai aset yang diambil alih oleh pekongsi rendah.
D Ambilan yang dibuat oleh pekongsi terlalu banyak.

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Terangkan **lima** ciri milikan perniagaan perkongsian.
2. Yong merupakan pekongsi dalam Perkongsian Yong dan Yatim. Yong telah membuat ambilan seperti berikut:

	RM
31 Mac 2017	800
30 Jun 2017	920
31 Ogos 2017	600
31 Oktober 2017	480

Perkongsian Yong dan Yatim telah menetapkan ambilan akan dikenakan faedah pada kadar 5% setahun. Bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017, maklumat berikut telah diperoleh:

	RM
Gaji	5 500
Faedah atas modal	1 800
Kongsi rugi	500
Akaun Semasa pada 1 Januari 2017	4 900(k)

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Semasa Yong.

Jawapan: RM8 833(kredit)

3. Berikut ialah maklumat yang diambil daripada buku Perkongsian Bakti pada 31 Disember 2017.

	RM
Modal pada 1 Januari 2017:	
Borhan	20 000
Andrew	40 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2017:	
Borhan	5 800
Andrew	7 200
Untung Bersih	92 800
Ambilan:	
Borhan	4 000
Andrew	5 000
Inventori	11 600
Akaun Belum Terima	6 700
Akaun Belum Bayar	5 800
Bank	15 600

Ikatan Perkongsian Bakti menyatakan:

- (i) Faedah 5% dibayar atas modal tetap perkongsi.
- (ii) Gaji tahunan perkongsi: Borhan RM10 000
Andrew RM15 000
- (iii) Ambilan oleh perkongsi dikenakan faedah 10% setahun.
- (iv) Perkongsian Untung atau Rugi antara Borhan dan Andrew ialah 1 : 2.

Sediakan:

- (a) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Modal Borhan dan Akaun Modal Andrew.
- (c) Akaun Semasa Borhan dan Akaun Semasa Andrew.

Jawapan: Kongsi Untung Borhan RM21 900, Kongsi Untung Andrew RM43 800, Akaun Semasa Borhan RM34 300, Akaun Semasa Andrew RM62 500

4. Ana, Bella dan Moly ialah pekongsi dalam Perkongsian ABM yang beroperasi di Sungai Rambai, Melaka. Berikut ialah petikan Imbangan Duga perniagaan pada 31 Disember 2017.

	RM
Modal 1 Januari 2017:	
Ana	100 000
Bella	75 000
Moly	35 000
Ambilan:	
Ana	16 000
Bella	12 000
Moly	18 000
Akaun Semasa 1 Januari 2017:	
Ana	16 550
Bella	2 500 (dt)
Moly	3 790
Perabot	85 000
Kenderaan	82 000
Bank	3 440
Untung Bersih	52 800

Maklumat Tambahan:

- (a) Ikatan Perkongsian menyatakan perkara berikut:
- (i) Faedah atas Ambilan dikenakan 10% setahun.
 - (ii) Faedah atas Modal dibayar 5% setahun.
 - (iii) Gaji tahunan pekongsi: Bella RM4 000 dan Moly RM6 500.
 - (iv) Untung atau rugi dikongsi antara Ana, Bella dan Moly mengikut nisbah 5:3:2
- (b) Perkara berikut masih belum diambil kira semasa menyediakan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi:
- (i) Insurans Prabayar RM500
 - (ii) Gaji pekerja belum dibayar RM1 500
 - (iii) Baki Akaun Belum Terima dihapuskan RM800
 - (iv) Peruntukan Hutang Ragu berjumlah RM600 diwujudkan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 (format penyata).

*Jawapan: Untung Bersih RM50 400,
Akaun Semasa: Ana RM17 000, Bella RM10 200, Moly RM6 800*

5. Puan Lela dan Puan Hanim ialah pekongsi dalam Perkongsian SMART yang menjalankan perniagaan di Bukit Katil, Melaka. Baki-baki berikut diperolehi daripada rekod perakaunan perniagaannya pada 31 Disember 2017.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Januari 2017:		
Lela		30 000
Hanim		20 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2017:		
Lela	1 500	
Hanim		3 500
Ambilan:		
Lela	4 600	
Hanim	5 600	
Inventori pada 1 Januari 2017	15 240	
Angkutan Masuk	450	
Bank	9 800	
Kenderaan	48 000	
Gaji pekerja	6 000	
Gaji Hanim	3 800	
Insurans	3 700	
Angkutan Keluar	400	
Belian dan Jualan	40 000	96 500
Akaun Belum Terima	8 000	
Akaun Belum Bayar		5 200
Diskaun Diberi	500	

Ikatan Perkongsian telah menetapkan perkara berikut:

- (i) Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 5% setahun.
- (ii) Faedah atas Modal ialah 10% setahun.
- (iii) Gaji Hanim berjumlah RM10 500 setahun.
- (iv) Untung atau rugi perniagaan dibahagi antara Puan Lela dengan Puan Hanim mengikut nisbah 3 : 2.

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2017 bernilai RM12 400.
- (ii) Gaji pekerja sebanyak RM1 000 masih belum dibayar.
- (iii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun atas kos.
- (iv) Peruntukan Hutang Ragu diwujudkan pada kadar 5% atas baki Akaun Belum Terima.

Sediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Semasa Lela dan Akaun Semasa Hanim.

*Jawapan: Kos Jualan RM43 290, Untung Kasar RM53 210, Untung Bersih RM34 010,
Kongsi Untung Lela RM11 412, Kongsi Untung Hanim RM7 608,
Akaun Semasa Lela RM8 082, Akaun Semasa Hanim RM13 928*

6. Encik Raju dan Encik Tony ialah pekongsi dalam Perkongsian Restu yang memulakan perniagaan pada 1 Januari 2017.
Ikatan Perkongsian Restu telah menetapkan perkara berikut:
- Untung atau rugi perkongsian dibahagi antara Encik Raju dan Encik Tony mengikut nisbah 3 : 2.
 - Faedah atas Modal pekongsi dibayar 8% setahun.
 - Gaji tahunan Encik Tony berjumlah RM16 000.

Imbangan Duga Perkongsian Restu pada 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Perkongsian Restu
Imbangan Duga pada 31 Disember 2017

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Januari 2017:		
Raju		40 000
Tony		30 000
Akaun Semasa pada 1 Januari 2017:		
Raju		4 200
Tony		5 800
Premis	60 000	
Perabot	14 500	
Belian dan Jualan	41 000	97 200
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	4 300	5 700
Gaji pekerja	9 600	
Sewa Diterima		3 800
Belanja Am	2 300	
Pulangan	1 200	
Angkutan Masuk	1 800	
Angkutan Keluar	1 900	
Kadar bayaran	3 200	
Ambilan Raju	2 500	
Bank	20 400	
Inventori pada 1 Januari 2017	24 000	
	<u>186 700</u>	<u>186 700</u>

Maklumat Tambahan:

- Inventori pada 31 Disember 2017 bernilai RM25 000.
- Gaji Pekerja Belum Bayar berjumlah RM1 400.
- Kadar bayaran Belum Bayar berjumlah RM600.
- Bayaran insurans RM480 dengan cek terlupa direkodkan di dalam mana-mana buku.
- Perabot disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.

Sediakan:

- Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Akaun Semasa Raju dan Akaun Semasa Tony.
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 (dalam bentuk penyata).

*Jawapan: Kos Jualan RM41 800, Untung Kasar RM54 200, Untung Bersih RM37 070,
Kongsi Untung Raju RM9 282, Tony RM6 188, Akaun Semasa Raju RM14 182, Tony RM30 388,
Penyata Kedudukan Kewangan RM114 570*

7. Encik Ravi merupakan seorang usahawan yang berjaya. Pada 1 Januari 2017, beliau telah memulakan dua jenis perniagaan, iaitu Perniagaan Star dan Farmasi Ravi dan Lim. Berikut adalah maklumat bagi kedua-dua jenis perniagaan beliau bagi tempoh perakaunan berakhir 31 Disember 2017.

Butiran	Perniagaan Star	Farmasi Ravi dan Rakan
Jenis perniagaan	Milikan Tunggal	Perkongsian
Lokasi	Rawang	Selayang
Modal pada 1 Januari 2017	RM80 000	Ravi RM20 000 Lim RM30 000
Jualan	RM96 000	RM125 000
Untung bersih	RM8 700	RM16 000
Ambilan	RM2 100	Ravi RM2 200 Lim RM2 500
Inventori akhir	RM6 100	RM4 900
Pembahagian untung atau rugi	Tiada	Ravi : Lim = 2:3

Anda dikehendaki:

- menghitung modal akhir Perniagaan Star.
- menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 bagi kedua-dua entiti perniagaan (tunjukkan bahagian ekuiti pemilik sahaja).
- menerangkan perbezaan bahagian ekuiti pemilik bagi kedua-dua jenis perniagaan.

Jawapan: (a)RM86 600, (b)Akaun Semasa Ravi RM4 200, Akaun Semasa Lim RM7 100

8. Dina dan Danny ialah pekongsi bagi Klinik 2D. Mereka bersetuju untuk membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 3:1. Pada 31 Mac 2017, Klinik 2D dibubarkan. Penyata Kedudukan Kewangan yang dipetik pada tarikh tersebut adalah seperti berikut.

Klinik 2D
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2017

RM		RM	
Aset Bukan Semasa		Ekuiti Pemilik	
Kenderaan	17 000	Akaun Modal Dina	15 000
Lengkapan	11 750	Akaun Modal Danny	10 000
Aset Semasa		Liabiliti Semasa	
Akaun Belum Terima	6 300	Akaun Belum Bayar	8 200
	<u>35 050</u>	Overdraf Bank	1 850
			<u>35 050</u>

Maklumat Tambahan:

- Semua aset direalis dengan jumlah RM42 300 termasuk Hutang Lapuk dan Diskaun Diberi berjumlah RM400.
- Akaun Belum Bayar bersetuju memberi diskaun sebanyak 15% semasa hutang perkongsian diselesaikan.
- Belanja realisasi berjumlah RM752 telah dijelaskan.

Sediakan:

- Akaun Realisasi
- Akaun Bank
- Akaun Modal pekongsi

Jawapan: Untung Realisasi Dina RM5 796, Danny RM1 932, Modal Dina RM20 796, Danny RM11 932

9. Ali, Bakar dan Chan adalah pekongsi bagi Perkongsian Bintang. Mereka berkongsi untung atau rugi mengikut nisbah 2:1:1. Pada 31 Mei 2017, Perkongsian Bintang dibubarkan. Berikut ialah Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh tersebut.

Perkongsian Bintang
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mei 2017

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Ekuiti Pemilik		
Kenderaan	14 600		Akaun Modal Ali	3 000	
Perabot	2 400		Akaun Modal Bakar	3 000	
Alatan Kedai	<u>1 800</u>		Akaun Modal Chan	<u>3 000</u>	
		18 800			9 000
Aset Semasa			Akaun Semasa Ali	1 000	
Inventori	2 200		Akaun Semasa Bakar	(900)	
Akaun Belum Terima	<u>3 500</u>		Akaun Semasa Chan	<u>500</u>	
		5 700			600
			Liabiliti Semasa		
			Akaun Belum Bayar	4 900	
			Pinjaman	8 000	
			Overdraif Bank	<u>2 000</u>	
					14 900
		<u>24 500</u>			<u>24 500</u>

Maklumat Tambahan berkaitan pembubaran:

- (i) Jualan aset:
 - Kenderaan dijual dengan harga RM13 800
 - Inventori dijual dengan harga RM2 000
 - Perabot dijual dengan harga RM3 500
- (ii) Bakar mengambil alih alatan kedai pada harga buku.
- (iii) Pinjaman dijelaskan sepenuhnya.
- (iv) Akaun Belum Terima menjelaskan hutangnya dan diberi diskaun sebanyak RM200.
- (v) Ali bersetuju menjelaskan Akaun Belum Bayar sebanyak RM4 600 dengan mengeluarkan cek peribadi.
- (vi) Akaun Semasa rakan kongsi hendaklah dipindahkan ke Akaun Modal.
- (vii) Belanja realisasi RM500 dijelaskan dengan cek.
- (viii) Akaun Modal pekongsi dijelaskan dengan cek.
- (ix) Belanja Kadar bayaran berjumlah RM600 telah dijumpai semasa proses pembubaran berlaku. Urus niaga ini belum dicatat di mana-mana buku perniagaan.

Sediakan:

- (a) Akaun Realisasi
- (b) Akaun Modal pekongsi
- (c) Akaun Bank

*Jawapan: Rugi Realisasi Ali RM450, Bakar RM225, Chan RM225,
Modal Ali RM8 150, Bakar RM75, Chan RM3 275*

CABARAN ABAD KE-21



Berikut ialah kedudukan kewangan Perkongsian Mas Idayu pada 31 Julai 2017.

	RM
Premis	150 000
Alatan Pejabat	21 350
Inventori	8 520
Akaun Belum Terima	24 700
Bank (kredit)	5 500
Tunai	250
Komisen Belum Terima	400
Akaun Belum Bayar	3 250
Akaun Modal:	
Marini	90 000
Arman	60 000
Salbiah	30 000
Akaun Semasa:	
Marini	8 000
Arman	10 000
Salbiah (debit)	1 530

Pada 1 Ogos 2017, mereka membuat keputusan untuk membubarkan perkongsian mereka. Maklumat berikut ialah perkara-perkara yang berlaku semasa proses pembubaran.

- (i) Premis telah diambil alih oleh Arman dengan nilai RM100 000. Dia bersetuju memasukkan wang tunai untuk menampung kekurangan dalam Akaun Modalnya.
- (ii) Alatan pejabat dan inventori telah dijual secara lelong dan masing-masing memperoleh harga RM15 000 dan RM6 500.
- (iii) Hutang sebanyak RM500 tidak dapat dikutip dan dianggap sebagai Hutang Lapuk. Baki Akaun Belum Terima telah dikutip setelah diberi diskaun 30%.
- (iv) Kos pembubaran RM1 750 dibayar dengan cek.
- (v) Sekeping bil kadar bayaran yang belum dijelaskan bernilai RM300 telah dijumpai.
- (vi) Akaun Belum Bayar telah dijelaskan sebanyak RM3 100 setelah aset direalis dengan sempurna.


Adakah pekongsi Marini dan pekongsi Salbiah akan menerima pulangan balik modal mereka? Tentukan berapakah jumlah modal tambahan yang perlu dimasukkan oleh pekongsi Arman bagi menampung kekurangan modalnya.

Jawapan: Kongsi Rugi RM22 810

NOTA



Pelajar perlu menyediakan Akaun Realisasi, Akaun Modal setiap pekongsi dan Akaun Bank sebelum boleh memberi pendapat.



PERAKAUNAN UNTUK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan yang berikut:

- Pengenalan kepada Syarikat Berhad Menurut Syer
- Jenis modal dan terbitan syer
- Ekuiti Pemilik Syarikat Berhad Menurut Syer
- Dividen tunai

Pengenalan

Syarikat merupakan satu badan atau entiti yang ditubuhkan oleh sekumpulan individu untuk menjalankan aktiviti-aktiviti perniagaan dengan tujuan memperoleh keuntungan. Pemiliknya ialah pemegang-pemegang syer. Dari segi undang-undang, syarikat ialah satu badan yang sah dan terpisah daripada pemiliknya. Liabiliti pemegang syer syarikat terhad kepada jumlah modal yang dilaburkan. Syarikat boleh memiliki harta, membuat kontrak, mendakwa dan didakwa. Untuk memahami lebih mendalam modul ini, sila lihat eksplorasi modul.

1



2

	1.430	1.540	1.440		
	1.780	1.870	1.790		
*	0.865	0.905	0.865	1017	
A°	1.390	1.450	1.400	2371	
*C	3.110	3.210	3.100	746	
*	11.360	11.460	11.340	2489	11.42
A°	6.500	6.550	6.500	3259	6.520
IIMS°	2.230	2.340	2.240	220	2.310
*	60.020	60.700	59.940	3	60.360
NIC°	2.190	2.270	2.180	250	2.240
BANK	9.630	9.680	9.600	451	9.660
M	2.180	2.220	2.150	147	2.210
	1.420	1.480	1.410	61	1.450
*	2.810	2.910	2.830	610	2.900
*	5.960	6.060	5.960	213	6.05
R°	1.160	1.210	1.150	390	1.1
*	2.320	2.490	2.330	40	
	0.635	0.675	0.650	10	
*	2.340	2.400	2.350	37	
	1.100	1.150	1.120		

3



5.1 PENGENALAN KEPADA SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer

Syarikat Berhad Menurut Syer ialah entiti perniagaan yang dimiliki oleh individu-individu yang menyumbang modal dan diberi syer dalam syarikat. Semua syarikat yang ditubuhkan tertakluk kepada Akta Syarikat 2016.

“Suatu badan korporat yang diperbadankan mengikut Akta Syarikat 2016 atau mana-mana enakmen sebelumnya.”

Petikan Akta Syarikat 2016

Tatacara Penubuhan Syarikat Berhad mengikut Akta Syarikat 2016

Penubuhan sesebuah syarikat telah dinyatakan dengan jelas dalam Akta Syarikat 2016. Di Malaysia, **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** telah menyediakan panduan bagaimana sesebuah syarikat boleh didaftarkan.

Setiap syarikat baharu perlu berdaftar dengan Pendaftar Syarikat menggunakan Portal MyCoID dengan memberikan maklumat yang berkaitan seperti berikut:

- 1 Membuat carian nama dan permohonan nama
- 2 Menyerah simpan permohonan pemerbadanan syarikat
- 3 Membayar fi pendaftaran
- 4 Menerima Notis Pemerbadanan

Rajah 5.1 Langkah-langkah Penubuhan Syarikat

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan tatacara penubuhan Syarikat Berhad Menurut Syer mengikut Akta Syarikat 2016.

INFO TAMBAHAN

Maklumat berkenaan Akta Syarikat 2016 boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms160

JOM CARI

Apakah kepentingan Akta Syarikat kepada sesebuah syarikat?

INFO TAMBAHAN

Antara maklumat yang diperlukan semasa pendaftaran syarikat:

- Nama syarikat yang dicadangkan.
- Nama butiran pemegang syer dan pengarah.
- Jenis perniagaan serta;
- Alamat berdaftar syarikat.

Akta Syarikat baharu dilaksana pada 2017

Oleh MOHD. AZRIN MUHAMMAD

KUALA LUMPUR - Akta Syarikat baharu yang akan dilaksanakan pada 2017 diyakini dapat memperkasakan sektor perniagaan di negara ini sekali gus memberi perlindungan kepada pengguna.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Datuk Zahrah Abd. Wahab Fenor berkata, antara akta yang terlibat dalam pindaan itu ialah Rang Undang-Undang Syarikat 2015 dan Rang Undang-Undang Skim Kepentingan 2015. Katanya, pindaan itu telah mendapat kelulusan Kabinet pada 19

Oktober tahun lalu.

“Bagi mengukuhkan lagi pemahaman, kita telah menganjurkan Persidangan Kebangsaan SSM 2016 melibatkan 662 komuniti dan pengamal perniagaan untuk mendedahkan mereka dengan akta baharu itu.

“Ia merupakan fokus utama SSM. Akta baharu itu mengandungi lima bahagian, 620 fasal serta 13 jadual berbanding Akta Syarikat 1965 yang mempunyai 12 bahagian, 374 fasal dan 10 jadual,” katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2016 oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi

dan Kepenggunaan, Datuk Henry Sum Agong.

Hadir sama Pengerusi SSM, Datuk Seri Jamil Salleh.

Menurut Zahrah, tiga objektif diberikan keutamaan dalam persidangan tahun ini iaitu menyediakan dan menyalurkan maklumat terkini serta meningkatkan tahap kefahaman mengenai pindaan tersebut.

Dalam perkembangan lain, Zahrah memberitahu setakat ini pihaknya telah menerima sebanyak 42,452 pendaftaran peniaga atas talian. Beliau turut menggesa golongan itu supaya segera mendaftar bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan.



HENRY menandatangani plak perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2016 sambil diperhatikan oleh Jamil dan Zahrah di Kuala Lumpur semalam.

Sumber: Akhbar Kosmo, bertarikh 9 Mei 2016

Notis Pemerbadanan akan dikeluarkan oleh SSM setelah semua maklumat dan prosedur yang ditetapkan dipenuhi.

AKTA SYARIKAT 2016 SEKSYEN 15	
NOTIS PENDAFTARAN	
NO. PENDAFTARAN	: 1250044-T
TARIKH	: 06-Oct-2017 11:23 AM
JENIS SYARIKAT	: Berhad Menurut Syer
<p>Dimaklumkan bahawa GREEN SOLUTION LABORATORY SDN. BHD. telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 dan syarikat ini adalah sebuah syarikat sendirian.</p> <p>Pendaftar Syarikat</p> <p>NOTA: INI ADALAH MESEJ YANG DIJANAKAN SECARA AUTOMATIK. MOHON TIDAK MEMBERIKAN MAKLUMBALAS KEPADA MESEJ INI.</p>	

Gambar foto 5.1 Contoh Notis Pemerbadanan Syarikat

Perlembagaan Syarikat

Perlembagaan Syarikat merupakan dokumen yang mengikat syarikat, pengarah dan pemegang syer. Syarikat Berhad mempunyai pilihan untuk mewujudkan Perlembagaan Syarikat atau tidak. Sekiranya syarikat memilih untuk tidak mewujudkan Perlembagaan Syarikat, sebarang perselisihan perlu diselesaikan dengan merujuk kepada Akta Syarikat 2016. Perlembagaan suatu syarikat boleh mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan perkara-perkara berikut.

Kandungan Perlembagaan Syarikat

- Tujuan syarikat
- Keupayaan, hak, kuasa atau keistimewaan syarikat jika berbeza dengan peruntukan yang terkandung dalam Akta Syarikat 2016 seperti kuasa dan tanggungjawab Lembaga Pengarah
- Perkara-perkara yang dipertimbangkan oleh Akta ini untuk dimasukkan ke dalam perlembagaan seperti cara pembayaran dividen
- Apa-apa perkara lain yang hendak dimasukkan oleh syarikat ke dalam perlembagaan seperti pengurusan dan pentadbiran syarikat

Rajah 5.2 Kandungan Perlembagaan Syarikat

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyatakan kandungan Perlembagaan Syarikat mengikut Akta Syarikat 2016.

INFO TAMBAHAN



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

Antara fungsi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ialah mengawal selia perkara yang berhubungan dengan pemerbadanan, syarikat dan perniagaan berhubung dengan undang-undang yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta SSM 2001. Layari laman sesawang berikut untuk maklumat lanjut:




http://eravisi.com/PAK_tg5/ms161

INFO TAMBAHAN

Setelah memperoleh Notis Pemerbadanan, syarikat boleh mula beroperasi secara sah.

Ciri-ciri Syarikat



Ciri-ciri Syarikat

Rajah 5.3 Ciri-ciri Syarikat

INFO TAMBAHAN

Laporan kewangan Syarikat Awam Menurut Syer perlu dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat dan hendaklah diserahkan kepada SSM serta pemegang syer.

Perbandingan Ciri-ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

Terdapat dua jenis Syarikat Berhad Menurut Syer, iaitu Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam. Perbandingan ciri-ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam dapat ditunjukkan dalam jadual yang berikut.

Jadual 5.1 Perbandingan Ciri-ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

Syarikat Persendirian	Ciri-ciri	Syarikat Awam
Minimum seorang dan maksimum 50 orang.	1. Bilangan ahli	Minimum seorang dan maksimum tiada had.
Minimum seorang	2. Bilangan pengarah	Minimum 2 orang
Terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan.	3. Pemilikan syer	Terbuka kepada individu, persatuan dan entiti perniagaan.
Syer tidak boleh dipindah milik tanpa persetujuan daripada pemegang syer yang lain.	4. Pindah milik syer	Syer bebas dipindah milik dan mudah dijual beli melalui broker syer di bursa saham.
Syer tidak boleh disenaraikan atau diurus niaga di Bursa Malaysia.	5. Status syer	Syer boleh disenaraikan dan diniagakan secara bebas di Bursa Malaysia.
Penyata kewangan perlu diedarkan kepada pemegang syer.	6. Laporan kewangan	Penyata kewangan perlu dibentangkan di Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Membandingkan ciri Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam.

Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam

Berikut adalah contoh Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam.

(a) Contoh Syarikat Persendirian

Dikenali dengan melihat pada nama syarikat yang diakhiri dengan perkataan **Sendirian Berhad** atau **Sdn. Bhd.** Contoh Syarikat Persendirian ialah Syarikat Warisan Maju Sdn. Bhd., Syarikat Pelita Ilmu Sdn. Bhd., Syarikat Penerbitan Kreatif Sdn. Bhd. dan Syarikat Alam Flora Sdn. Bhd.

(b) Contoh Syarikat Awam

Dikenali dengan melihat pada nama syarikat yang diakhiri dengan perkataan **Berhad** atau **Bhd.** Syarikat Awam boleh tersenarai di Bursa Malaysia sekiranya melepasi syarat penyenaian seperti kedudukan kewangan yang kukuh. Contoh Syarikat Awam yang tersenarai di Bursa Malaysia ialah Syarikat Proton Berhad, Syarikat Sime Darby Berhad, Syarikat Khazanah Nasional Berhad dan Syarikat Telekom Malaysia Berhad.

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Memberikan contoh Syarikat Persendirian.
- Memberikan contoh Syarikat Awam yang tersenarai di Bursa Malaysia.

JOM FIKIR



Apakah maksud Pemegang Syer (*Shareholders*)?

JOM CARI



Berikan satu contoh Syarikat Persendirian dan Syarikat Awam.

MASTERI TOPIKAL 5.1



Berikut ialah contoh logo-logo syarikat yang terdapat di Malaysia.



a) Yang manakah Syarikat Awam?

b) Bincangkan perbezaan ciri-ciri antara logo nombor 3 dan nombor 4.


Bil.	Ciri-ciri	Petroleum National Berhad	Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd.
1.	Bilangan ahli		
2.	Bilangan Pengarah		
3.	Pemilikan syer		
4.	Pindah milik syer		
5.	Status syer		
6.	Laporan kewangan		

5.2 JENIS MODAL DAN TERBITAN SYER

Modal Syarikat

- Modal syarikat diperoleh daripada terbitan syer.
- Syer-syer yang diterbitkan tidak mempunyai nilai tara. Harga sesyer yang diterbitkan ditentukan oleh lembaga pengarah syarikat berdasarkan nilai sebenar syarikat (*net worth of company*).
- Oleh itu, harga sesyer boleh berubah bergantung kepada prestasi syarikat. Harga sesyer terbitan kali pertama mungkin berbeza dengan harga sesyer terbitan berikutnya.
- Untuk membuat pertimbangan, orang awam boleh mengakses maklumat penyata perakaunan syarikat di SSM bagi memastikan harga syer yang ditawarkan adalah berpatutan.

Jenis Modal Syer



Rajah 5.4 Jenis Modal Syer

Syer bagi Syarikat Berhad Menurut Syer terdiri daripada dua jenis iaitu Syer Biasa dan Syer Keutamaan.

(a) Syer Biasa

- Pemegang Syer Biasa berhak menerima dividen hanya selepas bayaran dividen dibuat kepada pemegang Syer Keutamaan sekiranya syarikat memperoleh keuntungan.
- Kadar dividen yang diterima adalah tidak tetap dan bergantung kepada prestasi syarikat.
- Pemegang Syer Biasa mempunyai kuasa mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan dan dapat mempengaruhi pentadbiran syarikat.

(b) Syer Keutamaan

- Pemegang Syer Keutamaan berhak menerima dividen terlebih dahulu berbanding pemegang Syer Biasa.
- Dividen yang diterima adalah pada kadar peratusan yang tetap setiap tahun.
- Syer Keutamaan terdiri daripada beberapa jenis. Antaranya Syer Keutamaan bersifat kumulatif (bertimbun tambah), syer bersifat tidak kumulatif (tidak bertimbun tambah) dan Syer Keutamaan Partisipatif.
- Pemegang Syer Keutamaan yang bersifat kumulatif berhak menerima tunggakan dividen.
- Pemegang Syer Keutamaan tidak berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan jenis modal syer.

INFO TAMBAHAN

Harga syer disebut harga di pasaran saham. Syer juga dikenali sebagai saham atau amanah.

JOM CARI

Apakah yang dimaksudkan dengan harga sesyer?

INFO TAMBAHAN

Syer boleh diterbitkan melalui:

- **Terbitan Bonus**
syer terbitan percuma kepada pemegang syer berdasarkan kepada bilangan syer yang telah dimiliki.
- **Terbitan Hak**
diberikan kepada pemegang syer untuk membeli syer dalam syarikat, biasanya lebih rendah daripada harga pasaran.

Ciri-ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif

Syarikat Awam memiliki dua jenis modal syer iaitu Syer Biasa dan Syer Keutamaan. Perbezaan antara Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif ditunjukkan seperti di dalam jadual berikut.

Jadual 5.2 Ciri-ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif

Ciri-ciri	Syer Biasa	Syer Keutamaan
1. Kadar dividen	Kadar dividen tidak tetap.	Kadar dividen tetap.
2. Keutamaan pembayaran dividen	Dividen hanya diberikan sekiranya ada lebih daripada keuntungan syarikat setelah dividen Syer Keutamaan dibayar.	Menerima dividen terlebih dahulu daripada pemegang Syer Biasa.
3. Hak mengundi	Mempunyai hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah semasa Mesyuarat Agung Tahunan.	Tiada hak mengundi untuk melantik lembaga pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
4. Tuntutan atas aset syarikat semasa pembubaran	Tuntutan modal hanya boleh dibuat setelah tuntutan pemegang Syer Keutamaan dan semua liabiliti lain telah diselesaikan.	Berhak membuat tuntutan modal sekiranya syarikat dibubarkan.
5. Tunggakan dividen	Tiada tunggakan dividen atau tidak bersifat timbun tambah(kumulatif).	Tunggakan dividen akan dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan pada tahun perakaunan yang lain, sekiranya pada tahun semasa syarikat mengalami kerugian.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:


- Menerangkan ciri-ciri Syer Biasa dan Syer Keutamaan bersifat kumulatif.

INFO TAMBAHAN

- Pemegang Syer Biasa berhak mengundi bagi memilih ahli lembaga pengarah syarikat.
- Liabiliti pemegang syer syarikat terhad kepada modal yang dilaburkan sahaja.

JOM CARI

Bezakan Syer Biasa dan Syer Keutamaan.



Gambar foto 5.2: Bursa Malaysia merupakan tempat syer Syarikat Awam dijual beli.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

- Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh merupakan syer yang ditawarkan kepada orang awam dan telah dibayar penuh.
- Syarikat Berhad Menurut Syer yang baru didaftarkan akan menerbitkan syer untuk memperoleh modal. Manakala syarikat yang sedang beroperasi pula boleh menerbitkan syer untuk memperoleh modal tambahan.
- Tiada had ditetapkan terhadap bilangan syer yang akan diterbitkan.
- Rumus mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh ialah:

$$\text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh} = \text{Bilangan Syer Diterbitkan} \times \text{Harga Sesyer}$$

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh.

CONTOH 1 Mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Terbitan Pertama

Syarikat Percetakan Berhad ditubuhkan untuk membekalkan bahan percetakan. Pada 1 Mac 2017, Syarikat Percetakan Berhad menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh. Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan x Harga Sesyer

Jenis Syer	Pengiraan
(a) 8% Syer Keutamaan	= 200 000 unit x RM2.00 = RM 400 000
(b) Syer Biasa	= 1 500 000 unit x RM1.00 = RM1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	<u>RM1 900 000</u>

CONTOH 2 Mengira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Terbitan Kedua

Berdasarkan **Contoh 1**, pada 31 Mei 2017 Syarikat Percetakan Berhad membuat terbitan syer kali kedua kerana memerlukan modal tambahan. Syarikat telah menerbitkan 300 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.50 sesyer. Kira Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh pada tarikh tersebut. Tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan X Harga Sesyer

Jenis Syer	Pengiraan
(a) 8% Syer Keutamaan	= 300 000 unit x RM2.00 = RM 600 000
(b) Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.50 = RM 1 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	<u>RM2 100 000</u>

Oleh itu, Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syarikat Bersatu Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

(a) 500 000 unit 8% Syer Keutamaan	= RM400 000 + RM600 000	= RM1 000 000
(b) 2 500 000 unit Syer Biasa	= RM1 500 000 + RM1 500 000	= RM3 000 000
		<u>RM4 000 000</u>

Merekod Terbitan Syer dalam Jurnal Am

- Syarikat Awam perlu memperoleh kebenaran daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebelum menerbitkan syer.
- Setelah syarat terbitan syer dipenuhi, syarikat akan menghebahkan kepada orang awam melalui prospektus untuk memberi gambaran kepada bakal pelabur mengenai prestasi syarikat.
- Akaun yang terlibat dalam merekod terbitan syer ialah:

1. Akaun Bank
2. Akaun Permohonan Syer Biasa / Akaun Permohonan Syer Keutamaan
3. Akaun Modal Syer Biasa / Akaun Modal Syer Keutamaan

- Catatan terbitan syer dalam Jurnal Am:

(i) Apabila syer diterbitkan

Debit	Permohonan Syer
Kredit	Modal Syer

(ii) Apabila wang diterima dan dibankan

Debit	Bank
Kredit	Permohonan syer

(iii) Apabila berlaku lebihan langgan

Debit	Permohonan Syer
Kredit	Bank

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am.

INFO TAMBAHAN

Antara fungsi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) ialah:

- Mengawal selia bursa-bursa, rumah-rumah penjelasan dan depository pusat.
- Mendaftarkan prospektus syarikat selain daripada kelab-kelab rekreasi tidak tersenarai.
- Meluluskan terbitan bon.



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms167

CONTOH 3 Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am

Syarikat Melati Berhad menjalankan perniagaan membekalkan cenderamata. Syarikat memerlukan modal untuk mengembangkan perniagaannya. Pada 10 April 2017, Syarikat Melati Berhad telah menerbitkan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer.

Pada 24 April 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Hitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh dan rekodkan terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am.

Penyelesaian

Modal Diterbitkan dan Modal Berbayar Penuh Syer Biasa

= 4 000 000 unit x RM0.50

= RM2 000 000

Penyelesaian

Merekod terbitan Syer Biasa dalam Jurnal Am

Jurnal Am			
Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Apr 10	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000
Apr 24	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000

Pindahan Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

CONTOH 4 Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke Lejar

Berdasarkan **Contoh 3**, rekodkan terbitan syer ke dalam akaun berkaitan.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Memindahkan catatan daripada Jurnal Am ke lejar.

Penyelesaian

Memindahkan Catatan ke Lejar

Akaun Permohonan Syer Biasa					
2017		RM	2017	RM	
Apr 10	Modal Syer Biasa	2 000 000	Apr 24	Bank	2 000 000

Akaun Modal Syer Biasa					
			2017	RM	
			Apr 10	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

Akaun Bank				
2017		RM		
Apr 24	Permohonan Syer Biasa	2 000 000		

CONTOH 5 Merekod terbitan syer (Gabungan jenis syer)

Syarikat Merpati Berhad menawarkan perkhidmatan penghantaran kargo. Pada 2 Mei 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Pada 15 Mei 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Anda dikehendaki:

- merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
- memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar.

Penyelesaian**Mengira Terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa****(i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 6% Syer Keutamaan**

$$= 2\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}1.00$$

$$= \text{RM}2\,000\,000$$

(ii) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa

$$= 3\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.50$$

$$= \text{RM}1\,500\,000$$

**(a) Merekod terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dalam Jurnal Am****Jurnal Am**

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Mei 2	Permohonan 6% Syer Keutamaan Modal 6% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 6% Syer Keutamaan)	2 000 000	2 000 000
Mei 2	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 500 000	1 500 000
Mei 15	Bank Permohonan 6% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 6% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	3 500 000	2 000 000 1 500 000

(b) Memindahkan Catatan dari Jurnal Am ke Lejar

Akaun Permohonan 6% Syer Keutamaan

2017		RM	2017		RM
Mei 2	Modal 6% Syer Keutamaan	2 000 000	Mei 15	Bank	2 000 000

Akaun Modal 6% Syer Keutamaan

		2017	RM
	Mei 2	Permohonan 6% Syer Keutamaan	2 000 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Mei 2	Modal Syer Biasa	1 500 000	Mei 15	Bank	1 500 000

Akaun Modal Syer Biasa

		2017	RM
	Mei 2	Permohonan Syer Biasa	1 500 000

Akaun Bank

2017		RM			RM
Mei 15	Permohonan 6% Syer Keutamaan	2 000 000			
	Permohonan Syer Biasa	1 500 000			

CONTOH 6 Merekod terbitan syer Terbitan Kedua

Berdasarkan **Contoh 5**, Lembaga Pengarah Syarikat Merpati Berhad memerlukan modal tambahan dengan membuat terbitan syer kali kedua. Pada 3 Ogos 2017, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 17 Ogos 2017.

Anda dikehendaki:

- (a) merekod terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
- (b) memindahkan catatan dari Jurnal Am ke Lejar.

Penyelesaian

Mengira Terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa Terbitan Kedua

(i) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh 8% Syer Keutamaan

$$= 1\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}1.00$$

$$= \text{RM}1\,000\,000$$

(ii) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa

$$= 4\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.50$$

$$= \text{RM}2\,000\,000$$



Penyelesaian

(a) Merekod terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa dalam Jurnal Am

Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Ogos 3	Permohonan 8% Syer Keutamaan Modal 8% Syer Keutamaan (Merekod terbitan 8% Syer Keutamaan)	1 000 000	1 000 000
Ogos 3	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	2 000 000	2 000 000
Ogos 17	Bank Permohonan 8% Syer Keutamaan Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan 8% Syer Keutamaan dan Syer Biasa)	3 000 000	1 000 000 2 000 000

(b) Memindahkan Catatan dari Jurnal Am ke Lejar

Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan

2017		RM	2017		RM
Ogos 3	Modal 8% Syer Keutamaan	1 000 000	Ogos 17	Bank	1 000 000

Akaun Modal 8% Syer Keutamaan

2017		RM
Ogos 3	Permohonan 8% Syer Keutamaan	1 000 000

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Mei 2	Modal Syer Biasa	1 500 000	Mei 15	Bank	1 500 000
Ogos 3	Modal Syer Biasa	2 000 000	Ogos 17	Bank	2 000 000

Akaun Modal Syer Biasa

2017		RM
Mei 2	Permohonan Syer Biasa	1 500 000
Ogos 3	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

Akaun Bank

2017		RM
Mei 15	Permohonan 6% Syer Keutamaan	2 000 000
	Permohonan Syer Biasa	1 500 000
Ogos 17	Permohonan 8% Syer Keutamaan	1 000 000
	Permohonan Syer Biasa	2 000 000

GERAK KERJA INDIVIDU 5.2

Encik Hasani ingin menubuhkan sebuah syarikat yang akan diberi nama Syarikat Hasani Berhad. Pengarah syarikat tersebut meminta bantuan anda untuk melengkapkan jenis modal syer syarikatnya. Lengkapkan rajah di bawah.



MASTERI TOPIKAL 5.2

Panduan Aktiviti Pair & Share

1. Murid dibahagikan kepada tiga orang dalam satu kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu membincangkan kes yang diberi (termasuk menentukan jumlah syer bagi syarikat tersebut).
3. Setiap kumpulan diminta untuk membentangkan jawapan di hadapan kelas.

Kes

Pada 1 Februari 2017, Syarikat Penaja Berhad telah menerbitkan syer yang terdiri daripada:

_____ unit 6% Syer Keutamaan pada harga _____ sesyer.
 _____ unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer.

Pada tarikh tutup permohonan 15 Februari 2017, semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh.

Arahan

1. Hitung Modal Syer Diterbitkan dan Berbayar Penuh.
2. Rekodkan terbitan syer tersebut dalam Jurnal Am.
3. Pindahkan catatan daripada Jurnal Am ke Lejar.

Tindakan Sekiranya Modal Diterbitkan Tidak Habis Dilanggan atau Terlebih Langganan

- Pemohon yang ingin melanggan atau membeli syer yang diterbitkan oleh sesebuah syarikat awam perlu membayar sepenuhnya harga terbitan semasa permohonan dibuat.
- Setelah tamat tempoh langganan, syarikat awam akan mempertimbangkan permohonan modal syer yang akan diterima daripada pihak institusi pelaburan.
- Jika berlaku **kurangan langganan**, iaitu permohonan kurang daripada Modal Diterbitkan, maka pihak penaja jamin (firma broker/bank saudagar/tabung amanah saham/agensi kewangan yang lain) akan menanggung jumlah kekurangan tersebut.
- Sebaliknya jika berlaku **lebih langganan**, iaitu permohonan melebihi Modal Diterbitkan, bayaran lebihan yang diterima atas langganan ini hendaklah dipulangkan semula kepada pemohon.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mengusulkan tindakan sekiranya Modal Diterbitkan tidak habis dilanggan atau terlebih langganan dalam tempoh yang ditetapkan.

Permohonan syer < Langganan syer = Penaja jamin akan menanggung kekurangan

Permohonan syer > Langganan syer = Wang lebihan dipulangkan semula

CONTOH 7 Merekod kurangan langganan

Pada 1 Mac 2017, Syarikat Melly Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan 15 Mac 2017, jumlah wang yang diterima berjumlah RM800 000. Terdapat kurangan langganan berjumlah RM200 000. Wang kurangan langganan berjumlah RM200 000 ditanggung oleh pihak penaja jamin pada 25 Mac 2017.

Rekodkan terbitan syer dalam Jurnal Am dan Lejar.

Penyelesaian

Mengira terbitan Syer Biasa

Jenis Syer	Pengiraan
Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.00 = RM1 000 000

Kurangan langganan = Modal Diterbitkan – Wang diterima
= RM1 000 000 – RM800 000
= RM200 000

Merekod terbitan Syer Biasa ke Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Mac 1	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 000 000	1 000 000
Mac 15	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	800 000	800 000
Mac 25	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang kurangan langganan)	200 000	200 000

Memindahkan Catatan ke Lejar**Akaun Permohonan Syer Biasa**

		2017	RM			2017	RM
2017				2017			
Mac 1	Modal Syer Biasa	1 000 000		Mac 15	Bank	800 000	
				25	Bank	200 000	
		<u>1 000 000</u>				<u>1 000 000</u>	

Akaun Modal Syer Biasa

		2017	RM
Mac 1	Permohonan Syer Biasa	1 000 000	

Akaun Bank

		2017	RM
Mac 15	Permohonan Syer Biasa	800 000	
25	Permohonan Syer Biasa	200 000	

Wang kurangan langganan ditanggung oleh pihak penaja jamin.

CONTOH 8 Merekod lebih langganan

Pada 30 Jun 2017, Syarikat Flyway Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Pada tarikh tutup permohonan iaitu 17 Julai 2017, jumlah wang yang diterima ialah RM1 200 000. Wang lebih berjumlah RM200 000 tersebut dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya pada tarikh yang sama.

- (a) **Rekodkan** terbitan syer ke dalam Jurnal Am.
 (b) **Pindahkan** catatan ke Lejar. (Tunjukkan lebih langganan dipulangkan kepada orang awam)

Penyelesaian

Mengira terbitan Syer Biasa

Jenis Syer	Pengiraan
Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM1.00 = RM1 000 000

NOTA


Jika ada lebih langganan, wang akan dipulangkan kepada pemohon yang tidak berjaya.

$$\begin{aligned} \text{Lebih permohonan} &= \text{Wang diterima} - \text{Modal Diterbitkan} \\ &= \text{RM1 200 000} - \text{RM1 000 000} \\ &= \text{RM200 000} \end{aligned}$$

(a) Merekod terbitan syer dalam Jurnal Am

Tarikh	Butiran	Debit (RM)	Kredit (RM)
2017 Jun 30	Permohonan Syer Biasa Modal Syer Biasa (Merekod terbitan Syer Biasa)	1 000 000	1 000 000
Jul 17	Bank Permohonan Syer Biasa (Merekod penerimaan wang daripada terbitan Syer Biasa)	1 200 000	1 200 000
Jul 17	Permohonan Syer Biasa Bank (Merekod bayaran balik kepada pelanggan)	200 000	200 000

(b) Memindahkan Catatan daripada Jurnal Am ke Lejar
Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Jun 30	Modal Syer Biasa	1 000 000	Jul 17	Bank	1 200 000
Jul 17	Bank	200 000			
		<u>1 200 000</u>			<u>1 200 000</u>

Akaun Modal Syer Biasa

2017		RM
Jun 30	Permohonan Syer Biasa	1 000 000

Akaun Bank

2017		RM	2017		RM
Jul 17	Permohonan Syer Biasa	1 200 000	Jul 17	Pemohonan Syer Biasa	200 000

5.3 EKUITI PEMILIK SYARIKAT BERHAD MENURUT SYER

Komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan

- Penyata Kedudukan Kewangan bagi Syarikat Berhad Menurut Syer disediakan mengikut syarat dan peraturan dalam Akta Syarikat 2016.
- Butiran yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan ialah **Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh**.
- Bilangan, jenis dan kadar dividen (Syer Keutamaan) perlu ditunjukkan bagi kedua-dua jenis modal tersebut.
- Bahagian Ekuiti Pemilik di dalam Penyata Kedudukan Kewangan akan ditunjukkan seperti berikut:

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menunjukkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan.
- Membezakan komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat, Perkongsian dan Milikan Tunggal.

Syarikat Merpati Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	3 500 000

Harga sesyer bagi setiap unit syer tidak ditunjukkan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Berhad

INFO TAMBAHAN



Ekuiti Pemilik ialah hutang perniagaan kepada pemiliknya.

- Sekiranya Syarikat Berhad memiliki beberapa jenis Syer Keutamaan, Penyata Kedudukan Kewangan akan ditunjukkan seperti berikut:

Syarikat Merpati Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 000 000
1 000 000 unit 5% Syer Keutamaan	1 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	1 500 000
	4 500 000

Perbezaan Komponen Ekuiti Pemilik bagi Syarikat, Perkongsian dan Milikan Tunggal

Komponen Ekuiti Pemilik bagi syarikat, perkongsian dan milikan tunggal adalah berbeza. Ini disebabkan oleh perbezaan struktur modal serta akauntabiliti penyumbang modal terhadap jenis perniagaan.

Berikut adalah perbandingan bahagian Ekuiti Pemilik untuk perniagaan syarikat, perkongsian dan milikan tunggal.

CELIK KEWANGAN



Bakal pelabur perlu memahami maklumat-maklumat yang terkandung dalam prospektus sesebuah syarikat sebelum membuat langganan syer. Panduan memahami kandungan prospektus boleh diakses dengan melayari laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms175

Contoh Komponen Ekuiti Pemilik Bagi Perniagaan Syarikat
**Syarikat Danon Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017**

Ekuiti Pemilik	RM
Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh	
2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan	2 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa	<u>1 500 000</u>
	3 500 000

Contoh Komponen Ekuiti Pemilik bagi Perniagaan Perkongsian
**Perkongsian MKH
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017**

Ekuiti Pemilik	RM	RM
Akaun Modal Abu	30 000	
Akaun Modal Bakar	<u>20 000</u>	
		50 000
Akaun Semasa Abu	4 200	
Akaun Semasa Bakar	<u>3 800</u>	
		8 000
		<u>58 000</u>

Contoh Komponen Ekuiti Pemilik bagi Perniagaan Milikan Tunggal
**Kedai Runcit Unimart
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017**

Ekuiti Pemilik	RM
Dibiayai oleh:	
Modal Awal	40 000
<i>Tambah:</i> Untung Bersih	<u>3 000</u>
	43 000
<i>Tolak:</i> Ambilan	<u>(4 200)</u>
Modal Akhir	38 800

MASTERI TOPIKAL 5.3


Syarikat Khidmat Jasa Berhad menawarkan perkhidmatan kawalan keselamatan. Pada 20 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 500 000 unit Syer Keutamaan 8% pada harga RM1.00 dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 kepada orang awam. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 6 Februari 2017.

Perkongsian Ravi dan Muthu ditubuhkan pada 2 Januari 2017. Pada 31 Disember 2017, modal Ravi dan Muthu menunjukkan baki RM20 000 dan RM30 000 masing-masing. Manakala baki Akaun Semasa Ravi dan Muthu masing-masing ialah RM1 500 dan RM3 200.

Anda dikehendaki membandingkan komponen Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan Syarikat Khidmat Jasa Berhad dengan Perkongsian Ravi dan Muthu pada 31 Disember 2017.

5.4 DIVIDEN TUNAI

Dividen

- Sebahagian keuntungan yang dibayar oleh syarikat kepada para pemegang syer.
- Kadar dividen dikira dalam bentuk peratus atas Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh atau nilai dividen sesyer.
- Jumlah dividen bergantung kepada keuntungan yang diperoleh dan cadangan daripada lembaga pengarah syarikat.

Maksud dividen tunai

- Keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer dalam dua kaedah, iaitu mengikut peratus atas nilai sesyer atau sen sesyer.
- Dibayar ke atas Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh.

Jenis dividen tunai


Dividen tunai terbahagi kepada dua, iaitu Dividen Interim dan Dividen Akhir.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menerangkan maksud dividen tunai.
 - Menjelaskan jenis dividen tunai.
 - Mengira dividen interim dan dividen akhir.


INFO TAMBAHAN

- Keuntungan boleh diagihkan kepada pemegang syer dalam bentuk:
- Dividen tunai
 - Dividen syer



Rajah 5.5 Jenis Dividen Tunai

Jenis dividen	Ciri-ciri
Dividen Interim	<ul style="list-style-type: none"> • Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar diketahui. • Pembayaran dibuat sebelum tempoh perakaunan berakhir.
Dividen Akhir	<ul style="list-style-type: none"> • Diisytiharkan selepas keuntungan sebenar diketahui. • Pembayaran dibuat selepas tempoh perakaunan berakhir.



- Dividen Interim akan dibayar sebelum 31 Disember 2016 (sebelum tempoh perakaunan berakhir).
- Dividen Akhir akan dibayar selepas 31 Disember 2016 (selepas tempoh perakaunan berakhir).

Pengiraan Dividen Interim dan Dividen Akhir

Rumus mengira dividen adalah seperti di bawah:

$$\begin{aligned}
 \text{Dividen Syer Keutamaan} &= \text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Keutamaan} \times \text{Peratus Dividen yang Ditetapkan} \times \text{Tempoh} \\
 \text{Dividen Syer Biasa} &= \text{Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa} \times \text{Peratus Dividen yang Diisytiharkan} \\
 &\text{atau} \\
 &\text{Bilangan Unit Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syer Biasa} \times \text{Nilai Dividen Sesyer}
 \end{aligned}$$

CONTOH 9 Mengira dividen interim

Syarikat Berjaya Berhad merupakan sebuah syarikat yang sedang berkembang maju dalam perniagaan hartanah.

Pada 16 Januari 2017, syarikat telah menerbitkan 2 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 3 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer kepada orang awam. Semua syer itu telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 31 Januari 2017. Tempoh perakaunan syarikat berakhir 31 Disember setiap tahun.

Pada 31 Julai 2017, syarikat telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim:

- (a) 6% Syer Keutamaan bagi tempoh enam bulan pertama.
- (b) Syer Biasa pada kadar 3%.

Anda dikehendaki menghitung Dividen Interim.

NOTA



Pengiraan dividen Syer Keutamaan perlu mengambil kira tempoh pegangan syer bagi tahun tersebut.

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan Dividen Interim
(a) 6% Syer Keutamaan	= (2 000 000 unit syer x RM1.00 sesyer) x 6% x $\frac{6}{12}$ = RM60 000
(b) Syer Biasa	= (3 000 000 unit syer x RM0.50 sesyer) x 3% = RM45 000

CONTOH 10 Mengira dividen akhir

Berdasarkan **Contoh 9**, pada 31 Disember 2017 lembaga pengarah syarikat telah memutuskan pembayaran

- (a) Dividen Akhir kepada 6% Syer Keutamaan.
- (b) Dividen Akhir pada kadar 5% kepada pemegang Syer Biasa.

Anda dikehendaki menghitung Dividen Akhir.

Penyelesaian

Jenis Syer	Pengiraan Dividen Akhir
(a) 6% Syer Keutamaan	= RM2 000 000 unit syer x 6% x $\frac{5}{12}$ = RM50 000
(b) Syer Biasa	= RM1 500 000 x 5% = RM75 000

NOTA



Pengiraan dividen syer berasaskan:

- Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- Kadar dividen syer (%)

Mengira Dividen Syer bagi Beberapa Tahun

CONTOH 11 Mengira dividen syer bagi beberapa tahun

Pada 2 Januari 2014, Modal Syer Syarikat Labis Berhad adalah seperti berikut.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:

2 000 000 unit 10% Syer Keutamaan RM2 000 000
3 000 000 unit Syer Biasa RM3 000 000

Keuntungan syarikat bagi lima tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan (RM)
2014	260 000
2015	800 000
2016	200 000
2017	-
2018	430 000

Andaikan semua keuntungan dibahagikan sebagai dividen kepada pemegang syer mengikut keutamaannya.

Anda dikehendaki mengira pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan dan Syer Biasa.

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Mengira dividen Syer Keutamaan dan Syer Biasa bagi beberapa tahun kewangan.
- Membincangkan sebab berlakunya dividen tertunggak.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Pengiraan pembayaran dividen 10\% Syer Keutamaan} &= \text{RM2 000 000} \times 10\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM200 000} \end{aligned}$$

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
	RM	RM	RM
2014	260 000	200 000	60 000 ¹
2015	800 000	200 000	600 000
2016	200 000	200 000	0
2017	-	0	0
2018	430 000	400 000 ²	30 000

Nota:

1. RM260 000 – RM200 000
2. RM200 000 + RM200 000

Sebab Berlakunya Dividen Tertunggak

Pembayaran dividen bergantung kepada jumlah keuntungan syarikat dan kelulusan oleh Lembaga Pengarah. Pemegang Syer Keutamaan bersifat kumulatif diberi keutamaan menerima dividen berbanding pemegang Syer Biasa. Hal ini kerana kadar dividen Syer Keutamaan bersifat tetap.

Namun, prestasi syarikat yang tidak memuaskan menyebabkan keuntungan diperoleh tidak mencukupi untuk membayar dividen kepada pemegang Syer Keutamaan. Jumlah dividen ini menjadi tertunggak dan perlu dilunaskan pada tempoh perakaunan yang berikutnya apabila keuntungan syarikat mencukupi.

Hak Pemegang Syer Keutamaan Bersifat Kumulatif terhadap Dividen Tertunggak

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Merumuskan hak pemegang Syer Keutamaan bersifat kumulatif terhadap dividen tertunggak.

- Telah diketahui sebelumnya, pemegang Syer Keutamaan berhak menerima dividen tertunggak.
- Merujuk jadual di **Contoh 11**, kita dapati dividen Syer Keutamaan yang tertunggak bagi tahun sebelumnya akan dibayar pada tahun keuntungan diperoleh.

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 10% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
	RM	RM	RM
2014	260 000	200 000	60 000
2015	800 000	200 000	600 000
2016	200 000	200 000	0
2017	-	0 ¹	0
2018	430 000	400 000 ²	30 000

1. Dividen pada tahun 2017 tidak dapat dibayar kerana syarikat mengalami kerugian.

2. Oleh sebab dividen Syer Keutamaan bersifat kumulatif, dividen tertunggak RM200 000 untuk tahun 2017 akan dibayar pada tahun 2018.

GERAK KERJA INDIVIDU 5.4



Tandakan (✓) pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah di ruangan berikut.

Bil.	Keterangan	(✓) atau (x)
1.	Kadar dividen Syer Biasa adalah tetap setiap tahun.	
2.	Pemegang Syer Keutamaan berhak menerima tunggakan dividen.	
3.	Kadar dividen ditetapkan oleh ketua pengarah syarikat.	
4.	Peranan Bursa Malaysia adalah menjual sekuriti kepada orang awam.	
5.	Dividen ialah pembahagian keuntungan syarikat kepada pemegang syer.	
6.	Pemegang Syer Biasa mempunyai kuasa ke atas pengurusan syarikat.	
7.	Syarikat Persendirian boleh menjual syer kepada orang awam.	
8.	Dividen Interim ialah dividen yang dibayar setelah mengetahui keuntungan sebenar syarikat.	

MASTERI TOPIKAL 5.4



1. Bahagikan murid kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada tiga atau empat orang.
2. Setiap kumpulan dikehendaki mendapatkan prospektus di akhbar tempatan.
3. Kaji dan dapatkan maklumat yang terdapat dalam prospektus tersebut mengenai:
 - (a) Jenis terbitan syer
 - (b) Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
 - (d) Persembahan Ekuiti Pemilik syarikat
4. Bentangkan di hadapan kelas.
5. Pamerkan hasil pembentangan sebagai rujukan.

Contoh Soalan Dan Jawapan

Soalan 1

Syarikat Mewangi Berhad menjalankan perniagaan membekalkan perkakasan dan perhiasan kediaman.

Pada 2 Februari 2017, syarikat telah menerbitkan 1 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 16 Februari 2017.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- (b) menyediakan:
 - (i) Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan dan Akaun Modal 8% Syer Keutamaan
 - (ii) Akaun Permohonan Syer Biasa dan Akaun Modal Syer Biasa
 - (iii) Akaun Bank

Penyelesaian

(a)

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh = Bilangan Syer Diterbitkan X Harga Sesyer		
Jenis Syer	Pengiraan	
8% Syer Keutamaan	= 1 000 000 unit x RM1.00 =	RM1 000 000
Syer Biasa	= 1 000 000 unit x RM0.50 =	RM 500 000
Jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh		<u>RM1 500 000</u>

(b)

(i) **Akaun Permohonan 8% Syer Keutamaan**

2017		RM	2017		RM
Feb 2	Modal Syer Keutamaan	1 000 000	Feb 16	Bank	1 000 000

Akaun Modal 8% Syer Keutamaan

			2017		RM
			Feb 2	Permohonan Syer Keutamaan	1 000 000

(ii)

Akaun Permohonan Syer Biasa

2017		RM	2017		RM
Feb 2	Modal Syer Biasa	500 000	Feb 16	Bank	500 000

Akaun Modal Syer Biasa

			2017		RM
			Feb 2	Permohonan Syer Biasa	500 000

(iii)

Akaun Bank

2017		RM			
Feb 16	Permohonan 8% Syer Keutamaan	1 000 000			
	Permohonan Syer Biasa	500 000			

Contoh Soalan Dan Jawapan

Soalan 2

Pada 12 Januari 2014, Syarikat Intan Terpilih Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit 6% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM2.00 sesyer. Pada 26 Januari 2014 semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh. Keuntungan syarikat untuk empat tahun kewangan berakhir 31 Disember dari 2014 hingga 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan untuk pembayaran dividen
	RM
2014	85 000
2015	40 000
2016	90 000
2017	110 000

Hitungkan pembayaran dividen 6% Syer Keutamaan dan pembayaran dividen Syer Biasa bagi empat tahun tersebut.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Dividen 6\% Syer Keutamaan (tahun 2014)} &= 1\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}1.00 \times 6\% \times \frac{11}{12} \\ &= \text{RM}55\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Dividen 6\% Syer Keutamaan (tahun 2015- 2017)} &= 1\,000\,000 \text{ unit} \times \text{RM}1.00 \times 6\% \times \frac{12}{12} \\ &= \text{RM}60\,000 \end{aligned}$$

Tahun	Keuntungan	Pembayaran Dividen 6% Syer Keutamaan	Pembayaran Dividen Syer Biasa
		RM	RM
2014	85 000	55 000	85 000 – 55 000 = 30 000
2015	40 000	40 000	Tiada
2016	90 000	60 000 + 20 000 = 80 000	90 000 – 80 000 = 10 000
2017	110 000	60 000	110 000 – 60 000 = 50 000

AKTIVITI PENGAYAAN



Bagi pernyataan di bawah, cari jawapan yang betul di 'ruangan tersembunyi'.

1. Merupakan sekuriti yang mewakili sebahagian modal pemilik dalam perniagaan.
2. Tempat syer Syarikat Awam diniagakan.
3. Jenis milikan ini mempunyai bilangan ahli seramai minimum seorang sehingga 50 orang.
4. Petroliam National Berhad ialah contoh jenis syarikat _____.
5. Pemegang syer ini menerima dividen terlebih dahulu jika syarikat memperoleh keuntungan.
6. Merupakan sebahagian daripada keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer.
7. Dokumen yang menerangkan tujuan penubuhan syarikat.
8. Notis yang akan dikeluarkan oleh SSM setelah semua maklumat dan prosedur yang ditetapkan dipenuhi.
9. Dokumen pelawaan syer kepada orang ramai.
10. Syer yang ditawarkan kepada orang awam dikenali sebagai Modal Diterbitkan dan _____.

S	Y	A	R	I	K	A	T	A	W	A	M	B	E	R	H	A	D	I	A	C	N	G	R
I	A	B	E	T	S	A	R	S	M	N	O	D	T	Q	W	R	S	D	F	H	J	B	L
V	W	Y	A	P	R	O	S	P	E	K	T	U	S	R	P	J	F	N	D	W	A	E	D
I	Z	N	A	S	I	H	A	W	I	A	B	C	S	E	G	N	A	T	I	A	W	R	N
D	R	B	T	Q	Y	S	S	H	L	K	E	W	L	P	O	O	T	U	V	L	K	B	G
E	I	P	S	A	U	I	S	C	A	T	I	A	N	N	K	M	A	U	I	E	F	A	H
N	O	M	I	N	A	Z	Y	V	L	A	D	D	S	T	R	P	O	G	D	T	U	Y	T
V	X	U	X	V	W	Y	E	L	I	T	K	J	G	F	S	D	G	U	E	G	E	A	Q
C	X	H	Z	V	M	B	R	P	H	A	L	K	E	Y	D	N	L	F	N	I	M	R	I
U	S	I	N	Y	S	P	K	V	O	U	M	C	X	M	U	K	J	L	I	A	B	P	L
I	D	B	A	T	R	P	E	R	L	E	M	B	A	G	A	A	N	J	U	D	T	E	L
T	Q	A	I	H	W	K	U	X	P	U	L	A	N	G	G	A	N	D	K	X	T	N	T
Y	T	H	S	K	Z	O	T	J	L	S	V	A	J	C	I	K	T	D	V	C	T	U	S
X	B	U	R	S	A	M	A	L	A	Y	S	I	A	O	R	S	L	J	O	V	X	H	S
Z	Y	K	N	L	X	H	M	X	O	I	T	P	V	C	T	K	A	M	T	R	V	K	T
B	U	H	O	N	K	G	A	O	L	P	X	C	S	Y	E	R	M	R	E	K	L	A	O
A	I	G	K	O	K	A	A	I	N	E	T	R	C	V	J	T	K	O	E	M	X	N	K
Z	J	S	R	P	J	F	N	A	W	A	N	A	N	A	D	A	B	R	E	P	L	J	X
N	O	T	I	S	P	E	M	E	R	B	A	D	A	N	A	N	U	I	L	T	O	M	U
S	Y	A	R	I	K	A	T	S	E	N	D	I	R	I	A	N	B	E	R	H	A	D	T

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Yang manakah **tidak** berkaitan dengan Syarikat Persendirian?
 - Syer ditawarkan kepada orang awam
 - Syer tidak boleh diniagakan di Bursa Malaysia
 - Bilangan pemegang syer tidak lebih 50 orang
 - Penyata kewangan syarikat tidak perlu disiarkan dalam akhbar
- Apakah dokumen yang mengandungi maklumat-maklumat berkaitan penubuhan dan pengurusan syarikat?
 - Ikatan Perjanjian
 - Notis Penubuhan
 - Notis Pemerbadanan
 - Perlembagaan Syarikat
- Pernyataan manakah yang **benar** tentang Syarikat Awam?
 - Syer disenaraikan di Bursa Malaysia
 - Syer tidak boleh dipindah milik dengan bebas
 - Syer boleh ditawarkan kepada orang awam
 - Bilangan pemegang syer antara seorang hingga 50 orang

A I dan II	C II dan IV
B I dan III	D III dan IV
- Pada 2 Mac 2017, Syarikat Nara Sira telah menerbitkan 1 500 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 kepada orang awam. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh. Berapakah jumlah Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh Syarikat Nara Sira Bhd?

A RM500 000	C RM2 000 000
B RM1 500 000	D RM3 500 000
- Apakah kelebihan yang diperolehi oleh pemegang Syer Biasa berbanding Syer Keutamaan?
 - Kadar dividen adalah tetap
 - Mempunyai hak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
 - Berhak menerima tunggakan dividen
 - Mendapat keutamaan menuntut modalnya apabila perniagaan dibubarkan
- Pernyataan yang manakah menerangkan ciri Syer Keutamaan.
 - Kadar dividen tidak tetap
 - Tidak berhak mengundi
 - Tidak berhak menerima tunggakan dividen
 - Dividen dibayar selepas dividen syer biasa
- Antara berikut, pernyataan yang manakah **benar** mengenai pemegang Syer Biasa?
 - Menerima kadar dividen yang tetap
 - Berhak menerima tunggakan dividen
 - Berhak mengundi dalam mesyuarat agung tahunan
 - Pembayaran balik modal hanya dibuat selepas tuntutan pemegang syer keutamaan

A I dan II	C II dan III
B I dan IV	D III dan IV
- Apakah jenis keuntungan yang diagihkan kepada pemegang syer syarikat?
 - Bonus
 - Faedah
 - Dividen
 - Untung Bersih
- Pada 1 Januari 2017, Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh bagi Syarikat Setia Berhad ialah RM1 000 000 yang terdiri daripada 550 000 unit Syer Biasa RM550 000 dan 300 000 unit 8% Syer Keutamaan RM450 000.
Pada 31 Disember 2017, syarikat telah mengisytiharkan pembayaran dividen kepada pemegang 8% Syer Keutamaan dan dividen sebanyak 5% kepada pemegang Syer Biasa.
Kira dividen 8% Syer Keutamaan.

A RM15 000	C RM24 000
B RM22 500	D RM36 000

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Suria Berhad.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh:

2 000 000 unit 9% Syer Keutamaan
 RM4 000 000
 3 500 000 unit Syer Biasa RM1 750 000

Lembaga pengarah telah membayar Dividen Interim 4% bagi tempoh enam bulan pertama kepada pemegang Syer Biasa dan Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan.

Pada akhir tahun kewangan, lembaga pengarah bersetuju mengisytiharkan 10% Dividen Akhir bagi Syer Biasa.

Berapakah jumlah Dividen Akhir yang akan dibayar oleh Syarikat Suria Berhad?

- A** RM175 000 **C** RM355 000
B RM375 000 **D** RM535 000

11. Pilih catatan bergu yang **betul** untuk merekodkan terbitan syer.

	Debit	Kredit
A	Akaun Modal Syer	Akaun Permohonan Syer
B	Akaun Permohonan Syer	Akaun Modal Syer
C	Akaun Bank	Akaun Modal Diterbitkan
D	Akaun Modal Diterbitkan	Akaun Bank

12. Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Permata Hijrah Berhad bagi tahun berakhir 30 November 2017.

Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh

600 000 unit 10% Syer Keutamaan
 RM1 800 000
 500 000 unit Syer Biasa
 RM1 000 000

Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa pada kadar 25 sen sesyer. Berapakah jumlah Dividen Akhir Syer Biasa?

- A** RM45 000 **C** RM250 000
B RM125 000 **D** RM450 000

13. Syarikat Jaya Berhad menawarkan perkhidmatan kurier di sekitar Kota Kinabalu, Sabah .

Pada 2 Januari 2017, Syarikat Jaya Berhad telah menerbitkan 2 000 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 4 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Kesemua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada 13 Januari 2017.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, syarikat telah memperoleh Untung Bersih sebanyak RM500 000. Lembaga pengarah mengisytiharkan dividen atas Syer Biasa pada kadar RM0.05 sen sesyer.

Berapakah jumlah Dividen Akhir?

- A** RM100 000 **C** RM200 000
B RM160 000 **D** RM360 000

14. Apakah yang dimaksudkan dengan Dividen Interim?

- A** Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Biasa
B Dividen yang dibayar kepada pemegang Syer Keutamaan
C Dividen yang dibayar sebelum keuntungan sebenar syarikat diketahui
D Dividen yang dibayar setelah keuntungan sebenar syarikat diketahui

15. Rajah di bawah menunjukkan satu nama sebuah entiti perniagaan.

Syarikat Berjaya Berhad

Apakah yang dimaksudkan dengan perkataan 'Berhad' yang terdapat dalam nama tersebut?

- A** Bilangan ahli syarikat dihadkan kepada 50 orang
B Syer tidak boleh dipindah milik kepada orang awam
C Bilang pemegang syer terhad kepada individu tertentu
D Liabiliti pemegang syer terhad kepada jumlah modal yang dilaburkan

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

- Berikan dua perbezaan antara Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
- Syarikat Putera Travel Berhad merupakan salah satu agensi pelancongan yang terkenal di Lembah Klang.

Pada 14 April 2017, syarikat telah menerbitkan 200 000 unit 8% Syer Keutamaan pada harga RM1.00 sesyer dan 550 000 unit Syer Biasa pada harga RM0.50 sesyer. Semua syer yang diterbitkan telah dilanggan dan dibayar penuh pada 28 April 2017.

Anda dikehendaki:

- menghitung Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
- menyediakan catatan jurnal untuk merekodkan terbitan Syer Biasa dan Syer Keutamaan.
- menyediakan akaun berkaitan untuk merekod terbitan syer.

Jawapan: (a) RM475 000

- Pada 2 Januari 2017, Syarikat Minda Usahawan Berhad telah menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Pada tarikh tutup permohonan 13 Januari 2017, sebanyak 800 000 unit Syer Biasa telah dilanggan dan dibayar penuh. Sebanyak 200 000 unit syer tidak habis dilanggan pada tarikh tersebut. Bank Saudagar telah menanggung jumlah kurangan langganan tersebut pada 19 Januari 2017.

Anda dikehendaki:

- menyediakan catatan jurnal untuk merekod terbitan Syer Biasa
- menyediakan akaun berkaitan untuk merekod terbitan Syer Biasa

Jawapan: (a) Modal Syer Biasa RM800 000, RM200 000

- Maklumat berikut dipetik daripada buku Syarikat Permata Berhad pada 1 Januari 2017.

Modal pada 1 Januari 2017

3 000 000 unit 5% Syer Keutamaan RM6 000 000

4 000 000 unit Syer Biasa RM4 000 000

Syarikat telah membayar Dividen Interim untuk Syer Keutamaan dan 3 sen sesyer untuk Syer Biasa pada 30 Jun 2017.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2017, Lembaga Pengarah Syarikat Permata Berhad telah mengisytiharkan Dividen Akhir 6 sen bagi setiap unit Syer biasa.

Anda dikehendaki:

- menghitung:
 - Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh
 - Jumlah Dividen Interim
 - Jumlah Dividen Akhir
- menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) (i) RM10 000 000, (ii) RM270 000, (iii) RM390 000

5. Pada 1 Januari 2017, Modal Syarikat Nusajaya Berhad terdiri daripada;

50 000 unit 8% Syer keutamaan RM100 000
 100 000 unit Syer Biasa RM100 000

Pada 15 Mac 2017, syarikat telah menerbitkan 450 000 unit 9% Saham Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 700 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua saham telah dilanggan dan dibayar penuh pada 29 Mac 2017.

Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut:

- Membayar Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan pada 30 Jun 2017.
- Mengisytiharkan Dividen Akhir 5% kepada pemegang Syer Biasa dan Dividen Akhir kepada pemegang Syer Keutamaan pada 31 Disember 2017.

Anda dikehendaki:

- menghitung
 - Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh untuk syer terbitan pada 29 Mac 2017
 - Dividen Interim Saham Keutamaan
 - Dividen Akhir
- merekodkan terbitan syer dalam Jurnal Am
- menyediakan lejar-lejar terbitan syer
- menyatakan perbezaan Dividen Interim dan Dividen Akhir

*Jawapan: (a) (i) Modal Diterbitkan dan Berbayar RM1 600 000,
 (ii) Dividen Interim 8% Syer Keutamaan RM4 000, Dividen Interim 9% Syer Keutamaan RM20 250,
 (iii) Dividen Akhir 8% Syer Keutamaan RM4 000, Dividen Akhir 9% Syer Keutamaan RM40 500,
 Dividen Akhir Syer Biasa RM40 000.*

6. Syarikat Perpatih Impiana Berhad ialah sebuah perniagaan yang menawarkan khidmat nasihat berkaitan hiasan dalaman kediaman. Modal syarikat pada 1 Januari 2014 adalah seperti berikut:

Modal diterbitkan dan dibayar penuh
 300 000 unit 6% Syer Keutamaan RM600 000
 800 000 unit Syer Biasa RM800 000

Bahagian keuntungan syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014 sehingga 2017 yang digunakan untuk pembayaran Dividen Akhir adalah seperti berikut:

Tahun	Keuntungan
RM	RM
2014	40 000
2015	32 000
2016	48 000
2017	60 000

Anda dikehendaki:

- mengira Dividen Akhir yang diterima oleh pemegang 6% Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa bagi tahun 2014 hingga 2017.
- menunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.
- menerangkan kesan dividen tertunggak kepada pemegang Syer Keutamaan dan pemegang Syer Biasa.

*Jawapan : (a) 2014: 6% Syer Keutamaan RM36 000, Syer Biasa RM4 000.
 2015: 6% Syer Keutamaan RM32 000, Syer Biasa 0.
 2016: 6% Syer Keutamaan RM40 000, Syer Biasa RM8000.
 2017: 6% Syer Keutamaan RM36 000, Syer Biasa RM24 000.*

CABARAN ABAD KE-21



Syarikat Perusahaan Nasional Berhad telah ditubuhkan bagi memberi latihan-latihan profesional kepada firma-firma dalam industri berteknologi tinggi.

Pada 13 Februari 2017, Syarikat Perusahaan Nasional Berhad telah menerbitkan 800 000 unit 9% Syer Keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh pada tarikh tutup permohonan 27 Februari 2017. Pada tarikh tersebut, Akaun Bank Syarikat telah menerima lebih langganan sebanyak RM50 000 untuk langganan Syer Biasa.

Syarikat telah memutuskan untuk memberi Dividen Interim kepada pemegang Syer Keutamaan dan dividen berkadar 4% kepada pemegang Syer Biasa. Bayaran dibuat pada 31 Mei 2017.

Disebabkan permintaan yang tinggi terhadap syer yang ditawarkan oleh syarikat, lembaga pengarah telah mengumumkan terbitan kedua. Syarikat menerbitkan 1 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 pada 15 Jun 2017. Semua syer telah berbayar penuh pada 29 Jun 2017.


Pada 31 Disember 2017, Untung Bersih perniagaan ialah RM200 000. Lembaga pengarah berbesar hati mengumumkan perkara-perkara yang berikut:

- Bayaran Dividen Akhir atas Syer Keutamaan.
- Bayaran Dividen Akhir 3% kepada pemegang Syer Biasa.

Arahan

1. Kenal pasti jenis modal Syarikat Perusahaan Nasional Berhad dengan bantuan gambar rajah yang sesuai.
2. Hitung jenis-jenis modal syarikat tersebut dan rekodkan terbitan syer.
3. Bincangkan dan tentukan dividen yang akan diperoleh oleh pemegang syer.
4. Tunjukkan bahagian Ekuiti Pemilik Syarikat dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: Modal Diterbitkan 9% Syer Keutamaan RM1 600 000, Modal Diterbitkan Syer Biasa RM2 000 000, Dividen Interim 9% Syer Keutamaan RM36 000, Dividen Interim Syer Biasa RM40 000, Dividen Akhir 9% Syer Keutamaan RM84 000, Dividen Akhir Syer Biasa Terbitan Kedua RM60 000



Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan seperti berikut:


- Kelab dan Persatuan
- Akaun Penerimaan dan Pembayaran
- Akaun Yuran Ahli
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan
- Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan

Pengenalan


Persatuan Badminton Malaysia, Persatuan Seni Silat Gayong Malaysia, Kelab Bahasa Melayu, Persatuan Pengguna Pulau Pinang merupakan beberapa contoh kelab dan persatuan yang terdapat di Malaysia. Kelab dan persatuan ini mempunyai ramai ahli yang secara aktif menjalankan pelbagai aktiviti untuk ahli-ahlinya.

Apakah yang dimaksudkan dengan Kelab dan Persatuan? Apakah manfaat yang akan anda dapat daripada mempelajari modul ini? Sila lihat eksplorasi modul untuk mendapatkan gambaran awal tentang modul ini.


EKSPLORASI MODUL 6



Kelab Cegah Jenayah



Kelab Matematik



Kelab Kebudayaan



Kelab Catur



Persatuan Bahasa Melayu



6.1 KELAB DAN PERSATUAN

Takrif Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966

- Kelab dan persatuan merupakan organisasi bukan bermotifkan untung yang ditubuhkan untuk menyediakan kemudahan dan menjaga kebajikan ahli-ahlinya.

Di bawah Seksyen 2, Akta Pertubuhan 1966, sesebuah pertubuhan adalah didefinisikan sebagai mana-mana kelab, perkongsian atau persatuan yang mengandungi tujuh (7) orang atau lebih, tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal tetapi tidak termasuk badan-badan yang perlu didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis seperti syarikat, koperasi, kesatuan sekerja, persatuan ibu bapa dan guru, badan-badan sukan dan lain-lain.

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menerangkan takrif Kelab dan Persatuan di bawah Akta Pertubuhan 1966.
- Menerangkan tatacara dan matlamat penubuhan sesebuah kelab.
- Menerangkan perbandingan tatacara dan matlamat penubuhan Kelab dan Persatuan dengan entiti bermotifkan keuntungan.

Tatacara Penubuhan Kelab dan Persatuan

- Langkah-langkah penubuhan kelab dan persatuan menurut Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia adalah seperti berikut:

Langkah 1 Mengadakan mesyuarat penubuhan



Langkah 2 Menetapkan nama pertubuhan, alamat berdaftar dan melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja



Langkah 3 Menetapkan undang-undang perlembagaan pertubuhan



Langkah 4 Mendaftarkan pertubuhan dalam sistem eROSES



Langkah 5 Menyemak permohonan pendaftaran selepas bayaran Fi dibuat

INFO TAMBAHAN



Kelab atau persatuan boleh ditakrifkan sebagai sesuatu entiti yang berstruktur, berperlembagaan, berperaturan dan berkepimpinan yang dianggotai oleh ahli-ahli yang berdaftar, mempunyai minat, kegemaran dan hasrat yang sama serta bertujuan untuk saling bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti dan mencapai matlamat kelab atau persatuan yang telah ditetapkan.

Rajah 6.1 Langkah Penubuhan Kelab dan Persatuan

Perbandingan Tatacara Penubuhan Kelab dan Persatuan dengan Entiti Berorientasikan Keuntungan

Kelab dan Persatuan

1. Mengadakan mesyuarat penubuhan.
2. Menentukan nama pertubuhan, alamat berdaftar dan melantik Ahli-ahli Jawatankuasa Penaja.
3. Menetapkan undang-undang perlembagaan pertubuhan.
4. Mendaftarkan pertubuhan dalam sistem eROSES.
5. Semak permohonan pendaftaran selepas bayaran Fi dibuat.

Entiti Berorientasikan Keuntungan

1. Mengisi dan mengemukakan Borang 'A'.
2. Mendaftarkan perniagaan.
3. Mendapatkan Sijil Akuan Pendaftaran (Borang D).
4. Mempamerkan Sijil Perakuan Pendaftaran.


Matlamat Penubuhan Kelab dan Persatuan

Kelab dan persatuan ditubuhkan dengan tujuan untuk:


- Menjaga kepentingan ahli.
- Menyediakan kemudahan kepada ahli.
- Mengadakan perkhidmatan sosial, kebudayaan, rekreasi dan sukan kepada ahli.

Perbandingan Matlamat Penubuhan Kelab dan Persatuan dengan Entiti Berorientasikan Keuntungan

Kelab dan Persatuan	Entiti Berorientasikan Keuntungan
Ditubuhkan dengan tujuan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan ahli serta tidak berorientasikan keuntungan.	Ditubuhkan dengan tujuan berorientasikan keuntungan. Tiada matlamat menjaga kebajikan.

INFO TAMBAHAN 


Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia merupakan agensi kerajaan yang berfungsi menguatkuasa undang-undang, mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keamanan dan keselamatan di Malaysia. Maklumat tatacara penubuhan persatuan dan kelab boleh diakses di laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms193

Sumber Utama Kewangan Kelab dan Persatuan

- Setiap kelab dan persatuan menerima sumber kewangan utama daripada ahlinya atau daripada sumber luar.
- Sumber kewangan kelab dan persatuan terdiri daripada sumber utama misalnya **yuran keahlian** dan sumber lain seperti yuran pertandingan.
- Berikut ialah contoh sumber kewangan lain kelab dan persatuan:

STANDARD PEMBELAJARAN 

Murid boleh:

- Menerangkan sumber utama kewangan Kelab dan Persatuan.



Rajah 6.2 Contoh Sumber Kewangan Lain bagi Kelab dan Persatuan

Perbandingan Akaun-akaun Kelab dan Persatuan dengan Akaun-akaun Entiti yang Berorientasikan Keuntungan

Terdapat beberapa aspek yang membezakan antara perakaunan kelab dan persatuan dengan perakaunan entiti yang berorientasikan keuntungan. Berikut ialah perbandingan antara kedua-dua entiti ini:

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Membandingkan akaun-akaun Kelab dan Persatuan dengan akaun-akaun entiti yang berorientasikan keuntungan.



Rajah 6.3 Perbandingan Perakaunan Kelab dan Persatuan dengan Perakaunan Entiti Berorientasikan Keuntungan

INFO TAMBAHAN

Dana terkumpul bermaksud dana yang dimiliki oleh sesebuah kelab dan persatuan.

Aktiviti Mencari Keuntungan bagi Kelab dan Persatuan

Kelab dan persatuan ditubuhkan bukan bertujuan untuk mencari keuntungan kerana merupakan organisasi bukan perniagaan. Tujuan utama kelab dan persatuan adalah untuk menyediakan kemudahan dan menjaga kebajikan ahli. Namun begitu, terdapat juga kelab dan persatuan yang menjalankan aktiviti perniagaan bagi tujuan untuk menandakan atau menambahkan dana kelab dan persatuan tersebut.

Contohnya, Kelab Bola Sepak Taman Maluri menjalankan aktiviti seperti menganjurkan pertandingan bola sepak, mengadakan klinik bola sepak serta menjalankan aktiviti sewaan padang kepada orang awam bagi tujuan menambahkan dana. Kesemua aktiviti yang dijalankan adalah untuk menjaga kebajikan ahli.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menganalisis sama ada aktiviti mencari keuntungan bagi Kelab dan Persatuan bertentangan dengan motif utama penubuhannya.

JOM FIKIR

Terdapat banyak kelab atau persatuan yang ditubuhkan di sekolah anda. Namakan satu kelab atau persatuan yang anda ketahui.

MASTERI TOPIKAL 6.1



1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada tiga hingga empat orang.
2. Setiap kumpulan akan memilih atau menentukan kelab dan persatuan yang aktif di kawasan kejuranan mereka.
3. Setiap kumpulan dikehendaki menganalisis aktiviti mencari keuntungan kelab tersebut yang bertentangan dengan matlamat penubuhannya.
4. Kongsi hasil dapatan dengan kumpulan lain.

JOM CARI

- Senaraikan juga nama kelab dan matlamat penubuhannya.
- Nyatakan contoh aktiviti yang bertentangan dengan motif penubuhan kelab dan persatuan.

6.2 AKAUN PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN

Tujuan Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran

Merekodkan semua penerimaan dan pembayaran tunai kelab dan persatuan dalam suatu tempoh perakaunan.

Item Penerimaan dan Pembayaran

Contoh item penerimaan dan pembayaran bagi kelab dan persatuan adalah seperti berikut:

Penerimaan Tunai	Pembayaran Tunai
<ul style="list-style-type: none"> ■ Yuran Ahli ■ Yuran Pendaftaran ■ Bayaran Masuk ■ Derma ■ Sewa gelanggang tenis/badminton ■ Sewa Laci ■ Kutipan sukaneka/pesta ria/tari menari 	<ul style="list-style-type: none"> ■ Surat khabar dan majalah ■ Kadar bayaran ■ Insurans ■ Perabot / alatan sukan ■ Alat Tulis ■ Honorarium ■ Hadiah pertandingan ■ Kursus dan motivasi ■ Lawatan

Rajah 6.4 Item Penerimaan dan Pembayaran

Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran

Akaun Penerimaan dan Pembayaran boleh disediakan dalam dua bentuk iaitu bentuk 'T' dan Format Penyata seperti berikut:

BENTUK 'T'	FORMAT PENYATA																																																																																
<p style="text-align: center;">Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir ...</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">Baki b/b</td> <td style="width: 50%; text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Penerimaan:</td> <td>Pembayaran:</td> </tr> <tr> <td>Yuran Ahli</td> <td>Surat khabar</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Yuran Pendaftaran</td> <td>Kadar bayaran</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td>Insurans</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Sewa Gelanggang</td> <td>Alat Tulis</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Sewa Laci</td> <td>Kursus dan Motivasi</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Perabot</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Baki h/b</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td style="text-align: right;"><u>XX</u></td> <td style="text-align: right;"><u>XX</u></td> </tr> <tr> <td>Baki b/b</td> <td style="text-align: right;">X</td> </tr> </table>	Baki b/b	X	Penerimaan:	Pembayaran:	Yuran Ahli	Surat khabar	X	Yuran Pendaftaran	Kadar bayaran	X	Derma	Insurans	X	Sewa Gelanggang	Alat Tulis	X	Sewa Laci	Kursus dan Motivasi	X		Perabot	X		Baki h/b	X	<u>XX</u>	<u>XX</u>	Baki b/b	X	<p style="text-align: center;">Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir ...</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%;">Baki b/b</td> <td style="width: 10%;"></td> <td style="width: 10%; text-align: right;">X</td> </tr> <tr> <td>Tambah: Penerimaan</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Yuran Ahli</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Yuran Pendaftaran</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Derma</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Sewa Gelanggang</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Sewa Laci</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><u>XX</u></td> <td style="text-align: right;"><u>XX</u></td> </tr> <tr> <td>Tolak: Pembayaran</td> <td></td> <td></td> </tr> <tr> <td>Surat khabar</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kadar bayaran</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Insurans</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Alat Tulis</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Kursus dan Motivasi</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td>Perabot</td> <td style="text-align: right;">X</td> <td></td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right;"><u>X</u></td> <td style="text-align: right;"><u>(XX)</u></td> </tr> <tr> <td>Baki h/b</td> <td></td> <td style="text-align: right;"><u>XX</u></td> </tr> </table>	Baki b/b		X	Tambah: Penerimaan			Yuran Ahli	X		Yuran Pendaftaran	X		Derma	X		Sewa Gelanggang	X		Sewa Laci	X			<u>XX</u>	<u>XX</u>	Tolak: Pembayaran			Surat khabar	X		Kadar bayaran	X		Insurans	X		Alat Tulis	X		Kursus dan Motivasi	X		Perabot	X			<u>X</u>	<u>(XX)</u>	Baki h/b		<u>XX</u>
Baki b/b	X																																																																																
Penerimaan:	Pembayaran:																																																																																
Yuran Ahli	Surat khabar	X																																																																															
Yuran Pendaftaran	Kadar bayaran	X																																																																															
Derma	Insurans	X																																																																															
Sewa Gelanggang	Alat Tulis	X																																																																															
Sewa Laci	Kursus dan Motivasi	X																																																																															
	Perabot	X																																																																															
	Baki h/b	X																																																																															
<u>XX</u>	<u>XX</u>																																																																																
Baki b/b	X																																																																																
Baki b/b		X																																																																															
Tambah: Penerimaan																																																																																	
Yuran Ahli	X																																																																																
Yuran Pendaftaran	X																																																																																
Derma	X																																																																																
Sewa Gelanggang	X																																																																																
Sewa Laci	X																																																																																
	<u>XX</u>	<u>XX</u>																																																																															
Tolak: Pembayaran																																																																																	
Surat khabar	X																																																																																
Kadar bayaran	X																																																																																
Insurans	X																																																																																
Alat Tulis	X																																																																																
Kursus dan Motivasi	X																																																																																
Perabot	X																																																																																
	<u>X</u>	<u>(XX)</u>																																																																															
Baki h/b		<u>XX</u>																																																																															

Rajah 6.5 Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bentuk 'T' dan Format Penyata

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran.
- Memberikan contoh item penerimaan dan pembayaran.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam bentuk 'T' dan format penyata.

CONTOH 1

Penyediaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam bentuk 'T' dan format penyata

Pada 1 Januari 2017, baki tunai di bank Kelab Renang Sungai Chua, Selangor berjumlah RM21 200. Pada 31 Disember 2017, bendahari Kelab telah menyenaraikan butiran berikut:

Penerimaan:	RM
Yuran Ahli	10 840
Bayaran Masuk	1 500
Sewa Laci	1 200
Sewa Kolam	10 500

Pembayaran:	RM
Penyelenggaraan Kolam	7 600
Kadar bayaran	980
Perabot	8 600
Insurans	960
Honorarium	2 000
Alat Tulis	220
Kursus dan motivasi	1 600
Belanja Am	450

INFO TAMBAHAN 

- Debitkan semua penerimaan tunai.
- Kreditkan semua pembayaran tunai dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran.

Sediakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dalam bentuk 'T' dan format penyata.

Penyelesaian

(a) Bentuk 'T'

Kelab Renang Sungai Chua

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Baki b/b	21 200		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran Ahli	10 840	Penyelenggaraan Kolam	7 600
Bayaran Masuk	1 500	Kadar bayaran	980
Sewa Laci	1 200	Perabot	8 600
Sewa Kolam	10 500	Insurans	960
		Honorarium	2 000
		Alat Tulis	220
		Kursus dan Motivasi	1 600
		Belanja Am	450
		Baki h/b	22 830
	<u>45 240</u>		<u>45 240</u>
Baki b/b	22 830		

INFO TAMBAHAN 

Baki akhir tunai
= Baki awal tunai + Penerimaan
– Pembayaran

JOM CARI 

Apakah fungsi Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi sesebuah kelab dan persatuan?

(b) Format penyata

Kelab Renang Sungai Chua
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Baki b/b		21 200
<i>Tambah: Penerimaan</i>		
Yuran Ahli	10 840	
Bayaran Masuk	1 500	
Sewa Laci	1 200	
Sewa Kolar	<u>10 500</u>	
		<u>24 040</u>
		45 240
<i>Tolak: Pembayaran</i>		
Penyelenggaraan Kolar	7 600	
Kadar bayaran	980	
Perabot	8 600	
Insurans	960	
Honorarium	2 000	
Alat tulis	220	
Kursus dan Motivasi	1 600	
Belanja Am	<u>450</u>	
		<u>(22 410)</u>
Baki h/b		<u><u>22 830</u></u>

NOTA

Bagi Akaun Penerimaan dan Pembayaran kelab dan persatuan, sekiranya baki h/b (baki akhir) bernilai:

- positif - Aset Semasa
- negatif - Liabiliti Semasa

Perbezaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi Kelab dan Persatuan dengan Buku Tunai bagi Entiti yang Berorientasikan Keuntungan

Persamaan

Merekod semua penerimaan dan pembayaran ke dalam Buku Tunai.

Perbezaan

Kelab dan Persatuan	Entiti Berorientasikan Keuntungan
Membuat ringkasan penerimaan dan pembayaran dari Buku Tunai ke Akaun Penerimaan dan Pembayaran.	Tiada Akaun Penerimaan dan Pembayaran yang disediakan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Membezakan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dengan Buku Tunai bagi entiti yang berorientasikan keuntungan.

Rajah 6.6 Perbezaan Akaun Penerimaan dan Pembayaran dengan Buku Tunai

MASTERI TOPIKAL 6.2



1. Maklumat berikut diperolehi daripada buku perakaunan Kelab Rakan Muda:

	RM
Baki tunai di bank pada 1 Januari 2017	14 200
Jumlah penerimaan tunai	9 200
Jumlah pembayaran tunai	8 600

Berapakah baki akhir tunai di bank pada 31 Disember 2017?

2. Kelab Badminton Sibu telah ditubuhkan lima tahun yang lalu di Sibu, Sarawak. Baki tunai di bank Kelab Badminton Sibu pada 1 Januari 2017 berjumlah RM18 200. Berikut ialah butiran penerimaan dan pembayaran tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penerimaan:		RM	Pembayaran:		RM
Yuran Ahli	6 500		Perabot	3 100	
Sewa gelanggang	6 000		Penyelenggaraan gelanggang	800	
Yuran Pendaftaran	2 400		Gaji	6 400	
Yuran Pertandingan	4 900		Baik pulih bangunan kelab	2 300	
Sewa Laci	3 500		Hadiah pertandingan	2 200	
			Surat khabar dan majalah	800	
			Alat Tulis	300	
			Belanja Am	450	


Sediakan Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Jawapan: (1) RM14 800, (2) RM25 150

6.3 AKAUN YURAN AHLI

Maksud Yuran

- Yuran merupakan sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan yang dibayar oleh setiap ahli.
- Jenis-jenis yuran ahli ditunjukkan seperti berikut:



Rajah 6.7 Jenis-jenis Yuran

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menerangkan maksud Yuran.
- Menerangkan maksud Yuran Semasa, Yuran Lapuk, Yuran Belum Terperoleh dan Yuran Belum Terima.

INFO TAMBAHAN



Untuk menjadi ahli sesebuah kelab dan persatuan, anda perlu membayar yuran keahlian.

JOM CARI



Pilih satu kelab atau persatuan yang anda ketahui dan kenal pasti sumber kewangan lain selain yuran.

Yuran Masuk

- Yuran yang dibayar oleh setiap ahli baharu.
- Dibayar semasa pendaftaran.
- Boleh dikategorikan sebagai pendapatan hasil atau pendapatan modal bergantung kepada dasar kelab dan persatuan berkenaan.

Yuran Tahunan / Yuran Bulanan

- Yuran yang dibayar oleh ahli pada setiap tahun atau bulan.
- Dikategorikan sebagai pendapatan hasil dan akan dikreditkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Yuran Pertandingan

- Yuran yang dikenakan kepada ahli dan juga orang ramai yang ingin menyertai pelbagai aktiviti pertandingan anjuran kelab dan persatuan.
- Dikategorikan sebagai pendapatan hasil dan dikreditkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

INFO TAMBAHAN

- Jika Yuran Masuk dikategorikan sebagai pendapatan hasil, butiran ini akan dikreditkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
- Jika Yuran Masuk dikategorikan sebagai pendapatan modal, maka butiran ini akan ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

INFO TAMBAHAN

Yuran Lapuk akan mengurangkan lebih dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Yuran Semasa, Yuran Lapuk, Yuran Belum Terperoleh dan Yuran Belum Terima

JOM CARI

Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Lapuk?



Rajah 6.8 Keterangan Yuran

Penyediaan Akaun Yuran Ahli

Yuran ahli direkodkan mengikut prinsip pengiktirafan hasil dan belanja. Mengikut prinsip ini, yuran yang diterima hendaklah diselaraskan terlebih dahulu sebelum dikreditkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyediakan Akaun Yuran Ahli.

Akaun Yuran Ahli boleh disediakan seperti berikut:

Yuran Belum Terima pada awal tahun dicatatkan di sebelah debit Akaun Yuran Ahli, sementara Yuran Belum Terperoleh pada awal tahun dicatatkan di sebelah kredit Akaun Yuran Ahli.

Yuran Belum Terperoleh pada akhir tahun dicatat di sebelah debit Akaun Yuran Ahli, sementara Yuran Belum Terima pada akhir tahun dicatat di sebelah kredit Akaun Yuran Ahli. Format Akaun Yuran Ahli ditunjukkan seperti berikut:

Akaun Yuran Ahli

2017			RM	2017			RM
Jan 1	Yuran Belum Terima		X	Jan 1	Yuran Belum Terperoleh		X
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan		XX	Dis 31	Bank		XX
	Yuran Belum Terperoleh		X		Yuran Belum Terima		X
			<u>XXX</u>				<u>XXX</u>

CONTOH 2 Menyediakan Akaun Yuran

Maklumat berikut diambil daripada buku-buku Kelab Sukan Taman Bestari di Kluang, Johor.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	240	260
Yuran Belum Terperoleh	420	380

Yuran Ahli semasa yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 berjumlah RM12 120.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli.
- catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

(a)

Akaun Yuran Ahli

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	240	Jan 1	Yuran Belum Terperoleh	420
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	12 180	Dis 31	Bank	12 120
	Yuran Belum Terperoleh	380		Yuran Belum Terima	260
		<u>12 800</u>			<u>12 800</u>

(b)

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM
Yuran Ahli	12 180

(c)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

<u>Aset Semasa</u>	RM	<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
Yuran Belum Terima	260	Yuran Belum Terperoleh	380

NOTA

Sila lihat tarikh untuk menentukan baki awal dan baki akhir yuran.

CONTOH 3 Merekod Yuran Lapuk dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Maklumat berikut diambil dari buku Kelab Ria Tambunan, Sabah pada 1 Januari 2017.

	RM
Yuran Belum Terima	1 450
Yuran Belum Terperoleh	1 380

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2017

	RM
Yuran Ahli 2016	850
Yuran Ahli 2017	26 400
Yuran Ahli 2018	960

Maklumat Tambahan:

- (i) Yuran Belum Terima pada 31 Disember 2017 berjumlah RM880.
- (ii) Yuran tahun 2016 yang masih tertunggak dihapuskan sebagai yuran lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli.
- (b) catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (c) catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

(a)

Akaun Yuran Ahli

2017			2017		
		RM			RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	1 450	Jan 1	Yuran Belum Terperoleh	1 380
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	28 660	Dis 31	Bank ¹	28 210
	Yuran Belum Terperoleh	960		Yuran Lapuk ²	600
		<u>31 070</u>		Yuran Belum Terima	880
					<u>31 070</u>

(b)

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Yuran Lapuk	600	Yuran Ahli	28 660

(c)

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

<u>Aset Semasa</u>	RM	<u>Liabiliti Semasa</u>	RM
Yuran Belum Terima	880	Yuran Belum Terperoleh	960

Nota Pengiraan:

- Bank = RM850 + RM26 400 + RM960 = RM28 210
- Yuran lapuk = RM1 450 – RM850 = RM600 [daripada yuran belum terima yang berjumlah RM1 450, hanya sebanyak RM850 sahaja diterima. Bakinya dihapuskan sebagai yuran lapuk].

JOM FIKIR

Bagaimana caranya sesebuah kelab dan persatuan dapat mengurangkan risiko yuran lapuk?

MASTERI TOPIKAL 6.3



1. Padankan jenis yuran dengan keterangan yang betul.

Yuran Masuk	•	•	Yuran ini dibayar oleh ahli pada setiap tahun.
Yuran Belum Terima	•	•	Merupakan sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan.
Yuran Tahunan	•	•	Merupakan yuran tahun semasa yang masih belum diterima.
Yuran	•	•	Merupakan yuran yang dibayar oleh ahli yang baru menganggotai kelab atau persatuan.

2. Kelab Bola Sepak Bukit Katil telah ditubuhkan pada 1 Januari 2017. Yuran tahunan setiap ahli ialah RM100. Sehingga 31 Disember 2017, seramai 200 orang ahli telah berdaftar.

(i) 180 orang ahli telah menjelaskan yuran tahunan sebanyak RM100 setiap ahli.

(ii) 20 orang ahli masih belum menjelaskan yuran tahun 2017.

Anda dikehendaki mengira:

- (a) Yuran Ahli yang telah diterima
- (b) Yuran Belum Terima tahun 2017
- (c) Yuran Tahunan

3. Berikut ialah petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Persatuan Belia Taman Selayang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

**Persatuan Belia Taman Selayang
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017**

	RM	
Yuran Ahli	6 400	

Butir-butir berikut telah diberikan oleh bendahari Persatuan:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	240	280
Yuran Belum Terperoleh	310	290

Lengkapkan Akaun Yuran yang berikut:


Akaun Yuran							
2017			RM	2017			RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	240		Jan 1	Yuran Belum Terperoleh	
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan		Dis 31	Bank	
	Yuran Belum Terperoleh	290			Yuran Belum Terima	
		_____				_____	
		
		=====				=====	

Jawapan: (2) (a) RM18 000, (b) RM2 000, (c) RM20 000, (3) RM6 460

6.4 AKAUN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

Tujuan Penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

- Merekodkan item pendapatan hasil dan item perbelanjaan hasil.
- Disediakan untuk mengira lebih atau kurang bagi operasi kelab dan persatuan.
- Selain Akaun Yuran, akaun-akaun yang lain juga perlu diselaraskan bagi mendapatkan jumlah yang sepatutnya dipindahkan ke Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
- Jenis-jenis pelarasan yang terlibat semasa menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan ialah:



STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menerangkan tujuan penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
 - Menerangkan maksud lebih dan kurang pendapatan.

INFO TAMBAHAN

Bagi entiti perniagaan berorientasikan untung, Akaun Untung Rugi disediakan bagi menggantikan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Maksud Lebih dan Kurangan

- **Lebih** bermaksud jumlah pendapatan hasil melebihi jumlah perbelanjaan hasil.
- **Kurangan** bermaksud jumlah perbelanjaan hasil melebihi jumlah pendapatan hasil.

Hasil dan Belanja bagi Kelab dan Persatuan

Hasil

Hasil bermaksud pendapatan yang diterima atau yang akan diterima oleh kelab dan persatuan. Sumber hasil kelab dan persatuan dikategorikan kepada dua iaitu **pendapatan hasil** dan **pendapatan modal**.

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Memberi contoh hasil dan belanja bagi Kelab dan Persatuan.
 - Mentafsirkan Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal, Perbelanjaan Hasil dan Perbelanjaan Modal.

Pendapatan Hasil	Pendapatan Modal
<p>Pendapatan yang diterima daripada aktiviti biasa kelab dan persatuan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Yuran Masuk atau Yuran Pendaftaran • Yuran Tahunan / Yuran Bulanan • Yuran Pertandingan • Kutipan jualan pesta ria • Sewa Diterima kerana penyewaan kemudahan bangunan kelab dan persatuan • Faedah atas Pelaburan • Keuntungan perniagaan yang dikendalikan oleh kelab dan persatuan • Derma yang bukan bertujuan untuk membiayai sesuatu projek • Penerimaan lain yang tidak dianggap sebagai pendapatan modal 	<p>Pendapatan yang diterima bukan daripada aktiviti biasa kelab dan persatuan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Jualan Aset Bukan Semasa • Derma khas • Peruntukan kewangan daripada kerajaan

Rajah 6.10 Contoh Pendapatan Hasil dan Pendapatan Modal Kelab dan Persatuan

INFO TAMBAHAN

Derma khas dianggap sebagai pendapatan modal apabila diperolehi untuk membiayai sesuatu projek atau untuk membeli Aset Bukan Semasa.

INFO TAMBAHAN

Yuran Masuk atau Yuran Pendaftaran boleh diklasifikasikan sebagai pendapatan modal atau pendapatan hasil.

Belanja

Belanja merupakan wang yang dibayar atau yang akan dibayar oleh kelab dan persatuan. Belanja kelab dan persatuan boleh dikategorikan kepada dua iaitu **perbelanjaan hasil** dan **perbelanjaan modal**.

Perbelanjaan Hasil	Perbelanjaan Modal
<p>Perbelanjaan hasil merupakan perbelanjaan pengurusan dan pentadbiran sesebuah kelab dan persatuan.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gaji, insurans, belanja am, sewa rumah kelab dan kadar bayaran. • Belian barang niaga untuk dijual semula. • Belian alat tulis, setem, akhbar dan majalah untuk kegunaan kelab. • Susut nilai Aset Bukan Semasa. • Elaun kehormat (honorarium). • Belanja untuk menjalankan urusan pentadbiran kelab dan bayaran perkhidmatan. 	<p>Perbelanjaan modal merupakan perbelanjaan ke atas pembelian atau membina Aset Bukan Semasa.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Belanja ubah suai bangunan / membesarkan rumah kelab. • Pembinaan gelanggang permainan atau tempat letak kereta. • Pembelian Aset Bukan Semasa • Bayaran guaman dan duti setem pembelian Aset Bukan Semasa. • Kos pemasangan pendingin hawa.

Rajah 6.11 Contoh Belanja bagi Kelab dan Persatuan


INFO TAMBAHAN

- Pendapatan modal dan perbelanjaan modal dicatatkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan.
- Pendapatan hasil dan perbelanjaan hasil dicatat dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

INFO TAMBAHAN

Honorarium ialah pembayaran kepada pengerusi atau jawatankuasa kelab dan persatuan atas jasa dan sumbangan yang diberikan.

Tafsiran Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal dan Perbelanjaan Hasil serta Perbelanjaan Modal



Rajah 6.12 Tafsiran Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal dan Perbelanjaan Hasil serta Perbelanjaan Modal

GERAK KERJA INDIVIDU 6.4


1. Berikut ialah senarai hasil dan belanja Kelab Sukan Sungai Rambai.

- | | | |
|------------------------------|------------------------------|-------------------------|
| ● Yuran masuk | ● Belian komputer | ● Yuran lapuk |
| ● Yuran tahunan | ● Kutipan pesta ria | ● Sewa laci almari |
| ● Sewa rumah kelab | ● Belian surat khabar | ● Faedah simpanan tetap |
| ● Yuran pertandingan | ● Belian alatan sukan | ● Latihan dan kursus |
| ● Pembinaan gelanggang tenis | ● Elaun kehormat | ● Lawatan |
| ● Belanja mesyuarat | ● Derma membina kolam renang | ● Sewa alatan sukan |

Kelaskan item tersebut mengikut kategori Pendapatan Hasil, Pendapatan Modal, Perbelanjaan Hasil dan Perbelanjaan Modal. Berikan jawapan anda dalam bentuk peta grafik yang sesuai.

Penyediaan Akaun Perdagangan Kelab dan Persatuan

- Terdapat kelab dan persatuan yang menjalankan aktiviti perniagaan seperti membuka restoran, kedai buku, kedai alatan sukan dan lain-lain.
- Akaun Perdagangan disediakan untuk menghitung untung atau rugi daripada aktiviti perniagaan.
- Akaun Perdagangan boleh disediakan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.
- Berikut menunjukkan komponen-komponen di dalam akaun perdagangan kelab dan persatuan.



Rajah 6.13 Komponen Akaun Perdagangan

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menyediakan Akaun Perdagangan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

INFO TAMBAHAN

Belanja pengendalian perniagaan terdiri daripada upah, lesen perniagaan, susut nilai peralatan kedai dan lain-lain belanja yang berkaitan.



Nama Kelab dan Persatuan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir ...

	RM		RM
Inventori Awal	XX	Jualan	XXX
<i>Tambah:</i> Belian	XXX		
	<u>XXX</u>		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(XX)		
	<u>XXX</u>		
Belanja pengendalian	XX		
Untung	XX	Rugi*	XX
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>

CONTOH 4 Penyediaan Akaun Perdagangan Kelab dan Persatuan

Kelab Badminton Taman Bukit Katil Kenari, Ayer Keroh mengusahakan Kafe Siber yang menjual minuman. Maklumat berkaitan dengan Kafe Siber adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori minuman	2 320	3 100
Akaun Belum Terima	1 890	2 110
Akaun Belum Bayar	1 950	2 200

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Baki b/b	3 200		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran Ahli	7 600	Belian Tunai	4 000
Akaun Belum Terima	12 300	Akaun Belum Bayar	8 500
Sewa Gelanggang	1 500	Lesen Perniagaan	400
Jualan Tunai	3 000	Upah pekerja kafe	600
	<u>27 600</u>	Baki h/b	14 100
Baki b/b	14 100		<u>27 600</u>

Sediakan Akaun Perdagangan Kelab Badminton Taman Bukit Katil Kenari bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Penyelesaian

Langkah 1: Menghitung Jumlah Jualan

Akaun Kawalan Belum Terima

2017		RM	2017		RM
Jan 1	Baki b/b	1 890	Dis 31	Bank	12 300
Dis 31	Jualan	12 520		Baki h/b	2 110
		<u>14 410</u>			<u>14 410</u>
2018					
Jan 1	Baki b/b	2 110			

Jumlah Jualan = Jualan Tunai + Jualan Kredit
 = RM3 000 + RM12 520
 = RM15 520

INFO TAMBAHAN

Jumlah Jualan
 = Jualan Tunai + Jualan Kredit

Jualan Kredit
 = Baki akhir Akaun Belum Terima + Penerimaan daripada Akaun Belum Terima – Baki awal Akaun Belum Terima

Langkah 2: Menghitung Jumlah Belian

Akaun Kawalan Belum Bayar

2017		RM	2017		RM
Dis 31	Bank	8 500	Jan 1	Baki b/b	1 950
	Baki h/b	2 200	Dis 31	Belian	8 750
		<u>10 700</u>			<u>10 700</u>
			2018		
			Jan 1	Baki b/b	2 200

Jumlah Belian = Belian Tunai + Belian Kredit
 = RM4 000 + RM8 750
 = RM12 750

INFO TAMBAHAN 

Jumlah Belian
 = Belian Tunai + Belian Kredit


Langkah 3: Menyediakan Akaun Perdagangan

(a) Bentuk 'T'

Kelab Badminton Taman Bukit Katil Kenari
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Inventori Awal	2 320	Jualan	15 520
<i>Tambah:</i> Belian	12 750		
	15 070		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(3 100)		
	<u>11 970</u>		
Belanja Pengendalian			
Lesen perniagaan	400		
Upah pekerja kafe	600		
Kos Jualan	12 970		
Untung (kafe)	2 550		
	<u>15 520</u>		

Untung (kafe)
 = RM15 520 – RM12 970
 = RM2 550

NOTA 

Untung (kafe) diperoleh kerana jumlah jualan melebihi jumlah Kos Jualan.

(b) Format Penyata

Kelab Badminton Taman Bukit Katil Kenari
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Jualan		15 520
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal	2 320	
<i>Tambah:</i> Belian	12 750	
	15 070	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(3 100)	
	<u>11 970</u>	
<i>Tambah:</i> Belanja Pengendalian		
Lesen perniagaan	400	
Upah pekerja kafe	600	
		(12 970)
Untung (kafe)		<u><u>2 550</u></u>

Untung atau Rugi Aktiviti Berkala bagi Kelab dan Persatuan

- Keuntungan daripada aktiviti berkala kelab dan persatuan diperoleh apabila jumlah jualan (hasil) melebihi daripada jumlah kos yang ditanggung. **Keuntungan** yang diperoleh dianggap sebagai **pendapatan hasil** dan **dikreditkan** ke **Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**.
- Sekiranya jumlah kos yang terlibat melebihi jumlah jualan yang diterima maka, kerugian akan diperoleh. **Kerugian** ini merupakan **perbelanjaan hasil** dan akan **didebitkan** ke **Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan**.
- Selain memperoleh keuntungan daripada aktiviti berkala, kelab dan persatuan juga boleh memperoleh keuntungan daripada lain-lain aktiviti seperti menganjurkan pesta ria, pertandingan sukaneka dan pertandingan mewarna.
- Sebagai contoh, Kelab Rukun Tetangga Sungai Tua telah mengadakan pertandingan mewarna bagi kanak-kanak. Maklumat pertandingan mewarna adalah seperti berikut:

Kutipan Pertandingan RM3 800 Pembelian hadiah RM1 800 Sewa dewan RM500

Keuntungan atau kerugian daripada pertandingan mewarna dapat ditunjukkan seperti berikut:

Penyata Mengira Untung atau Rugi Pertandingan Mewarna

	RM	RM
Kutipan pertandingan		3 800
<i>Tolak:</i> Pembelian hadiah	1 800	
Sewa dewan	500	(2 300)
Untung (pertandingan mewarna)		<u>1 500</u>

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mentaksir untung atau rugi aktiviti berkala bagi Kelab dan Persatuan.

INFO TAMBAHAN

Untung: Pendapatan Hasil
Rugi: Perbelanjaan Hasil

Menghasilkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi kelab dan persatuan disediakan bertujuan untuk menentukan lebihan dan kurangan. Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan boleh disediakan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menghasilkan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

BENTUK 'T'			
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir ...			
	RM		RM
Perbelanjaan Hasil:		Pendapatan Hasil:	
Surat khabar	X	Yuran Ahli	X
Kadar bayaran	X	Yuran Pendaftaran	X
Insurans	X	Derma	X
Alat Tulis	X	Sewa Gelanggang	X
Kursus dan Motivasi	X	Sewa Laci	X
Lebihan*	X	Kurangan*	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>

Lebihan: Pendapatan Hasil > Perbelanjaan Hasil
Kurangan: Pendapatan Hasil < Perbelanjaan Hasil

FORMAT PENYATA			
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir ...			
	RM		RM
Pendapatan Hasil:			
Yuran Ahli			X
Yuran Pendaftaran			X
Derma			X
Sewa Gelanggang			X
Sewa Laci			X
			<u>XX</u>
<i>Tolak: Perbelanjaan Hasil:</i>			
Surat khabar	X		
Kadar bayaran	X		
Insurans	X		
Alat Tulis	X		
Kursus dan Motivasi	X		
	<u>X</u>		
Lebihan/Kurangan*			<u>(XX)</u>
			<u>XX</u>

Rajah 6.14 Penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bentuk 'T' dan Format Penyata

CONTOH 5 Penyediaan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Berikut ialah Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Kebajikan Batu Gajah di Merlimau, Melaka bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Kelab Kebajikan Batu Gajah			
Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017			
	RM		RM
Baki b/b	860		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Bayaran Masuk	450	Derma	350
Yuran Ahli	13 200	Bantuan kepada ahli	400
Kutipan pesta ria	2 300	Belanja pesta ria	1 400
		Perabot	3 200
		Upah	800
		Surat khabar	300
		Alat Tulis	280
		Kadar bayaran	700
		Baki h/b	9 380
	<u>16 810</u>		<u>16 810</u>
Baki b/b	9 380		

Maklumat Tambahan:

(i) Baki-baki daripada buku Kelab Kebajikan Batu Gajah adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	159	230
Yuran Belum Terperoleh	205	180
Perabot	2 500	5 000
Inventori alat tulis	105	80
Surat khabar Belum Bayar	80	100
Upah Belum Bayar	200	250

(ii) Bayaran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli.
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

Penyelesaian

(a)

Akaun Yuran Ahli

2017			2017		
		RM			RM
Jan 1	Yuran Belum Terima	159	Jan 1	Yuran Belum Terperoleh	205
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	13 296	Dis 31	Bank	13 200
	Yuran Belum Terperoleh	180		Yuran Belum Terima	230
		<u>13 635</u>			<u>13 635</u>

(b)

Bentuk 'T'

Kelab Kebajikan Batu Gajah

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Perbelanjaan Hasil:		Pendapatan Hasil:	
Derma	350	Bayaran Masuk	450
Bantuan kepada ahli	400	Yuran Ahli	13 296
Upah ¹	850	Untung (pesta ria) ⁵	900
Surat khabar ²	320		
Alat Tulis ³	305		
Kadar bayaran	700		
Susut nilai Perabot ⁴	700		
Lebihan	<u>11 021</u>		
	<u>14 646</u>		<u>14 646</u>

Nota Pengiraan:

- Upah = RM800 + RM250 – 200 = RM850
- Surat khabar = RM300 + RM100 – RM80 = RM320
- Alat Tulis = RM280 + RM105 – RM80 = RM305
- Susut nilai Perabot = RM2 500 + RM3 200 – RM5 000 = RM700
- Untung (pesta ria) = RM2 300 – RM1 400 = RM900

Format Penyata

Kelab Kebajikan Batu Gajah

Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Pendapatan Hasil:		
Bayaran Masuk		450
Yuran Ahli		13 296
Untung (pesta ria)		900
		<u>14 646</u>
Tolak: Perbelanjaan Hasil:		
Derma	350	
Bantuan kepada ahli	400	
Upah	850	
Surat khabar	320	
Alat Tulis	305	
Kadar bayaran	700	
Susut nilai Perabot	700	
		<u>(3 625)</u>
Lebihan		<u><u>11 021</u></u>

Item Akaun Penerimaan dan Pembayaran dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

Terdapat beberapa item atau butiran yang terdapat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran yang tidak dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan. Item atau butiran yang dikategorikan sebagai pendapatan modal atau perbelanjaan modal tidak akan dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Nilai Item Akaun Penerimaan dan Pembayaran Tidak Sama dengan Nilai Item Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan

- Nilai item dalam Akaun Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan adalah berdasarkan nilai sebenar yang menepati prinsip pengiktirafan hasil dan belanja.
- Manakala nilai item dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran adalah berdasarkan nilai sebenar yang diterima dan dibayar.
- Nilai item yang dibayar tidak semestinya sama dengan nilai item perbelanjaan yang diiktiraf manakala, nilai item yang diterima tidak semestinya sama dengan nilai item hasil yang diiktiraf.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Memberi alasan item yang terdapat dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.
- Membahas sebab nilai item yang direkodkan dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak sama dengan nilai item yang direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan.

Kelab Kebajikan Batu Gajah Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 (Petikan)

	RM
Pembayaran:	
Derma	350
Bantuan kepada ahli	400
Belanja pesta ria	1 400
Perabot	3 200
Upah	800
Surat khabar	300
Alat Tulis	280
Kadar bayaran	700
Baki h/b	9 380
	<u>16 810</u>

Kelab Kebajikan Batu Gajah Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 (Petikan)

	RM
Perbelanjaan Hasil:	
Derma	350
Bantuan kepada ahli	400
Upah	850
Surat khabar	320
Alat Tulis	305
Kadar bayaran	700
Susut nilai Perabot	700
Lebihan	11 021
	<u>14 646</u>

Sebab nilai item tidak sama

Berdasarkan **Contoh 5**, nilai upah, surat khabar dan alat tulis dalam Akaun Penerimaan dan Pembayaran tidak sama seperti dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan kerana ketiga-tiga butiran tersebut melibatkan pelarasan.

MASTERI TOPIKAL 6.4



Berikut ialah Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Tarian Caca, Kampung Nakhoda, Selayang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Baki b/b	3 600		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran Ahli	8 600	Derma	500
Yuran Masuk	1 800	Bantuan kepada ahli	1 300
Kutipan majlis tarian	4 200	Belanja majlis tarian	2 800
		Surat khabar dan majalah	400
		Belanja Pejabat	700
		Kadar bayaran	800
		Alatan	3 100
		Baki h/b	8 600
	<u>18 200</u>		<u>18 200</u>

Maklumat Tambahan:

(i) Baki-baki aset dan liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	420	360
Yuran Belum Terperoleh	290	320
Alatan	2 600	4 900
Surat khabar dan majalah Belum Bayar	180	220
Kadar bayaran Belum Bayar	105	240

(ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

Jawapan: Lebihan RM7 035

6.5 PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KELAB DAN PERSATUAN

Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan aset yang dimiliki, liabiliti yang ditanggung dan dana terkumpul kelab dan persatuan pada akhir tempoh perakaunan.

Dana Terkumpul

- Merupakan **jumlah dana** yang dimiliki oleh sesebuah kelab dan persatuan.
- Sesebuah kelab dan persatuan tidak mempunyai pemilik. Oleh itu, istilah dana terkumpul digunakan untuk menggantikan istilah ekuiti pemilik.
- Merupakan **lebih** aset yang dimiliki daripada liabiliti yang ditanggung.
- Rumus Dana Terkumpul adalah seperti berikut:

$$\text{Dana Terkumpul} = \text{Aset} - \text{Liabiliti}$$

$$\text{Dana Terkumpul Awal} = \text{Jumlah Aset Awal} - \text{Jumlah Liabiliti Awal}$$

$$\text{Dana Terkumpul Akhir} = \text{Jumlah Aset Akhir} - \text{Jumlah Liabiliti Akhir}$$

Pengiraan Dana Terkumpul

CONTOH 6 Menghitung Dana Terkumpul

Pada 1 Januari 2017, Kelab Rekreasi Sungai Rambai mempunyai aset dan liabiliti seperti berikut:

	RM
Bangunan kelab	60 000
Alatan sukan	4 200
Akaun Belum Bayar restoran	6 300
Akaun Belum Terima restoran	5 800
Inventori restoran	8 200
Yuran Belum Terima	640
Yuran Belum Terperoleh	420
Tunai di bank	11 200
Surat khabar Belum Bayar	350
Insurans Prabayar	400

NOTA

Bagi tujuan menghitung Dana Terkumpul, setiap butiran yang diberi hendaklah diklasifikasikan kepada aset dan liabiliti terlebih dahulu.

Sediakan Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan maksud Dana Terkumpul.
- Mengira Dana Terkumpul.

Penyelesaian

**Kelab Rekreasi Sungai Rambai
Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017**

	RM	RM
Aset		
Bangunan kelab		60 000
Alatan sukan		4 200
Akaun Belum Terima restoran		5 800
Inventori restoran		8 200
Yuran Belum Terima		640
Tunai di bank		11 200
Insurans Prabayar		400
		<u>90 440</u>
Tolak: Liabiliti		
Akaun Belum Bayar restoran	6 300	
Yuran Belum Terperoleh	420	
Surat khabar Belum Bayar	<u>350</u>	
		<u>(7 070)</u>
Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017		<u>83 370</u>

GERAK KERJA KUMPULAN 6.5



Kelab Rakan Muda Selayang telah ditubuhkan pada 1 Januari 2017. Sehingga 31 Disember 2017, kelab mempunyai ahli seramai 200 orang. Setiap ahli dikehendaki membayar yuran bulanan sebanyak RM50.

Pada 31 Disember 2017, baki-baki aset dan liabiliti Kelab Rakan Muda Selayang adalah seperti berikut:

	RM
Rumah kelab	30 000
Perabot	5 200
Inventori kantin	2 700
Sewa laci Belum Bayar	400
Akaun Belum Terima kantin	3 450
Akaun Belum Bayar kantin	1 980
Yuran Belum Terima	400
Yuran Belum Terperoleh	220
Tunai di bank	19 500

Think-Pair-Share

1. Murid diberi soalan oleh guru. Murid akan bekerja secara berpasangan.
2. Murid mengelaskan setiap butiran yang diberi kepada aset dan liabiliti.
3. Murid menggunakan maklumat yang diberi untuk menghitung dana terkumpul.
4. Murid akan membincangkan jawapan mereka sebagai langkah untuk menyemak silang bagi memastikan jawapan mereka betul dan tepat.

15 orang ahli gagal membayar yuran bulan Disember 2017 dan 10 orang ahli gagal membayar yuran bulan November dan Disember 2017. Dua orang ahli tidak membayar yuran sama sekali.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan Penyata Penerimaan Yuran untuk tempoh 1 Januari 2017 sehingga 31 Disember 2017.
- (b) menyediakan Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 31 Disember 2017.
- (c) menjelaskan maksud:
 - (i) Sewa laci Belum Bayar
 - (ii) Yuran Belum Terima
 - (iii) Yuran Belum Terperoleh

Penghasilan Penyata Kedudukan Kewangan Kelab dan Persatuan

- Sesebuah kelab dan persatuan menyediakan Penyata Kedudukan Kewangan bagi menunjukkan kedudukan kewangan kelab dan persatuan pada akhir tempoh perakaunan.
- Boleh disediakan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menghasilkan Penyata Kedudukan Kewangan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

BENTUK 'T'			
Nama Kelab dan Persatuan Penyata Kedudukan Kewangan pada ...			
RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa		Dana Terkumpul	
Kenderaan	X	Dana Terkumpul Awal	X
Lengkapan	X	<i>Tambah: Lebihan</i>	X
	<u>XX</u>		<u>XX</u>
Aset Semasa		<i>Tambah: Derma (Khas)</i>	
Inventori	X	Dana Terkumpul Akhir	XX
Akaun Belum Terima	X		
Bank	X	Liabiliti Bukan Semasa	
Yuran Belum Terima	X	Pinjaman	X
	<u>XX</u>		
		Liabiliti Semasa	
		Akaun Belum Bayar	X
		Yuran Belum Terperoleh	X
			<u>X</u>
	<u>XXX</u>		<u>XXX</u>

FORMAT PENYATA			
Nama Kelab dan Persatuan Penyata Kedudukan Kewangan pada ...			
	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Kenderaan			X
Lengkapan			X
			<u>XX</u>
Aset Semasa			
Inventori		X	
Akaun Belum Terima		X	
Bank		X	
Yuran Belum Terima		X	
		<u>XX</u>	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>			
Akaun Belum Bayar	X		
Yuran Belum Terperoleh	X		
			<u>(X)</u>
Modal Kerja			
			X
			<u>XXX</u>
Dana Terkumpul			
Dana Terkumpul Awal			X
<i>Tambah: Lebihan</i>			X
			<u>XX</u>
<i>Tambah: Derma (Khas)</i>			
Dana Terkumpul Akhir			X
			<u>XX</u>
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman			X
			<u>XXX</u>

CONTOH 7 Menghasilkan Penyata Kedudukan Kewangan

Maklumat di bawah diambil daripada buku-buku Persatuan Usahawan Remaja Jasin, Melaka pada 31 Disember 2017.

	RM		RM
Tunai di bank	10 800	Akaun Belum Terima restoran	4 600
Perabot	9 800	Akaun Belum Bayar restoran	4 100
Alatan Pejabat	6 500	Surat khabar Belum Bayar	200
Yuran Belum Terima	1 400	Lebihan	5 300
Yuran Belum Terperoleh	780	Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017	26 920
Inventori minuman	4 200		

Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017 dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

Penyelesaian

(i) Bentuk 'T'

Persatuan Usahawan Remaja Jasin
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM		RM	RM
Aset Bukan Semasa			Dana Terkumpul		
Perabot		9 800	Dana Terkumpul Awal		26 920
Alatan Pejabat		6 500	<i>Tambah:</i> Lebihan		5 300
		<u>16 300</u>	Dana Terkumpul Akhir		<u>32 220</u>
Aset Semasa			Liabiliti Semasa		
Inventori minuman	4 200		Akaun Belum Bayar	4 100	
Akaun Belum Terima	4 600		Yuran Belum Terperoleh	780	
Tunai di bank	10 800		Surat Khabar Belum Bayar	<u>200</u>	
Yuran Belum Terima	<u>1 400</u>				<u>5 080</u>
		<u>21 000</u>			<u>37 300</u>
		<u>37 300</u>			<u>37 300</u>

(ii) Format Penyata

Persatuan Usahawan Remaja Jasin
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa			
Perabot			9 800
Alatan Pejabat			6 500
			<u>16 300</u>
Aset Semasa			
Inventori minuman		4 200	
Akaun Belum Terima		4 600	
Tunai di bank		10 800	
Yuran Belum Terima		<u>1 400</u>	
		21 000	
<i>Tolak:</i> Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	4 100		
Yuran Belum Terperoleh	780		
Surat khabar Belum Bayar	<u>200</u>		
			<u>(5 080)</u>
Modal Kerja			15 920
			<u>32 220</u>
Dana Terkumpul			
Dana Terkumpul Awal			26 920
<i>Tambah:</i> Lebihan			5 300
Dana Terkumpul Akhir			<u>32 220</u>

Perbezaan Komponen Dana Terkumpul Kelab dan Persatuan dengan Komponen Ekuiti Pemilik Entiti yang Berorientasikan Keuntungan

Terdapat perbezaan antara komponen Dana Terkumpul kelab dan persatuan dengan komponen Ekuiti Pemilik bagi entiti yang berorientasikan keuntungan. Perbezaan ini dapat ditunjukkan seperti berikut:

(a) Komponen Dana Terkumpul Kelab dan Persatuan.

**Nama Kelab dan Persatuan
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017**

	Dana Terkumpul	RM
	Dana Terkumpul Awal	X
	<i>Tambah:</i> Lebihan	X
		<hr/>
	<i>Tambah:</i> Derma (Khas)	X
	Dana Terkumpul Akhir	<u>XX</u>

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Merumuskan perbezaan komponen Dana Terkumpul Kelab dan Persatuan dengan komponen Ekuiti Pemilik entiti perniagaan yang berorientasikan keuntungan dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

(b) Komponen Ekuiti Pemilik entiti yang berorientasikan keuntungan.

**Nama Perniagaan
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017**

	Ekuiti Pemilik	RM
	Modal Awal	X
	<i>Tambah:</i> Untung bersih	X
	Modal Akhir	<u>XX</u>

MASTERI TOPIKAL 6.5



1. Apakah yang dimaksudkan dengan Dana Terkumpul?
2. Nyatakan rumus bagi menghitung Dana Terkumpul?
3. Kelab Usahawan Sungai Tua mempunyai aset berjumlah RM63 500 dan liabilitinya berjumlah RM24 800. Berapakah Dana Terkumpul kelab tersebut?
4. Rajah di bawah menunjukkan komponen Penyata Kedudukan Kewangan Kelab Vespa Antik Kampung Sungai Tua, Selangor pada 31 Disember 2017.

Komponen Penyata Kedudukan Kewangan

Aset		Liabiliti		Ekuiti Pemilik	
Bangunan kelab	RM60 000	Kadar bayaran		Dana Terkumpul	RM88 750
Perabot	RM3 690	Belum Bayar	RM200	Lebihan	RM31 540
Bank	RM55 900	Yuran Belum			
Yuran Belum Terima	RM1 500	Terperoleh	RM600		

Sediakan Penyata Kedudukan Kewangan Kelab Vespa Antik pada 31 Disember 2017.

Jawapan: 3) RM38 700, 4) RM120 290

Contoh Soalan dan Jawapan

Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kelab Sukan Lubok Jong, Kelantan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017. Selain terlibat dengan aktiviti sukan, kelab ini juga turut menjual cenderahati sebagai aktiviti sampingan.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Bank	4 800	?
Peralatan kelab	7 800	?
Inventori	2 100	2 450
Yuran Belum Terima	350	480
Yuran Belum Terperoleh	320	420
Akaun Belum Terima	2 600	3 400
Upah pekerja kedai Belum Bayar	-	250
Pembaikan Alatan Sukan Belum Bayar	-	280
Kadar bayaran Belum Bayar	400	470

Penerimaan:	RM	Pembayaran:	RM
Yuran Ahli	20 800	Belian cenderahati	4 500
Yuran Masuk	1 800	Peralatan kelab	5 200
Yuran Pertandingan	3 800	Kadar bayaran	650
Derma	2 100	Belanja pertandingan	2 980
Akaun Belum Terima	9 100	Upah pekerja kedai	2 800
		Pembaikan alatan sukan	2 400
		Elaun pemain	2 200
		Belanja Am	600

Maklumat Tambahan:

- Peralatan kelab disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos. Peralatan kelab yang baharu telah dibeli pada 1 Januari 2017.
- Derma dan yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli
- Akaun Kawalan Belum Terima
- Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Penyata Mengira Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017.
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Penyelesaian

(a)		Akaun Yuran	
2017	RM	2017	RM
Jan 1 Yuran Belum Terima	350	Jan 1 Yuran Belum Terperoleh	320
Dis 31 Pendapatan dan		Dis 31 Bank	20 800
Perbelanjaan	20 830	Yuran Belum Terima	480
Yuran Belum Terperoleh	420		
	<u>21 600</u>		<u>21 600</u>

(b)		Akaun Kawalan Belum Terima	
2017	RM	2017	RM
Jan 1 Baki b/b	2 600	Jan 1 Bank	9 100
Dis 31 Jualan	9 900	Dis 31 Baki h/b	3 400
	<u>12 500</u>		<u>12 500</u>
2018			
Jan 1 Baki b/b	3 400		

(c)		Kelab Sukan Lubok Jong	
Penyata Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017			
Baki b/b		RM	RM
			4 800
Penerimaan:			
Yuran Ahli		20 800	
Yuran Masuk		1 800	
Yuran Pertandingan		3 800	
Derma		2 100	
Akaun Belum Terima		9 100	
			<u>37 600</u>
			42 400
Tolak: Pembayaran:			
Belian Cenderahati		4 500	
Peralatan Kelab		5 200	
Kadar bayaran		650	
Belanja pertandingan		2 980	
Upah pekerja kedai		2 800	
Pembaikan alatan sukan		2 400	
Elaun pemain		2 200	
Belanja Am		600	
			<u>(21 330)</u>
Baki h/b			<u>21 070</u>

(d)

Kelab Sukan Lubok Jong
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Jualan		9 900
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal	2 100	
<i>Tambah:</i> Belian	4 500	
	<u>6 600</u>	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(2 450)	
	<u>4 150</u>	
Upah pekerja (2 800 + 250)	3 050	
		<u>(7 200)</u>
Untung (Cenderahati)		<u><u>2 700</u></u>

(e)

Kelab Sukan Lubok Jong
Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Pendapatan Hasil:		
Yuran		20 830
Yuran Masuk		1 800
Untung (Pertandingan)		820
Derma		2 100
Untung (Cenderahati)		<u>2 700</u>
		28 250
<i>Tolak: Perbelanjaan Hasil:</i>		
Kadar bayaran (650 + 470 – 400)	720	
Pembaikan alatan sukan (2 400 + 280)	2 680	
Elaun pemain	2 200	
Belanja Am	600	
Susut nilai Peralatan Kelab (20% x 13 000)	<u>2 600</u>	
		<u>(8 800)</u>
Lebihan		<u><u>19 450</u></u>

(f)


Kelab Sukan Lubok Jong
Penyata Mengira Dana Terkumpul 1 Januari 2017

Aset	RM	RM
Bank		4 800
Peralatan kelab		7 800
Inventori		2 100
Yuran Belum Terima		350
Akaun Belum Terima		<u>2 600</u>
		17 650
<i>Tolak: Liabiliti</i>		
Yuran Belum Terperoleh	320	
Kadar bayaran Belum Bayar	<u>400</u>	
		<u>(720)</u>
Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017		<u><u>16 930</u></u>


(g)

Kelab Sukan Lubok Jong
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017

	RM	RM	RM	RM
Aset Bukan Semasa	Kos	Susut nilai terkumpul	Nilai Buku	
Peralatan kelab	13 000	(2 600)	<u>10 400</u>	10 400
Aset Semasa				
Inventori			2 450	
Akaun Belum Terima			3 400	
Bank			21 070	
Yuran Belum Terima			<u>480</u>	
			<u>27 400</u>	
<i>Tolak: Liabiliti Semasa</i>				
Yuran Belum Terperoleh		420		
Upah pekerja Belum Bayar		250		
Pembaikan alatan sukan Belum Bayar		280		
Kadar bayaran Belum Bayar		<u>470</u>		
			<u>(1 420)</u>	
Modal Kerja				<u>25 980</u>
				<u>36 380</u>
Dana Terkumpul				
Dana Terkumpul Awal				16 930
<i>Tambah: Lebihan</i>				<u>19 450</u>
Dana Terkumpul Akhir				<u>36 380</u>

AKTIVITI PENGAYAAN 

Arahan: Lengkapkan silang kata di bawah dengan istilah yang sesuai.



MENEGAK

2. Keadaan ini berlaku apabila pendapatan hasil melebihi perbelanjaan hasil.
4. Pinjaman yang dibuat oleh kelab dengan bank perdagangan dikategorikan sebagai _____.
7. Yuran merupakan sumber _____ kewangan bagi Kelab dan Persatuan.
8. Pendapatan utama kelab dan persatuan.
9. Hasil sewa laci dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dibahagian _____.

MELINTANG

1. Belanja penyelenggaraan kelab yang dibayar oleh Kelab ABC diklasifikasikan sebagai _____.
3. Yuran Belum _____ merupakan yuran tahun semasa yang masih belum diterima.
5. Pembelian alatan sukan dan belanja ubah suai bangunan pejabat boleh dikategorikan sebagai _____.
6. Dalam kelab dan persatuan, butiran ini dikenali sebagai dana terkumpul.
8. Merupakan yuran yang dibayar oleh ahli baru semasa mendaftar.
10. Susut nilai alatan sukan dicatatkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan di bahagian _____.
11. Yuran belum diterima pada tahun kewangan yang lepas dihapuskan dalam tahun kewangan semasa.

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Antara berikut, pernyataan yang manakah benar tentang kelab dan persatuan?
A Organisasi yang berorientasikan untung
B Merupakan sebuah entiti perniagaan
C Menghasilkan produk untuk dijual pada harga tinggi
D Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada ahli
- Antara berikut, yang manakah merupakan pendapatan hasil bagi sebuah kelab dan persatuan?
 I Sewa laci III Derma khas
 II Kutipan sukaneka IV Jualan perabot lama
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
- Yang manakah merupakan belanja modal?
A Alat tulis
B Alatan sukan
C Kadar bayaran
D Elaun kehormat
- Antara berikut hasil yang manakah merupakan perbelanjaan hasil Kelab Remaja Selama, Perak.
 I Duti setem III Susut nilai
 II Honorarium IV Alatan sukan
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV

Soalan 5 dan 6 berdasarkan maklumat berikut.

Maklumat berikut berkaitan dengan penerimaan dan pembayaran Kelab Batu Muda.

	RM
Yuran Ahli	12 400
Belian lengkapan	3 000
Upah	1 200
Alat tulis	180
Yuran Masuk	400
Sewa laci	500
Surat khabar dan majalah	300

- Hitungkan pendapatan hasil.
A RM12 400 **C** RM12 900
B RM12 800 **D** RM13 300

- Berapakah jumlah perbelanjaan hasil?
A RM1 680 **C** RM3 300
B RM3 000 **D** RM4 200
- Antara berikut, yang manakah butiran terkandung dalam Akaun Perdagangan bagi kelab dan persatuan?
 I Inventori Awal III Yuran ahli
 II Inventori Akhir IV Yuran pendaftaran
A I dan II **C** II dan III
B I dan IV **D** III dan IV
- Maklumat berikut berkaitan dengan Akaun Kawalan Belum Terima Kelab Sukan Rawang.

		RM			RM
Jan 1	Baki b/b	4 200	Dis 31	Bank	14 200
Dis 31	P	14 900		Hutang Lapuk	400
				Pulangan Masuk	700
				Baki h/b	3 800
		<u>19 100</u>			<u>19 100</u>

Apakah **P**?

- A** Belian **C** Yuran lapuk
B Jualan **D** Diskaun diberi

Soalan 9 dan 10 berdasarkan maklumat berikut.

Cik Nurul merupakan bendahari Kelab Tenis Seremban. Beliau telah memberikan maklumat yang berikut:

		RM			RM
Inventori Awal	3 100	Jualan			21 400
Q	10 200				
	<u>13 300</u>				
Tolak: Inventori Akhir	3 400				
	<u>9 900</u>				
Untung	S				
	<u>21 400</u>				<u>21 400</u>

- Apakah **Q**?
A Belian **C** Angkutan masuk
B Jualan **D** Angkutan keluar

10. Berapakah nilai **S**?
A RM8 100 **C** RM11 500
B RM9 900 **D** RM31 300
11. Maklumat berikut berkaitan dengan aset dan liabiliti Kelab Renang Sungai Tua Bharu pada 1 November 2017.

	RM
Yuran Belum Terima	330
Yuran Belum Terperoleh	370
Sewa Belum Bayar	280
Perabot	3 200
Bank	9 700
Bangunan kelab	27 500

Hitungkan dana terkumpul pada 1 November 2017.

- A** RM40 080 **C** RM40 730
B RM40 360 **D** RM41 380
12. Apakah tujuan Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan disediakan?
A Untuk merekod wang masuk dan wang keluar
B Untuk menghitung yuran ahli yang tertunggak
C Untuk menghitung lebihan atau kurangan pendapatan
D Untuk merekodkan segala penerimaan dan perbelanjaan modal
13. Antara berikut rekod kewangan yang manakah disediakan oleh Kelab Sukan Batu Arang.
A Akaun Penamat
B Akaun Untung Rugi
C Akaun Pengasingan Untung Rugi
D Akaun Penerimaan dan Pembayaran
14. Kelab Wanita Seri Gombak telah menerima derma untuk membina tadika kelab. Apakah kesan urus niaga tersebut?
A Menambahkan pendapatan hasil
B Mengurangkan pendapatan hasil
C Menambahkan pendapatan modal
D Mengurangkan pendapatan modal

15. Apakah yang dimaksudkan dengan Yuran Belum Terperoleh?
A Yuran tahun lepas yang telah diterima
B Yuran tahun lepas yang belum diterima
C Yuran tahun hadapan diterima terdahulu
D Yuran tahun semasa yang diterima terdahulu
16. Maklumat berikut diperolehi daripada Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Bola Baling SMK Taman Seroja pada 31 Disember 2017.

	RM
Yuran Ahli	6 400
Kadar bayaran	1 400
Gaji	2 000
Bayaran Masuk	300

Berapakah baki akhir tahun Akaun Penerimaan dan Pembayaran?

- A** RM2 700 **C** RM5 500
B RM3 300 **D** RM6 100

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Berikut ialah petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Seni Silat Gayong bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM
Penerimaan:	
Yuran Ahli	13 400

Butir-butir berikut juga telah diberikan oleh bendahari kelab tersebut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	300	420
Yuran Belum Terperoleh	360	400

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli.
- (b) catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (c) catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Akaun Yuran Ahli RM13 480

2. Berikut ialah petikan Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Widuri bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM
Penerimaan:	
Yuran tahun 2016	200
Yuran tahun 2017	7 800
Yuran tahun 2018	380

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2017, Yuran Belum Terima berjumlah RM320. Yuran tahun 2016 yang masih belum diterima hendaklah dianggap sebagai Yuran Lapuk.
- (ii) Pada 1 Januari 2017, Yuran Belum Terperoleh berjumlah RM420.
- (iii) Pada 31 Disember 2017, yuran berjumlah RM360 masih belum diterima.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Yuran Ahli.
- (b) catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (c) catatan dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Akaun Yuran Ahli RM8 580, Yuran Belum Terima 31 Disember RM360, Yuran Belum Terperoleh 31 Disember RM380

3. Butiran berikut diperoleh daripada buku-buku Nite Kafe, Kelab Muzik Kampung Nakhoda.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Yuran Belum Terima	280	260
Yuran Belum Terperoleh	310	290
Inventori kafe	980	1 150
Akaun Belum Bayar	680	920
Akaun Belum Terima	950	1 200

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Nite Kafe menunjukkan butiran berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

Penerimaan:		Pembayaran:	
	RM		RM
Yuran Ahli	9 800	Belian Tunai	2 500
Akaun Belum Terima	7 200	Akaun Belum Bayar	3 950
Jualan Tunai	4 500	Upah pekerja kafe	800
		Lesen kafe	250

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) (i) Akaun Yuran Ahli.
 (ii) Akaun Kawalan Belum Terima dan Akaun Kawalan Belum Bayar.
 (iii) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
 (iv) catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
 (b) Jelaskan kesan perbelanjaan kepada keuntungan atau kerugian Nite Kafe.

Jawapan: (a) (i) Akaun Yuran Ahli RM9 800, (ii) Jualan kredit RM7 450, Belian kredit RM4 190, (iii) Untung (Kafe) RM4 380

4. Butiran berikut diperoleh daripada buku-buku Kedai Minuman Kelab Bola Tampar, Selayang Bharu.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori minuman	1 300	2 400
Akaun Belum Terima	2 800	3 210
Akaun Belum Bayar	2 100	2 800
Upah pekerja kedai Belum Bayar	400	600
Yuran Belum Terima	600	550
Yuran Belum Terperoleh	500	420

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Bola Tampar menunjukkan butiran berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

Penerimaan:		Pembayaran:	
	RM		RM
Akaun Belum Terima	12 600	Akaun Belum Bayar	7 200
Yuran Ahli	23 500	Upah pekerja kedai	4 200
		Lesen perniagaan	400

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Kawalan Belum Terima.
- Akaun Kawalan Belum Bayar.
- Akaun Yuran Ahli.
- Akaun Perdagangan Kedai Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- catatan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Jualan kredit RM13 010, (b) Belian kredit RM7 900, (c) Akaun Yuran Ahli RM23 530, (d) Untung (Minuman) RM1 410

- Kelab Futsal Batu Gajah telah ditubuhkan pada 1 Januari 2017 di Merlimau, Melaka. Berikut ialah maklumat perakaunan kelab tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Baki b/b	4 600		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran Ahli	10 400	Alat tulis	480
Yuran Masuk	900	Surat khabar dan majalah	450
Kutipan sukaneka	4 600	Peralatan sukan	3 600
Sewa gelanggang	2 400	Kadar bayaran	2 800
Derma	10 000	Hadiah sukaneka	900
		Sagu hati jurulatih	1 800
		Makanan dan minuman	1 600
		Penyelenggaraan gelanggang	800
		Baki h/b	20 470
	<u>32 900</u>		<u>32 900</u>

Maklumat Tambahan:

- Aset dan Liabiliti kelab tersebut adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Peralatan sukan	6 100	8 750
Bangunan kelab	60 000	60 000
Inventori alat tulis	210	260
Kadar bayaran Belum Bayar	400	510
Sewa gelanggang Belum Terima	-	200
Yuran Belum Terima	300	480
Yuran Belum Terperoleh	400	420

- Derma yang diterima adalah untuk membina gelanggang futsal yang baru.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli.
- Akaun Alat Tulis dan Akaun Kadar bayaran.
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Akaun Yuran Ahli RM10 560, (b) Alat tulis RM430, Kadar bayaran RM2 910, (c) Lebihan RM8 820

6. Kelab Rakan Muda telah ditubuhkan pada 1 Januari 2016 di Selayang, Selangor. Kelab ini juga menjalankan perniagaan menjual minuman.

Berikut ialah baki-baki Aset dan Liabiliti kelab:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Alatan sukan	5 600	?
Yuran Belum Terima	370	430
Yuran Belum Terperoleh	410	470
Inventori minuman	3 500	3 900
Akaun Belum Terima	2 700	3 050
Inventori Alat Tulis	210	180

Akaun Penerimaan dan Pembayaran Kelab Rakan Muda Selayang bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 menunjukkan butiran berikut:

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Baki b/b	6 800		
Penerimaan:		Pembayaran:	
Yuran Ahli	25 400	Sewa	1 200
Yuran Pertandingan	2 500	Belian minuman	3 100
Sewa alatan sukan	3 400	Elaun kehormat	800
Akaun Belum Terima	7 800	Hadiah pertandingan	1 800
Derma	1 800	Alat tulis	800
		Kadar bayaran	1 600
		Alatan sukan	3 500
		Upah pekerja minuman	600
		Baki h/b	34 300
	<u>47 700</u>		<u>47 700</u>

Maklumat Tambahan:

- Derma hendaklah dianggap sebagai pendapatan modal.
- Alatan sukan disusutnilaikan pada kadar 10% setahun atas kos.
- Faedah atas Simpanan Tetap berjumlah RM600 tidak direkodkan dalam mana-mana buku.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli.
- Akaun Belum Terima.
- Akaun Perdagangan Minuman bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) Akaun Yuran Ahli 25 400, (b) Jualan kredit RM8 150, (c) Untung (Minuman) RM4 850, (d) Lebihan RM29 610, (e) Penyata Kedudukan Kewangan RM50 180

CABARAN ABAD KE- 21



Kelab Sukan Dusun Tua merupakan sebuah kelab yang aktif dengan pelbagai aktiviti. Antaranya menjual alatan sukan. Kelab ini telah ditubuhkan oleh penduduk Kampung Dusun Tua Hulu Langat, Selangor. Maklumat berikut diperolehi daripada buku-buku perakaunan kelab bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Ringkasan Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut:

Penerimaan:	RM	Pembayaran:	RM
Yuran Ahli	28 400	Kadar bayaran	1 350
Yuran Masuk	1 600	Alat tulis	720
Jualan alatan sukan	20 800	Insurans	900
		Akaun Belum Bayar	6 800
		Belanja am	350
		Belian alatan sukan	8 000
		Derma	250
		Lengkapan	8 200
		Upah pekerja kedai alatan sukan	6 000

Maklumat Tambahan:

- (i) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.
- (ii) Yuran masuk hendaklah dianggap sebagai pendapatan hasil.
- (iii) Baki-baki Aset dan Liabiliti adalah seperti berikut:

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Bank	8 500	?
Akaun Belum Bayar	9 500	9 300
Bangunan kelab	90 000	90 000
Lengkapan	12 500	?
Inventori alatan sukan	3 000	4 200
Yuran Belum Terima	1 200	1 400
Yuran Belum Terperoleh	1 050	1 350
Inventori alat tulis	125	210
Kadar bayaran Belum Bayar	320	330
Insurans Prabayar	180	190


Sebagai setiausaha Kelab Sukan Dusun Tua yang baru, anda dikehendaki membantu bendahari kelab untuk menyediakan Penyata Kewangan Kelab yang lengkap bagi dibentangkan dalam mesyuarat agung yang akan diadakan.

NOTA



Bagi menyediakan Penyata Kewangan yang lengkap, anda perlu menyediakan Akaun Yuran, Akaun Perdagangan, Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Kedudukan Kewangan.

Jawapan: Akaun Yuran Ahli RM28 300, Belian kredit RM6 600, Untung (Alatan sukan) RM1 400, Lebihan RM23 675, Dana Terkumpul pada 1 Januari 2017 RM104 635, Penyata Kedudukan Kewangan RM128 310





Standard Kandungan

Modul ini mengandungi standard kandungan seperti berikut:

- Jenis Kos dan Kerja Dalam Proses
- Akaun Pengeluaran
- Analisis Titik Pulang Modal

Pengenalan

Perakaunan Kos merupakan sebahagian daripada Perakaunan Pengurusan. Kos Pengeluaran ialah asas dalam menentukan harga jualan sesuatu keluaran.

Oleh itu, maklumat tentang kos perlu diketahui dengan tepat untuk memastikan perniagaan mampu berdaya saing. Tindakan segera mesti diambil jika terdapat pembaziran kerana perniagaan akan mengalami kerugian. Apakah yang dimaksudkan dengan kos? Sila lihat eksplorasi modul untuk pengenalan kepada modul ini.



7.1 JENIS KOS DAN KERJA DALAM PROSES

Perakaunan Kos

- Merupakan proses penilaian dan pemprosesan data daripada aktiviti yang berlaku dalam industri.
- Maklumat Perakaunan Kos digunakan oleh pihak pengurusan.
- Ini bermakna perakaunan kos mengeluarkan maklumat untuk tujuan perancangan, kawalan dan pembuatan keputusan.

Konsep Kos dan Jenis Kos

- Kos dapat didefinisikan sebagai perbelanjaan firma terhadap penggunaan faktor-faktor pengeluaran.
- Maklumat tentang kos perlu direkod untuk tujuan mengawal, merancang dan menilai kecekapan pengeluaran sesebuah firma.
- Kos terbahagi kepada dua jenis iaitu kos tetap dan kos berubah.

Komponen Kos Pengeluaran

- Kos pengeluaran ialah semua kos yang terlibat dalam proses pengeluaran sesuatu produk.
- Komponen kos pengeluaran terdiri daripada:

(i) Kos Bahan Langsung

(ii) Kos Buruh Langsung

(iii) Belanja Langsung

(iv) Kos Overhed

- Rumus mengira kos pengeluaran ditunjukkan seperti berikut:

$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Belanja Langsung} + \text{Kos Overhed}$$

Pengiraan Kos Pengeluaran

(i) Kos Bahan Langsung

- Merupakan kos bahan utama yang diperlukan dalam pengeluaran sesuatu barang.
- Merangkumi semua perbelanjaan yang terlibat dalam pembelian bahan langsung.
- Perbelanjaan yang terlibat dalam pembelian bahan langsung ialah cukai belian bahan langsung, angkutan masuk dan insurans atas belian.
- Kos bahan langsung akan meningkat selaras dengan peningkatan harga bahan langsung. Contohnya, kos bahan langsung bagi kilang yang mengeluarkan tayar akan meningkat sekiranya harga getah di pasaran meningkat.
- Rumus mengira kos bahan langsung ditunjukkan seperti berikut:

$$\text{Kos Bahan Langsung} = \text{Inventori Awal Bahan Langsung} + \text{Belanja Pembelian Bahan Langsung} - \text{Inventori Akhir Bahan Langsung}$$

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menyatakan konsep kos dan jenis kos.
- Menyenaraikan komponen Kos Pengeluaran.
- Mengira Kos Bahan Langsung, Kos Buruh Langsung, Belanja Langsung, Kos Prima dan Kos Overhed.

INFO TAMBAHAN

- Maklumat perakaunan kos menunjukkan sama ada sesuatu produk itu boleh memberikan keuntungan atau kerugian.
- Bagi firma yang menghasilkan perabot berasaskan kayu, papan merupakan bahan langsung dalam proses pengeluaran.

JOM CARI

Pada pandangan anda, mengapakah perakaunan kos penting kepada sesebuah perniagaan?

INFO TAMBAHAN

- Buruh terdiri daripada dua jenis:
 - (a) Buruh langsung
 - Contohnya Upah Operator Kilang.
 - (b) Buruh tidak langsung
 - Contohnya Gaji Pengurus Kilang.
- Hanya buruh langsung sahaja boleh dikategorikan sebagai kos buruh langsung.

(ii) Kos Buruh Langsung

- Belanja yang dibayar kepada buruh yang terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran.
- Upah yang dibayar kepada buruh-buruh ini merupakan kos berubah kerana semakin bertambah kuantiti barang atau perkhidmatan yang dihasilkan, semakin bertambah kos buruh langsung.
- Berlaku sebaliknya apabila kuantiti barang dikurangkan, kos buruh langsung juga akan berkurangan.

(iii) Belanja Langsung

- Belanja yang turut berubah apabila berlaku perubahan dalam unit pengeluaran.
- Contoh belanja langsung ialah bayaran royalti, cap dagangan (paten) dan reka bentuk produk.



Gambar foto 7.1 Pengusaha pusat asuhan kanak-kanak yang ingin menggunakan nama komersial Wonderful World perlu membayar royalti kepada pemilik harta intelek

INFO TAMBAHAN

Royalti merupakan bayaran oleh satu pihak (Pemegang lesen) kepada pemilik harta intelek (Pemberi lesen) untuk menggunakan sesuatu aset miliknya.

Kos Prima

- Merujuk kepada Kos Utama untuk menghasilkan sesuatu barang.
- Kos buruh langsung perlu ditambah dengan kos bahan langsung untuk membentuk kos prima.
- Rumus untuk mengira Kos Prima ditunjukkan seperti berikut:

$$\text{Kos Prima} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung}$$

- Rumus untuk mengira kos prima sekiranya terdapat belanja langsung ditunjukkan seperti berikut:

$$\text{Kos Prima} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Belanja Langsung}$$

JOM CARI

Apakah maksud Kos Utama?

JOM FIKIR

Mengapakah buruh penting dalam proses pengeluaran?

(iv) Kos Overhed

- Kos yang tidak terlibat secara langsung dalam proses pengeluaran tetapi perlu dibelanjakan.
- Merupakan semua belanja selain bahan langsung, buruh langsung dan belanja langsung.
- Sebahagian besar daripada Kos Overhed adalah tetap dalam tingkat pengeluaran yang tertentu.
- Sebagai contoh, Kos Overhed bagi sebuah kilang ialah sewa, kadar bayaran, penyelenggaraan mesin, insurans dan sebagainya.


INFO TAMBAHAN

Kos Overhed dikenali juga sebagai kos perkilangan tak langsung.


Komponen Kos Overhed



Rajah 7.1 Komponen Kos Overhed

JOM CARI 

Senaraikan komponen Kos Overhed bagi kilang kereta.

INFO TAMBAHAN 

Belanja alat-alat kecil ialah belanja membeli alatan seperti sepana, pemutar skru dan tukul untuk membaiki dan menyelenggara mesin dan alatan kilang.

CONTOH 1 Mengira Kos Bahan Langsung, Kos Buruh Langsung, Kos Prima dan Kos Overhed

Maklumat berikut diperolehi dari Kilang Keropok Ibai yang beroperasi di Kuala Berang, Terengganu.

	RM
Buruh kilang	26 000
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2017	32 100
Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2017	24 300
Belian bahan langsung	64 300
Duti belian bahan langsung	3 200
Angkutan masuk bahan langsung	450
Gaji pengurus kilang	5 000
Kadar bayaran kilang	3 100
Insurans kilang	6 700
Susut nilai mesin	760
Belanja langsung	5 100
Pulangan belian bahan langsung	2 300

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos Bahan Langsung
- (b) Kos Buruh Langsung
- (c) Kos Prima
- (d) Kos Overhed

Penyelesaian

(a) Kos Bahan Langsung

	RM	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Januari 2017		32 100
Belian bahan langsung	64 300	
<i>Tolak:</i> Pulangan belian	(2 300)	
	<u>62 000</u>	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	450	
Duti belian bahan langsung	3 200	
		<u>65 650</u>
		<u>97 750</u>
<i>Tolak:</i> Inventori bahan langsung pada 31 Disember 2017		(24 300)
Kos Bahan Langsung		<u><u>73 450</u></u>

(b) Kos Buruh Langsung

	RM
Buruh kilang	26 000
Kos Buruh Langsung	<u><u>26 000</u></u>

(c) **Kos Prima**

$$\text{Kos Prima} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Belanja Langsung}$$

	RM
Kos bahan langsung	73 450
Tambah: Kos buruh langsung	26 000
Belanja langsung	5 100
Kos Prima	<u>104 550</u>

(d) **Kos Overhed**

	RM
Gaji pengurus kilang	5 000
Kadar bayaran kilang	3 100
Insurans kilang	6 700
Susut nilai Mesin	760
Kos Overhed	<u>15 560</u>

GERAK KERJA KUMPULAN 7.1.1



Berdasarkan foto berikut, anda dikehendaki membincangkan kos-kos pengeluaran yang terlibat. Berikan jawapan anda dalam bentuk peta pemikiran dan bentangkan hasil kerja di hadapan kelas.



Kerja dalam Proses Awal dan Kerja dalam Proses Akhir

- Kerja dalam Proses Awal merupakan barangan yang belum siap diproses atau barang separuh siap pada awal tempoh perakaunan dan akan disiapkan dalam tempoh perakaunan semasa.
- Kerja dalam Proses Akhir pula merupakan barangan yang belum siap diproses atau barang separuh siap pada akhir tempoh perakaunan dan akan disiapkan dalam tempoh perakaunan berikutnya.
- Rumus mengira kos pengeluaran melibatkan kerja dalam proses ialah:


STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menerangkan maksud Kerja Dalam Proses Awal dan Kerja Dalam Proses Akhir.
 - Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambil kira Kerja Dalam Proses.

$$\text{Kos Pengeluaran} = \text{Kos Bahan Langsung} + \text{Kos Buruh Langsung} + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja Dalam Proses Awal} - \text{Kerja Dalam Proses Akhir}$$

INFO TAMBAHAN

Kerja dalam proses boleh wujud dalam setiap komponen kos pengeluaran.



Rajah 7.2 Pembuatan Batik

MASTERI TOPIKAL 7.1

Aktiviti: Penyelidikan Pasaran

1. Bahagikan murid kepada empat kumpulan.
2. Setiap kumpulan dikehendaki membuat lawatan ke kilang-kilang memproses makanan berhampiran dengan kawasan sekolah.
3. Buat pemerhatian terhadap proses pengeluaran makanan tersebut.
4. Kenal pasti kos-kos yang terlibat berdasarkan komponen kos pengeluaran yang telah dipelajari.
5. Bentangkan hasil pemerhatian anda di dalam kelas.

Pengiraan Setiap Komponen Kos Pengeluaran dengan Mengambil Kira Kerja dalam Proses

CONTOH 2

Mengira setiap komponen kos pengeluaran dengan mengambil kira kerja dalam proses awal dan akhir

Berdasarkan **Contoh 1**, kira kos pengeluaran bagi Kilang Keropok Ibai jika kerja dalam proses pada 1 Januari 2017 ialah RM7 800 dan kerja dalam proses pada 31 Disember 2017 ialah RM8 400.

Penyelesaian

	RM
Kos Bahan Langsung	73 450
Kos Buruh Langsung	26 000
Belanja Langsung	5 100
Kos Prima	<u>104 550</u>
Kos Overhed	15 560
	<u>120 110</u>
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal	7 800
	<u>127 910</u>
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir	(8 400)
Kos Pengeluaran	<u>119 510</u>

GERAK KERJA INDIVIDU 7.1.2




Tandakan (✓) pada komponen kos pengeluaran bagi butiran yang berikut.

Bil.	Butiran	Kos Bahan Langsung	Kos Buruh Langsung	Belanja Langsung	Kos Overhed
1.	Upah operator kilang				
2.	Gaji pekerja keselamatan kilang				
3.	Susut nilai mesin				
4.	Insurans kilang				
5.	Sewa kilang				
6.	Kadar bayaran kilang				
7.	Bahan mentah				
8.	Angkutan masuk bahan langsung				
9.	Hak cipta				

7.2 AKAUN PENGELUARAN

Tujuan Penyediaan Akaun Pengeluaran

- Akaun Pengeluaran ialah akaun yang disediakan untuk menunjukkan semua kos yang terlibat di dalam pengeluaran sesuatu keluaran pada akhir tempoh perakaunan.



Rajah 7.3 Penyediaan Akaun Pengeluaran

STANDARD PEMBELAJARAN

- Murid boleh:
- Menyatakan tujuan penyediaan Akaun Pengeluaran.
 - Menyediakan Akaun Pengeluaran tanpa mengambil kira Kerja dalam Proses Awal dan Kerja dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.
 - Menghasilkan Akaun Pengeluaran dengan mengambil kira Kerja dalam Proses Awal dan Kerja dalam Proses Akhir dalam bentuk 'T' dan format penyata.
 - Memindahkan kos pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan.

Penyediaan Akaun Pengeluaran Tanpa Mengambil Kira Kerja dalam Proses Awal dan Kerja dalam Proses Akhir

Penyediaan Akaun Pengeluaran boleh disediakan dalam bentuk 'T' dan Format Penyata.

(a) Bentuk 'T'

Nama Perniagaan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir ...

	RM	RM		RM
Kos Bahan Langsung			Kos Pengeluaran	XX
Inventori Awal bahan langsung		X		
Belian bahan langsung	X			
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	(X)			
	X			
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	X			
Duti atas belian bahan langsung	X	X		
		XX		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung		(X)		
Kos bahan langsung digunakan		XX		
Kos Buruh Langsung				
Upah buruh langsung		X		
Belanja Langsung				
Paten	X			
Hak cipta	X			
Royalti	X	X		
Kos Prima		XX		
Kos Overhed				
Alat tulis kilang	X			
Gaji pengurus kilang	X			
Belanja pembaikan kilang	X			
Belanja Am kilang	X			
Insurans kilang	X			
Kadar bayaran kilang	X			
Sewa kilang	X			
Susut nilai Mesin	X			
Belanja alat-alat kecil	X	X		
		XX		XX

Kos pengeluaran ini akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan.

(b) Format Penyata

Nama Perniagaan
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir ...

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori Awal bahan langsung		X
Belian bahan langsung	X	
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	(X)	
	<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	X	
Duti atas belian bahan langsung	X	
	<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	X
		<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung		(X)
Kos bahan langsung digunakan		<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>
		XX
Kos Buruh Langsung		
Upah buruh langsung		X
Belanja Langsung		
Paten	X	
Hak cipta	X	
Royalti	X	
	<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	X
Kos Prima		XX
Kos Overhed		
Alat tulis kilang	X	
Gaji pengurus kilang	X	
Belanja pembaikan kilang	X	
Belanja Am kilang	X	
Insurans kilang	X	
Kadar bayaran kilang	X	
Sewa kilang	X	
Susut nilai Mesin	X	
Belanja alat-alat kecil	X	
	<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	X
Kos Pengeluaran		<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>
		XX

Kos pengeluaran ini akan dipindahkan ke Akaun Perdagangan

Pindahan Kos Pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan

Format Akaun Perdagangan ditunjukkan seperti berikut:

Nama Perniagaan
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir ...

	RM	RM
Jualan		XX
<i>Tolak:</i> Pulangan jualan		(X)
		<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>
Jualan Bersih		XX
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal barang siap	X	
Kos pengeluaran	XX	
Kos barang siap untuk dijual	X	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	(X)	
	<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>	
Kos Jualan		XX
Untung Kasar		<hr style="width: 50%; margin-left: auto; margin-right: 0;"/>
		X

CONTOH 3

Menyediakan Akaun Pengeluaran tanpa mengambil kira kerja dalam proses awal dan kerja dalam proses akhir dalam bentuk 'T' dan Format Penyata

Maklumat kewangan Kilang Mutiara bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 adalah seperti berikut.

	RM
Inventori pada 1 Januari 2017:	
Barang siap	8 976
Bahan langsung	7 550
Alatan kilang	1 900
Upah buruh langsung	28 740
Belian bahan langsung	72 500
Angkutan masuk bahan langsung	1 180
Duti atas belian bahan langsung	150
Jualan barang siap	175 100
Pulangan belian bahan langsung	568
Pulangan jualan	900
Insurans	2 448
Kadar bayaran kilang	3 150
Gaji kerani pejabat	4 990
Gaji pengurus kilang	4 340
Angkutan keluar	950
Insurans barang siap	2 614
Alat tulis kilang	940
Mesin	48 000
Susut nilai Terkumpul Mesin	14 400
Belian alatan kilang	4 600
Belanja am kilang	2 380
Sewa	6 400
Royalti kilang	600
Inventori pada 31 Disember 2017:	
Barang siap	9 190
Bahan langsung	12 410

Maklumat Tambahan:

- (i) Sewa dan insurans diagihkan sama rata antara kilang dan pejabat.
- (ii) Alat tulis yang belum digunakan RM140.
- (iii) Alatan kilang dinilai semula RM5 200.
- (iv) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah garis lurus.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 dan memindahkan kos pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan.

Penyelesaian

(a) Bentuk 'T'

Kilang Mutiara
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM		RM
Kos Bahan Langsung			Kos Pengeluaran	118 936
Inventori Awal bahan langsung		7 550		
Belian bahan langsung	72 500			
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	<u>(568)</u>			
	71 932			
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	1 180			
Duti atas belian bahan langsung	<u>150</u>	<u>73 262</u>		
		80 812		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung		<u>(12 410)</u>		
Kos bahan langsung digunakan		68 402		
 Kos Buruh Langsung				
Upah buruh langsung		28 740		
 Belanja Langsung				
Royalti kilang		600		
Kos Prima		<u>97 742</u>		
 Kos Overhed				
Kadar bayaran kilang	3 150			
Susut nilai Mesin ($48\,000 \times 10\% \times \frac{12}{12}$)	4 800			
Susut nilai Alatan kilang ($1\,900 + 4\,600 - 5\,200$)	1 300			
Sewa kilang ($6\,400 \times \frac{1}{2}$)	3 200			
Insurans kilang ($2\,448 \times \frac{1}{2}$)	1 224			
Belanja alat tulis kilang ($940 - 140$)	800			
Gaji pengurus kilang	4 340			
Belanja Am kilang	<u>2 380</u>	<u>21 194</u>		
		<u>118 936</u>		<u>118 936</u>

Pindahkan kos pengeluaran ke Akaun Perdagangan

Kilang Mutiara
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM		RM
Inventori Awal barang siap	8 976	Jualan	175 100
Kos Pengeluaran	118 936	<i>Tolak:</i> Pulangan jualan	(900)
	127 912	Jualan Bersih	<u>174 200</u>
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	<u>(9 190)</u>		
Kos jualan barang siap	118 722		
Untung Kasar	<u>55 478</u>		
	<u>174 200</u>		<u>174 200</u>

(b) Format Penyata

Kilang Mutiara
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori Awal bahan langsung		7 550
Belian bahan langsung	72 500	
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	(568)	
	<u>71 932</u>	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	1 180	
Duti atas belian bahan langsung	150	
		<u>73 262</u>
		80 812
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung		<u>(12 410)</u>
Kos bahan langsung digunakan		<u>68 402</u>
Kos Buruh Langsung		
Upah buruh langsung		28 740
Belanja Langsung		
Royalti kilang		600
Kos Prima		<u>97 742</u>
Kos Overhed		
Kadar bayaran kilang	3 150	
Susut nilai Mesin ($48\,000 \times 10\% \times \frac{12}{12}$)	4 800	
Susut nilai Alatan kilang ($1\,900 + 4\,600 - 5\,200$)	1 300	
Sewa kilang ($6\,400 \times \frac{1}{2}$)	3 200	
Insurans kilang ($2\,448 \times \frac{1}{2}$)	1 224	
Belanja alat tulis kilang ($940 - 140$)	800	
Gaji pengurus kilang	4 340	
Belanja Am kilang	<u>2 380</u>	
		21 194
Kos Pengeluaran		<u><u>118 936</u></u>

Kilang Mutiara
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017

	RM	RM
Jualan		175 100
<i>Tolak:</i> Pulangan jualan		(900)
Jualan Bersih		<u>174 200</u>
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal barang siap		8 976
Kos Pengeluaran	118 936	
Kos barang siap untuk dijual	127 912	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	(9 190)	
		<u>118 722</u>
Kos Jualan		118 722
Untung Kasar		<u><u>55 478</u></u>

Pindahkan kos
pengeluaran ke
Akaun Perdagangan

Penyediaan Akaun Pengeluaran dengan Mengambil Kira Kerja dalam Proses Awal dan Kerja dalam Proses Akhir

Berikut adalah format Akaun Pengeluaran dengan mengambil kira kerja dalam proses awal dan kerja dalam proses akhir.

Format Penyata

INFO TAMBAHAN

Rujuk Akaun Pengeluaran bentuk 'T' di laman sesawang berikut:



http://eravisi.com/PAK_tg5/ms248

Nama Perniagaan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir ...

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori Awal bahan langsung		X
Kerja dalam proses awal		X
		<hr/> X
Belian bahan langsung	X	
Tolak: Pulangan belian bahan langsung	(X)	
	<hr/> X	
Tambah: Angkutan masuk bahan langsung	X	
Duti atas belian bahan langsung	X	
	<hr/> X	<hr/> X
Tolak: Inventori Akhir bahan langsung	X	
Kerja dalam proses akhir	X	
	<hr/> X	<hr/> (X)
Kos bahan langsung digunakan		XX
Kos Buruh Langsung		
Buruh langsung	X	
Tambah: Kerja dalam proses awal	X	
	<hr/> X	
Tolak: Kerja dalam proses akhir	(X)	
	<hr/> (X)	
Kos buruh langsung		XX
Belanja langsung		
Paten	X	
Hak cipta	X	
Royalti	X	
	<hr/> X	<hr/> XX
Kos Prima		XX
Kos Overhed		
Alat tulis kilang	X	
Gaji pengurus kilang	X	
Belanja pembaikan kilang	X	
Belanja Am kilang	X	
Insurans kilang	X	
Kadar bayaran kilang	X	
Sewa kilang	X	
Susut nilai Mesin	X	
Belanja alat-alat kecil	X	
	<hr/> X	
Tambah: Kerja dalam proses awal	X	
	<hr/> X	
Tolak: Kerja dalam proses akhir	(X)	
	<hr/> (X)	<hr/> XX
Kos Pengeluaran		<hr/> <hr/> XX

CONTOH 4

Menyediakan Akaun Pengeluaran dengan mengambil kira kerja dalam proses awal dan kerja dalam proses akhir dalam bentuk 'T' dan Format Penyata

Butiran berikut diperolehi daripada Qistina Textiles Sdn. Bhd. sebuah kilang yang mengeluarkan pakaian lelaki pada 30 Jun 2017:

	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2016	2 210
Inventori barang siap pada 1 Julai 2016	41 000
Inventori barang siap pada 30 Jun 2017	33 400
Kerja dalam proses pada 1 Julai 2016:	
Bahan langsung	720
Kos buruh langsung	600
Kos overhead	510
Belian bahan langsung	21 820
Duti atas belian bahan langsung	560
Belanja langsung	2 000
Gaji pengurus kilang	4 600
Gaji pengurus pemasaran	3 500
Belanja Am kilang	250
Belanja Am pejabat	200
Sewa bangunan	3 000
Insurans	1 600
Kadar bayaran	1 800
Buruh langsung	2 400
Angkutan keluar kilang	500
Bahan api kilang	3 500
Loji dan mesin (dibeli pada 1 Januari 2017)	18 000
Pulangan belian bahan langsung	7 500
Jualan	77 800
Pulangan jualan	780

Maklumat Tambahan:

- (i) Inventori bahan langsung pada 30 Jun 2017 ialah RM1 980.
- (ii) Kos mengangkut bahan langsung daripada pembekal ke kilang berjumlah RM500.
- (iii) 70% daripada bayaran sewa dikenakan untuk kilang dan bakinya untuk pejabat.
- (iv) Agihan insurans untuk kilang dan pejabat 60% dan 40% masing-masing.
- (v) Kadar bayaran hendaklah diagihkan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2 : 1.
- (vi) Loji dan mesin hendaklah disusutnilaikan 10% setahun atas kos.
- (vii) Kerja dalam proses pada 30 Jun 2017:

	RM
Bahan langsung	680
Kos buruh langsung	590
Kos overhead	500

Kos-kos overhead yang terlibat dalam pengeluaran dan pejabat perlu diagihkan mengikut nisbah atau peratus yang telah ditentukan.

Anda dikehendaki menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017 dan memindahkan kos pengeluaran daripada Akaun Pengeluaran ke Akaun Perdagangan.

Penyelesaian

(a) Bentuk 'T'

Qistina Textiles Sdn. Bhd.
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

	RM	RM		RM
Kos Bahan Langsung			Kos Pengeluaran	34 080
Inventori Awal bahan langsung		2 210		
Kerja dalam proses awal		720		
		<u>2 930</u>		
Belian bahan langsung	21 820			
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	(7 500)			
	<u>14 320</u>			
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	500			
Duti atas belian bahan langsung	560	15 380		
		<u>18 310</u>		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung	1 980			
Kerja dalam proses akhir	680			
		<u>(2 660)</u>		
Kos bahan langsung digunakan		15 650		
Kos Buruh Langsung				
Buruh langsung	2 400			
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal	600			
	<u>3 000</u>			
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir	(590)			
Kos buruh langsung		2 410		
Belanja langsung		<u>2 000</u>		
Kos Prima		20 060		
Kos Overhed				
Susut nilai Loji dan Mesin ($10\% \times 18\,000 \times \frac{1}{2}$)	900			
Sewa kilang ($70\% \times 3\,000$)	2 100			
Gaji pengurus kilang	4 600			
Angkutan keluar kilang	500			
Bahan api kilang	3 500			
Belanja Am kilang	250			
Insurans kilang ($60\% \times 1\,600$)	960			
Kadar bayaran kilang ($\frac{2}{3} \times 1\,800$)	1 200			
	<u>14 010</u>			
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal	510			
	<u>14 520</u>			
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir	(500)	14 020		
		<u>34 080</u>		
				<u>34 080</u>

Pindahkan kos pengeluaran ke Akaun Perdagangan

Qistina Textiles Sdn. Bhd.
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

	RM		RM
Inventori Awal barang siap	41 000	Jualan	77 800
Kos Pengeluaran	34 080	<i>Tolak:</i> Pulangan jualan	(780)
	<u>75 080</u>	Jualan Bersih	<u>77 020</u>
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	(33 400)		
Kos jualan barang siap	41 680		
Untung Kasar	<u>35 340</u>		
	<u>77 020</u>		<u>77 020</u>

(b) Format Penyata

Qistina Textiles Sdn. Bhd.
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori Awal bahan langsung		2 210
Kerja dalam proses awal		<u>720</u>
		2 930
Belian bahan langsung	21 820	
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	<u>(7 500)</u>	
	14 320	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	500	
Duti atas belian bahan langsung	<u>560</u>	15 380
		18 310
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir bahan langsung	1 980	
Kerja dalam proses akhir	<u>680</u>	<u>(2 660)</u>
Kos bahan langsung digunakan		15 650
Kos Buruh Langsung		
Buruh langsung	2 400	
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal	<u>600</u>	
	3 000	
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir	<u>(590)</u>	
Kos buruh langsung		2 410
Belanja langsung		<u>2 000</u>
Kos Prima		20 060
Kos Overhed		
Susut nilai Loji dan Mesin ($10\% \times 18\,000 \times \frac{6}{12}$)	900	
Sewa kilang ($70\% \times 3\,000$)	2 100	
Gaji pengurus kilang	4 600	
Angkutan keluar kilang	500	
Bahan api kilang	3 500	
Belanja Am kilang	250	
Insurans kilang ($60\% \times 1\,600$)	960	
Kadar bayaran kilang ($\frac{2}{3} \times 1\,800$)	<u>1 200</u>	
	14 010	
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal	<u>510</u>	
	14 520	
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir	<u>(500)</u>	14 020
Kos Pengeluaran		<u>34 080</u>

Qistina Textiles Sdn. Bhd.
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017

	RM	RM
Jualan		77 800
<i>Tolak:</i> Pulangan jualan		<u>(780)</u>
Jualan Bersih		77 020
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal barang siap	41 000	
Kos Pengeluaran	<u>34 080</u>	
Kos barang siap	75 080	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	<u>(33 400)</u>	
Kos Jualan		<u>(41 680)</u>
Untung Kasar		<u>35 340</u>

Pindahkan kos pengeluaran ke Akaun Perdagangan

Justifikasi Pengagihan Sebahagian daripada Kos ke Penyata Kos Pengeluaran dan Penyata Pendapatan

- Sebahagian kos yang terlibat dalam perniagaan seperti sewa, kadar bayaran, insurans dan penyelenggaraan mesin perlu diagihkan secara saksama antara kilang dan pejabat. Ini perlu dilakukan kerana tidak semua kos yang dibiayai digunakan sepenuhnya dalam proses pengeluaran kilang.
- Sebagai contoh, belanja sewa bagi sesebuah perniagaan perkilangan meliputi bayaran sewaan ruangan kilang dan sebahagian untuk bayaran sewaan ruangan pejabat. Justeru bayaran sewaan ruangan kilang perlu direkodkan ke dalam Akaun Pengeluaran sebagai kos overhead kilang. Manakala bayaran sewaan ruangan pejabat perlu direkodkan sebagai belanja operasi di dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi.
- Kesan pengagihan sebahagian kos ini menghasilkan pengiraan kos pengeluaran yang lebih tepat.
- Sebaliknya sekiranya belanja sewa tersebut tidak diagihkan mengikut penggunaan di kilang dan pejabat dan terus direkodkan ke dalam Akaun Pengeluaran, maka kos pengeluaran kilang akan terlebih nyata (kos pengeluaran meningkat). Kesannya, kos jualan akan terlebih nyata (meningkat) dan untung bersih akan terkurang nyata (berkurang).
- Kos Pengeluaran yang telah dihitung atau diperoleh dalam Akaun Pengeluaran perlu dipindahkan ke Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tujuan menentukan untung bersih perniagaan yang sebenar.
- Pemandahan ini dapat ditunjukkan seperti berikut:

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Merumuskan justifikasi pengagihan sebahagian daripada kos ke Penyata Kos Pengeluaran dan Penyata Pendapatan.

INFO TAMBAHAN

Kos Overhed tidak diagihkan

Kos Pengeluaran ↑
Kos Jualan ↑
Untung Bersih ↓

Kos Overhed diagihkan

Kos Pengeluaran ↓
Kos Jualan ↓
Untung Bersih ↑

Nama Perniagaan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir ...

	RM
Kos Pengeluaran	XX

Nama Perniagaan Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir ...

	RM		RM
Inventori Awal barang siap	XX	Jualan	XX
Kos Pengeluaran	XX		
	XX		
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir	(X)		
Kos Jualan	X		
Untung Kasar	X		
	<u>XX</u>		<u>XX</u>
Sewa	X	Untung Kasar	XX
Kadar Bayaran	X	Komisen Diterima	X
Insurans	X		
Penyelenggaraan mesin	X		
	XX		
Untung Bersih	X		
	<u>XX</u>		<u>XX</u>

Kos ini telah diagihkan secara saksama antara Kos pengeluaran (Kos overhead) dan Belanja operasi.

MASTERI TOPIKAL 7.2



Butiran berikut diperolehi daripada buku-buku Kilang Kaca Matahari pada 31 Disember 2017.

	1 Januari 2017	31 Disember 2017
	RM	RM
Inventori bahan langsung	4 150	7 138
Kerja dalam proses	5 289	6 354
Inventori barang siap	4 668	5 298
Alat-alat kecil	1 350	1 047
Alat tulis kilang	584	356

Urus niaga berikut berlaku sepanjang tahun berakhir 31 Disember 2017.

	RM
Belian bahan langsung	71 830
Belian alat-alat kecil	3 280
Belian alat tulis kilang	1 528
Pulangan belian bahan langsung	3 180
Angkutan masuk bahan langsung	1 810
Gaji pekerja kilang	21 890
Gaji pengurus	12 540
Komisen jurujual	3 600
Insurans	8 000
Kadar bayaran kilang	12 000
Pulangan jualan	3 450
Gas dan bahan bakar kilang	4 653
Jualan	190 400
Sewa	9 400
Loji dan mesin (kos)	64 000
Susut nilai Terkumpul Loji dan Mesin	12 800
Penyelenggaraan kilang	11 000
Peralatan kilang (kos)	42 000
Bayaran royalti	10 600

Maklumat Tambahan:

- (i) Pulangan belian bahan langsung tidak dicatat RM400.
- (ii) Gaji pekerja kilang sebanyak RM4 000 belum dijelaskan.
- (iii) 20% daripada gaji pengurus ialah gaji pengurus kilang.
- (iv) Insurans dan sewa diagihkan kilang dan pejabat mengikut nisbah 3:2.
- (v) Loji dan mesin disusutnilaikan pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (vi) Peralatan kilang disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017.

Jawapan: (a) RM162 877, (b) RM24 703

Contoh Soalan dan Jawapan

Maklumat berikut diperolehi daripada Imbangan Duga Kilang Tenunan Songket Permata Sdn. Bhd. pada 31 Ogos 2017 yang beroperasi di Ipoh, Perak.

	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 September 2016:		
Bahan langsung	87 600	
Barang siap	23 400	
Kerja dalam proses	9 890	
Alat-alat kecil kilang	670	
Belian bahan langsung	120 000	
Belian alat-alat kecil kilang	4 550	
Jualan barang siap		260 600
Angkutan masuk bahan langsung	3 850	
Upah langsung	44 800	
Upah tak langsung	24 600	
Iklan dan promosi	8 900	
Akaun Belum Terima	44 600	
Akaun Belum Bayar		63 600
Diskaun		1 350
Pulangan belian bahan langsung		3 200
Sewa	11 200	
Insurans	9 600	
Kadar bayaran	12 800	
Belanja penyelenggaraan mesin	7 800	
Hak cipta	6 880	
Mesin (kos)	150 000	
Susut nilai Berkumpul Mesin		30 000
Alatan (kos)	80 000	
Susut nilai Berkumpul Alatan		12 000
Modal pada 1 September 2016		280 390
	651 140	651 140

Maklumat Tambahan:

- (i) Insurans dibayar untuk tempoh setahun bermula pada 1 Oktober 2016.
- (ii) Mesin disusutnilaikan pada kadar 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan dan alatan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun atas kos.
- (iii) Perbelanjaan berikut diagihkan antara kilang dan pejabat:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Sewa	60	40
Insurans	60	40
Kadar bayaran	80	20
Belanja penyelenggaraan mesin	80	20
Susut nilai mesin	70	30
Susut nilai alatan	70	30

- (iv) Inventori pada 31 Ogos 2017:

	RM
Bahan langsung	92 600
Barang siap	32 000
Kerja dalam proses	12 700
Alat-alat kecil kilang	820

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2017.
- (b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2017 (Format Penyata).

Penyelesaian

(a)

Kilang Tenunan Songket Permata Sdn. Bhd.
Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Ogos 2017

	RM	RM
Kos Bahan Langsung		
Inventori awal bahan langsung		87 600
Belian bahan langsung	120 000	
<i>Tolak:</i> Pulangan belian bahan langsung	<u>(3 200)</u>	
	116 800	
<i>Tambah:</i> Angkutan masuk bahan langsung	<u>3 850</u>	
		<u>120 650</u>
		208 250
<i>Tolak:</i> Inventori akhir bahan langsung		<u>(92 600)</u>
Kos bahan langsung digunakan		115 650
Kos Buruh langsung		
Upah langsung		44 800
Belanja langsung		
Hak cipta		<u>6 880</u>
Kos Prima		167 330
Kos Overhed		
Susut nilai Mesin $[(150\,000 - 30\,000) \times 10\% \times 70\% \times \frac{12}{12}]$	8 400	
Susut nilai Alatan $[(80\,000 \times 15\%) \times 70\% \times \frac{12}{12}]$	8 400	
Upah tak langsung	24 600	
Belanja alat-alat kecil $(670 + 4\,550 - 820)$	4 400	
Sewa kilang $(11\,200 \times 60\%)$	6 720	
Insurans kilang $(9\,600 \times 60\% \times \frac{11}{12})$	5 280	
Kadar bayaran $(12\,800 \times 80\%)$	10 240	
Belanja penyelenggaraan mesin $(7\,800 \times 80\%)$	<u>6 240</u>	
		<u>74 280</u>
		241 610
<i>Tambah:</i> Kerja dalam proses awal		<u>9 890</u>
		251 500
<i>Tolak:</i> Kerja dalam proses akhir		<u>(12 700)</u>
Kos Pengeluaran		<u><u>238 800</u></u>

(b)

Kilang Tenunan Songket Maria Sdn. Bhd.
Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Ogos 2017

	RM	RM
Jualan		260 600
<i>Tolak:</i> Kos Jualan		
Inventori Awal barang siap	23 400	
Kos Pengeluaran	<u>238 800</u>	
Kos barang siap	262 200	
<i>Tolak:</i> Inventori Akhir barang siap	<u>(32 000)</u>	
Kos Jualan		<u>(230 200)</u>
Untung Kasar		<u><u>30 400</u></u>

7.3 ANALISIS TITIK PULANG MODAL


Maksud Analisis Titik Pulang Modal (TPM)

- Satu paras pengeluaran di mana perniagaan **tidak mendapat keuntungan** atau **tidak mengalami kerugian**.
- Dengan kata lain, jumlah hasil adalah sama dengan jumlah kos.
- Andaian Titik Pulang Modal adalah seperti berikut:
 - (a) Jumlah kos terdiri daripada Kos Tetap dan Kos Berubah.
 - (b) Perubahan hasil dan kos hanya berlaku disebabkan perubahan dalam bilangan produk untuk dijual.
 - (c) Harga Jualan Seunit, Kos Berubah Seunit dan Kos Tetap adalah malar.
 - (d) Hanya sejenis produk dikeluarkan dan kesemuanya dijual.


STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menerangkan maksud
 - (i) Analisis Titik Pulang Modal
 - (ii) Kos Tetap, Kos Berubah dan Margin Caruman



Rajah 7.4 Analisis Titik Pulang Modal




Rajah 7.5 Kegunaan Titik Pulang Modal

INFO TAMBAHAN



Titik Pulang Modal juga digunakan untuk menunjukkan jumlah pelaburan yang diperlukan bagi sesuatu perancangan perniagaan.

Kos Tetap dan Kos Berubah



Kos yang terlibat dalam proses pengeluaran barang terbahagi kepada dua jenis iaitu Kos Tetap dan Kos Berubah.



Rajah 7.6 Jenis Kos Pengeluaran



Rajah 7.7 Graf Kos Tetap yang tetap sama bagi setiap tahap keluaran



Rajah 7.8 Graf Kos Berubah meningkat selari dengan peningkatan unit keluaran

Terdapat dua kaedah untuk menentukan Titik Pulang Modal:

- (i) Kaedah Margin Caruman
- (ii) Kaedah Graf

Margin Caruman

- Bermaksud Lebihan Hasil Jualan berbanding Kos Berubah.
- Membantu sesebuah perniagaan menampung Kos Tetap dan mencarum kepada pendapatan operasi.
- Bagi memastikan perniagaan mendapat keuntungan, jumlah Margin Caruman hendaklah melebihi kos tetap.
- Margin Caruman Seunit keluaran boleh dihitung dengan menggunakan rumus berikut:

$$\text{Margin Caruman Seunit} = \text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit}$$

INFO TAMBAHAN Margin Caruman juga dikenali sebagai Margin Sumbangan.

Rumus menghitung Titik Pulang Modal adalah seperti berikut:

(a) Titik Pulang Modal (dalam unit keluaran)

$$= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}}$$

(b) Titik Pulang Modal (dalam RM)

$$= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \times \text{Harga Jualan Seunit}$$

Pengiraan Kos Tetap, Kos Berubah, Jumlah Kos, Jumlah Hasil, Margin Caruman Seunit dan Titik Pulang Modal Menggunakan Kaedah Margin Caruman

CONTOH 5 Mengira Kos Tetap, Kos Berubah, Jumlah Kos dan Jumlah Hasil

Maklumat berikut berkaitan dengan kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran produk:

	RM
Insurans kilang	6 400
Belanja am kilang	23 400
Bahan langsung	59 000
Buruh langsung	7 700
Alat tulis kilang	860
Jumlah keluaran	20 000 unit

Maklumat Tambahan:

Harga jualan seunit RM5.00

Anda dikehendaki mengira:

- (a) Kos Tetap
- (b) Kos Berubah
- (c) Jumlah Kos
- (d) Jumlah Hasil

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Mengira Kos Tetap, Kos Berubah, Jumlah Kos, Jumlah Hasil, Margin Caruman Seunit, Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Margin Caruman.



Pengeluar produk perlu mengenal pasti Kos Tetap dan Kos Berubah yang terlibat semasa menghasilkan produk.

Penyelesaian

$$\begin{aligned}
 \text{(a) Kos Tetap} &= \text{Insurans Kilang} + \text{Belanja Am Kilang} + \text{Alat Tulis Kilang} \\
 &= \text{RM}6\,400 + \text{RM}23\,400 + \text{RM}860 \\
 &= \text{RM}30\,660 \\
 \text{(b) Kos Berubah} &= \text{Bahan Langsung} + \text{Buruh Langsung} \\
 &= \text{RM}59\,000 + \text{RM}7\,700 \\
 &= \text{RM}66\,700 \\
 \text{(c) Jumlah Kos} &= \text{Kos Tetap} + \text{Kos Berubah} \\
 &= \text{RM}30\,660 + \text{RM}66\,700 \\
 &= \text{RM}97\,360 \\
 \text{(d) Jumlah Hasil} &= \text{Harga Jualan Seunit} \times \text{Unit Pengeluaran} \\
 &= \text{RM}5.00 \times 20\,000 \text{ unit} \\
 &= \text{RM}100\,000
 \end{aligned}$$

CONTOH 6 Mengira Margin Caruman Seunit

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan pengeluaran sarung tangan sukan.

	RM
Kos Tetap	30 000
Kos Berubah Seunit	5.00
Harga Jualan Seunit	8.00

Kira Margin Caruman Seunit bagi sarung tangan sukan. Jelaskan jawapan anda.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Margin Caruman Seunit} &= \text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit} \\ &= \text{RM}8.00 - \text{RM}5.00 \\ &= \text{RM}3.00 \end{aligned}$$

Daripada pengiraan ini, didapati jualan seunit sarung tangan sukan akan menyumbangkan RM3.00 untuk menampung Kos Tetap bagi memperoleh untung.

CONTOH 7 Mengira Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Margin Caruman

Kilang Nicole Maju mengeluarkan bedak jenama Nillie yang dijual di pasaran pada harga RM8.00 seunit. Kos-kos yang terlibat dalam pengeluaran bedak Nillie adalah seperti berikut:

Kos Tetap	RM92 000 setahun
Kos Berubah Seunit	RM6.40

Kira Titik Pulang Modal dalam unit dan RM dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{(i) Titik Pulang Modal (dalam unit)} &= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\ &= \frac{\text{RM}92\,000}{\text{RM}8.00 - \text{RM}6.40} \\ &= 57\,500 \text{ unit} \\ \text{(ii) Titik Pulang Modal (dalam RM)} &= \frac{\text{Jumlah Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \times \text{Harga Jualan Seunit} \\ &= \frac{\text{RM}92\,000}{\text{RM}8.00 - \text{RM}6.40} \times \text{RM}8.00 \\ &= \text{RM}460\,000 \end{aligned}$$


Analisis Titik Pulang Modal dengan Mengambil kira Perubahan pada Salah Satu Komponen Kos dan Harga Jualan

Perubahan dalam komponen kos ataupun harga jualan akan memberi kesan kepada Titik Pulang Modal.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menganalisis Titik Pulang Modal dengan mengambil kira perubahan pada salah satu komponen kos dan harga jualan.



Rajah 7.9 Perubahan Komponen Kos

CONTOH 8 Kesan perubahan Komponen Kos dan Harga Jualan terhadap Titik Pulang Modal

Maklumat berikut adalah berkaitan dengan Syarikat Maju Berhad pada bulan Januari 2017.

	RM
Kos Berubah Seunit	0.80
Kos Tetap	24 000
Harga Jualan Seunit	2.00

JOM FIKIR

Berdasarkan **Contoh 8**, apakah kesannya kepada Titik Pulang Modal jika Kos Berubah Seunit menurun sebanyak RM0.15?

Apakah kesannya ke atas Titik Pulang Modal jika;

- (i) Kos Berubah seunit meningkat sebanyak RM0.40.
- (ii) Kos Tetap dianggarkan meningkat kepada RM30 000.
- (iii) Harga jualan seunit meningkat sebanyak RM0.30.

Penyelesaian

Sebelum perubahan	Selepas perubahan	Kesan
(i) Titik Pulang Modal apabila Kos Berubah meningkat kepada RM1.20 (RM0.80 + RM0.40)		
$= \frac{\text{RM}24\,000}{\text{RM}1.20}$	$= \frac{\text{RM}24\,000}{\text{RM}0.80^1}$	Titik Pulang Modal akan meningkat
= 20 000 unit	= 30 000 unit	
(ii) Titik Pulang Modal apabila Kos Tetap meningkat kepada RM30 000		
$= \frac{\text{RM}24\,000}{\text{RM}1.20}$	$= \frac{\text{RM}30\,000}{\text{RM}1.20}$	Titik Pulang Modal akan meningkat
= 20 000 unit	= 25 000 unit	
(iii) Titik Pulang Modal apabila harga jualan meningkat kepada RM2.30 (RM2.00 + RM0.30)		
$= \frac{\text{RM}24\,000}{\text{RM}1.20}$	$= \frac{\text{RM}24\,000}{\text{RM}1.50^2}$	Titik Pulang Modal akan menurun
= 20 000 unit	= 16 000 unit	

NOTA

1. RM2.00 – RM1.20
2. RM2.30 – RM0.80

Penentuan Keuntungan Berdasarkan Kuantiti yang Disasarkan dengan Menggunakan Kaedah Margin Caruman

Titik Pulang Modal berguna kepada pihak pengurusan untuk menentukan keuntungan daripada sasaran pengeluaran produk. Rumus menentukan keuntungan menggunakan Kaedah Margin Caruman adalah seperti berikut:

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:

- Menentukan keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman.

$$\text{Keuntungan} = \text{Jumlah Hasil} - \text{Jumlah Kos}$$

Atau

$$\text{Keuntungan} = \left[\text{Unit Keluaran} \times \text{Margin Caruman Seunit} \right] - \text{Kos Tetap}$$

CONTOH 9 Menentukan keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Margin Caruman

Maklumat berikut merujuk kepada pengeluaran sabun mandi oleh Perniagaan Wangi:

	RM
Harga Jualan Seunit	5.00
Kos Berubah Seunit:	
Bahan langsung	2.50
Buruh langsung	2.00
Kos Tetap:	
Kadar bayaran	10 000
Insurans	5 000
Sewa	30 000

Anda dikehendaki mengira keuntungan atau kerugian jika Perniagaan Wangi mensasarkan pengeluaran sabun mandi sebanyak:

- (a) 115 000 unit
- (b) 200 000 unit

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{(a) Keuntungan} &= [\text{Unit Keluaran} \times \text{Margin Caruman Seunit}] - \text{Kos Tetap} \\ &= [115\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.50] - \text{RM}45\,000 \\ &= \text{RM}57\,500 - \text{RM}45\,000 \\ &= \text{RM}12\,500 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{(b) Keuntungan} &= [\text{Unit Keluaran} \times \text{Margin Caruman Seunit}] - \text{Kos Tetap} \\ &= [200\,000 \text{ unit} \times \text{RM}0.50] - \text{RM}45\,000 \\ &= \text{RM}100\,000 - \text{RM}45\,000 \\ &= \text{RM}55\,000 \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Margin Caruman Seunit} &= \text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit} \\ &= \text{RM}5.00 - \text{RM}4.50 \\ &= \text{RM}0.50 \end{aligned}$$

Menjanakan Kuantiti yang Perlu Dikeluarkan untuk Mencapai Untung Sasaran

Perniagaan dapat merancang pengeluaran untuk mencapai keuntungan yang hendak disasarkan. Rumus mengira jumlah pengeluaran adalah seperti berikut:

$$\text{Jumlah Pengeluaran} = \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}}$$

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menjana kuantiti yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran yang ditetapkan berdasarkan sesuatu situasi.

CONTOH 10 Menjanakan kuantiti yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran

Berdasarkan **Contoh 9**, kira jumlah unit sabun mandi yang perlu dikeluarkan sekiranya Perniagaan Wangi mensasarkan keuntungan sebanyak RM200 000. Jelaskan jawapan anda.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Pengeluaran} &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\ &= \frac{\text{RM45 000} + \text{RM200 000}}{(\text{RM5.00} - \text{RM4.50})} \\ &= 490\,000 \text{ unit} \end{aligned}$$

Untuk mencapai untung yang disasarkan RM200 000, sebanyak 490 000 unit sabun mandi perlu dikeluarkan oleh Perniagaan Wangi.

CONTOH 11 Menjanakan kuantiti yang perlu dikeluarkan untuk mencapai untung sasaran yang ditetapkan berdasarkan sesuatu situasi

Berdasarkan **Contoh 9**, sekiranya kos berubah seunit berkurang sebanyak RM0.30, kira jumlah unit sabun mandi yang perlu dikeluarkan jika Perniagaan Wangi mensasarkan keuntungan sebanyak RM200 000. Jelaskan jawapan anda.

Penyelesaian

$$\begin{aligned} \text{Jumlah Pengeluaran} &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\ &= \frac{\text{RM45 000} + \text{RM200 000}}{(\text{RM5.00} - \text{RM4.20})} \\ &= 306\,250 \text{ unit} \end{aligned}$$

$$\begin{aligned} \text{Kos Berubah Seunit} &= \text{RM4.50} - \text{RM0.30} \\ &= \text{RM4.20} \end{aligned}$$

Untuk mencapai untung yang disasarkan RM200 000, sebanyak 306 250 unit sabun mandi perlu dikeluarkan oleh Perniagaan Wangi.

Penyelesaian Masalah Pulangan Modal yang Dihadapi oleh Sesebuah Firma dengan Menggunakan Analisis Titik Pulang Modal

STANDARD PEMBELAJARAN



CONTOH 12 Menyelesaikan masalah pulangan modal yang dihadapi oleh sesebuah firma dengan menggunakan analisis Titik Pulang Modal

Murid boleh:

- Menyelesaikan masalah pulangan modal yang dihadapi oleh sesebuah firma dengan menggunakan analisis Titik Pulang Modal.

Jadual berikut menunjukkan jumlah kos dan jumlah hasil Syarikat Hani Sdn. Bhd. pada pelbagai paras keluaran Produk Cakna:

Tahun	2016	2017
Paras Keluaran (Unit)	50 000	52 500
Jumlah Kos (RM)	135 000	140 000
Jumlah Hasil (RM)	200 000	210 000

Kos Tetap diandaikan malar.

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Kos Berubah Seunit
- (b) Kos Tetap
- (c) Harga Jualan Seunit
- (d) Titik Pulang Modal untuk tahun 2016
- (e) Jumlah unit yang dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan RM20 000.
- (f) Unit pengeluaran untuk mendapatkan keuntungan RM50 000 sekiranya kos berubah berkurang RM0.50 seunit pada tahun 2017.
- (g) Jumlah keuntungan jika unit yang dikeluarkan ialah 50 000 unit.

Penyelesaian

Bil	Butiran	Pengiraan
(a)	$\frac{\text{Kos Berubah Seunit}}{\frac{\text{Perubahan Kos}}{\text{Perubahan Unit Keluaran}}}$	$= \frac{\text{RM}140\,000 - \text{RM}135\,000}{\text{RM}52\,500 - \text{RM}50\,000}$ $= \text{RM}2$
(b)	Kos Tetap Jumlah Kos = Kos Tetap + Kos Berubah Kos Tetap = Jumlah Kos – Kos Berubah	<i>Gunakan maklumat tahun 2017</i> $= \text{RM}140\,000 - (52\,500 \text{ unit} \times \text{RM}2)$ $= \text{RM}35\,000$
(c)	$\frac{\text{Harga Jualan Seunit}}{\frac{\text{Jumlah Hasil}}{\text{Bilangan Unit Keluaran}}}$	$= \frac{\text{RM}200\,000}{50\,000 \text{ unit}}$ $= \text{RM}4$
(d)	$\frac{\text{Titik Pulang Modal}}{\frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}}}$	$= \frac{\text{RM}35\,000}{\text{RM}2}$ $= 17\,500 \text{ unit}$ <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> Margin Caruman Seunit = RM4 – RM2 = RM2 </div>
(e)	$\frac{\text{Jumlah unit keluaran jika untung sasaran RM}20\,000}{\frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}}}$	$= \frac{\text{RM}35\,000 + \text{RM}20\,000}{\text{RM}2.00}$ $= 27\,500 \text{ unit}$
(f)	$\frac{\text{Jumlah unit keluaran jika sasaran untung RM}50\,000 \text{ dan kos berubah berkurang RM}0.50}{\frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}}}$	$= \frac{\text{RM}35\,000 + \text{RM}50\,000}{\text{RM}2.50} = 34\,000 \text{ unit}$ <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-top: 5px;"> Margin Caruman Seunit = RM4 – RM1.50 = RM2.50 </div>

Bil	Butiran	Pengiraan
(g)	Untung sasaran jika unit keluaran 50 000 unit [Unit Keluaran x Margin Caruman Seunit] – Kos Tetap	$= [50\,000 \text{ unit} \times \text{RM}2.00] - \text{RM}35\,000$ $= \text{RM}65\,000$

Graf Titik Pulang Modal


Titik Pulang Modal boleh juga ditentukan dengan Kaedah Graf. Graf Titik Pulang Modal menunjukkan hubungan antara kos, hasil dan untung pada pelbagai tingkat pengeluaran. Persilangan antara garisan Jumlah Hasil dan Jumlah Kos ialah **Titik Pulang Modal**.

STANDARD PEMBELAJARAN

Murid boleh:
• Melakar graf Titik Pulang Modal.

Ciri-ciri graf Titik Pulang Modal:

1. Paksi y – mewakili Jumlah Kos atau Jumlah Hasil.
2. Paksi x – mewakili Unit pengeluaran.
3. Kos Tetap malar bagi setiap tingkat pengeluaran.
4. Garisan Jumlah Hasil ialah garisan bermula daripada titik asalan (0).
5. Garisan Jumlah Kos (Kos Berubah + Kos Tetap) ialah garisan yang bermula daripada jumlah Kos Tetap.



Rajah 7.10 Graf Titik Pulang Modal

Rumusan

- 1 Titik Pulang Modal ditentukan apabila garisan Jumlah Kos bersilang dengan garisan Jumlah Hasil
- 2 Jumlah Pengeluaran yang kurang daripada Titik Pulang Modal akan menyebabkan perniagaan mengalami kerugian
- 3 Jumlah Pengeluaran yang melebihi Titik Pulang Modal akan menyebabkan perniagaan memperoleh keuntungan

CONTOH 13 Melakar Graf Titik Pulang Modal


Perniagaan Simen Ruby ialah pengeluar simen berjenama Ruby. Maklumat berikut berkaitan dengan pengeluaran simen Ruby.

	RM
Kos Tetap	5 000
Kos Berubah Seunit	2.50
Harga Jualan Seunit	5.00

Dengan menggunakan kaedah graf:

- (i) Lakarkan:
 - (a) Garisan Kos Tetap
 - (b) Garisan Jumlah Hasil
 - (c) Garisan Jumlah Kos
- (ii) Labelkan Titik Pulang Modal dengan simbol X.

Penyelesaian



$$\begin{aligned}
 \text{TPM (unit)} &= \frac{\text{RM5 000}}{\text{RM5} - \text{RM2.50}} \\
 &= 2\,000 \text{ unit} \\
 \text{TPM (RM)} &= \frac{\text{RM5 000}}{\text{RM5} - \text{RM2.50}} \times \text{RM5} \\
 &= \text{RM10 000}
 \end{aligned}$$



Langkah-langkah melakar graf Titik Pulang Modal:

1. Buat andaian unit keluaran
2. Bina jadual untuk mengira Jumlah Kos dan Jumlah Hasil pada setiap paras unit keluaran
3. Lakar garisan Kos Tetap, garisan Jumlah Kos dan garisan Jumlah Hasil
4. Cari titik persilangan bagi menentukan Titik Pulang Modal

Penentuan Titik Pulang Modal dengan Menggunakan Kaedah Graf

STANDARD PEMBELAJARAN



CONTOH 14

Menentukan Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Graf

Murid boleh:

- Menentukan Titik Pulang Modal dengan menggunakan Kaedah Graf.

Berdasarkan **Contoh 13**:

- Lakar garisan Kos Tetap, Kos Berubah dan Jumlah Hasil pada tingkat pengeluaran 0 unit, 1 000 unit, 2 000 unit, 3 000 unit, 4 000 unit dan 5 000 unit.
- Tentukan Titik Pulang Modal bagi pengeluaran simen Ruby.

Penyelesaian

Langkah 1: Buat andaian unit keluaran

Tingkat pengeluaran 0 unit, 1 000 unit, 2 000 unit, 3 000 unit, 4 000 unit dan 5 000 unit.

Langkah 2: Bina jadual untuk mengira jumlah kos dan jumlah hasil bagi setiap paras unit keluaran

Jadual Jumlah Kos

Unit Pengeluaran	Kos Tetap (RM)	Kos Berubah (RM)	Jumlah Kos (RM)
0	5 000	$0 \times \text{RM}2.50 = 0$	5 000
1 000	5 000	$1\ 000 \times \text{RM}2.50 = 2\ 500$	7 500
2 000	5 000	$2\ 000 \times \text{RM}2.50 = 5\ 000$	10 000
3 000	5 000	$3\ 000 \times \text{RM}2.50 = 7\ 500$	12 500
4 000	5 000	$4\ 000 \times \text{RM}2.50 = 10\ 000$	15 000
5 000	5 000	$5\ 000 \times \text{RM}2.50 = 12\ 500$	17 500

Jadual Jumlah Hasil

Unit Pengeluaran	Jumlah Hasil (RM)
0	$0 \times \text{RM}5 = 0$
1 000	$1\ 000 \times \text{RM}5 = 5\ 000$
2 000	$2\ 000 \times \text{RM}5 = 10\ 000$
3 000	$3\ 000 \times \text{RM}5 = 15\ 000$
4 000	$4\ 000 \times \text{RM}5 = 20\ 000$
5 000	$5\ 000 \times \text{RM}5 = 25\ 000$

NOTA



Jumlah Kos = Kos Tetap + Kos Berubah


NOTA




Jumlah Hasil
= Unit Pengeluaran X Harga Jualan Seunit

Langkah 3: Lakar garisan Kos Tetap, garisan Jumlah Kos dan garisan Jumlah Hasil


(a) Garisan Kos Tetap



(b) Garisan Jumlah Kos dan Jumlah Hasil



Langkah 4: Menentukan Titik Pulang Modal



GERAK KERJA KUMPULAN 7.3



Berikut ialah jadual Kos Pengeluaran minuman berkhasiat oleh Perniagaan Radhi. Andaikan Kos Berubah dan Harga Jualan Seunit adalah malar. Lengkapkan jadual berikut:

Unit Keluaran	Jualan (RM)	Kos Berubah (RM)	Kos Tetap (RM)	Margin Caruman		Untung (RM)
				Jumlah (RM)	Seunit (RM)	
1 000	2 000	900	4 400	1 100	1.10	(3 300)
2 000						
3 000						
4 000						
5 000						

Analisis Titik Pulang Modal Menggunakan Kaedah Graf


Titik Pulang Modal ditentukan apabila garisan Jumlah Hasil bersilang dengan garisan Jumlah Kos. Berdasarkan graf, Titik Pulang Modal dicapai pada tingkat pengeluaran 2 000 unit, iaitu Jumlah Kos dan Jumlah Hasil berada pada RM10 000. Persilangan di antara Jumlah Hasil dan Jumlah Kos dikenali sebagai Titik Pulang Modal.

STANDARD PEMBELAJARAN



Murid boleh:

- Menganalisis Titik Pulang Modal menggunakan Kaedah Graf.
- Menjanakan keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan dengan menggunakan Kaedah Graf.




Pada paras pengeluaran kurang daripada 2 000 unit, garisan Jumlah Kos adalah lebih tinggi daripada garisan Jumlah Hasil. Ini menunjukkan perniagaan mengalami kerugian.

Apabila tingkat pengeluaran melebihi 2 000 unit, garisan Jumlah Kos adalah lebih rendah daripada garisan Jumlah Hasil. Ini menunjukkan perniagaan mendapat keuntungan.

Rajah 7.11 Graf Titik Pulang Modal

Menjanakan Keuntungan Berdasarkan Kuantiti yang Disasarkan dengan Menggunakan Kaedah Graf

CONTOH 15 Menjanakan keuntungan berdasarkan kuantiti yang disasarkan



Penyelesaian

(a) 3 000 unit	(b) 5 000 unit
Jika Kilang Cat Seri Warna mengeluarkan 3 000 unit, kilang akan mendapat keuntungan RM25 000 (RM150 000 – RM125 000). Pada paras keluaran ini, Jumlah Hasil melebihi Jumlah Kos.	Jika Kilang Cat Seri Warna mengeluarkan 5 000 unit, kilang akan mendapat keuntungan sebanyak RM75 000 (RM250 000 – RM175 000). Pada paras keluaran ini, Jumlah Hasil melebihi Jumlah Kos.

MASTERI TOPIKAL 7.3

Puan Niza merupakan pengurus Niza Enterprise yang mengeluarkan dan menjual kek. Pada 1 Januari 2017, Puan Niza telah membeli mesin pengadun dan alat pemotong berharga RM10 000 dan RM5 000. Kos Berubah untuk menghasilkan 1 kg kek ialah sebanyak RM5.50. Oleh yang demikian, Puan Niza telah menetapkan untuk menjual 1 kg kek pada harga RM10.50. Sebagai pegawai kewangan yang baru, anda ditugaskan untuk:

- Menentukan Titik Pulang Modal dalam unit dan jumlah (RM).
- Menentukan sama ada Niza Enterprise akan memperoleh keuntungan atau kerugian sekiranya berjaya mengeluarkan 5 200 kg kek.
- Melakarkan graf dengan menunjukkan:
 - Garisan Kos Tetap
 - Garisan Jumlah Hasil
 - Garisan Jumlah Kos
 - Titik Pulang Modal

Jawapan: (a) 3 000 unit, RM31 500 (b) RM11 000

AKTIVITI PENGAYAAN



Panduan

- Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan kepingan kad yang mengandungi soalan-soalan berkaitan modul ini.
- Setiap murid menyediakan penanda yang berlainan warna.
- Aktiviti akan dilakukan seperti permainan dam ular.
- Setiap balingan dadu mewakili pergerakan petak. Apabila murid berhenti di petak kad soalan dan berjaya menjawab soalan maka dibenarkan membuat balingan sekali lagi secara percuma.

Alatan yang diperlukan:

- Dadu
- Kepingan kad yang mengandungi soalan

1 Mula

Maju 3 petak

2

Undur 1 petak

3

Kad soalan

4

Maju 1 petak

5

Kad soalan

6

Sila ke petak mula

11

Kad soalan

10

Maju 1 petak

9

Maju 1 petak

8

Kad soalan

7

Maju 2 petak

12

Berehat 1 pusingan

13

Kad soalan

14

Maju 2 petak

15

Undur 1 petak

16

Kad soalan

17

Maju ke petak 22

18

Berehat 1 pusingan

23

Undur ke petak 15

22

Maju 2 petak

21

Maju 1 petak

20

Jawab 1 dari 2 Kad soalan

19

Kad soalan

24

Kad soalan

25

Maju 1 petak

26

Kad soalan

27

Maju 1 petak

28

Maju 2 petak

29

Undur 2 petak

30

Tamat
Tahniah

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN OBJEKTIF)

- Apakah tujuan menyediakan Akaun Pengeluaran?
 - Merancang proses pengeluaran.
 - Mengira untung atau rugi daripada pengeluaran.
 - Mengira semua kos yang terlibat dalam pengeluaran.
 - Menunjukkan kedudukan kewangan firma pengeluaran.
- Item manakah yang diambil kira dalam menghitung Kos Prima?
 - Belanja alat kecil
 - Susut nilai mesin
 - Gaji operator kilang
 - Angkutan masuk bahan langsung
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Dalam penyediaan Akaun Pengeluaran, komponen yang manakah cap dagangan (paten) akan dicatat?
 - Kos Overhed
 - Belanja Langsung
 - Kos Buruh Langsung
 - Kos Bahan Langsung
- Antara berikut, yang manakah merupakan butiran Kos Overhed?
 - Loji dan alatan kilang
 - Susut nilai alatan kecil
 - Sewa bangunan pejabat
 - Gaji operator pengeluaran
- Maklumat berikut diperolehi daripada Kilang Kasut Yahya:

	RM
Inventori awal bahan langsung	4 000
Belian bahan langsung	50 000
Kos buruh langsung	10 000
Kos buruh tak langsung	4 000
Sewa kilang	2 000
Inventori akhir bahan langsung	8 000

Hitungkan Kos Prima bagi Kilang Kasut Yahya.

- RM56 000
- RM58 000
- RM60 000
- RM62 000

- Apakah komponen bagi gaji pengurus kilang dalam Akaun Pengeluaran?
 - Belanja Langsung
 - Kos Overhed
 - Kos Buruh Langsung
 - Kos Bahan Langsung
- Rumus berikut berkaitan dengan pengiraan kos pengeluaran:

$$= X + \text{Kos Overhed} + \text{Kerja dalam Proses Awal} - \text{Kerja dalam Proses Akhir}$$

Apakah X?

- Kos Tetap
 - Kos Prima
 - Kos Buruh
 - Kos Bahan
- Apakah rumus bagi Kos Prima?
 - Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung – Kos Overhed
 - Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Kos Overhed
 - Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung + Belanja Langsung
 - Kos Bahan Langsung + Kos Buruh Langsung – Belanja Langsung
 - Data berikut diperolehi daripada Kilang Biskut Sedap.

	RM
Bahan langsung	8 500
Buruh langsung	3 500
Susut nilai mesin	1 000
Buruh tak langsung	2 000
Barang siap	20 000
Kerja dalam proses awal	4 500
Kerja dalam proses akhir	2 100

Hitungkan Kos Pengeluaran.

- RM4 500
- RM5 600
- RM15 400
- RM17 400

10. Pernyataan yang manakah **tidak benar** tentang konsep Titik Pulang Modal?
- A Satu paras pengeluaran perniagaan memperoleh keuntungan.
 - B Satu paras pengeluaran jumlah hasil sama dengan jumlah kos.
 - C Satu paras pengeluaran perniagaan tidak mengalami kerugian.
 - D Satu paras pengeluaran perniagaan tidak mendapat untung.
11. Rumus mengira Margin Caruman Seunit ialah
- A Harga Jualan Seunit – Kos Tetap Seunit
 - B Harga Jualan Seunit – Jumlah Kos Seunit
 - C Harga Jualan Seunit – Kos Berubah Seunit
 - D Jumlah Kos Seunit – Kos Berubah Seunit

12. Berikut ialah butir-butir operasi Kilang Zum bagi tahun 2016 dan 2017.



Tahun	Unit Jualan	Jumlah Jualan (RM)	Jumlah Kos (RM)
2016	30 000	150 000	132 000
2017	48 000	240 000	186 000

Maklumat Tambahan:

Harga Jualan Seunit, Kos Berubah Seunit dan Kos Tetap untuk kedua-dua tahun tersebut adalah malar.

Berapakah Kos Berubah Seunit?

- A RM3.00
 - B RM3.88
 - C RM4.40
 - D RM5.00
13. Maklumat berikut ialah kos bagi pengeluaran 5 000 unit pen.

	RM
Kos Tetap	60 000
Bahan Langsung	25 000
Buruh Langsung	12 000

Harga Jualan Seunit pen ialah RM8.00. Hitung Titik Pulang Modal bagi pengeluaran pen tersebut.

- A 7 500 unit
- B 12 125 unit
- C 20 000 unit
- D 100 000 unit

14. Maklumat berikut berkaitan dengan produk pencuci pinggan yang dikeluarkan oleh Kilang Sabunku.

	RM
Kos Tetap	25 000
Kos Berubah Seunit	2
Harga Jualan Seunit	4

Hitung untung sasaran jika kilang tersebut menjual 20 000 unit pencuci pinggan.

- A RM15 000
 - B RM30 000
 - C RM40 000
 - D RM50 000
15. Syarikat Anti Serangga Berhad menjual Racun Serangga CK dengan harga RM8 seunit. Kos berubah seunit ialah RM2 dan kos tetap ialah RM12 000. Berdasarkan maklumat di atas, berapakah unit keluaran Racun Serangga CK yang harus dijual untuk mencapai Titik Pulang Modal?
- A 1 200 unit
 - B 1 500 unit
 - C 2 000 unit
 - D 6 000 unit
16. Maklumat berikut diperoleh daripada Perkilangan Am Toys bagi tahun 2017.

	RM
Kos Tetap	80 000
Kos Berubah Seunit	50
Harga Jualan Seunit	75

Berapakah unit yang perlu dikeluarkan oleh Perkilangan Am Toys untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM32 000?

- A 1 280 unit
- B 2 240 unit
- C 3 200 unit
- D 4 480 unit

LATIHAN PENGUKUHAN (SOALAN SUBJEKTIF)

1. Isi ruangan kosong dengan pernyataan yang sesuai.

Bil.	Soalan	Jawapan
(a)	Apakah maksud kos pengeluaran?	
(b)		Hasil tambah kos bahan langsung, buruh langsung dan belanja langsung.
(c)	Berikan empat contoh kos overhead?	
(d)	Apakah maksud kerja dalam proses?	
(e)	Apakah maksud Titik Pulang Modal?	
(f)		Lebih Harga Jualan Seunit daripada Kos Berubah Seunit

2. Maklumat berikut telah diambil pada 30 Jun 2017 daripada Perusahaan Neki Sdn. Bhd. yang merupakan sebuah kilang pengeluaran kasut.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2016:	
Bahan Langsung	52 770
Kerja dalam proses: Bahan Langsung	15 200
Kos Buruh	13 000
Kos Overhed	6 400
Barang siap	68 700
Alat-alat kecil	2 340
Belian bahan langsung	118 970
Belian alat-alat kecil	5 580
Pulangan belian bahan langsung	2 320
Loji dan mesin	250 000
Susut nilai Terkumpul loji dan mesin	47 500
Upah langsung	56 200
Upah tak langsung	19 800
Gaji pentadbiran kilang	15 230
Gaji pentadbiran pejabat	10 370
Kadar bayaran	12 800
Sewa	30 000
Insurans kilang	4 800
Belanja membaiki loji dan mesin	9 300
Jualan barang siap	430 750
Belanja am kilang	2 880
Inventori pada 30 Jun 2017:	
Bahan Langsung	51 390
Kerja dalam proses: Bahan Langsung	17 700
Kos Buruh	12 400
Kos Overhed	7 380
Barang siap	74 320

Maklumat Tambahan:

(a) Agihan perbelanjaan bagi kilang dan pejabat adalah seperti berikut:

	Kilang (%)	Pejabat (%)
Kadar bayaran	80	20
Sewa	70	30

(b) Insurans kilang yang dibayar adalah untuk tempoh setahun bermula 1 Oktober 2016.

(c) Belanja am kilang belum dibayar sebanyak RM1 500.

(d) Loji dan mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

(e) Pada 30 Jun 2017, alat-alat kecil dinilai semula RM6 300.

Anda dikehendaki menyediakan:

(a) Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.

(b) Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.

Jawapan: (a) Kos Pengeluaran RM276 770 (b) Untung Kasar RM159 600

3. Butir-butir berikut diperoleh daripada Perusahaan Pakaian Izzah, sebuah kilang yang mengeluarkan produk pakaian pada 30 Jun 2017.

	RM	RM
Inventori bahan langsung pada 1 Julai 2016		2 210
Inventori barang siap pada 1 Julai 2016		68 700
Kerja dalam proses pada 1 Julai 2016:		
Kos Bahan langsung	720	
Kos Buruh langsung	600	
Kos Overhed	510	1 830
Belian bahan langsung		21 820
Jualan bahan siap		45 000
Duti atas belian bahan langsung		560
Royalti		2 000
Gaji pengurus kilang		4 600
Gaji pengurus pemasaran		3 500
Belanja am kilang		250
Belanja am pejabat		200
Sewa		3 000
Insurans		1 600
Kadar bayaran		1 800
Buruh langsung		2 400
Angkutan keluar		600
Bahan api kilang		3 500
Loji dan mesin (dibeli pada 1 Januari 2017)		18 000

Maklumat Tambahan:

(i) Inventori pada 30 Jun 2017:

	RM
Bahan langsung	1 980
Barang siap	74 320

(ii) Kerja dalam proses pada 30 Jun 2017:

	RM
Kos Bahan langsung	680
Kos Buruh langsung	590
Kos Overhed	500

- (iii) Bayaran kos mengangkut bahan langsung daripada pembekal ke kilang berjumlah RM500.
- (iv) 70% daripada bayaran sewa dikenakan untuk kilang dan bakinya untuk pejabat.
- (v) Insurans diagihkan 60% untuk kilang dan 40% untuk pejabat.
- (vi) Kadar bayaran hendaklah dibahagikan antara kilang dan pejabat dengan nisbah 2 : 1.
- (vii) Loji dan mesin hendaklah disusutnilaikan 10% atas kos setahun.

Anda dikehendaki:

- (a) menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.
- (b) menyediakan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 30 Jun 2017.
- (c) memberikan maksud kerja dalam proses.

Jawapan: (a) RM41 080, (b) RM9 540

4. Maklumat tentang Perniagaan Cempaka Sari yang mengeluarkan berus gigi adalah seperti berikut.

Tahun	Unit Jualan	Jumlah Jualan (RM)	Jumlah Kos (RM)
2016	60 000	300 000	280 000
2017	62 000	310 000	286 000

Harga jualan seunit, kos berubah seunit dan kos tetap pada kedua-dua tahun adalah malar.

Anda dikehendaki:

- (a) menghitung:
 - (i) Kos Berubah Seunit
 - (ii) Kos Tetap
 - (iii) Harga Jualan Seunit
- (b) mengira Titik Pulang Modal untuk tahun 2017 dalam unit dan RM.
- (c) menghitung unit yang perlu dijual untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM40 000 dengan andaian bahawa harga jualan seunit akan meningkat sebanyak RM2.

Jawapan: (a) (i) RM3, (ii) RM100 000 (iii) RM5 (b) 50 000 unit / RM250 000 (c) 35 000 unit

5. Satira Cookies Enterprise merupakan sebuah kilang mengeluarkan biskut. Maklumat yang berikut diperolehi daripada rekod perakaunannya.

	RM
Sewa Mesin dan Alatan	80 940
Kos Tetap Lain	6 000
Kos Berubah Seunit	6
Harga Jualan Seunit	16

Anda dikehendaki menghitung:

- (a) Margin Caruman Seunit
- (b) Titik Pulang Modal
- (c) Jumlah biskut yang perlu dikeluarkan untuk mendapatkan keuntungan sebanyak RM35 010.
- (d) Titik Pulang Modal yang baru jika Kos Berubah Seunit meningkat sebanyak RM6.

Jawapan: (a) RM10 (b) 8 694 unit (c) 12 195 unit (d) 21 735 unit

CABARAN ABAD KE- 21



Kilang Mawar Sdn. Bhd. menghasilkan produk makanan segera yang beroperasi di Batu Pahat, Johor. Maklumat berikut diambil daripada buku-buku akaun Kilang Mawar Sdn. Bhd. pada 31 Mei 2017.

	1 Jun 2016 RM	31 Mei 2017 RM
Inventori barang siap	58 900	63 250
Inventori bahan langsung	43 660	41 540
Kerja dalam proses	25 700	28 490
Alat-alat kecil	1 800	1 550
Jualan barang siap		402 500
Belian Bahan Langsung		123 760
Pulangan Jualan barang siap		8 200
Pulangan Belian bahan langsung		2 000
Angkutan masuk bahan langsung		1 350
Angkutan keluar		1 870
Duti import bahan langsung		4 900
Belian alat-alat kecil		3 540
Gaji buruh kilang		58 420
Gaji penyelia kilang		14 560
Gaji jurujual		10 800
Royalti kilang		4 800
Mesin kilang (kos)		400 000
Lengkapan kilang (kos)		90 000
Susut nilai Berkumpul mesin kilang		76 000
Susut nilai Berkumpul perlengkapan kilang		30 000
Belanja penyelenggaraan kilang		9 400
Insurans kilang		3 600
Sewa		36 000
Kadar bayaran kilang		3 150
Belanja am kilang		2 300
Alat tulis kilang		480

Maklumat Tambahan:


- (i) Gaji penyelia kilang termasuk gaji buruh kilang sebanyak RM2 000.
- (ii) Sejumlah RM3 000 daripada belanja penyelenggaraan kilang merupakan belanja penyelenggaraan pejabat.
- (iii) Sewa dibahagi antara kilang dan pejabat mengikut nisbah 3 : 1.
- (iv) Alat tulis kilang belum digunakan RM120.
- (v) Belanja am kilang belum bayar RM750.
- (vi) Lengkapan kilang bernilai RM15 000 dibeli pada 31 Disember 2016.
- (vii) Aset bukan semasa disusutnilaikan seperti berikut:

Mesin Kilang	10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan
Lengkapan kilang	20% setahun mengikut kaedah ansuran tetap

Anda dikehendaki:

- (a) menyenaraikan item mengikut komponen Kos Bahan Langsung, Kos Buruh Langsung, Kos Overhead dan Kos Prima.
- (b) menyediakan Akaun Pengeluaran bagi tahun berakhir 31 Mei 2017.
- (c) menyediakan Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Mei 2017.

Jawapan: (b) RM301 120 (c) RM97 530



$$\begin{aligned} \text{Titik Pulang Modal (unit)} &= \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \\ \text{Titik Pulang Modal (RM)} &= \frac{\text{Kos Tetap}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \times \text{Harga Jualan Seunit} \\ \text{Margin Caruman Seunit} &= \text{Harga Jualan Seunit} - \text{Kos Berubah Seunit} \\ \text{Sasaran Unit Keluaran} &= \frac{\text{Kos Tetap} + \text{Untung Sasaran}}{\text{Margin Caruman Seunit}} \end{aligned}$$